

**PEMBONGKARAN JENAYAH ILMIAH**  
**buku**  
**SALAFIYAH WAHABIYAH**

*73 Penilaian Semula ke atas Penilaian*  
*Zamihan Mat Zin al-Ghari*  
*oleh*  
*Hafiz Firdaus Abdullah*





## **MUQADDIMAH.**

- > Buku apakah yang dinilai semula ?
- > Kenapakah perlu dinilai semula buku *Salafiyah Wahabiyah* ?
- > Beberapa sebab lain penilaian semula ini adalah penting.
  - >> Yang sebenarnya dinilai adalah Hasan al-Saqqaf.
  - >> Sebagai sumber kajian dalam subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.
- > Siapakah yang menilai semula buku *Salafiyah Wahabiyah* ?
- > Aspek penilaian semula.
- > Metode penyampaian dan perbahasan.
- > Sumber rujukan.
- > Penghargaan.

## **BAB A:**

### **Pengenalan KEPADA AL-SALAF DAN AL-KHALAF.**

Pengenalan.

- > Tiga kumpulan umat Islam dalam memahami *nas-nas al-Sifat*.
  - >> *Ahl al-Sunnah, Ahl al-Zahir, Ahl al-Takwil*.
- > Menganalisa 5 hujah dasar *Ahl al-Takwil* dan jawapannya.
- > 10 kerosakan dan kemudharatan kaedah *al-Takwil*.
- > Beberapa catatan tambahan.

- >> *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat* dan perpecahan umat kerananya.
- >> Kesalahan sikap mendahulukan akal di atas *naqal*.
- >> *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat* dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.
- >> Kekeliruan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* antara kaedah *Ahl al-Sunnah* dan *Ahl al-Zahir al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* serta kaitannya dengan aliran *al-Jahmiyyah*.

#### PENILAIAN SEMULA NO: 1

Aliran *al-Khalaf* bermula selepas tahun 300 atau 500 hijrah.

#### PENILAIAN SEMULA NO: 2

Dakwaan Fahaman *Al-Salaf* berasal daripada Ibn Hazm al-Zahiri.

- > Aliran *al-Salaf* Ibn Taimiyyah sebenarnya berasal daripada generasi *al-Salaf*.
  - >> Pegangan (*i'tiqad*) para tokoh *al-Salaf* dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.
  - >>> Pegangan Abu Hanifah dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.
  - >>> Pegangan Malik bin Anas dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.
  - >>> Pegangan al-Shafi'i dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.
  - >>> Pegangan Ahmad bin Hanbal dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.
  - >>> Pegangan lain-lain tokoh di zaman *al-Salaf* dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.
  - >> Pegangan Ibn Hazm dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.

- > Dakwaan Ibn Taimiyyah terpengaruh dengan tradisi pemikiran Ibn Hazm.
- > Dakwaan Ibn Taimiyyah mengkritik dan menyanggah *Ijma'* yang dinukil oleh Ibn Hazm tentang tempat bagi Allah.

PENILAIAN SEMULA NO: 3

Dakwaan Fahaman *al-Salaf* berasal daripada Hisyam al-Jawaliqi.

PENILAIAN SEMULA NO: 4

Pendapat Muhammad Abu Zahrah tentang asal usul fahaman *al-Salaf*.

PENILAIAN SEMULA NO: 5

Pegangan (*i'tiqad*) al-Ghazali dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.

- > Apakah 7 dasar al-Ghazali untuk memahami *nas-nas al-Sifat* ?
- > Benarkah 7 dasar tersebut diambil daripada dua kaedah asas *al-Salaf* iaitu *al-Takwil* dan *al-Tafwidh* yang dengan itu juga bermaksud al-Ghazali hanya meneruskan kesinambungan pegangan para sahabat dan tabi'in (*al-Salaf*).
- > Penilaian Abu Zahrah antara kaedah al-Ghazali dan Ibn Taimiyyah.
- > Adakah 7 kaedah dasar al-Ghazali hanya ditujukan kepada orang awam ?

PENILAIAN SEMULA NO: 6

Asal usul Mazhab *al-Salaf*.

PENILAIAN SEMULA NO: 7

Apakah perlu kembali kepada Mazhab *al-Salaf* ?

Kesimpulan Bab A: Antara *al-Salaf* dan *al-Khalaf*.

## **BAB B:**

### **DAKWAAN GENERASI AL-SALAF MENTAKWILKAN NAS-NAS AL-SIFAT.**

Pengenalan.

*al-Takwil* dari sudut istilah dan maksud.

Pengertian istilah *al-Takwil* di sisi generasi *Al-Salaf* dan *Al-Khalaf*.

PENILAIAN SEMULA NO: 8

Doa Rasulullah s.a.w. kepada Ibn ‘Abbas: “Dan ajarkanlah dia *al-Takwil*”.

PENILAIAN SEMULA NO: 9

Dakwaan *al-Takwil* terhadap perkataan Betis dalam ayat 42 surah al-Qalam.

PENILAIAN SEMULA NO: 10

Dakwaan *al-Takwil* terhadap perkataan Tangan dalam ayat 47 surah al-Zaariyat.

PENILAIAN SEMULA NO: 11

Pendapat Ibn Hajar al-‘Asqalani tentang *al-Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat*.

PENILAIAN SEMULA NO: 12

Hadis “Serahkan kepada orang alim jika kamu tidak mengetahuinya”.

PENILAIAN SEMULA NO: 13

Dakwaan *al-Takwil* terhadap hadis “Aku sakit...”

PENILAIAN SEMULA NO: 14

Dakwaan *al-Takwil* terhadap perkataan Lupa dalam ayat 67 surah al-Taubah dan ayat 14 surah al-Sajdah.

PENILAIAN SEMULA NO: 15

Dakwaan *al-Takwil* terhadap perkataan “Zalim” dalam ayat 82 surah al-An‘aam.

PENILAIAN SEMULA NO: 16

Dakwaan *al-Takwil* terhadap perkataan Lupa dalam ayat 51 surah al-A’raaf.

PENILAIAN SEMULA NO: 17

Dua kaedah bacaan terhadap ayat 7 surah ‘Ali Imran.

PENILAIAN SEMULA NO: 18

Dakwaan Malik bin Anas *mentakwil* hadis “al-Nuzul”.

PENILAIAN SEMULA NO: 19

Dakwaan al-Bukhari *mentakwil* hadis Suka.

PENILAIAN SEMULA NO: 20

Dakwaan *takwilan* Ibn ‘Abbas terhadap surah “al-Nasr”.

PENILAIAN SEMULA NO: 21

Dakwaan Ibn Jarir al-Tabari *mentakwil* ayat 29 surah al-Baqarah.

PENILAIAN SEMULA NO: 22

Dakwaan Ahmad bin Hanbal *mentakwil* ayat 22 surah al-Fajr.

PENILAIAN SEMULA NO: 23

Dakwaan *al-Takwil* terhadap perkataan Kaki.

PENILAIAN SEMULA NO: 24

Dakwaan *al-Takwil* terhadap perkataan “Baru”.

PENILAIAN SEMULA NO: 25

Dakwaan *al-Takwil* terhadap perkataan *Istiwa'*.

PENILAIAN SEMULA NO: 26

Dakwaan *al-Takwil* terhadap perkataan Bersama.

PENILAIAN SEMULA NO: 27

Dakwaan al-Asya'ari mengamalkan *al-Takwil*.

PENILAIAN SEMULA NO: 28

Kesimpulan Manhaj *al-Salaf* tentang *nas-nas al-Sifat*.

## **BAB C:**

### **SYUBHAT DALAM PEGANGAN (*I'TIQAD*) TERAKHIR ABU AL-HASAN AL-ASYA'ARI DAN ASAL USUL KITAB *AL-IBANAH 'AN USUL AL-DIYANAH*.**

Pengenalan.

PENILAIAN SEMULA NO: 29

Salinan kata-kata daripada Abu al-Hasan al-Asya'ari tidak memiliki *sanad*.

PENILAIAN SEMULA NO: 30

Kandungan *al-Ibanah* bertentangan dengan apa yang dijelaskan oleh lain-lain tokoh al-Asya'irah.

PENILAIAN SEMULA NO: 31

Kitab al-Ibanah menjurus kepada *Tajsim*.

PENILAIAN SEMULA NO: 32

Kitab *al-Ibanah* mendakwa golongan *al-Mu'tazilah* berpendapat Allah berada di setiap tempat dan ini bertentangan dengan *Ijma'*.

PENILAIAN SEMULA NO: 33

Adakah selama 40 tahun al-Asya‘ari tidak mengetahui ajaran gurunya al-Juba‘i ?

PENILAIAN SEMULA NO: 34

Perselisihan dalam tarikh meninggal al-Asya‘ari.

PENILAIAN SEMULA NO: 35

*Al-Ibanah* sebenarnya dikarang oleh al-Qadhi al-Baqilani.

PENILAIAN SEMULA NO: 36

al-Qadhi al-Baqilani juga dikenali sebagai al-Asya‘ari.

PENILAIAN SEMULA NO: 37

Gaya bahasa *al-Ibanah* menyerupai *al-Tamhid* karya al-Baqilani.

PENILAIAN SEMULA NO: 38

*Al-Ibanah* mentohmah Abu Hanifah.

PENILAIAN SEMULA NO: 39

Dakwaan permusuhan antara *al-Hanabilah*, *al-Mu‘tazilah* dan *al-Hanafiyah*.

PENILAIAN SEMULA NO: 40

Kesimpulan Bab C: Syubhat dalam pegangan (*i‘tiqad*) terakhir Abu al-Hasan al-Asya‘ari dan asal usul kitab *al-Ibanah ‘an Usul al-Diyanah*.

## **BAB D:**

### **SYUBHAT DALAM KAEDAH IBN TAIMIYYAH TERHADAP NAS-NAS AL-SIFAT.**

Pengenalan.

>Kaedah Ibn Taimiyyah dalam memahami *nas-nas al-Sifat*.

PENILAIAN SEMULA NO: 41

Kritikan Ibn Taimiyyah terhadap *takwilan* al-Tirmizi.

PENILAIAN SEMULA NO: 42

Penolakan pertama terhadap kaedah memahami *nas-nas al-Sifat* Ibn Taimiyyah.

PENILAIAN SEMULA NO: 43

Dakwaan Ibn Taimiyyah menetapkan sifat “Menetap” dan “Sakit” terhadap Allah.

PENILAIAN SEMULA NO: 44

Penolakan kedua terhadap kaedah memahami *nas-nas al-Sifat* Ibn Taimiyyah.

PENILAIAN SEMULA NO: 45

Penolakan ketiga terhadap kaedah memahami *nas-nas al-Sifat* Ibn Taimiyyah.

PENILAIAN SEMULA NO: 46

Penolakan keempat terhadap kaedah memahami *nas-nas al-Sifat* Ibn Taimiyyah.

PENILAIAN SEMULA NO: 47

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan Imam al-Haramain.

PENILAIAN SEMULA NO: 48

Dakwaan al-Dzahabi membuang nas yang asal.

PENILAIAN SEMULA NO: 49

Syubhat dalam pegangan (*i'tiqad*) terakhir Imam al-Haramain.

PENILAIAN SEMULA NO: 50

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Nawawi.

PENILAIAN SEMULA NO: 51

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Laqqani.

PENILAIAN SEMULA NO: 52

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan Ibn al-Jauzi.

PENILAIAN SEMULA NO: 53

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Qurtubi.

PENILAIAN SEMULA NO: 54

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Baijuri.

PENILAIAN SEMULA NO: 55

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Qadhi ‘Abd Jabbar al-Mu’tazili.

PENILAIAN SEMULA NO: 56

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Razi.

PENILAIAN SEMULA NO: 57

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan Ibn ‘Asakir.

PENILAIAN SEMULA NO: 58

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Suyuti.

PENILAIAN SEMULA NO: 59

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan Ibn Hajar al-Haithami.

PENILAIAN SEMULA NO: 60

Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Zarqani.

PENILAIAN SEMULA NO: 61

Kesimpulan Bab D: Syubhat dalam kaedah Ibn Taimiyyah terhadap *nas-nas al-Sifat*.

## **BAB E:**

### **AL-TAFWIDH DAN PERSOALAN “DI MANAKAH ALLAH ?”**

Pengenalan.

PENILAIAN SEMULA NO: 62

Definisi “*al-Tafwidh*.”

- >Maksud *al-Tafwidh* di sisi *Ahl al-Sunnah* dan generasi *al-Salaf*.
- >Dua syubhat tentang maksud *al-Tafwidh*:
  - >>*al-Tafwidh* adalah menyerahkan segala-galanya kepada Allah.
  - >>*al-Tafwidh* adalah menerima istilah manakala maknanya diserahkan kepada Allah.
- >Beberapa kekeliruan lain tentang *al-Tafwidh* dan penjelasannya.
  - >>Beberapa *athar al-Salaf* yang menyebut “*tanpa makna*” dan “*tanpa tafsir*”.
  - >>Beberapa perkataan para Imam Muftahid bahawa generasi *al-Salaf mentafwidhkan* makna *nas al-Sifat*.
  - >>Kata-kata generasi *al-Salaf*: “Terimalah ia sebagaimana ia datang tanpa *kaifiat*” adalah bukti mereka melakukan *al-Tafwidh*.
  - >>Kaedah *al-Tafwidh* adalah *Aslam* manakala kaedah *al-Takwil* adalah *Ahkam*.
  - >>Kaedah *al-Tafwidh* yang dihukum *bid'ah*.

Persoalan “Di manakah Allah ?”

>Persoalan “Di manakah Allah ?” menurut Malik bin Anas.

>Persoalan “Di manakah Allah ?” menurut Ahmad bin Hanbal.

>Persoalan “Di manakah Allah ?” menurut lain-lain tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*.

>Persoalan “Di manakah Allah ?” menurut ‘Abd al-Qadir al-Jilani.

PENILAIAN SEMULA NO: 63

Membahas “Di manakah Allah ?” menurut Abu Hanifah.

PENILAIAN SEMULA NO: 64

Menterjemah *Istiwa’* sebagai “Duduk”.

PENILAIAN SEMULA NO: 65

Menterjemah *Istiwa’* sebagai “Bersemayam”.

PENILAIAN SEMULA NO: 66

Membahas “*Di mana Allah ?*” menurut al-Shafi’i.

PENILAIAN SEMULA NO: 67

Kesahihan kitab “*al-Rad ‘ala al-Jahmiyyah*.”

PENILAIAN SEMULA NO: 68

Kesimpulan Bab E: *al-Tafwidh* dan persoalan “Di manakah Allah ?”.

## **BAB F:**

### **PERSELISIHAN AL-SALAF MEMBUKTIKAN MEREKA BUKANNYA BERSEPAKAT ATAS SATU MAZHAB.**

Pengenalan.

PENILAIAN SEMULA NO: 69

Perselisihan Pertama: Adakah al-Qur'an itu makhluk ?

PENILAIAN SEMULA NO: 70

Perselisihan Kedua: Adakah Rasulullah s.a.w. melihat Allah pada malam Isra' dan Mikraj ?

PENILAIAN SEMULA NO: 71

Perselisihan Ketiga: Siapakah sebaik-baik manusia selepas Rasulullah ?

PENILAIAN SEMULA NO: 72

Perselisihan Keempat: Antara *al-Takwil* dan *al-Tafwidh*.

PENILAIAN SEMULA NO: 73

Kesimpulan Bab F: Perselisihan *al-Salaf* membuktikan mereka bukannya bersepakat atas satu mazhab.

**KESIMPULAN PENILAIAN KE ATAS BUKU  
SALAFIYAH WAHABIYAH SUATU PENILAIAN  
SUSUNAN ZAMIHAN MAT ZIN AL-GHARI.**

- >10 Kesimpulan ringkas perbahasan.
- >Renungan semula ke atas pelbagai pendustaan dan penyelewengan.
- >Nasihat dan Teguran kepada Zamihan Mat Zin.
- >Nasihat dan Panduan kepada para pembaca.

**Lampiran:**

Salinan imej beberapa kitab terpilih.

**RUJUKAN DAN KAJIAN.**

بسم الله الرحمن الرحيم

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره, ونعوذ بالله من شرور أنفسنا  
ومن سيئات أعمالنا, من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا  
هادي له. ونشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له ونشهد أن  
محمدًا عبده ورسوله.

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya dan kami memohon pertolongan-Nya dan kami memohon keampunan-Nya, dan kami berlindung kepada Allah dari keburukan diri kami dan dari keburukan perbuatan kami. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tiadalah petunjuk baginya. Kami bersaksi bahawa tiada tuhan kecuali Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya.

*Amma Ba'du.*

### **Buku apakah yang dinilai semula ?**

Tajuknya ialah *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* yang disusun oleh seorang anak Malaysia: Zamihan bin Mat Zin yang diterbitkan oleh Terta Jaya Enterprise sekitar awal tahun 2001. Buku bersaiz sederhana ini bertujuan menilai apakah benar pegangan orang-orang yang mendakwa diri mereka sebagai bermanhaj *al-Salaf*. Golongan ini juga masyhur dengan label *Wahabi*.

Hampir keseluruhan buku ini membahas subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat* kerana inilah antara subjek yang paling menonjol dalam membezakan antara mereka yang bermanhaj *al-Salaf* dan mereka yang bermanhaj *al-Khalaf*.

Orang-orang yang bermanhaj *al-Salaf* mendakwa bahawa *nas-nas al-Sifat* seperti Tangan Allah, Mata Allah dan Wajah Allah hendaklah diterima sebagaimana ada tanpa ditanya bagaimana dan seperti apa bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya. Mereka mendakwa bahawa inilah merupakan pegangan atau mazhab generasi *al-Salaf*, iaitu mereka yang hidup sebelum tahun 300 hijrah yang terdiri daripada Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*, para sahabat, para *tabi'in* sehinggalah ke para imam mazhab yang empat, *radiallahu 'anhum*.

Manakala orang-orang yang bermanhaj *al-Khalaf*, yakni mereka yang hidup selepas tahun 300 hijrah, kebanyakannya menganggap *nas-nas al-Sifat* tersebut adalah satu kiasan semata-mata sehingga ia perlu ditakwilkan di mana Tangan Allah bererti kuasa-Nya, Mata Allah bererti pengawasan-Nya dan Wajah Allah bererti kewujudan-Nya.

Dalam bukunya tersebut, saudara Zamihan telah menilai semula dakwaan ini dan membuktikan bahawa ia adalah salah dan tertolak. Yang benar menurut penilaian beliau, generasi *al-Salaf* juga telah menganggap *nas-nas al-Sifat* sebagai satu kiasan sehingga mereka juga *mentakwilkannya*.

Dengan penemuan ini beliau telah menyimpulkan bahawa yang benar-benar berpegang kepada mazhab generasi *al-Salaf* ialah orang-orang yang bermanhaj *al-Khalaf* itu sendiri. Dengan itu juga sebenarnya tidak wujud pembahagian *al-Salaf* dan *al-Khalaf*. Orang-orang yang mendakwa diri mereka sebagai bermanhaj *al-Salaf* hanyalah merupakan pengikut mazhab Ibn Taimiyyah yang hidup pada kurun ke 8 hijrah.

Memandangkan orang-orang yang mendakwa diri mereka sebagai bermanhaj *al-Salaf* sebenarnya hanyalah merupakan pengikut-pengikut mazhab Ibn Taimiyyah, saudara Zamihan selanjutnya telah menilai apakah pegangan (*i'tiqad*) sebenar

Ibn Taimiyyah dalam lain-lain perkara yang melibatkan asas-asas '*aqidah* yang setakat ini tidak diketahui oleh orang awam termasuk para pengikutnya sendiri. Dalam penilaiannya ini telah dibongkarkan sejumlah pegangan Ibn Taimiyyah yang menyalahi jumur termasuk sebahagian daripadanya yang membawa kepada kekufuran.

Di bahagian akhir bukunya dibuktikan pula sejumlah penyelewengan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh mutakhir yang mendakwa diri mereka sebagai bermanhaj *al-Salaf*.

Demikian secara ringkas rumusan-rumusan penting yang dapat diambil dari buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian*.

### **Kenapakah perlu dinilai semula buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* ?**

Ada beberapa faktor yang menyebabkan buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* perlu dinilai semula:

#### **Pertama:**

Kebanyakan fakta yang dikemukakan dalam buku tersebut adalah tidak benar. Sekalipun telah diberi sumber-sumber rujukan bagi setiap hujah yang dikemukakan, kajian semula terhadap sumber-sumber tersebut mendapati ianya berlainan dari apa yang dikemukakan. Contohnya:

1. Nukilan dari sesuatu rujukan hanyalah secara separa-separa sehingga melindungi maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang asal rujukan tersebut.
2. Sesetengah perkara yang diperhujahkan telah disandarkan kepada sesebuah kitab namun apabila dikaji kitab tersebut didapati ianya tidak langsung memiliki apa-apa kaitan. Dianggap penyusun *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* melakukan hal ini semata-mata untuk menambah nilai kekuatan hujah yang ingin dikemukakannya.
3. Adakalanya penyusun *Salafiyah Wahabiyah Suatu*

*Penilaian* menyandarkan sesuatu perkara yang diperhujahkannya kepada seseorang tokoh bersama kitab karangannya namun apabila dikaji semula ia hanyalah merupakan penjelasan seseorang peneliti dan pengulas (*pentahqiq*) di bahagian notakaki dan bukannya merupakan penjelasan pengarang asal kitab tersebut.

4. Wujud juga pendustaan dalam bentuk terjemahan yang dilakukan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian*. Dalam beberapa kes beliau menterjemah kata-kata seseorang tokoh untuk menepati cita rasanya namun apabila disemak kembali teks Arab yang asal didapati ia adalah satu pendustaan semata-mata.
5. Apabila berhadapan dengan sesebuah riwayat yang tidak selari dengan penilaiannya, penyusun *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* akan mengkaji *sanad* riwayat tersebut dan menerangkan kelemahannya. Namun apabila mengemukakan sesebuah riwayat yang selari dengan penilaiannya, beliau hanya mendumikan sahaja status *sanadnya*. Apabila disemak kembali nyata di dalamnya terdapat kelemahan.
6. Apabila menilai '*aqidah* Ibn Taimiyyah, penyusun *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* akan mengambil kata-kata golongan lain seperti *Ahl al-Kalam*, *Falsafah*, *al-Jahmiyyah*, *al-Karamiyyah* dan sebagainya lalu dikatakan ia adalah pegangan (*i'tiqad*) Ibn Taimiyyah. Padahal Ibn Taimiyyah sebenarnya mengemukakan kata-kata golongan tersebut hanya untuk dibahas dan dijelaskan kesilapannya.

Perkara-perkara di atas berlaku dengan sangat kerap sehingga mustahil untuk menganggapnya sebagai sesuatu yang tidak disengajakannya. Atas faktor-faktor inilah dianggap telah berlaku satu *Jenayah Ilmiah* yang sangat besar dalam buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian*.

**Kedua:**





***Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun. [Fatir 35:28]***

**Beberapa sebab lain penilaian semula ini adalah penting.**

Selain faktor-faktor di atas, ada dua faktor lain yang menyebabkan penilaian semula ini adalah penting.

**Pertama:**

Yang sebenarnya dinilai semula adalah Hasan ‘Ali al-Saqqaf.

Buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* sebenarnya bukanlah merupakan hasil kajian dan penelitian saudara Zamihan Mat Zin. Ia sebenarnya adalah himpunan dan susunan semula hujah-hujah yang dikemukakan oleh beberapa orang tokoh yang terpilih, khususnya Hasan ‘Ali al-Saqqaf. Kerana itu dalam buku ini penulis tidak menyebut saudara Zamihan Mat Zin sebagai *pengarang* tetapi hanya sekadar *penyusun*.

al-Saqqaf adalah seorang tokoh yang sangat menonjol di Jordan khususnya dan di dunia Islam umumnya. Buku-buku dan risalah-risalah beliau memiliki ciri-ciri ilmiah sehingga mudah mempengaruhi orang awam. Ramai di antara anak-anak muda kita yang belajar di Jordan terpengaruh dengan tulisan beliau.

Antara yang terpengaruh ialah saudara Zamihan Mat Zin. Beliau telah menghimpun hujah-hujah al-Saqqaf dan menyusun semula dengan tertib yang baru beserta beberapa tambahan. Di samping itu dihimpun juga hujah-hujah daripada beberapa tokoh lain yang terpilih. Hasilnya ialah buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian*.

Oleh itu apabila penulis *menilai semula* buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian*, penulis sebenarnya menilai dan menjawab hujah-hujah Hasan ‘Ali al-Saqqaf. Buku *Salafiyah*

*Wahabiyah Suatu Penilaian* bertindak sebagai satu perantara antara penulis dan al-Saqqaf.

Daripada penilaian ini dapat diperhatikan berbagai permainan kotor al-Saqqaf, dua yang utama adalah:

1. Tidak berlaku jujur apabila menukil sesuatu hujah sesuatu sumber rujukan.
2. Membuat tafsiran tersendiri yang menyalahi tafsiran para tokoh *al-Salaf* yang sebenar.

### **Kedua:**

Sebagai sumber kajian dalam subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.

Subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat* adalah antara subjek yang paling tidak diketahui oleh umum umat Islam padahal ia adalah satu subjek yang sangat penting yang melibatkan 'aqidah umat. Melalui subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat* umat akan mengenali Allah dan segala sifat kesempurnaan-Nya dan pada waktu yang sama menafikan apa-apa sifat kekurangan dan negatif yang bukan merupakan sifat-Nya.

Insyallah buku ini tidak sahaja akan menumpukan perbincangan kepada menilai semula buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* tetapi akan juga memberi tumpuan kepada menjelaskan sesuatu subjek yang sedang dibahas. Diharapkan melalui kaedah penjelasan dan perbincangan, buku ini dapat menjadi sumber rujukan yang baik dalam subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*.

### **Siapakah yang menilai semula buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* ?**

Yang benar-benar menilai semula buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* ialah para pembaca sendiri yang terdiri daripada orang-orang yang berpegang kepada kebenaran. Para pembaca tidak perlu terdiri daripada orang-orang yang menyandarkan diri mereka sebagai yang bertaqwa *al-Salaf*

atau *al-Khalaf*. Yang penting para pembaca adalah mereka yang inginkan kebenaran dan *kesahihan* dalam sesuatu perbincangan agama.

Penulis (Hafiz Firdaus) hanyalah bertindak sebagai pengkaji, penyampai dan penjelas.

## **Aspek penilaian semula.**

### **Pertama:**

Penulis tidak akan menilai keseluruhan buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* melainkan sekadar hujah-hujah penting yang membentuk dasar penilaian penyusunnya. Perkara-perkara yang tidak penting atau tidak berkaitan akan didiamkan sahaja. Demikian juga terhadap apa-apa kesilapan yang jelas tidak disengajakan seperti susunan bahasa dan kesalahan menaip.

### **Kedua:**

Jika dikaji buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian* akan didapati ianya terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama khas ditujukan kepada menilai dasar-dasar yang menjadi pegangan generasi *al-Salaf* dalam subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*. Bahagian kedua khas ditujukan bagi mengkritik beberapa tokoh *Salafiyyah* seperti Ibn Taimiyyah dan Muhammad bin 'Abd al-Wahhab.

Di sini penulis akan memberikan tumpuan dalam menilai semula dan menjawab bahagian pertama buku, iaitu yang berkaitan dengan dasar-dasar pegangan generasi *al-Salaf*. Hal ini adalah kerana ia melibatkan kepentingan seluruh generasi *al-Salaf* yang terdiri daripada Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*, para sahabat, para *tabi'in* sehinggalah ke para imam mazhab yang empat.

Penilaian semula dan jawapan ke atas kritikan yang dilakukan terhadap para tokoh *Salafiyyah* memerlukan kepada sebuah

buku yang berasingan insya-Allah.

**Ketiga:**

Penulis hanya berminat untuk menilai hujah yang dikemukakan dan bukannya peribadi saudara Zamihan. Selain itu apabila merujuk kepada buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian*, penulis akan meringkaskannya kepada *Salafiyah Wahabiyah* sahaja. Oleh itu dalam menilai sesuatu hujah, penulis hanya akan berkata: “*Disebut dalam Salafiyah Wahabiyah, ms. xx bahawa .....*” atau “*Penyusun Salafiyah Wahabiyah telah berkata.....*”

**Metode penyampaian dan perbahasan.**

Setiap penilaian semula akan dinomborkan diikuti dengan tajuk tentang subjek yang sedang dinilai semula. Contohnya:

*Penilaian semula no: 15*

*Dakwaan Ibn ‘Abbas mentakwil ayat.....*

Ini bererti dalam PENILAIAN SEMULA nombor 15 akan dinilai semula dakwaan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* bahawa Ibn ‘Abbas *radiallahu ‘anhu* telah mentakwil sekian-sekian ayat al-Qur’an. Penomboran setiap penilaian semula adalah bagi memudahkan penulis mengarah para pembaca untuk merujuk kepada sesuatu bahagian tertentu tanpa perlu diulangi semula apa yang telah diterangkan di bahagian tersebut. Pemberian tajuk secara terperinci adalah bagi memudahkan para pembaca mencari sesuatu topik yang tertentu apabila perlu.

|                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bagi setiap hujah <i>Salafiyah Wahabiyah</i> yang akan dinilai semula, penulis akan menyalin hujah tersebut dan akan dibezakan dengan birai ( <i>margin</i> ) yang lebih besar dan di letakkan dalam kotak sepertimana perenggan yang sedang dibaca sekarang ini. |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Penulis tidak akan menyalin keseluruhan hujah melainkan

bahagian yang berkaitan sahaja. Segala perhatian telah diberi untuk mengelak dari menyalin sesuatu hujah secara separa-separa sehingga ia tersasar daripada maksud asal penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Selari dengan perhatian ini penulis sangat mengesyorkan para pembaca agar memiliki buku *Salafiyah Wahabiyah* supaya dapat dikaji sebelah menyebelah bersama buku ini.

Setelah mengemukakan hujah *Salafiyah Wahabiyah* barulah disusuli dengan penilaian semula oleh penulis. Akan diterangkan di manakah salah silapnya hujah yang dikemukakan. Dalam beberapa kes tertentu yang melibatkan *Jenayah Ilmiah* sepertimana yang telah diterangkan di atas, penulis akan mengkritik dengan tegas kerana kita tidak boleh bersikap toleran dalam hal-hal seperti ini.

Nukilan daripada al-Qur'an dan al-Sunnah akan penulis condongkan (*italic*) dan hitamkan (*bold*). Nukilan daripada sesebuah sumber rujukan akan penulis besarkan birai (*margin*) di sebelah kiri. Nukilan daripada sumber Arab yang berkaitan dengan subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat* akan dikemukakan teks Arabnya sekali. Ini adalah penting kerana bahasa lain tiada yang dapat mewakili secara tepat *al-Asma'* dan *al-Sifat* bagi Allah *Ta'ala* yang asalnya dikhabarkan oleh-Nya dalam bahasa Arab.

Istilah-istilah yang berasal daripada bahasa Arab akan penulis condongkan (*italic*) supaya ia dapat difahami mengikut maksudnya yang sebenar dalam bahasa Arab. Jika istilah tersebut disertai dengan imbuhan maka penulis akan mencondongkannya secara keseluruhan. Contohnya *al-Takwil*, *mentakwil*, *ditakwil*, *ditakwilkan* dan *takwilan*. Untuk menarik perhatian para pembaca kepada sesuatu hujah penting, penulis akan menggariskan teks tersebut.

Di bahagian akhir buku ini disertakan beberapa salinan imej kitab tertentu supaya para pembaca dapat menilai sendiri sejauh mana kejujuran penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ketika menukil sesuatu hujah daripada sesuatu sumber rujukan.

## Sumber Rujukan.

Teks ayat-ayat al-Qur'an *Resam Uthmani* disalin terus (*copy & paste*) dari edisi cdrom *al-Mushaf v1.0* keluaran Harf Information Technologies, Kaherah ([www.harf.com](http://www.harf.com)). Terjemahan ayat-ayat al-Qur'an al-Karim dirujuk kepada kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an* oleh Abdullah Basmeih yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia dan *al-Qur'an dan Terjemahan* yang diterbitkan oleh Yayasan Penyelenggara Penterjemah & Penafsir al-Qur'an, Indonesia. Kedua-duanya dirujuk terus dari edisi cdrom keluaran Harf IT, Kaherah, setiapnya dikenali sebagai *Holy Qur'an v6.31* (edisi Malaysia) & *Holy Qur'an v6.5* (edisi Indonesia).

Hadis-hadis Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* dirujuk kepada kitabnya yang asal sepertimana yang akan penulis catitkan di bahagian notakaki. Hadis-hadis ini diterjemahkan sendiri oleh penulis. Setiap hadis yang dikemukakan akan diterangkan sumber dan status kekuatannya. Hadis-hadis selain kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* akan penulis terangkan status kekuatannya dengan merujuk kepada semakan mereka yang pakar dalam bidang ini. Jika sesuatu hadis itu belum disemak oleh seseorang ahli hadis maka penulis sendiri yang akan menyemaknya sekadar mampu.

Setiap pendapat atau *athar* seseorang tokoh terdahulu yang wujud dalam bentuk *riwayat* akan juga disemak status kekuatan *sanadnya*. Hal ini adalah penting kerana apabila kita hendak menggunakan pendapat seseorang tokoh sebagai hujah, kita perlu pastikan bahawa pendapat tersebut benar-benar berasal daripada tokoh tersebut. Jika pendapat tersebut telah sedia ditulis oleh tokoh itu sendiri atau oleh salah seorang anak muridnya yang terpercayanya (*thiqah*) dalam sesebuah kitab, maka adalah memadai untuk merujuk kepada kitab tersebut sahaja.

Lain-lain sumber rujukan akan penulis catitkan di bahagian notakaki. Seboleh mungkin penulis akan gunakan sumber

rujukan yang diterbitkan oleh penerbit yang sama sebagaimana yang disebut penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Hal ini adalah penting kerana memang adakalanya wujud sedikit perbezaan antara dua buah kitab yang sama apabila diterbitkan oleh penerbit yang berbeza. Jika sesebuah sumber rujukan itu telah diterjemahkan, penulis akan juga mencatatkannya bagi memudahkan para pembaca yang ingin mengkaji dengan lebih lanjut. Tajuk buku bagi sumber rujukan terjemahan adalah sepertimana yang ditulis oleh penterjemah bagi memudahkan para pembaca mencarinya di laman web penerbit buku tersebut.

### **Penghargaan.**

Semoga buku ini dapat mencapai tujuan yang dikemukakan sebelum ini: *Kenapakah perlu dinilai semula buku Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian*. Semoga semua penyelewengan fakta dan fitnah ke atas para tokoh dapat dibetulkan. Lebih penting adalah supaya para pembaca sendiri dapat memahami subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat* dengan lebih mendalam dan mendudukkannya pada tempat yang sebenar.

Terima kasih diucapkan kepada semua yang telah membantu penulis dalam menyiapkan buku ini, antaranya ialah Azwira b. Abdul Aziz, Ghaffarullahuddin b. Hj. Din, Haezal Hezri b. Omar, Hazman b. Hasan, Mohd. Yaakob b. Mohd. Yunus dan Muhammad Zuhail. Buku ini tidak akan dapat disiapkan melainkan dengan bantuan mereka. Walaubagaimana seandainya wujud apa-apa kesilapan maka ia berada di atas tanggung jawab penulis sepenuhnya.

Selain itu buku ini juga memiliki perbincangan yang mendalam lagi terperinci tentang subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*. Segala perhatian telah dicurahkan agar perbincangan dan terjemahan tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah dilakukan dengan setepat mungkin. Seandainya wujud kesalahan atau ketidak-tepatan maka penulis memohon maaf kepada Allah 'Azza wa Jalla sebagaimana yang telah dilakukan oleh 'Abd al-Qadir al-Jilani ketika membahas subjek yang sama ini: *Kami memohon kepada Allah kemaafan dan keselamatan dan perlindungan seandainya kami telah berkata sesuatu tentang-*

*Nya atau sifat-sifat-Nya yang sebelum ini tidak dikhabarkan kepada kami oleh-Nya dan oleh Rasul-Nya, ke atas baginda selawat dan salam.*

Wassalamu‘alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Hafiz Firdaus Abdullah.

21 April 2002 – 18 Febuari 2003

hafizfirdaus@yahoo.com

## **BAB A: PENGENALAN KEPADA AL-SALAF DAN AL-KHALAF.**

### ***Pengenalan.***


Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dari ms. 1-19 telah menjelaskan secara panjang lebar pengertian istilah *al-Salaf* dan *al-Khalaf* dari sudut bahasa dan kaedah pemakaiannya. Ringkasnya dalam konteks perbincangan ini, istilah *al-Salaf* merujuk kepada generasi umat Islam yang terdahulu manakala *al-Khalaf* merujuk kepada generasi umat Islam yang terkemudian.

Apabila disebut generasi *al-Salaf* dan *al-Khalaf*, antara perkara utama yang membezakan antara kedua-duanya ialah dalam subjek *Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat*. Ia adalah satu bidang yang berkaitan dengan cara memahami ayat-ayat al-Qur’an dan hadis yang mengkhabarkan tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah. Ayat-ayat al-Qur’an dan hadis yang mengkhabarkan tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah digelar sebagai *nas-nas al-Sifat*. Khas kepada hadis-hadis, ia hanyalah terbatas kepada yang memiliki *sanad* yang *sahih* dan maksud yang jelas sebelum dapat diterima sebagai *nas al-Sifat*.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Terdapat beberapa hadis yang *dha’if* dan *maudhu’* yang membicarakan tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah, lihat:

Satu contoh *nas al-Sifat* ialah firman Allah:



**Allah berfirman: “Hai iblis, apakah yang menghalangi kamu sujud kepada yang telah Ku-ciptakan dengan kedua Tangan-Ku.” [Saad 38:75]**

Untuk memahami ayat ini umat Islam umumnya terbahagi kepada 3 kumpulan:

### **Pertama:**

Ahl al-Sunnah, iaitu mereka yang beriman kepada sesuatu sifat Allah sebagaimana yang dikhabarkan oleh al-Qur’an dan al-Sunnah yang sahih dengan difahami maknanya manakala ilmu tentang bentuk, ciri-ciri dan tatacara sifat tersebut (*kaifiat*) diserahkan kepada Allah sambil menyucikan-Nya dari *tasybih* dan *tajsim*.<sup>2</sup> Justeru terhadap perkataan Tangan Allah seperti ayat di atas, *Ahl al-Sunnah* menerima dan menetapkan sebagai salah satu sifat Allah tanpa bertanya atau memikirkan bagaimana tatacara, ciri-ciri dan bentuk (*kaifiat*) bagi sifat Tangan tersebut.<sup>3</sup> Kaedah *Ahl al-Sunnah* adakalanya juga dikenali sebagai kaedah *al-*

[1] Ibn al-Jauzi – *al-‘Ilal al-Mutanahiyah fi Ahadith al-Wahiyah* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1983).

[2] Zakariyya bin Ghulam al-Bakistani – *al-Ahadith al-Dha‘if wa al-Maudhu‘ath fi al-Asma’ wa al-Sifat* (Dar Ibn Hazm, Beirut 2001).

<sup>2</sup> Tasybih adalah penyerupaan, bererti menyucikan Allah daripada menyerupai mana-mana makhluk-Nya. Tajsim adalah penjisiman, bererti menyucikan Allah daripada memiliki anggota jasmani umpama mana-mana makhluk-Nya.

<sup>3</sup> Orang-orang yang mengikuti *Ahl al-Sunnah* juga dikenali sebagai *Ahl al-Hadis* dan *Ahl al-Athar*, merujuk kepada tindakan mereka yang sentiasa merujuk kepada hadis Rasulullah dan *athar* para sahabat dan tokoh *al-Salaf* dalam urusan agama.

*Tafwidh* yang bererti *menyerahkan*, merujuk kepada perbuatan menyerahkan *kaifiat* sesuatu nas al-Sifat kepada Allah ‘Azza wa Jalla.<sup>4</sup>

*Ahl al-Sunnah* terdiri daripada generasi *al-Salaf* yang hidup sebelum tahun 300 Hijrah. Merekalah inilah yang asalnya dikenali sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*. Di samping itu ada juga kumpulan yang dikenali sebagai *Salafiyyah* atau *Salafi*. Mereka terdiri daripada *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah* yang hidup selepas tahun 300 Hijrah yang memberi perhatian khusus untuk mengikuti manhaj dan teladan generasi *al-Salaf* secara terperinci.

## **Kedua:**

*Ahl al-Zahir*, iaitu mereka yang memahami *nas-nas al-Sifat* secara zahir sehingga dikatakan Tangan Tuhan adalah seperti tangan makhluk sehingga menjadilah Tuhan bertubuh dan beranggota. *Ahl al-Zahir* ini terbahagi kepada dua kumpulan:

[A] Pertama adalah *Ahl al-Bid‘ah* yang juga dikenali sebagai *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah*.<sup>5</sup> Mereka ini terdiri daripada orang-orang yang memiliki ilmu dan kepakaran akan tetapi masih mengikut bisikan nafsu dan syaitan.

[B] Kedua adalah orang-orang awam yang terkeliru dalam memahami *nas-nas al-Sifat*. Mereka cuba mengikuti fahaman generasi *al-Salaf* tetapi tidak memahaminya dengan tepat dan adakalanya terpengaruh pula dengan fahaman kelompok *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah*. Kekeliruan mereka

---

<sup>4</sup> Untuk penjelasan lanjut tentang *al-Tafwidh*, sila lihat PENILAIAN SEMULA NO: 62.

<sup>5</sup> *al-Musyabbihah* ialah orang-orang yang melakukan *Tasybih*, iaitu menyerupakan Tuhan dengan makhluk-Nya. *al-Mujassimah* ialah orang-orang yang melakukan *Tajsim*, iaitu menjasmanikan Tuhan umpama makhluk-makhluk-Nya.

dimaafkan selagi ianya tidak disengajai.<sup>6</sup>

### **Ketiga:**

Ahl al-Takwil, iaitu mereka yang mengalih *nas-nas al-Sifat* kepada sesuatu maksud yang lain. Mereka ini umumnya hidup selepas tahun 300 hijrah dan dikenali sebagai generasi *al-Khalaf*. *Ahl al-Takwil* menganggap *nas-nas al-Sifat* adalah sesuatu yang berbentuk kiasan (*majaz*) semata-mata kerana adalah mustahil bagi Allah untuk memiliki nama dan sifat sepertimana makhluk-makhluk-Nya. Justeru *nas-nas al-Sifat* tidak menetapkan apa-apa sifat bagi Allah kecuali segelintir sahaja seperti *al-Iradah*, *al-Qudrah*, *al-'Ilmu*, *al-Hayah*, *al-Basyar*, *al-Sama'* dan *al-Kalam* kerana sifat-sifat ini adalah khas di sisi Allah sesuai dengan Kemuliaan dan Keagungan-Nya. Lain-lain sifat wajib dialihkan (*al-Takwil*) kepada sesuatu yang lain bagi menjauhi *tasybih* dan *tajsim*. Istilah Tangan dalam ayat di atas *ditakwilkan* kepada erti “kuasa”.

---

<sup>6</sup> Perlu diingatkan semula bahawa orang awam yang tersilap atau terkeliru tidak boleh digelar sebagai *Ahl Bid'ah*. *Ahl Bid'ah* hanyalah terdiri daripada orang-orang yang memiliki ilmu yang secukupnya namun mereka masih mengikut nafsu dan bisikan syaitan dalam mencipta hal-hal baru yang mencemari keaslian agama Islam. Mereka melakukan sedemikian lebih kerana ingin memelihara kedudukan di sisi masyarakat, menjaga status dan tidak mahu mengaku apa yang mereka ajar selama ini adalah tidak benar. Lebih lanjut lihat:

[1] *Mauqifu Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah min Ahl Ahwa' wa al-Bid'ah* (Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, Madinah 1422H) oleh Ibrahim bin 'Amir; telah diterjemahkan atas judul *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bid'ah* (terj: Abu Ahmad Syamsuddin; Pustaka al-Kautsar, Jakarta 2002).

[2] *Dirasat fi al-Ahwa' wa al-Firqah wa al-Bid'ah* (Dar Isybilya, Riyadh 1997) oleh Nasr bin 'Abd al-Karim.

[3] *al-Jahl bi Masail al-I'tiqad wa Hukmuha* (Dar al-Wathan, Riyadh 1996) oleh 'Abd al-Razzaq bin Thahir; telahpun diterjemahkan atas judul *Mengupas Kebodohan dalam 'Aqidah* (terj: Asep Saefullah & Kamaluddin Sa'diyatulharamain; Pustaka Azzam, Jakarta 2001).

## Menganalisa 5 hujah dasar *Ahl al-Takwil* dan jawapannya.


Semenjak tahun 300 hijrah ramai umat Islam yang berpegang kepada kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat*, antaranya termasuklah beberapa tokoh besar Islam. Para tokoh ini sedia kita hormati dan muliakan akan tetapi ini tidaklah bererti kita tidak boleh menganalisa pendapat mereka dan mencari sesuatu kesimpulan yang lebih kuat yang lebih mendekati kebenaran al-Qur'an dan Hadis. Pihak yang berpegang kepada kaedah *al-Takwil* telah mengemukakan beberapa sebab mengapa mereka mencenderungnya. Berikut akan dikemukakan hujah-hujah mereka disusuli dengan analisa penulis.


### Pertama:

*Nas-nas al-Sifat* bukanlah sesuatu yang hakikat, ia sebenarnya adalah kiasan sahaja.

Analisa:

Kaedah yang baku dalam Islam adalah setiap nas, sama ada al-Qur'an atau Hadis, hendaklah diterima sebagaimana ada kecuali wujudnya petunjuk lain (*qarinah*) yang mengarah kepada sesuatu yang lain. Oleh itu *nas-nas al-Sifat* hendaklah diterima secara hakikat melainkan wujud petunjuk yang mengatakan ianya adalah kiasan. Setakat ini tidak ditemui apa-apa petunjuk daripada al-Qur'an bahawa *nas-nas al-Sifat* adalah kiasan semata-mata. Bahkan dalam al-Qur'an ditemui ayat berikut:





**Orang-orang Yahudi berkata: “Tangan Allah terbelenggu”, sebenarnya tangan merekalah yang dibelenggu dan merekalah yang dilaknat disebabkan apa yang telah mereka katakan itu. (Tidak demikian), tetapi kedua-dua Tangan Allah terbuka; Dia menafkahkan sebagaimana Dia kehendaki. [al-Maidah 5:64]**

Dalam ayat di atas kaum Yahudi telah menuduh bahawa **“Tangan Allah terbelenggu.”** Dalam menjawab tuduhan ini Allah menerangkan bahawa sebenarnya tangan mereka yang terbelenggu manakala **kedua-dua Tangan Allah terbuka.** Perhatikan dalam menjawab tuduhan ini Allah ‘Azza wa Jalla tidak mencela kaum Yahudi atas tindakan mereka menyandarkan sifat Tangan kepada-Nya, malah Allah menjawab dengan menetapkan sifat Tangan tersebut – hanya dengan perbezaan bahawa ianya terbuka dan tidak terbelenggu sepertimana yang dituduh oleh kaum Yahudi. Seandainya sifat Tangan adalah suatu kiasan semata-mata, pasti Allah *Subhanahu wa Ta’ala* akan *mentakwilkannya* kepada makna yang hakikat.

Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* selaku penjelas al-Qur’an (al-Nahl 16:44) tidak pernah menerangkan bahawa *nas-nas al-Sifat* adalah suatu kiasan yang perlu dialihkan ertinya. Adalah mustahil untuk dianggap bahawa Allah dan Rasul-Nya telah “terlupa” untuk menerangkan kepada umat Islam bahawa *nas-nas al-Sifat* tersebut sebenarnya adalah satu kiasan. Demikian juga para sahabat, para *tabi’in* hinggalah ke para imam mazhab yang empat tidak pernah menerangkan bahawa *nas-nas al-Sifat* adalah suatu kiasan yang perlu *ditakwilkan*.

### **Kedua:**

Jika diterima *nas-nas al-Sifat* sebagai hakikat bererti disandarkan kepada Allah sifat-sifat yang menyerupai makhluk

(*tasybih*) yang memiliki anggota jasmani (*tajsim*).

Analisa:

Anggapan ini adalah tidak benar kerana di samping Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan nama-nama dan sifat-sifat-Nya, Allah juga secara tegas telah menerangkan bahawa nama-nama dan sifat-sifat tersebut tidak menyerupai makhluk mahupun menggambarkan sesuatu yang berjasmani. Firman Allah di dalam al-Qur'an al-Karim:

“لَا يَمِثُّ شَيْءٌ مِّمَّا يَخْلُقُ ۚ فَيَكُونُ لَهُ يَدٌ وَمِثْلٌ لَّهَا وَكَأْسٌ مِّمَّا يَشْرَبُ ۚ وَنَارٌ تَلْقَىٰ مِنْهُ الثَّغَارُ ۚ تَتَجَافَىٰ مِنْهُ الْجِبَالُ ۚ فَتُحْسِنُ الصُّلُوفُ فَتَسْجُدُ ۚ لَهَا وَتُكَبِّرُهَا ۚ وَتُقَدِّسُ لَهَا وَتُؤْتِيهَا الْبُكْرَةَ كُلَّ يَوْمٍ ۚ تَبَارَكَ الَّذِي فِي يَدَيْهِ الْمَصِيرُ ۚ”

***Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*** [al-Syura 42:11]

وَمَا يَمِثُّ شَيْءٌ مِّمَّا يَخْلُقُ ۚ فَيَكُونُ لَهُ يَدٌ وَمِثْلٌ لَّهَا وَكَأْسٌ مِّمَّا يَشْرَبُ ۚ وَنَارٌ تَلْقَىٰ مِنْهُ الثَّغَارُ ۚ تَتَجَافَىٰ مِنْهُ الْجِبَالُ ۚ فَتُحْسِنُ الصُّلُوفُ فَتَسْجُدُ ۚ لَهَا وَتُكَبِّرُهَا ۚ وَتُقَدِّسُ لَهَا وَتُؤْتِيهَا الْبُكْرَةَ كُلَّ يَوْمٍ ۚ تَبَارَكَ الَّذِي فِي يَدَيْهِ الْمَصِيرُ ۚ

***Dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia.*** [al-Ikhlâs 112:04]

Dalam dua ayat ini jelas bahawa tidak ada apa-apa yang serupa, seumpama dan setara dengan Allah dalam apa jua cara sekalipun. Ia secara jelas menafikan kemungkinan *tasybih* dan *tajsim* dengan mana-mana makhluk-Nya.

Oleh kerana itu mengikut kaedah *Ahl al-Sunnah*, *nas-nas al-Sifat* diterima dan difahami maknanya, akan tetapi persoalan bentuk, ciri-ciri dan tatacara nama dan sifat tersebut (*kaifiyat*) diserahkan kepada Allah. *Kaifiyat* nama dan sifat Allah tersebut tidaklah menyerupai dalam bentuk apajua sekalipun dengan mana-mana makhluk-Nya.

Apabila Allah '*Azza wa Jalla* menyifati diri-Nya dengan sifat Tangan, persamaan dengan makhluk hanyalah dari sudut bahasa yang difahami manusia manakala dari sudut *kaifiyat* ia berbeza sama sekali secara *total*. Sifat Tangan di sisi Allah tidaklah mewakili sifat “bentuk” atau “anggota” atau “jasmani”

atau apa-apa lain seumpama makhluk.

### **Ketiga:**

*Nas-nas al-Sifat* wajib *ditakwilkan* bagi mengelakkan *tasybih* dan *tajsim*.

Analisa:

Sesiapa yang mahu menganalisa dakwaan di atas secara objektif akan mudah memahami bahawa sesuatu *nas al-Sifat* sekalipun ianya *ditakwilkan*, ia tetap tidak akan terlepas daripada *tasybih* dan *tajsim*. Sebagai contoh, apabila sifat Tangan *ditakwilkan* kepada erti kuasa, sifat “kuasa” itu sendiri adalah satu sifat yang dimiliki oleh makhluk. “Kuasa” bererti daya, keupayaan, kekuatan, kemampuan untuk melakukan sesuatu dan sifat ini jelas dimiliki oleh mana-mana makhluk. Justeru tindakan *mentakwilkan* sifat Tangan kepada “kuasa” tidak mengelakkan *tasybih* dan *tajsim*.

Demikian juga dengan lain-lain *nas al-Sifat*, sekalipun ia *ditakwilkan*, hasil *pentakwilan* tersebut tetap tidak akan dapat membebaskannya daripada ciri-ciri makhluk. Maka dengan sendirinya dakwaan *Ahl al-Takwil* adalah tertolak kerana tujuan mereka melakukan *al-Takwil* telah dibatalkan oleh hasil takwilan itu sendiri.

Asas kesilapan *Ahl al-Takwil* adalah kerana mereka hanya menyelesaikan masalah ini melalui *takwilan* istilah. Berbeza halnya dengan *Ahl al-Sunnah*, mereka menyelesaikan masalah ini dengan menetapkan sifat selari dengan istilahnya manakala *kaifiatnya* diserahkan kepada Allah. *Kaifiat* tersebut berbeza secara *total* daripada apa yang dikenali sesama makhluk, ia hanya khas kepada Allah selari dengan sifat Kemuliaan dan Keagungan-Nya. Hanya dengan cara ini sesuatu *nas al-Sifat* bebas daripada kekeliruan *tasybih* dan *tajsim*.

### **Keempat:**

Sesuatu *nas al-Sifat* hanyalah merupakan suatu kiasan yang tidak bertujuan menetapkan apa-apa sifat bagi Allah.

Analisa:


Sesuatu *nas al-Sifat* termasuk dalam apa yang dimaksudkan oleh Allah ‘*Azza wa Jalla* sebagai *al-Asma’ al-Husna*. Firman Allah:



***Dialah Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Dia mempunyai al-Asma’ al-Husna.*** [Ta-Ha 20:08]

Nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah tanda kebesaran dan kesempurnaan Allah sebagai Tuhan sekalian alam. Hanya dengan nama-nama dan sifat-sifat ini kita dapat mengenali Allah dan mentauhidkan-Nya dengan sebenar-benarnya.


Perhatikan kritikan Allah kepada sesuatu “Tuhan” yang tidak memiliki sifat, sepertimana yang difirmankan-Nya melalui lisan Nabi Ibrahim ‘*alaihi salam*:



***Ingatlah ketika dia berkata kepada bapaknya: “Wahai bapakku, mengapa kamu menyembah sesuatu yang tidak mendengar, tidak melihat dan tidak dapat menolong kamu sedikitpun ?”*** [Maryam 19:42]


Mendengar, Melihat dan Menolong adalah antara 3 sifat yang tidak dimiliki oleh “Tuhan” bapa Nabi Ibrahim ‘*alaihi salam*.

Sesiapa yang mendakwa bahawa *nas-nas al-Sifat* hanyalah merupakan suatu kiasan yang tidak bertujuan menetapkan apa-apa sifat bagi Allah, ketahuilah bahawa dakwaannya telah diberi ancaman keras oleh Allah dalam firman-Nya:



***Hanya milik Allah al-Asma' al-Husna, maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut al-Asma' al-Husna itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.*** [al-A'raaf 7:180]

Jika dirujuk semula kepada ayat surah al-Maidah yang telah dikemukakan sebelum ini:



***Orang-orang Yahudi berkata: “Tangan Allah terbelenggu”, sebenarnya tangan merekalah yang dibelenggu dan merekalah yang dilaknat disebabkan apa yang telah mereka katakan itu. (Tidak demikian), tetapi kedua-dua Tangan Allah terbuka; Dia menafkahkan sebagaimana Dia kehendaki.*** [al-Maidah 5:64]

Seandainya Tangan bukan merupakan sifat Allah, pasti Allah akan menafikannya secara jelas sambil mencela kaum Yahudi yang telah menyandarkan kepada-Nya sifat tersebut. Namun kita dapati dalam jawapan-Nya terhadap tuduhan ini, Allah

*Tabaraka wa Ta'ala* tidak menafikan sifat Tangan tersebut, malah telah menetapkan dengan perbezaan bahawa ianya terbuka dan tidak terbelenggu. Ayat ini tanpa ragu membuktikan kesalahan mereka yang mendakwa *nas-nas al-Sifat* tidak bertujuan menetapkan sesuatu sifat bagi Allah *Ta'ala*.

Ketahuilah bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan sifat-sifat-Nya adalah untuk dikenali tujuannya dan bukannya untuk dibahas bagaimana dan seperti apa bentuknya.

Apabila Allah menerangkan sifat-Nya yang memiliki Tangan (Saad 38:75), tujuannya adalah untuk menunjukkan kepada para hamba-Nya bahawa Allah Maha Berkuasa untuk melakukan apa yang dikendaki-Nya. Apabila Allah menerangkan sifat-Nya yang memiliki Mata (surah al-Qamar 54:14) dan Maha Melihat (al-Syura 42:11), tujuannya adalah untuk menyedarkan para hamba-Nya bahawa Allah memerhatikan segala apa yang mereka lakukan sama ada secara terbuka atau tersembunyi. Apabila Allah menerangkan sifat-Nya yang Maha Mendengar (al-Syura 42:11), tujuannya adalah untuk menyedarkan seseorang hamba bahawa Allah mendengar segala sesuatu yang dia ucapkan, sama ada melalui lisan atau bisikan hati. Dengan kesedaran ini seseorang hamba itu akan sentiasa prihatin akan perbuatan dan percakapannya.

Allah tidak menerangkan sifat-sifat-Nya di atas (Tangan, Mata, Maha Melihat dan Maha Mendengar untuk dijadikan perbualan bagaimana dan seperti apa sifat-sifat itu wujud di sisi-Nya. Demikianlah juga bagi lain-lain sifat Allah *'Azza wa Jalla*.

Jika hal ini difahami secara benar maka tidak akan timbul dakwaan bahawa *nas-nas al-Sifat* adalah satu kiasan sehingga perlu ditakwilkan kepada erti lain.

### **Kelima:**

Sifat *al-Iradah*, *al-Qudrah*, *al-'Ilmu*, *al-Hayah*, *al-Basyar*, *al-Sama'* dan *al-Kalam* ditetapkan ke atas Allah kerana sifat-sifat ini adalah khas di sisi Allah sesuai dengan Kemuliaan dan

Keagungan-Nya. Berbeza dengan sifat Tangan, ia bukanlah sifat Allah kerana ia menyerupai sifat anggota makhluk yang berjasmani.

Analisa:

Jika telah ditetapkan sebahagian sifat atas dasar ianya hanya khas kepada Allah maka kenapa pula tidak ditetapkan sifat-sifat yang lain atas dasar yang sama juga ? Semua nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah *kaifiatnya* khas di sisi Allah sahaja, tidaklah ia menyerupai atau menggambarkan sesuatu yang berjasmani bagi Allah. Kesamaan dari sudut bahasa tidaklah bererti kesamaan dari sudut *kaifiat*.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang bermaksud: ***Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*** [al-Syura 42:11] dan ***Dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia.*** [al-Ikhlâs 112:04] adalah umum meliputi seluruh nama-nama dan sifat-sifat-Nya. Tidaklah ia terhad kepada beberapa sifat tertentu sahaja.

Justeru tindakan *Ahl al-Takwil* menetapkan sebahagian sifat atas dasar ia hanya khas bagi Allah dengan sendirinya menjadi hujah ke atas mereka untuk menetapkan semua nama dan sifat bagi Allah. Menetapkan sebahagian dan menafikan sebahagian secara tersendiri menyelsihi kaedah mereka yang asal dalam menetapkan sifat bagi Allah.

Demikian beberapa analisa terhadap hujah-hujah yang dikemukakan oleh *Ahl al-Takwil*. Dapat diperhatikan bahawa hujah-hujah tersebut adalah lemah malah sebahagiannya menjadi hujah untuk membatalkan sebahagian yang lain. Namun di waktu yang sama melakukan *al-Takwil* ke atas nas-nas al-Sifat adalah pencetus kepada pelbagai kerosakan dan kemudharatan '*aqidah* umat. Berikut perinciannya:



## 10 kerosakan dan kemudharatan kaedah *al-Takwil*.

### Pertama:

Mempraktikkan kaedah *al-Takwil* mengisyaratkan bahawa Allah pada asalnya telah meletakkan sejumlah perkataan yang mustahil dan palsu di dalam kitab-Nya dan di dalam ajaran Rasul-Nya. Hal ini pasti tidak benar bagi Allah *'Azza wa Jalla*. Setiap perkataan yang terkandung di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang sah adalah benar lagi sah (*legitimate*) selama-lamanya.

### Kedua:

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berulang kali telah menerangkan kedudukan kitab al-Qur'an al-Karim sebagai sebuah kitab yang menerangkan secara jelas lagi terperinci segala asas-asas agama-Nya. Antaranya ialah firman-Nya:





Tiadalah Kami alpakan sesuatupun di dalam al Kitab, kemudian kepada Tuhanlah mereka dihimpunkan. [al-An'aam 6:38]



Dan sesungguhnya Kami telah mendatangkan sebuah Kitab (Al Qur'an) kepada mereka yang Kami telah menjelaskannya atas dasar pengetahuan Kami; menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman. [al-A'raaf 7:52]



Alif Laam Raa, (inilah) suatu kitab yang ayat-ayatnya disusun dengan rapi serta dijelaskan secara terperinci yang diturunkan dari sisi (Allah) yang Maha Bijaksana lagi Maha Tahu. [Hud 11:01]

Dalam seluruh kelengkapan, kejelasan dan keterperincian al-Qur'an, tidak terdapat perintah mahupun petunjuk bahawa *nas-nas al-Sifat* adalah sesuatu yang wajib *ditakwilkan*. Padahal al-Qur'an itu sendiri adalah sebuah kitab memiliki sangat banyak *nas al-Sifat*. Sesiapa yang berpendapat kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat* adalah wajib maka dia sebenarnya berpendapat al-Qur'an adalah sebuah kitab yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak terperinci.

### Ketiga:

Tetap mempraktikkan kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat* bukan sahaja mengisyaratkan kecacatan al-Qur'an tetapi ia juga menandakan bahawa Allah telah mendustai firman-firman-Nya di atas kerana tidak menjelaskan hakikat kewajipan

*al-Takwil*. Bahkan ia menunjukkan bahawa Allah bukanlah Dzat yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui (sebagaimana akhir ayat 1 surah Hud) kerana tidak memperincikan kewajipan *al-Takwil* terhadap sifat-sifat-Nya.

Yang sedemikian pasti mustahil maka mustahillah juga kaedah *al-Takwil*.

#### **Keempat:**

Allah ‘Azza wa Jalla telah menerangkan tindakan-Nya mengutus seorang Rasul kepada seluruh umat untuk mentauhidkan-Nya [al-Ikhlâs 112:1-4], membaca dan mengajarkan al-Qur’an [‘Ali Imran 3:164], menerang, menghurai dan memperincikan ajaran al-Qur’an (*mubayin*) [al-Nahl 16:44], mengajar segala keperincian syari‘at yang tidak terdapat dalam al-Qur’an (*al-Hikmah*) [al-Nisaa’ 4:113 & ‘Ali Imran 3:164] dan menerangkan apa sahaja yang sebelum ini tidak diketahui oleh umat [al-Baqarah 2:151].


Dalam seluruh 23 tahun Muhammad *sallallahu ‘alaihi wasallam* melaksanakan amanah-amanah yang dibebankan ke atasnya oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* sebagai seorang Rasul, tidak pernah baginda mengajar atau menerangkan bahawa *nas-nas al-Sifat* wajib *ditakwilkan*.

Mempraktikkan kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat* menggambarkan bahawa baginda telah cuai dalam melaksanakan amanahnya dan sekaligus mengisyaratkan bahawa Allah *Subhanahu wa Ta’ala* telah tersilap dalam mengutuskan baginda sebagai seorang Rasul kepada umat. Lebih dari itu ia mengisyaratkan bahawa Allah sendiri telah leka dalam menyempurnakan syari‘at-Nya kerana tiadalah Rasulullah menyampaikan apa-apa daripada syari‘at ini melainkan bersumber daripada wahyu yang diwahyukan kepadanya oleh Allah [al-Najm 53:3-4].

Hal ini pasti mustahil dan setiap sesuatu yang mustahil maka adalah mustahil juga jalan-jalan yang mengarah kepadanya.

#### **Kelima:**


Mempraktikkan kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat* atas alasan mengelakkan kesesatan bagi umat adalah dakwaan yang tertolak kerana ia secara langsung mengisyaratkan bahawa di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah terdapat ajaran-ajaran dan perkataan-perkataan yang bakal menyesatkan umat. Sangatlah terpelihara al-Qur'an dan al-Sunnah daripada menyesatkan umat. Hakikatnya sesiapa yang menyelisihi ketetapan al-Qur'an dan al-Sunnah, mereka telah melakukan penderhakaan yang menyesatkan. Firman Allah:



***Dan tidaklah patut bagi laki-laki yang mu'min dan tidak (pula) bagi perempuan yang mu'min, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barangsiapa menderhakai Allah dan Rasul-Nya maka sungguhlah dia telah sesat, sesat yang nyata. [al-Ahzaab 33:36]***

**Keenam:**

Allah *Tabaraka wa Ta'ala* pada asalnya telahpun menetapkan bahawa tiadalah sesuatu yang seumpama atau menyerupai Dia. Firman Allah:



***Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*** [al-Syura 42:11]



***Dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia.***” [al-Ikhlâs 112:04]

Mempraktikkan kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat* atas alasan mengelakkan *tasybih* dan *tajsim* menandakan pengingkar terhadap dua ketetapan Allah di dalam dua ayat-Nya di atas.

### **Ketujuh:**

Tetap bertegas dengan kaedah *al-Takwil* atas alasan mengelakkan *tasybih* dan *tajsim* membayangkan bahawa Allah pada asalnya telah menyifati diri-Nya dengan sifat-sifat makhluk dan Allah memerlukan kepada *takwilan* makhluk itu sendiri untuk menyucikan-Nya (*al-Tanzih*) daripada sifat tersebut. Maha Suci dan Maha Agung Allah daripada kejelekan *al-Takwil*.

### **Kelapan:**

Mempraktikkan kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat* atas alasan ianya adalah sesuatu yang *Ahkam* (yang lebih bijaksana dan handal) mencerminkan bahawa Allah dan Rasul-Nya pada awal-awal lagi tidaklah bijaksana mahupun handal. Maha Suci dan Maha Agung Allah daripada kecelaan alasan *al-Takwil*.

### **Kesembilan:**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telahpun menyempurnakan agama-Nya ini dan meredhainya [al-Maidah 5: 03] tanpa meletakkan kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat* sebagai salah satu dasar agama. Mempraktikkan kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat* menggambarkan bahawa agama ini pada asalnya masih belum lengkap dan sempurna, bahkan

menandakan bahawa masih ada sesuatu yang tertinggal daripada apa yang telah diredhai oleh Allah. Hal ini pasti mustahil, maka tertolaklah kaedah *al-Takwil* daripada mendapat tempat dalam agama Islam yang telah sempurna ini.

### **Kesepuluh:**

Mempraktikkan kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat* mencerminkan bahawa *nas al-Sifat* itu sendiri pada asalnya adalah satu bentuk teka teki yang perlu dicari jawapannya oleh manusia. Dari sudut yang lebih mendalam ia mengisyaratkan bahawa manusia perlu berikhtiar untuk mencari dan menetapkan sesuatu sifat bagi Allah.

Terhadap sifat Tangan, sebahagian pihak *mentakwilkannya* sebagai “kekuasaan Allah” manakala sebahagian lain *mentakwilkannya* sebagai “nikmat Allah”. Mana satukah yang benar ?

Bagaimana pula dengan firman Allah:



***Allah berfirman: “Hai iblis, apakah yang menghalangi kamu sujud kepada yang telah Ku-ciptakan dengan kedua Tangan-Ku.” [Saad 38:75]***

Adakah ia bererti “dua kuasa Allah” atau “dua nikmat Allah” ? Dengan itu juga adakah ia bererti Allah hanya memiliki dua bentuk kekuasaan dan dua jenis kenikmatan ?

Mahu Suci dan Maha Agung Allah daripada permainan *al-Takwil*.

Demikianlah beberapa kerosakan dan kemudharatan berpegang dan mempraktikkan kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat*. Maka di sini ditegaskan kepada para pembaca sekalian akan bahaya berpegang kepada kaedah *al-Takwil*. Berpeganglah kepada kaedah *Ahl al-Sunnah* yang tidak

*mentakwilkan nas-nas al-Sifat*. Demikian adalah merupakan kaedah yang benar mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah dan menjadi pegangan para sahabat, para *tab'in* dan para imam mazhab yang empat.

### **Beberapa cacatan tambahan.**

#### **Pertama:**

***Tauhid al-Asma' wa al-Sifat* dan perpecahan umat kerananya.**

Pembahagian di atas kepada *Ahl al-Sunnah*, *Ahl al-Zahir* dan *Ahl al-Takwil* hanyalah merupakan pembahagian yang berbentuk umum. Secara terperinci ia akan terbahagi kepada belasan malah puluhan fahaman dan aliran. Sebenarnya dalam analisa penulis perkara yang paling besar yang mengakibatkan berpecahnya umat Islam kepada berbagai kelompok adalah dalam subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*. Perpecahan ini disebabkan masing-masing aliran telah mendahulukan akal

(logik dan teori) di atas *naqal* (dalil-dalil wahyu: al-Qur'an dan al-Sunnah yang sah). Memandangkan akal itu adalah sesuatu yang relatif, maka lahirlah pelbagai aliran dengan teori masing-masing berdasarkan arah penalaran akal setiap tokoh yang mengasaskan aliran tersebut.

Sikap mendahulukan akal di atas *naqal* berpunca pengaruh ajaran-ajaran filsafat Yunani yang mula mendapat tempat di kalangan sebahagian orang Islam. Mereka menganggap ia sebagai satu bentuk ilmu yang bermanfaat maka diusahakan penterjemahan dan penyebaran ajaran-ajaran tersebut. Ajaran-ajaran filsafat ini mengusulkan bahawa akal adalah sesuatu yang paling unggul, paling bijak dan paling mulia di seluruh alam seagat. Maka hendaklah diunggulkan akal di atas segala-galanya. Sebahagian umat Islam terikut sama dengan usul ini sehingga mereka mengunggulkan akal di atas al-Qur'an dan al-Sunnah.

Sebenarnya tidak dinafikan bahawa akal adalah suatu benda yang paling unggul, bijak dan mulia. Akan tetapi setinggi mana sekalipun kedudukan akal tiadalah ia dapat melebihi kedudukan wahyu kerana akal hanyalah satu makhluk manakala wahyu adalah ilmu yang berasal daripada Allah yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui. Oleh itu wajib mendudukkan akal di tempat yang sebenar, iaitu di bawah wahyu.

## **Kedua:**

### **Kesalahan sikap mendahulukan akal di atas *naqal*.**

Berlakunya perpecahan umat daripada '*aqidah* yang telah berdiri di atas generasi *al-Salaf* adalah kerana mereka mendahulukan akal di atas *naqal*. Aliran-aliran ini yang umumnya dikenali sebagai *Aliran al-Kalam* atau *Ahl al-Kalam* (mereka yang membahas *Ilmu Kalam*), telah merumuskan satu teori "Kaedah Seagat" (*al-Qanun al-Kulli: Universal method*) yang menyatakan:


“Apabila berlaku pertentangan di antara akal dan *naqal* maka hendaklah diunggulkan akal di atas *naqal* kerana

adalah dalil-dalil akal bersifat *Qath'i* (jelas lagi pasti) manakala dalil-dalil *naqal* hanyalah bersifat *Dzanni* (samar-samar lagi meragukan).”

Kaedah ini diasaskan di atas teori bahawa tiadalah dalil-dalil *naqal* itu dapat difahami melainkan melalui jalan akal maka kerana itu adalah akal bersifat lebih utama dan harus ditinggikan daripada *naqal*. Lebih dari itu yang memastikan maksud sesuatu dalil *naqal* adalah akal maka dengan itu akal bersifat pasti (*Qath'i*) manakala *naqal* bersifat samar-samar (*Dzanni*).

Berikut akan dibahas teori “Kaedah Sejagat” tersebut (*al-Qanun al-Kulli: Universal method*) dan diterangkan kebatilannya:

1. Akal adalah makhluk Allah manakala *naqal* adalah ilmu Allah yang merupakan salah satu sifat-Nya yang sediakala. Tidak mungkin satu makhluk Allah adalah lebih utama dan ditinggikan di atas sifat Allah. Firman Allah:




***Allah-lah yang menciptakan tujuh langit dan seperti itu pula bumi. Perintah Allah berlaku padanya, agar kamu mengetahui bahwasanya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu, dan sesungguhnya Allah, ilmu-Nya benar-benar meliputi segala sesuatu. [al-Thalaq***


65:12]

Dalam ayat di atas dibezakan antara sesuatu yang diciptakan oleh Allah dan sesuatu yang merupakan sifat Allah di mana yang dicipta itu tunduk kepada perintah Kekuasaan dan Ilmu yang Mencipta, yakni Allah. Demikian juga, akal adalah salah satu ciptaan Allah dan adalah ia berada di bawah taklukan Kekuasaan dan Ilmu Allah.

2. Dalil-dalil *naqal* dengan sendirinya telah meletakkan akal di tangga kedua selepas *nakal*. Contohnya ialah firman Allah Ta'ala:



**Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal. [‘Ali Imran 3:190]**




**Ini adalah sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat**

**pelajaran orang-orang yang mempunyai akal.** [Sad 38:29]

Dua ayat ini dan sejumlah yang lain yang merupakan dalil *naqal* telah memerintahkan *Ulul al-Bab*, iaitu para manusia yang memiliki akal dengan beberapa perintah tertentu. Jika dikatakan bahawa akal memiliki kedudukannya di atas *naqal* maka bagaimana mungkin dalil *naqal* membebankan perintah ke atas akal ? Hal ini pasti tidak mungkin dan ini tidak lain menunjukkan bahawa dalil *naqal* memiliki kedudukan yang lebih tinggi daripada dalil akal.


3. Apabila wujudnya “pertentangan” sebagaimana dakwa *Ahl al-Kalam*, maka Allah telah menggariskan kaedah untuk menghilangkan “pertentangan” tersebut, yakni dengan kembali merujuk kepada al-Qur’an dan al-Sunnah. Allah tidak menyuruh manusia untuk merujuk kepada akal untuk menghilangkan “pertentangan” tersebut. Firman Allah:



***Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (al-Sunnah), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.*** [al-Nisaa’ 4:59]

4. Menjadikan akal di atas *naqal* sehingga akal tersebut bertindak sebagai “Hakim” ke atas sesuatu dalil *naqal*


adalah satu kesalahan besar sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:



**Apakah kamu tidak memperhatikan orang-orang yang mengaku dirinya telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadamu dan kepada apa yang diturunkan sebelum kamu? Mereka hendak berhakim kepada thaghut, padahal mereka telah diperintah mengingkari thaghut itu. Dan syaitan bermaksud menyesatkan mereka (dengan) penyesatan yang sejauh-jauhnya. [al-Nisaa' 4:60]**


*Taghut* adalah segala sesuatu selain Allah yang dijadikan hakim dalam menentukan urusan-urusan risalah Islam yang mulia ini.

5. Allah Tabaraka wa Ta'ala berfirman:



**Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh. [al-Ahzab 33:72]**


Di sisi ukuran Allah, manusia dianggap sebagai satu makhluk yang jahil, serba tidak tahu dan bodoh. Manakala di sisi manusia pula mereka menganggap diri mereka sebagai yang terpandai, terhandal dan paling bijaksana. Anggapan manusia ini hanyalah benar mengikut ukuran mereka akan tetapi ukuran ini tidaklah dapat digunakan terhadap Ilmu Allah. Justeru tidak boleh mengatakan akal letaknya di atas *naqal* kerana ia tidak lain hanyalah membuktikan kejahilan akal tersebut. Firman Allah dalam sebuah ayat yang lain:




***Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmu-Nya. [Ta-Ha 20:110]***

6. *Ahl al-Kalam* yang mendahulukan akal di atas *naqal* sepatutnya mengambil iktibar daripada kisah pengingkaran Iblis untuk sujud kepada Adam *‘alaihi salam*. Iblis telah mengunggulkan dalil akal di atas dalil *naqal* sehingga dia berpendapat perintah *naqal* untuk sujud kepada Adam adalah bertentangan dengan nalaran akal yang menegaskan bahawa dia adalah lebih baik daripada Adam. Tidak mungkin sesuatu yang lebih baik sujud kepada sesuatu yang tidak baik, justeru Iblis enggan sujud kepada Adam.

Hal ini diungkapkan oleh Allah Ta‘ala dalam al-Qur’an:





**Allah berfirman:** “Hai iblis, apakah yang menghalangi kamu untuk sujud kepada yang telah Ku-ciptakan dengan kedua Tangan-Ku. Apakah kamu menyombongkan diri atautkah kamu (merasa) termasuk orang-orang yang (lebih) tinggi ?”

**Iblis menjawab:** “Aku lebih baik daripadanya, karena Engkau ciptakan aku dari api, sedangkan dia Engkau ciptakan dari tanah.”

**Allah berfirman:** “Maka keluarlah kamu dari surga; sesungguhnya kamu adalah orang yang terkutuk.”  
[Sad 38:75-77]

Demikian beberapa dalil *naqal* yang membuktikan kebatilan teori “Kaedah Sejagat” yang diusulkan oleh *Ahl al-Kalam*. Berikut dikemukakan pula beberapa hujah akal yang sihat ke atas hujah akal *Ahl al-Kalam*:

7. Dua dalil hanya boleh dikatakan “saling bertentangan” apabila ia memiliki darjat yang sama. Jika *Ahl al-Kalam* sejak mula telah meletakkan dalil *naqal* sebagai *Dzanni* dan dalil akal adalah *Qath’i*, maka di sini tidak akan wujud apa-apa pertentangan. Kekeliruan *Ahl al-Kalam* dalam meletakkan asas teori mereka adalah dengan sendirinya menunjukkan kebatilan teori tersebut.
8. Jika sejak mula telah diletakkan dalil akal di atas dalil *naqal*, maka apakah gunanya untuk memiliki dalil *naqal* itu pada asalnya ? Persoalan ini mengarah kepada

persoalan lain, iaitu apakah pula yang membezakan *Ahl al-Kalam* dengan golongan *Atheis* yang menggunakan akal mereka untuk mengingkari wujudnya Tuhan di alam kehidupan ini ?

9. Bagaimana mungkin dikatakan akal bersifat *Qath'i* padahal akal itu sendiri adalah sesuatu yang relatif lagi lemah. Ia hanya tahu apa yang ia ketahui melalui enderia-enderianya dan ia tidak mengetahui apa yang tidak mampu dicapai oleh enderia tersebut. Malah akal itu juga tidak mengetahui apa yang ia tidak ketahui. Hal ini berbeza dengan dalil-dalil *naqal* yang bersifat menetap, menghukum dan menjelas yang semuanya merupakan ciri-ciri kepastian. Maka yang sebenarnya bersifat *Dzanni* adalah akal manusia, bahkan ia ditambahi dengan sifat *Dha'if* (lemah) dan *Jahil* (serba tidak tahu).
10. Antara bukti jelas sifat akal yang *Dzanni*, *Dha'if* dan *Jahil* ialah berpecahnya *Ahl al-Kalam* kepada pelbagai aliran seperti *al-Jahmiyyah*, *al-Muktazilah*, *al-Asya'irah* dan *al-Matudiyyah*. Malah dalam sesuatu aliran itu juga terdapat pecahan selanjutnya yang tidak terbatas jumlahnya. Beragamnya akal dalam memahami dalil-dalil *naqal* sehingga berpecahnya umat Islam kepada pelbagai aliran menunjukkan kepada lemahnya akal dan sekaligus menjatuhkan akal sebagai sesuatu yang *Dzanni* manakala menaikkan *naqal* sebagai sesuatu yang *Qath'i*.
11. Sama ada difahami atau tidak, dalil-dalil *naqal* adalah benar dengan sendirinya tanpa ia memerlukan kepada dalil-dalil akal yang bersifat serba lemah untuk menyokongnya, apatah lagi untuk membenarkannya. Perumpamaan *naqal* dan akal adalah seperti beberapa objek yang wujud dalam sebuah bilik dan sepasang mata yang cuba melihatnya. Objek-objek tersebut tetap wujud dalam bilik tanpa mengira sama ada mata dapat melihatnya atau tidak. Ini adalah kerana mata hanya

akan dapat melihat objek tersebut apabila ada cahaya yang meneranginya manakala apabila cahaya dihilangkan mata tidak lagi akan dapat melihatnya. Demikianlah juga, dalil-dalil *naqal* adalah benar dengan sendirinya tanpa mengira sama ada akal dapat memahaminya atau tidak. Ini adalah kerana akal bersifat membenarkan apa yang dapat difahaminya dan tidak membenarkan apa yang tidak dapat difahaminya. Dalam ertikata lain *naqal* adalah sesuatu yang tetap manakala akal sesuatu yang relatif, maka tidak boleh mengunggulkan sesuatu yang relatif di atas sesuatu yang tetap.

Demikianlah beberapa hujah *naqal* dan akal yang sihat yang menerangkan kebatilan teori “Kaedah Sejagat” *Ahl al-Kalam*. Sebenarnya akal yang sihat, yakni akal yang telah diasuh berdasarkan petunjuk al-Qur’an dan al-Sunnah yang *sahih*, tidak sekali-kali akan mendakwa wujudnya pertentangan dengan dalil-dalil *naqal* yang *sahih*. Hal ini sepertimana tegas Ibn Taimiyyah:

Dalil-dalil *naqal* yang *sahih* sama sekali tidak akan bertentangan dengan dalil-dalil akal yang sihat.<sup>7</sup>

Akal yang sihat tidak akan menganggap dirinya sebagai sesuatu yang berada di atas dalil-dalil *naqal* yang *sahih*. Akal yang sihat menganggap dirinya berada di bawah dalil-dalil *naqal* yang *sahih* dan akan berusaha untuk menyesuaikan dirinya kepada dalil-dalil *naqal* seandainya wujud perselisihan. Berkata Ibn Taimiyyah:

Apabila terdapat pertentangan antara *Syara’* dan akal, maka wajib mendahulukan *Syara’* kerana sesungguhnya akal ia (bersifat) membenarkan setiap sesuatu yang dikhabarkan oleh *Syara’* manakala *Syara’* tidaklah ia (bersifat) membenarkan setiap sesuatu yang

---

<sup>7</sup> *Dar’u Ta’arudh al-‘Akal wa al-Naqal* (tahqiq: M. Rasyad Salim; Dar al-Kunuz al-Adabiyyah, Riyadh 1391H), jld. 1, ms. 147.

dikhabarkan oleh akal.<sup>8</sup>

Sesiapa yang berpendapat wujudnya pertentangan antara akal dan *naqal* sehingga perlu diunggulkan akal di atas *naqal*, dia sebenarnya memiliki pendapat yang bertentangan dengan petunjuk akal yang sihat. Dalam ertikata lain dia sebenarnya memiliki akal yang tidak sihat yang perlu dirombak semula (*re-program*). Berkata Ibn Taimiyyah:

Sesungguhnya sesiapa yang menentangi dalil-dalil *naqal* yang *sahih*, sesungguhnya dia telah menentangi dalil-dalil akal yang sihat juga.<sup>9</sup>

Oleh itu yang benar adalah mendudukkan akal di bawah petunjuk *naqal*, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah yang *sahih*. Seandainya wujud perselisihan antara dalil-dalil *naqal* dan akal, maka hendaklah dihilangkan perselisihan tersebut dengan menundukkan akal kepada *naqal*. Tidak boleh mendahulukan akal di atas *naqal* kerana berbuat sedemikian hanyalah bererti mendahulukan kejahilan di atas ilmu pengetahuan dan kebatilan di atas kebenaran.

### **Ketiga:**

***Tauhid al-Asma' wa al-Sifat dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.***

Kriteria penentu bagi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah *'aqidah* yang telah berdiri di atasnya Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*, para sahabatnya, para *tabi'in* sehinggalah ke para imam mazhab yang empat, *radiallahu 'anhum*. Merekalah sebaik-baik umat untuk kita jadikan teladan dan ukuran. Dalam erti kata lain “acuan” bagi kriteria *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah apa yang dibentuk oleh generasi *al-Salaf*.

Sebahagian orang berkata, *al-Salaf* adalah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, *al-Asya'irah* adalah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*

---

<sup>8</sup> *Dar'u Ta'arudh al-'Akal wa al-Naqal*, jld. 1, ms. 138.

<sup>9</sup> *Dar'u Ta'arudh al-'Akal wa al-Naqal*, jld. 1, ms. 100.

dan *al-Matudiriyyah* adalah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.<sup>10</sup> Dari kata-kata ini bererti “acuan” bagi kriteria *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* ada 3 dan ini pasti mustahil. Lebih dari itu apa-apa aliran yang bakal muncul akan juga mendakwa diri mereka sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Yang benar “acuannya” hanya satu iaitu apa yang dibentuk oleh generasi *al-Salaf*. Mana-mana aliran yang muncul selepas generasi *al-Salaf* maka hendaklah diukur kedudukan ‘*aqidah*’ mereka berdasarkan “acuan” yang telah dibentuk oleh generasi *al-Salaf*.

Cara yang paling tepat untuk mengukur sesuatu aliran ialah mengkaji tokoh yang berada dalam aliran itu sendiri. Ini adalah kerana seringkali wujud perbezaan antara ijihad seseorang tokoh dan alirannya. Untuk mengukur kedudukan seseorang tokoh, hendaklah ia dilihat dari sudut keseluruhan pegangannya (*i'tiqad*) dan tidak satu sahaja. Perbahasan ‘*aqidah*’ dalam Islam adalah luas dan ia tidak terhad kepada kaedah memahami *nas-nas al-Sifat* sahaja. Seandainya seseorang itu ‘*aqidah*’nya secara keseluruhannya menepati “acuan” kecuali dalam satu atau dua perkara terpencil, maka adalah dia termasuk dalam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Apa-apa perkara terpencil yang diperselisihinya maka ia boleh dibuka untuk penganalisan dan *pentarjihan*.

Selain itu hendaklah kajian ke atas mana-mana tokoh dilakukan secara menyeluruh dan tidak kepada satu dua tulisan sahaja. Sedia diketahui sejumlah tokoh yang pada awalnya membicarakan ilmu tauhid dengan pengaruh falsafah dan lain-lain namun di akhir hayat mereka telah menariknya kembali.

---

<sup>10</sup> Al-Asya'irah ialah aliran yang disandarkan kepada Abu al-Hasan al-Asya'ari (324H) manakala al-Matudiriyyah ialah aliran yang disandarkan kepada Abu Mansur Muhammad bin Muhammad al-Maturidi (333H). Untuk mengetahui tentang dua aliran ini lihat buku:

[1] *Minhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah wa Minhaj al-Asya'irah* (2 jld., Maktabah al-Ghuraba', Madinah 1995) oleh Khalid bin 'Abd al-Latif.

[2] *'Adau al-Maturidiyyah li al-'Aqidah al-Salafiyyah* (3 jld., Univ Islam. Al-Athriyyah, Sawat 1998) oleh Shams al-Salafi al-Afghani.

Sebahagian mereka mengumumkan penarikan tersebut kepada orang ramai secara lisan, sebahagian lagi melalui tulisan dan sebahagian lagi melalui wasiat kepada anak muridnya. Oleh itu janganlah seseorang itu menilai pegangan (*i'tiqad*) seseorang tokoh semata-mata berdasarkan satu atau dua hasil tulisannya.

#### **Keempat:**

**Kekeliruan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* antara kaedah *Ahl al-Sunnah* dan *Ahl al-Zahir al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* dan kaitannya dengan aliran *al-Jahmiyyah*.**

Diminta para pembaca yang budiman agar benar-benar memahami secara terperinci antara kaedah *Ahl al-Sunnah*, *Ahl al-Zahir* dan *Ahl al-Takwil* dalam memahami *nas-nas al-Sifat* sepertimana yang telah penulis terangkan sebelum ini. Ini adalah kerana penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sering keliru dan cuba mengelirukan orang ramai dengan menyamakan antara *Ahl Zahir al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* dengan golongan *al-Salafiyyah*.

Sebenarnya *al-Salafiyyah* adalah pengikut generasi *al-Salaf* berdasarkan kaedah *Ahl al-Sunnah* yang menerima *nas-nas al-Sifat* dengan difahami maknanya, hanya *kaifiatnya* diserahkan kepada Allah. Ini jauh berbeza dengan *Ahl Zahir al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah*, mereka berpendapat *kaifiatnya* adalah sama antara Allah dan makhluk-Nya.

Menggelar *Ahl al-Sunnah* sebagai *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* bukanlah sesuatu yang baru. Hal ini telah berlaku sejak awal lagi ketika munculnya aliran-aliran bid'ah yang sesat khasnya *al-Jahmiyyah*.<sup>11</sup>

---

<sup>11</sup> Aliran *al-Jahmiyyah* berasal daripada seorang yang bernama Jahm bin Safwan (128H). Antara teori yang direka-cipta oleh aliran ini adalah menafikan sifat-sifat Allah, Allah berada di mana-mana, di setiap tempat dan al-Qur'an adalah makhluk. Diriwayatkan bahawa aliran *al-Jahmiyyah* berasal daripada Ja'd bin Dirham, daripada Aban bin Sam'an, daripada Thaluth, anak kepada saudara perempuan Lubaid bin al-A'sham, seorang Yahudi yang telah mensihir Rasulullah di zaman baginda. Asas-asas pemikiran aliran *al-Jahmiyyah* beralih ke aliran *al-Mu'tazilah* dan

Berkata Abu Hatim al-Razi (277H):<sup>12</sup>

Tanda-tanda aliran *al-Jahmiyyah* adalah mereka menggelar *Ahl al-Sunnah* sebagai *al-Musyabbihah*. Tanda-tanda aliran *al-Qadariyyah* adalah mereka menggelar *Ahl al-Sunnah* sebagai berfahaman *al-Jabariyyah*. Tanda-tanda aliran *al-Murji'ah* adalah mereka menggelar *Ahl al-Sunnah* sebagai *al-Mukhalifah* (suka menyimpang) dan *al-Nuqshaniyyah* (suka mengurangi). Tanda-tanda aliran *al-Rafidhah* adalah mereka menggelar *Ahl al-Sunnah* sebagai *al-Tsaniyyah*.

Dalam perkara ini menjadilah mereka aliran-aliran yang sesat padahal *Ahl al-Sunnah* tidak memiliki nama kecuali satu (iaitu *Ahl al-Sunnah*) dan nama-nama tersebut tidak mungkin bersatu dengan *Ahl al-Sunnah*.

Berkata al-Barbahari (329H):<sup>13</sup>

---

seterusnya ke aliran *al-Asya'irah* dan *al-Matudiriyyah* dengan beberapa perubahan..

Ia juga wujud di hari ini sebagaimana yang sedang diperjuangkan oleh al-Saqaf, hanya sahaja beliau mengemukakannya dengan beberapa solekan dan dandanan baru. Lebih lanjut tentang pergerakan ala *al-Jahmiyyah* masa kini, lihat penerangan:

[1] Ibrahim bin Amir al-Ruhaili – *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bid'ah*, ms. 86-88.

[2] Abu 'Iyaad as-Salafee dan Dawud Burbank – *Reply to Nuh Ha Min Keller* ([www.islaam.org.uk/ie/ilm/aqeedah/0044.htm](http://www.islaam.org.uk/ie/ilm/aqeedah/0044.htm)).

<sup>12</sup> *Ashl al-Sunnah wa I'tiqad al-Din*, telah diterjemahkan atas judul *Pokok-pokok Sunnah dan I'tiqad al-Dien* (terj: Abdul Kholiq; sebuah risalah yang dihimpun bersama dalam buku *Dasar-Dasar 'Aqidah Ahlus Sunnah wa al Jamaah*; Pustaka Amanah, Solo 2000), ms. 152, no: 38-42.

Bagi edisi internet sila lihat: [www.geocities.com/salafyoononline/edisi5/manhaj.htm](http://www.geocities.com/salafyoononline/edisi5/manhaj.htm)

Abu Hatim al-Razi ialah Muhammad bin Idris bin al-Munzir al-Razi, seorang imam hadis yang terkenal khasnya dalam bidang *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Meninggal dunia pada tahun 277H.

<sup>13</sup> *Syarhus Sunnah* (terj: Zainal Abidin; Dar el Hujjah, Jakarta 2002),

Jika anda mendengar seseorang berkata: “Si fulan adalah al-Musyabbihah atau si fulan berbicara tentang masalah *tasybih*” maka katakanlah bahawa dia seorang *al-Jahmiyyah*.

Berkata Abu ‘Uthman al-Sobuni (449H):<sup>14</sup>

Ciri-ciri *Ahl al-Bid‘ah* adalah sangat jelas dan yang paling jelas adalah sikap mereka yang secara terang-terang memusuhi dan menghina *Ahl al-Sunnah* dan *Ahl al-Athar* serta memberi nama-nama buruk kepada mereka seperti *al-Hasyawiyyah* (orang yang tidak berguna), *al-Jahalah* (orang yang jahil), *al-Zahiriyyah* (orang yang berpegang kepada yang zahir) dan *al-Musyabbihah*.

Oleh itu berhati-hatilah dengan gelaran *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* yang diberikan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Tindakan beliau hanyalah merupakan replika ke atas tindakan aliran bid‘ah *al-Jahmiyyah* yang lazim menggelar aliran *Ahl al-Sunnah* dengan gelaran yang sama.

Berikut akan dimulakan penilaian semula ke atas beberapa

---

ms. 84, no: 141.

Al-Barbahari, beliau ialah Hasan bin ‘Ali bin Khalaf yang berasal daripada daerah Barbahar, India. Beliau telah mengembara ke Timur Tengah untuk menuntut ilmu sehingga beliau menjadi seorang imam yang masyhur di sana. Zahid al-Kauthari telah mengkritik dan menabur fitnah ke atas al-Barbahari akan tetapi *alhamdulillah* kritikan ini telah dijawab oleh Khalid bin Qasim al-Raddadiy, peneliti dan pengulas kitab *Syarus Sunnah*. Al-Barbahari meninggal dunia pada tahun 329H.

<sup>14</sup> ‘*Aqidah al-Salaf wa Ashab al-Hadis*, jld. 1, ms. 131-132; CF *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bid‘ah*, ms. 76.

Abu ‘Uthman al-Sobuni, beliau ialah Ismail bin ‘Abd al-Rahman bin Ahmad, seorang ahli tafsir dan ahli hadis yang ulung di zamannya. Berkata al-Baihaqi tentangnya: *Imam al-Muslimin yang benar (Haq), Shaikh al-Islam yang jujur (sadiq), Abu ‘Uthman al-Sobuni*. Antara karyanya yang sampai kepada kita ialah risalah ‘*Aqidah al-Salaf wa Ashab al-Hadis* yang khas membicarakan ‘*aqidah* generasi *al-Salaf* dan aliran-aliran yang menyanggahinya. Meninggal dunia pada tahun 449H.

perkara penting dalam bab pertama buku *Salafiyah Wahabiyah*, dimulakan dengan perbincangan bilakah batas pemisah antara generasi *al-Salaf* dan *al-Khalaf*.

## PENILAIAN SEMULA NO: 1

### *Aliran al-Khalaf bermula selepas tahun 300 atau 500 hijrah.*


Dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 9, disebut bahawa:


Penghidupan mereka bermula daripada 500 hijrah mengikut pendapat yang kukuh. Ada pendapat lain yang mengatakan ia bermula daripada 300 tahun selepas hijrah. Ringkasnya, para ulama' berselisih pendapat mengenainya.

Keterangan ini diulangi oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 15. Kenyataan di atas meletakkan tarikh pembeza antara *al-Salaf* dan *al-Khalaf* kepada tahun 500 hijrah. Tarikh pembeza ini dianggap yang terkukuh sekalipun diakui adanya pendapat lain yang mengatakan ianya terletak pada tahun 300 hijrah. Ringkasnya dalam bab ini terdapat perselisihan pendapat di mana yang terkukuh antara dua pendapat ini adalah yang pertama, demikian diisyaratkan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.

### **Penilaian semula:**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menggariskan kaedah yang perlu diambil apabila berhadapan dengan perselisihan pendapat:





**Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “Ulil-Amri” dari kalangan kamu.**

**Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. [al-Nisaa’ 4:59]**

Dalam ayat ini Allah menerangkan bahawa apabila timbul perselisihan pendapat terhadap sesuatu perkara, hendaklah diakhiri perselisihan tersebut dengan merujuk kepada al-Qur’an dan al-Sunnah. Kaedah ini menjadi antara manhaj umat Islam yang paling asas dan manhaj inilah juga yang akan digunakan untuk menilai buku *Salafiyah Wahabiyah* secara keseluruhannya.

Justeru bagi menangani perselisihan pendapat antara tahun 300 dan 500 hijrah, kita merujuk kepada hadis yang sebelum ini telah juga dikemukakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 2, iaitu sabda Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam*:

حَيْرَكُمْ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوهُمْ.

**Sebaik-baik kalian adalah pada kurun aku, kemudian pada kurun yang mengikutinya, kemudian pada kurun yang mengikutinya.<sup>15</sup>**

---

<sup>15</sup> **Sahih:** Sebahagian hadis daripada Imran bin Husain *radiallahu ‘anhu*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, di atas adalah dengan lafaz al-Bukhari, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 3650. (Kitab

Dengan merujuk dan membandingkan dengan beberapa hadis yang lain, perkataan “*kurun*” dalam hadis di atas secara tepatnya merujuk kepada generasi umat. *Kurun* pertama adalah generasi sahabat, *kurun* yang mengikutinya adalah generasi *tabi’in* dan *kurun* yang mengikutinya adalah generasi yang menyusul generasi *tabi’in*, yang juga dikenali sebagai *Atba’ al-Tabi’in*.<sup>16</sup> Berkata Ibrahim al-Baijuri (1277H):

*Al-Salaf* ialah orang-orang yang terdahulu yang terdiri daripada *al-Anbiya’* (khususnya Rasulullah), para sahabat, *tabi’in* dan mereka yang mengikutinya, khususnya para imam mujtahid yang empat”.<sup>17</sup>

Secara umumnya 3 generasi di atas mewakili 300 tahun yang pertama. Maka apabila disebut generasi *al-Salaf* sebagai sebaik-baik ikutan, yang dimaksudkan adalah mereka yang hidup pada tahun 300 hijrah yang pertama.

Jika hendak dikatakan tahun 500 hijrah sebagai pembeza antara *al-Salaf* dan *al-Khalaf*, timbul persoalan: Apakah dalil yang dijadikan sandaran bagi pembezaan ini ? Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* tidak mengemukakan dalilnya. Jika tidak ada dalil, maka apakah yang akan menghalang seseorang itu untuk mendakwa bahawa tarikh pembeza antara *al-Salaf* dan *al-Khalaf* adalah tahun 700 atau 900 atau 1000 hijrah ? Malah boleh juga dikatakan tarikh pembeza itu adalah pada tahun 1500 hijrah yang akan datang sehingga menjadilah umat Islam semuanya sekarang ini sebagai generasi *al-Salaf*. Hal ini pasti tidak benar.

---

*Fadhilat Sahabat).*

<sup>16</sup> Lihat penjelasan Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam *Fath al-Bari* (tahqiq: ‘Abd al-Aziz bin Baz; Dar al-Fikr, Beirut 2000), jld. 7, ms. 351-353, syarah bagi hadis no: 3650.

<sup>17</sup> *Tuhfat al-Murid ‘ala Jauharah al-Tauhid* oleh Ibrahim al-Baijuri (tahqiq: ‘Abd Allah Muhammad Khalil; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 2001), ms. 231 (Bab Yang terbaik adalah mengikut dan.....). Juga dikemukakan dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 10-11.

## PENILAIAN SEMULA NO: 2

### ***Dakwaan Fahaman al-Salaf berasal daripada Ibn Hazm al-Zahiri.***

Terdapat beberapa pendapat daripada penyusun *Salafiyah Wahabiyah* tentang asal usul fahaman *al-Salaf*. Pertama beliau berkata ianya berasal daripada pemikiran Ibn Hazm al-Zahiri (456H)<sup>18</sup> yang kemudian dicetuskan semula oleh Ibn Taimiyyah (728H)<sup>19</sup> (*Salafiyah Wahabiyah*, ms. 12, bahagian *notakaki*). Kedua; beliau berkata ianya berasal daripada Hisyam al-Jawaliki dan golongan *al-Mujassimah* dan ini menurut beliau disebut oleh al-Qurtubi (671H)<sup>20</sup> (*Salafiyah Wahabiyah*, ms. 15-16). Akhirnya yang ketiga beliau merujuk kepada pendapat Muhammad Abu Zahrah bahawa ianya

---

<sup>18</sup> Beliau ialah ‘Ali bin Ahmad bin Sa‘id, lahir di Kardova, Sepanyol pada tahun 384H. Sandaran *al-Zahiri* adalah kerana beliau terkenal sebagai penyambung Mazhab *Daud al-Zahiri* yang berpegang kepada zahir nas dalam menentukan hukum fiqh tanpa qiyas. Beliau bukanlah termasuk *Ahl al-Zahir al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah*. Meninggal dunia pada tahun 456H. Untuk mengkaji sejarah perjuangan Ibn Hazm, lihat buku: *Ibn Hazm: Biografi, Karya dan Kajiannya tentang Agama-agama* oleh Mahmud Ali Himayah (terj: Halid Alkaf; PT Lentera, Jakarta 2001).

<sup>19</sup> Beliau ialah Ahmad bin ‘Abd al-Halim al-Harani, seorang tokoh mujtahid pada kurun ke 8 Hijrah. Terkenal dengan ketegasan beliau membetul dan menolak fahaman luar yang mencemar keaslian Islam. Lahir pada tahun 661H dan meninggal dunia pada tahun 728H di Damsyik.

<sup>20</sup> Beliau ialah Muhammad bin Ahmad al-Ansori al-Qurtubi, juga berasal daripada Kardova, Sepanyol. Antara karya beliau yang terkenal ialah kitab *Jamii’ li Ahkam al-Qur’an* yang menjadi rujukan standard dalam mana-mana kajian tafsir al-Qur’an. Meninggal dunia pada tahun 671H.

berasal daripada para penganut Mazhab Hanbali (*Salafiyah Wahabiyah*, ms. 16).

Mana satukah yang benar ? Ketiga-tiganya adalah tidak benar. Di sini kita akan tumpukan kepada dakwaan yang pertama, bahawa aliran *al-Salaf* yang dibawa oleh Ibn Taimiyyah lahir daripada pemikiran Ibn Hazm. Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mengulas di bahagian notakaki ms. 12:

Ibn Taimiyyah terpengaruh dengan tradisi Ibn Hazm al-Zahiri hanya dalam beberapa aspek sahaja. Antaranya ialah melancarkan kecaman yang hebat ke atas ilmu kalam (teologi), peniruan (*taqlid*), takwil, logik akal (*ra'yu*) dan lain-lain. Namun dalam keadaan tertentu, beliau sendiri mengkritik Ibn Hazm dengan keras. Hal ini dibuktikan dalam kes *Ijma'*, Ibn Hazm telah menaqalkan di dalam kitab *Maratib al-Ijma'* (susunan al-Ijma') bahawa *Ijma'* telah berlaku di kalangan umat Islam bahawa Allah itu tidak bertempat. Tetapi Ibn Taimiyyah menyanggahnya di dalam kitab "*Naqd Maratib al-Ijma'*", mengatakan bahawa Tuhan itu bertempat. Sebenarnya bukan Ibn Hazm sahaja yang menaqalkan *Ijma'* ini, malah Imam al-Baghdadi di dalam kitabnya "*Farq baina al-Firaq*", ms. 292 dan al-Hafiz Abu Hayyan al-Andalusi di dalam "*al-Tahrir*" (lihat al-U'lu - al-Zahabi penyunting 'Allamah al-Sayyid Hassan al-Saqqaf, ms. 114) juga turut berpendapat sedemikian. Maka berhati-hatilah dengan aliran al-Salafi ini.

### ***Penilaian semula:***

Kenyataan di atas akan dinilai semula dalam beberapa bahagian:

- Pertama: Aliran *al-Salaf* Ibn Taimiyyah sebenarnya berasal daripada generasi *al-Salaf*.
- Kedua: Dakwaan Ibn Taimiyyah terpengaruh dengan tradisi pemikiran Ibn Hazm.
- Ketiga: Dakwaan Ibn Taimiyyah mengkritik keras dan menyanggah *Ijma'* yang dinukil oleh Ibn Hazm tentang *tempat bagi Allah*.

**Pertama:**

**Aliran *al-Salaf* Ibn Taimiyyah sebenarnya berasal daripada generasi *al-Salaf*.**

Peyusun *Salafiyah Wahabiyah* mendakwa aliran *al-Salaf* Ibn Taimiyyah berasal daripada cetusan fikiran Ibn Hazm. Hal ini adalah tidak benar. Fahaman *al-Salaf* yang dipegang dan ditegaskan oleh Ibn Taimiyyah dalam kaedah memahami *nas-nas al-Sifat* adalah fahaman yang benar-benar berasal daripada generasi *al-Salaf*. Berikut dikemukakan pegangan (*i'tiqad*) para imam mujtahid yang empat dan lain-lain tokoh di zaman sebelum 300 hijrah tentang kaedah memahami *nas-nas al-Sifat*.

***Pegangan (i'tiqad) para tokoh al-Salaf dalam Tauhid al-Asma' wa al-Sifat.***

[A] Pegangan Abu Hanifah (150H)<sup>21</sup> dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*:

Berkata Abu Hanifah dalam kitabnya: *Kitab al-Fiqh al-Akhbar*:<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> Beliau ialah Nu'man bin Thabit yang lahir di Kufah pada tahun 80H dan meninggal dunia pada tahun 150H. Seorang imam mujtahid yang terkenal dengan gelaran Imam Abu Hanifah di mana kepada beliau disandarkan Mazhab Hanafi.

<sup>22</sup> Ali al-Qari – *Syarah Kitab al-Fiqh al-Akhbar li Abi Hanifah (tahqiq: 'Ali Muhammad Dandal; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1995), ms. 66-68.* Telah diterjemahkan atas judul *Tauhid Agung Imam Abu Hanifah dan Imam Syafi'e* (terj: M. Nur Lubis; al-Hidayah, Kuala Lumpur 2002), lihat

فما ذكره الله تعالى في القرآن من ذكر الوجه واليد والنفس فهو له صفات بلا كيف. ولا يقال: إن يده قدرته أو نعمته, لأن فيه إبطال الصفة. وهو قول أهل القدر والاعتزال ولكن يده صفته بلا كيف. وغضبه ورضاه صفتان من صفاته تعالى بلا كيف.

Dan apa yang disebut oleh Allah *Ta'ala* dalam al-Qur'an daripada sebutan Wajah dan Tangan dan "Diri", maka ia adalah sifat-sifat bagi-Nya tanpa mempersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacara (*kaifiat*). Dan tidak boleh dikatakan bahawa Tangan-Nya adalah kuasa-Nya (Kudrat) atau nikmat-Nya kerana padanya terdapat pembatalan sifat. Ini adalah pendapat *al-Qadariyyah* dan *al-Muktazilah*. Akan tetapi Tangan-Nya adalah sifat-Nya tanpa mempersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacara (*kaifiat*). Dan Marah-Nya dan Redha-Nya adalah dua sifat daripada sifat-sifatnya tanpa mempersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacara (*kaifiat*).

[B] Pegangan Malik bin Anas (179H)<sup>23</sup> dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*:

al-Walid bin Muslim (194H)<sup>24</sup> berkata:

---

ms. 07.

<sup>23</sup> Beliau ialah seorang imam mujtahid yang terkenal dengan gelaran Imam Malik, kepada beliau disandarkan Mazhab Maliki. Lahir pada tahun 93H dan meninggal dunia pada tahun 179H di Kota Madinah. Bagi rujukan lanjut tentang pegangan beliau dalam 'aqidah dari sumber terjemahan, sila lihat: *Manhaj Akidah Salaf: Akidah Imam Malik* oleh Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Marghawi (terj: Ibtidain Hamzah; Pustaka Azzam, Jakarta 2002).

<sup>24</sup> Beliau ialah al-Walid bin Muslim Abu al-'Abbas, seorang *perawi* hadis yang *thiqah* lagi terkenal di zamannya. Antara yang menerima hadis

سألت الأوزاعي ومالك وسفيان الثوري والليث بن سعد عن  
هذه الأحاديث, فقالوا: أمروها كما جاءت بلا كيف.

Aku telah bertanya kepada al-Auza'i<sup>25</sup> dan Malik (bin Anas) dan Sufyan al-Thauri<sup>26</sup> dan al-Laits bin Sa'ad<sup>27</sup> tentang hadis-hadis ini (tentang sifat-sifat Allah)<sup>28</sup>, mereka menjawab: "Terimalah ia sebagaimana ia datang tanpa mempersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacara (*kaifiat*)."<sup>29</sup>

[C] Pegangan Muhammad bin Idris al-Shafi'i (204H)<sup>30</sup> dalam

---

daripadanya ialah Ahmad bin Hanbal. Meninggal dunia pada tahun 194H.

<sup>25</sup> Beliau ialah 'Abd al-Rahman bin Auza'i yang dilahirkan di Syria pada tahun 89H dan meninggal dunia di Beirut pada tahun 157H. Seorang tokoh besar yang terkenal khususnya di Syria, Jordan, Palestin dan Lubnan.

<sup>26</sup> Beliau ialah seorang tokoh besar yang sezaman dan setempat dengan Imam Abu Hanifah. Lahir di Kufah pada tahun 100H dan meninggal dunia pada tahun 160H.

<sup>27</sup> Beliau ialah seorang berketurunan Parsi yang lahir di Mesir pada tahun 97H dan meninggal dunia pada tahun 174H. Beliau sempat mendalami fiqh Imam Abu Hanifah dan Imam Malik. Imam al-Shafi'i juga sempat berhijrah ke Mesir untuk belajar bersama beliau.

<sup>28</sup> Dalam kurungan adalah riwayat al-Lalaka'i disebut hadis-hadis tentang melihat Allah di Hari Akhirat.

<sup>29</sup> **Sanad hasan:** Dikeluarkan oleh:

[1] al-Daruquthni secara ringkas dalam *al-Sifat (tahqiq: 'Abd Allah al-Ghanaiman; Maktabah al-Dar, Madinah 1402) – no: 062*.

[2] al-Lalaka'i dalam *Syarah Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (tahqiq: Ahmad Sa'id Hamdan; Dar Tayyibah, Riyadh 1402H), jld. 3, ms. 527, no: 930*.

[3] al-Baihaqi dalam *al-I'tiqad wa al-Hidayah ila Sabil al-Rasyad (tahqiq: 'Abd Allah Ahmad bin Ibrahim; Dar Ibn Hazm, Beirut 1420H), ms. 123 (Bab Tentang al-Istiwa')*. Berkata *pentahqiq* berdasarkan jalan yang dikeluarkan oleh al-Lalaka'i: *Sanadnya hasan*.

<sup>30</sup> Terkenal dengan gelaran Imam Shafi'i, kepada beliau disandarkan Mazhab Shafi'i. Lahir di Gaza, Palestin pada tahun 150H dan meninggal dunia di Mesir pada tahun 204H. Untuk kajian lanjut tentang pegangan al-Shafi'i dalam urusan '*aqidah*, sila lihat: *Manhaj al-Imam al-Shafi'i fi Ithbat*

*Tauhid al-Asma' wa al-Sifat:*

Berkata al-Shafi'i dalam kitabnya *al-Risalah*:<sup>31</sup>

والحمد لله ..... الذي هو كما وصف نفسه، وفوق ما  
يصفه به خلقه.

Segala puji bagi Allah .....Dia adalah seperti yang  
disifatkan terhadap diri-Nya dan Dia mengatasi dengan  
sifat-Nya atas makhluk-Nya.

[D] Pegangan Ahmad bin Hanbal (241H)<sup>32</sup> dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*:

Berkata Musaddad bin Musarhad (228H)<sup>33</sup>, aku bertanya  
(kepada Ahmad bin Hanbal) tentang hadis-hadis *al-Sifat*, maka  
beliau menjawab:

.....أمر كما جاءت ويؤمن بها ولا يرد منها شيء إذا  
كانت بأسانيده صحاح.

Diterima sebagaimana ia datang dan diimani dengannya  
dan jangan ditolak daripadanya apa-apa jika ia adalah

---

*al-'Aqidah* oleh Muhammad 'Abd al-Wahhab al-'Aqil (Adwa' al-Salaf, Riyadh 1998). Telahpun diterjemahkan sebagai: *Manhaj 'Aqidah Imam Asy-Syafi'i* (terj: Nabhani Idris; Pustaka Imam asy-Syafi'i, Bogor 2002).

<sup>31</sup> *al-Risalah* (tahqiq: Ahmad Syakir, Mathba'ah Babi al-Halabi, Kaherah tp. thn.), ms. 7-8 (bgh muqaddimah).

<sup>32</sup> Beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaibani, lahir di Baghdad pada tahun 164H dan meninggal dunia pada tahun 241H. Terkenal dengan kitab hadisnya – *Musnad Ahmad* dan kepada beliau disandarkan Mazhab Hanbali.

<sup>33</sup> Beliau ialah seorang ahli hadis yang terkenal di zamannya, menerima hadis daripada Yahya bin Sa'id al-Qathan dan lain-lain. Mengambil hadis daripadanya oleh al-Bukhari dan Abu Daud. Merupakan rakan hadis kepada Ahmad bin Hanbal. Lihat al-'Ali al-Maqdisi – *al-Minhaj al-Ahmad fi Tarajim Ashaba al-Imam Ahmad* (tahqiq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Atha'; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1999), *biografi* no: 20.

dengan *sanad* yang *sahih*.<sup>34</sup>

[E] Pegangan lain-lain tokoh di zaman *al-Salaf* dalam *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*:

Berkata al-Auza'i (157H):

كنا والتابعون متوافرون نقول: إن الله تعالى ذكره فوق عرشه,  
ونؤمن بما وردت السنة به من صفاته جل و علا.

Adalah kami dan generasi *tabi'in* seluruhnya bersepakat berkata: “Sesungguhnya Allah *Ta'ala* menyebut diri-Nya berada Di Atas *'Arasy-Nya*, dan kami beriman dengan apa yang datang dari al-Sunnah tentang sifat-sifat-Nya (yang Maha) Agung dan Tinggi.”<sup>35</sup>

Diriwayatkan daripada Muhammad bin Hasan al-Shaibani (189H)<sup>36</sup>:

اتفق الفقهاء كلهم من المشرق إلى المغرب على الإيمان  
بالقرآن والأحاديث التي جاء بها الثقات عن رسول الله صلى  
الله عليه وسلم في صفة الرب عز وجل من غير تغيير ولا  
وصف ولا تشبيه فمن فسر اليوم شيئاً من ذلك فقد خرج  
مما كان عليه النبي صلى الله عليه وسلم وفارق الجماعة فإنهم

---

<sup>34</sup> *al-'Aqidah li Ahmad bin Hanbal riwayat Musaddad bin Musarhad* (tahqiq: 'Abd al-'Aziz Izz al-Din; Dar Qutaibah, Damsyik 1408H), ms. 127.

<sup>35</sup> **Sanad sahih:** Dikeluarkan oleh al-Baihaqi dalam *al-Asma' wa al-Sifat* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut tp.thn), ms. 515 dan *sanadnya* dinilai *sahih* oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam *Ijtima' al-Juyush al-Islamiyah* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1404H), ms. 69.

<sup>36</sup> Beliau ialah salah seorang anak murid Abu Hanifah yang telah memainkan peranan yang penting dalam melengkap dan menyempurnakan ajaran-ajaran tuan gurunya. Seorang tokoh dan imam yang masyhur di zamannya, meninggal dunia pada tahun 189H.

لم يصفوا ولم يفسروا ولكن أفتوا بما في الكتاب والسنة ثم  
سكتوا.

Bersepakat para ahli fiqh seluruhnya daripada Barat sehingga ke Timur atas (kewajipan) beriman kepada al-Qur'an dan al-Hadis yang berasal (daripada para perawi) yang dipercayai daripada Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* tentang Sifat-sifat Rabb (Allah) '*Azza wa Jalla* tanpa mengubahnya dan tanpa menjelaskan (ciri-cirinya) dan tanpa menyerupakannya.

Barangsiapa di satu masa menafsirkan sesuatu daripada yang sedemikian maka sungguh telah terkeluar dia daripada apa yang berada di atasnya (agama) Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* dan berpecah dia daripada *al-Jama'ah*.

Kerana sesungguhnya mereka (para ahli fiqh dari Barat sehingga ke Timur) tidak menjelaskan ciri-ciri dan tidak menafsirkan akan tetapi mereka berfatwa sebagaimana apa yang ada dalam al-Kitab dan al-Sunnah kemudian mendiamkannya.<sup>37</sup>

---

<sup>37</sup> -----: Dikeluarkan oleh al-Lalaka'i dalam *Syarah Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, jld. 3, ms. 432, no: 740 dengan *sanad* yang di dalamnya terdapat beberapa *perawi* yang tidak dapat dikesan *Jarh wa Ta'dil*-nya oleh penulis. *Pentahqiq*: Ahmad Sa'id Hamdan juga mendiamkannya. Juga disebut dengan lafaz yang sedikit berlainan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani dalam *Fath al-Bari* (*tahqiq*: Fu'ad 'Abd al-Baqi & Mahib al-Din al-Khatib; Dar al-Ma'rifah, Beirut 1379H), jld. 13, ms. 407 (*Kitab Tauhid, Bab Perkataannya: Adalah 'Arasy di atas air....*) dan beliau juga mendiamkannya.

Penulis berpendapat *athar* di atas adalah benar kerana ia disokongi oleh banyak *athar* yang lain, sebahagiannya telah disalin di atas khasnya daripada al-Auza'i dan al-Tirmizi. Berkata Ibn Hajar al-'Asqalani setelah mengemukakan *athar* di atas dan beberapa yang lain yang seumpama: *Terdapat banyak athar seperti ini daripada (generasi) al-Salaf dan inilah jalan (yang dipegang) oleh al-Shafi'i dan Ahmad bin Hanbal.*

Berkata Abu 'Isa al-Tirmizi (279H)<sup>38</sup>:

وقد قال غير واحد من أهل العلم في هذا الحديث وما يشبه هذا من الروايات من الصفات ونزول الرب تبارك وتعالى كل ليلة إلى السماء الدنيا. قالوا قد تثبت الروايات في هذا ويؤمن بها ولا يتوهم ولا يقال كيف. هكذا روي عن مالك وسفيان بن عيينة وعبد الله بن المبارك أنهم قالوا في هذه الأحاديث: أمروها بلا كيف. وهكذا قول أهل العلم من أهل السنة والجماعة.

وأما الجهمية فأنكرت هذه الروايات وقالوا هذا تشبيه وقد ذكر الله عز وجل في غير موضع من كتابه اليد والسمع والبصر فتأولت الجهمية هذه الآيات ففسروها على غير ما فسر أهل العلم. وقالوا إن الله لم يخلق آدم بيده وقالوا إن معنى اليد هنا هنا القوة.

وقال إسحاق بن إبراهيم إنما يكون التشبيه إذا قال يد كيد أو مثل يد أو سمع كسمع أو مثل سمع. فإذا قال سمع كسمع أو مثل سمع فهذا التشبيه. وأما إذا قال كما قال الله تعالى

---

<sup>38</sup> Beliau ialah Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Surah al-Tirmizi, seorang imam hadis yang terkenal dengan kitabnya *Sunan al-Tirmizi*. Beliau juga seorang yang ahli dalam bidang fiqh sehingga kebanyakan hadis-hadis yang disusun dalam kitabnya disertakan sama pendapat para ahli fiqh tentang hukum dan pengamalannya. Meninggal dunia pada tahun 279H.

يد وسمع وبصر ولا يقول كيف ولا يقول مثل سمع ولا كسمع  
فهذا لا يكون تشبيها وهو كما قال الله تعالى في كتابه  
((ليس كمثله شيء وهو السميع البصير)).

Dan sungguh telah berkata tidak seorang daripada *Ahl Ilmu* tentang hadis ini dan apa yang seumpamanya daripada riwayat-riwayat tentang *al-Sifat* dan (tentang) Penurunan *Rabb* (Allah) *Tabaraka wa Ta'ala* pada setiap malam ke langit dunia. Mereka berkata riwayat-riwayat seperti ini adalah benar (*thabit*) dan berimanlah kepada ia dan jangan dibayangkan (seperti apa) dan jangan ditanya bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya (*kaifiat*). Inilah yang telah diriwayatkan daripada Malik (bin Anas) dan Sufyan bin 'Uyaynah dan 'Abdullah bin Mubarak, sesungguhnya mereka telah berkata tentang hadis-hadis seperti ini (yang berkaitan nas-nas *al-Sifat*): Terimalah ia (berimanlah kepadanya) tanpa mempersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacara (*kaifiat*). Dan demikianlah juga pendapat *Ahl Ilmu* (para ulama') *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Manakala golongan *al-Jahmiyyah* mereka mengingkari riwayat-riwayat seperti ini (nas-nas *al-Sifat*) sambil berkata ini adalah *tasybih* (penyerupaan dengan makhluk). Sesungguhnya Allah '*Azza wa Jalla* telah menyebut hal ini tidak sekali dalam kitab-Nya (*al-Qur'an*) seperti Tangan dan Pendengaran dan Penglihatan akan tetapi golongan *al-Jahmiyyah* telah *mentakwilkan* ayat-ayat ini dan menafsirkannya kepada sesuatu yang berlainan daripada tafsiran *Ahl Ilmu*. Mereka (*al-Jahmiyyah*) berkata sesungguhnya Allah tidak mencipta (Nabi) Adam ('*alaihi salam*) dengan Tangan-Nya. Mereka berkata maksud Tangan-Nya di sini adalah kekuatan-Nya.

Padahal berkata Ishaq bin Ibrahim<sup>39</sup>: “Sesungguhnya yang dianggap *tasybih* (penyerupaan dengan makhluk) hanyalah apabila seseorang berkata Tangan sepertimana tangan (makhluk) atau seumpama tangan (makhluk), Pendengaran sepertimana pendengaran (makhluk) atau seumpama pendengaran (makhluk). Justeru apabila seseorang berkata Pendengaran sepertimana pendengaran (makhluk) atau seumpama pendengaran (makhluk) maka barulah ia dianggap sebagai penyerupaan.

Namun apabila seseorang berkata sebagaimana firman Allah Ta’ala di dalam kitab-Nya (al-Qur’an): Tangan dan Pendengaran dan Penglihatan tanpa dipersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya (*kaifiat*) dan tidak dikatakan seumpama pendengaran (makhluk) dan tidak juga dikatakan sepertimana pendengaran (makhluk) maka ini tidak dianggap sebagai penyerupaan. Malah ia adalah sepertimana firman Allah Ta’ala di dalam kitab-Nya (al-Qur’an): ***Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*** [al-Syura 42:11]<sup>40</sup>

Dari nukilan-nukilan di atas jelas kepada kita bahawa kaedah memahami *nas-nas al-Sifat* yang dibawa oleh Ibn Taimiyyah dan tokoh-tokoh *Salafiyyah* yang lain adalah sesuatu yang benar-benar berasal daripada generasi *al-Salaf*. Justeru fahaman *al-Salaf* Ibn Taimiyyah adalah merupakan fahaman generasi *al-Salaf* yang sebenarnya.

---

<sup>39</sup> Beliau ialah Ishaq bin Ibrahim bin Mukhallad bin Ruhuyah, masyhur dengan gelaran Ibn Ruhuyah. Lahir di Turmen pada tahun 161H dan adalah merupakan seorang ahli hadis yang ulung di zamannya. Antara karyanya yang masyhur ialah kitab hadis *Musnad ibn Ruhuyah*. Meninggal dunia di Nishapur pada tahun 238H.

<sup>40</sup> Muhammad bin ‘Isa al-Tirmizi – *Sunan al-Tirmizi (tahqiq: Ahmad Syakir dan rakan-rakan; Dar al-Hadith, Kaherah 1999), jld. 3, ms. 33 (Kitab Zakat, Bab Tentang keutamaan bersedekah)*. Bagi edisi terjemahan lihat *Sunan at-Tirmidzi* (terj: Moh. Zuhri; Victory Agencie, Kuala Lumpur 1993), jld. 1, ms. 800-801.

Demikian juga fahaman ini bukanlah merupakan “cetusan pemikiran” Ibn Hazm yang tersendiri tetapi ia adalah fahaman generasi *al-Salaf* yang beliau ambil dan pegangi.

Tegas Ibn Hazm:

ولا يحل لأحد أن يسمي الله عز وجل بغير ما سمعه نفسه  
ولا أن يصفه بغير ما أخبر به تعالى عن نفسه.

Tidak dihalalkan bagi seseorang untuk menggelar Allah ‘*Azza wa Jalla* selain daripada apa yang telah Dia menamakan diri-Nya dengannya (*al-Asma’ al-Husna*) dan tidak (dihalalkan) untuk menyifatkan-Nya selain daripada apa yang telah Dia khabarkan tentang diri-Nya.<sup>41</sup>

Terhadap hadis Penurunan Allah ke langit dunia :

يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا. حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ  
الَّيْلِ الْآخِرِ، فَيَقُولُ: مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبَ لَهُ وَمَنْ يَسْأَلُنِي فَأُعْطِيَهُ  
وَمَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ.

**Tuhan kami (Allah) Tabaraka wa Ta’ala pada setiap malam turun ke langit dunia, yakni pada baki terakhir satu pertiga malam. Maka Allah berfirman: “Siapakah yang sedang berdoa kepada aku supaya dapat aku menjawabnya dan siapakah yang sedang meminta daripada aku supaya aku dapat mengabulkannya dan siapakah yang sedang meminta ampun daripada aku supaya dapat aku ampuni dia ?”**<sup>42</sup>

---

<sup>41</sup> *al-Muhalla bi al-Athar* (tahqiq: ‘Abd al-Ghaffar Sulaiman; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut tp.thn.), jld. 1, ms. 49, masalah no: 54 (Kitab Tauhid).

<sup>42</sup> **Sahih:** Hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu ‘anhu*, dikeluarkan oleh Malik, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim* – no: 758 (Kitab Solat, Bab Anjuran berdoa dan berzikir di akhir

Berkata Ibn Hazm:

وَأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَتَنَزَّلُ كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى سَمَاءِ الدُّنْيَا، وَهُوَ فَعْلٌ يَفْعَلُهُ  
عَزَّ وَجَلَّ لَيْسَ حَرَكَةٌ وَلَا نَقْلَةٌ ... وَحَرَكَةٌ وَلَا نَقْلَةٌ مِنْ صِفَاتِ  
الْمَخْلُوقِينَ، حَاشَى اللَّهِ تَعَالَى مِنْهَا.

Dan sesungguhnya Allah *Ta'ala* Dia Turun pada setiap malam ke langit dunia dan ini adalah satu perbuatan yang dilakukan oleh (Allah) *'Azza wa Jalla* tanpa adanya gerakan mahupun perpindahan (dengan mengosongkan satu tempat kepada mengisi tempat yang lain)<sup>43</sup> ... .. kerana gerakan dan perpindahan adalah dua sifat makhluk, Maha Suci Allah daripadanya (bersifat seperti makhluk).<sup>44</sup>

Pegangan (*i'tiqad*) dan penegasan Ibn Hazm di atas adalah selari dengan Mazhab *al-Salaf* iaitu menerima sifat-sifat Allah sebagaimana ia dikhabarkan tanpa menolaknya mahupun mengalih pengertiannya (*al-Takwil*). Hanya sahaja Ibn Hazm berbeza pendapat dalam penggunaan istilah di mana beliau berpendapat sifat-sifat Allah tidak boleh diistilahkan sebagai *al-Sifat* tetapi hendaklah diistilahkan sebagai *al-Asma'*. Ini adalah kerana secara zahirnya al-Qur'an dan al-Sunnah yang *sahih* tidak pernah menggelar sifat-sifat Allah sebagai *al-Sifat*.<sup>45</sup>

## **Kedua:**

### **Dakwaan Ibn Taimiyyah terpengaruh dengan tradisi**

---

malam.....).

<sup>43</sup> *al-Muhalla*, jld. 1, ms. 51, masalah no: 57.

<sup>44</sup> *al-Muhalla*, jld. 1, ms. 52, masalah no: 57.

<sup>45</sup> Lebih lanjut lihat kitab Ibn Hazm: *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal* (tahqiq: Ahmad Syams al-Din; Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 1996), jld. 1, ms. 377 (Kitab Pecahan-pecahan umat Islam, Bab pada menetapkan lafaz *al-Sifat*). Lihat juga pada jilid 3 untuk perbincangan selanjutnya tentang *nas-nas al-Sifat* dan mazhab-mazhab Islam terhadapnya.

## **pemikiran Ibn Hazm.**

Dakwaan bahawa Ibn Taimiyyah juga terpengaruh dengan tradisi Ibn Hazm al-Zahiri dalam beberapa aspek tertentu seperti melancarkan kecaman yang hebat ke atas ilmu kalam (teologi), peniruan (*taqlid*), *al-Takwil*, logik akal (*ra'yu*) dan lain-lain adalah juga tidak benar. Sebenarnya semua tokoh Islam yang prihatin terhadap keaslian agama Islam akan melakukan perkara yang sama. Mereka akan menentang unsur-unsur dalaman atau luaran yang boleh mencemarkan Islam dan umatnya. Selain Ibn Hazm dan Ibn Taimiyyah, al-Ghazali (505H)<sup>46</sup> juga adalah merupakan seorang tokoh yang telah berjasa besar dalam hal ini sehingga beliau dikenali dengan gelaran *Hujjatul Islam*.

Sangat dikesali sikap penyusun *Salafiyah Wahabiyah* yang telah mengemukakan hal ini dengan nada yang negatif. Kita semua sepatutnya berterima kasih dan memuji tokoh-tokoh seperti ini atas segala jasa dan usaha mereka. Tanpa mereka pasti umat Islam sehingga ke zaman kini akan terhanyut dengan berbagai teori akal, mengikut secara buta tanpa mengkaji, *mentakwil* – yakni mengalih pengertian nas kepada berbagai erti yang selari dengan selera nafsu masing-masing, mengutamakan akal dan sebagainya.

## **Ketiga:**

**Dakwaan Ibn Taimiyyah mengkritik keras dan menyanggah *Ijma'* yang dinukil oleh Ibn Hazm tentang**

---

<sup>46</sup> Beliau tidak lain tidak bukan ialah Imam Abu Hamid al-Ghazali al-Thusi, terkenal dengan gelaran *Hujjatul Islam*. Karangan beliau banyak yang telah diterjemahkan, antara yang terkenal ialah kitab *Ihya' Ulum al-Din*. Meninggal dunia pada tahun 505H. Untuk mengkaji dengan lebih lanjut sejarah perjuangan beliau sepertimana yang penulis maksudkan di atas, lihat buku: *Perjuangan al-Ghazali Menegakkan Kebenaran dan Menghapuskan Kebatilan* oleh Salih Ahmad al-Syami (terj: Basri bin Ibrahim; Jahabersa 2001).

### **“tempat” bagi Allah.**

Telah ditelaah kitab *Maratib al-Ijma'* karangan Ibn Hazm dan *Naqd Maratib al-Ijma'* karangan Ibn Taimiyyah<sup>47</sup> namun tidak ditemui apa yang didakwa oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Nampaknya hal ini sedia diketahui oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sendiri maka kerana itu beliau tidak meletakkan rujukan mukasurat bagi dakwaannya.<sup>48</sup>

Berbeza halnya dengan kitab *al-Farq baina al-Firaq* karangan 'Abd al-Qadir al-Baghdadi (429H)<sup>49</sup>, penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telahpun mengemukakan rujukan mukasuratnya.<sup>50</sup> Al-Baghdadi menyebut *Ijma'* bahawa:

“Tuhan itu tidak diliputi dengan tempat dan tidak terkesan dengan peredaran masa.”

Ibn Taimiyyah tidak menolak *Ijma'* ini mahupun menyanggahinya. Yang ditegaskan oleh Ibn Taimiyyah adalah seseorang itu tidak boleh membicarakan di mana beradanya Allah (tempatNya) melainkan sekadar apa yang telah dikhabarkan oleh Allah dan Rasul-Nya, iaitu Allah berada Di Atas langit Di Atas 'Arasy. Dalam ertikata lain, perbicaraan kita tentang tempat bagi Allah hanyalah terhad kepada apa yang telah dikhabarkan oleh Allah dan Rasul-Nya kerana hal ini bukanlah merupakan sesuatu yang dapat dijangkau oleh akal manusia. Lebih dari itu keberadaan Allah Di Atas 'Arasy Di Atas langit bukanlah kerana Allah terpengaruh atau terhad

---

<sup>47</sup> Kedua-duanya dicetak bersama dalam satu buku, *ditahqiq* oleh Hasan Ahmad dan diterbitkan oleh Dar Ibn Hazm, Beirut 1998.

<sup>48</sup> Namun hal ini ada dibahas oleh Ibn Hazm dalam *al-Muhalla*, jld. 1, ms. 49, masalah no: 53 tanpa menyebutnya sebagai satu *ijma'*.

<sup>49</sup> Beliau ialah 'Abd al-Qadir bin Thahir bin Muhammad al-Baghdadi, seorang yang pakar dalam aliran-aliran agama di zamannya, telah menulis beberapa karya yang khas membahas tentangnya. Meninggal dunia pada tahun 429H.


<sup>50</sup> Edisi penulis: *al-Farq baina al-Firaq (tahqiq: Muhammad Husain; Maktabah al-Asriyah, Beirut 1998)*, ms. 333 (*Bab ke 3 daripada Bab Usul yang disepakati atasnya oleh Ahl al-Sunnah*).

atau memerlukan kepada sesuatu tempat tetapi ia hanyalah satu khabar yang dikhabarkan kepada manusia. Penegasan Ibn Taimiyyah ini adalah khas bagi menjawab hujah segelintir umat yang berkata Allah itu berada di mana-mana termasuk dalam diri seseorang manusia. Hal ini pasti mustahil kerana jika demikian bererti Tuhan berada dalam air, kertas, komputer, tempat-tempat yang kotor, binatang dan sebagainya.<sup>51</sup>

Dalil Ibn Taimiyyah:



*Apakah kamu merasa aman terhadap Allah yang Di langit ?*  
[al-Mulk 67:16]




*al-Rahman Beristiwa’ Di Atas al-‘Arasy.* [Taha 20:05]

**PENILAIAN SEMULA NO: 3**

*Dakwaan Fahaman al-Salaf berasal daripada Hisyam al-Jawaliqi.*

<sup>51</sup> Hal ini akan dibahas dengan lebih terperinci dalam *Bab E: Persoalan “Di manakah Allah ?”*





Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Ketika membahas erti kalimah *Nur* (cahaya), al-Qurtubi telah mengemukakan beberapa pendapat termasuk pendapat Hisyam al-Jawaliqi dan golongan *al-Mujassimah* yang membahasnya dari sudut pengertian jisim. Setelah mengemukakan pendapat mereka al-Qurtubi menolaknya sebagai sesuatu yang tidak munasabah.

Dalam keseluruhan perbahasan al-Qurtubi terhadap ayat ini bersama pendapat Hisyam al-Jawaliqi dan golongan *al-Mujassimah*, tidak disebut langsung tentang *al-Salaf* atau *al-Khalaf*. Kitab *al-Jamii' li Ahkam al-Qur'an* adalah sebuah kitab tafsir yang masyhur dan para pembaca boleh menelitinya di mana-mana perpustakaan.

Maka penisbatan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ke atas al-Qurtubi dalam hal ini sebenarnya adalah satu pendustaan semata-mata.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 4**

### ***Dakwaan Fahaman al-Salaf berasal daripada penganut Mazhab Hanbali.***

Dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 16, disebut bahawa:

Imam Muhammad Abu Zahrah di dalam kitabnya “*Tarikh al-Mazahib al-Islami*” m.s. 187, pula menjelaskan “...yang kami maksudkan orang-orang al-Salaf ialah orang-orang yang menggelarkan diri mereka sebagai penganut fahaman al-Salaf yang lahir pada kurun ke-4 H. Mereka adalah penganut mazhab Hanbali, dan mendakwa fahaman mereka di ambil daripada Imam Ahmad ibn Hanbal r.h.m. yang dikatakan Imam yang menghidup dan mempertahankan ‘aqidah al-Salaf dan memerangi fahaman yang lain.”<sup>54</sup>

### ***Penilaian semula:***

Kenyataan Muhammad Abu Zahrah di atas sangat perlu dinilai kembali. Beliau telah menyandarkan fahaman *al-Salaf* kepada Mazhab Hanbali sahaja tanpa mengemukakan sebarang bukti. Dalam bukunya tersebut beliau berkata bahawa perkara utama yang ditegakkan oleh *al-Salaf* al-Hanbaliyah adalah dalam subjek *Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat*. Beliau juga kemudiannya bersandar kepada keterangan dalam kitab *Daf’u Syubhat Tasybih* bahawa fahaman tersebut bukanlah merupakan

---

<sup>54</sup> Boleh dirujuk kepada *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah* (Dar al-Fikir al-‘Arabi, Kaherah tp. thn.), ms. 190 dan seterusnya. Bahagian pertama buku Abu Zahrah ini juga telah diterjemahkan atas judul *Aliran Politik dan ‘aqidah dalam Islam* (terj: Abd Rahman Dahlan & Ahmad Qarib; Logos, Jakarta 1996). Untuk nukilan di atas, sila lihat ms. 225 dan seterusnya.

fahaman tauhid Ahmad bin Hanbal.

Hal ini ternyata tidak benar. Sebelum ini (PENILAIAN SEMULA NO: 2) telahpun dikemukakan pegangan (*i'tiqad*) para imam yang empat serta seluruh tokoh-tokoh generasi *al-Salaf* tentang kaedah mereka dalam memahami *nas-nas al-Sifat*. Jelas bahwa ia tidak terhad kepada Ahmad bin Hanbal dan para penganut Mazhab Hanbali sahaja.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 5**

### ***Pegangan (i'tiqad) al-Ghazali dalam Tauhid al-Asma' wa al Sifat.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dalam ms. 10 telah menyalin kata-kata al-Ghazali dari bukunya *Iljam al-Awam 'an Ilm al-Kalam*, ms. 62<sup>55</sup> yang bermaksud:

---

<sup>55</sup> Kitab ini merupakan antara karangan terakhir al-Ghazali. Sila rujuk:

[1] *Iljam al-Awam 'an Ilm al-Kalam (tahqiq: Muhammad Mu'tashim biLlah; Dar al-Kitab al-'Arabi; Beirut 1985), ms. 53.* Rujukan mukasurat seterusnya merujuk kepada edisi ini.

[2] *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Ghazali (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut tp.thn.), jld. 4, risalah no: 04, ms. 42.* Kitab ini keseluruhannya telah diterjemahkan atas judul *Samudera Pemikiran al-Ghazali: Kumpulan*

“Ketahuilah bahawa kebenaran yang jelas dilakukan oleh Ahl Ilmu ialah Mazhab al-Salaf – golongan yang aku maksudkan ialah apa yang dipegangi oleh para sahabat dan para tabi‘ie...”

Kemudian kata-kata ini diulas oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di bahagian notakaki no: 06:

Berdasarkan kepada kenyataan Imam al-Ghazali ini, sesetengah intelektual kita mendakwa bahawa beliau telah kembali kepada ‘aqidah al-Salaf serta meninggalkan ilmu kalam (teologi), *takwil* dan seumpamanya. Dakwaan ini tidak berasas sama sekali. Bahkan ini adalah satu pemahaman yang silap. Sebenarnya beliau sendiri merupakan seorang al-Salafi al-Zamani yang tulin (500 thn selepas H). Beliau tidak pernah menyimpang daripada pegangan al-Salaf. Malah beliau turut menggariskan beberapa panduan al-Salaf berhubung dengan masalah al-Sifat. Kesemua tujuh dasar itu diambil daripada dua kaedah asas al-Salaf iaitu *takwil* dan *tafwid*. Ini bermakna, beliau hanya meneruskan kesinambungan pegangan para sahabat dan tabi‘ie (al-Salaf) sahaja. Rumusan al-Salaf yang dikemukakan oleh beliau ini agak berbeza dengan kaedah al-Salaf tajaan Syeikh Ibn Taimiyyah. Perbezaan manhaj al-Salaf antara dua tokoh ini dijelaskan sedikit oleh Imam Muhammad Abu Zahrah di dalam

---

*Risalah Sang Hujjah al-Islam* (terj: Kamran Irsyady; 2 jld, Pustaka Sufi, Yogyakarta 2002).

[3] *Tauhidullah: Risalah Suci Hujjatul Islam Imam a-Ghazali* (terj: Wasmukan; Risalah Gusti, Surabaya 1999), ms. 71. Buku ini merupakan terjemahan 4 risalah terpilih dari kitab *Majmu‘ah Rasa’il al-Imam al-Ghazali*. Rujukan mukasurat dalam kurungan (xx) merujuk kepada edisi terjemahan ini.

kitabnya “*Ibn Taimiyyah*”, m.s. 246.<sup>56</sup> Selepas membuat penilaian terhadap aliran al-Salaf yang dipelopori oleh kedua-dua tokoh ini, beliau kemudiannya mentarjihkan (memandang al-Salaf imam al-Ghazali lebih selamat) al-Salaf Imam al-Ghazali dengan katanya “selepas kami menilai daripada berbagai-bagai sudut, kami tidak cenderung kepada al-Salaf yang dirintis oleh Ibn Taimiyyah di dalam memahami ayat-ayat *Mutasyabih* kerana ia akan membawa kami kepada samar-samar, penyerupaan dan *tajsim* (memvisualisasikan Tuhan) khususnya terhadap orang awam. Kami redha tanpa syak bahawa jalan yang dirintis oleh Imam al-Ghazali itu lebih mendekatkan kepada pemikiran yang lurus.”

### ***Penilaian semula:***

Subjek ini akan dinilai semula dalam beberapa bahagian:

- Pertama: Apakah 7 dasar al-Ghazali untuk memahami *nas-nas al-Sifat* ?
- Kedua: Benarkah 7 dasar tersebut diambil daripada dua kaedah asas *al-Salaf* iaitu *al-Takwil* dan *al-Tafwidh* yang dengan itu juga bermaksud al-Ghazali hanya meneruskan kesinambungan pegangan para sahabat dan tabi‘in (*al-Salaf*) ?
- Ketiga: Penilaian Abu Zahrah antara kaedah al-Ghazali dan Ibn Taimiyyah.

Berikut perinciannya:

---

<sup>56</sup> Yang dimaksudkan ialah buku Muhammad Abu Zahrah – *Ibn Taimiyyah: Hayatuhu wa ‘Asruhu – Aarauhu wa Fiqhuhu* (Dar al-Fikir al-‘Arabi, Kaherah 2000), ms. 238 (*Bab al-Mutasyabih dan al-Takwil, Antara al-Ghazali dan Ibn Taimiyyah*).

### **Pertama:**

#### **Apakah 7 dasar al-Ghazali untuk memahami nas-nas al-Sifat ?**

Berikut di salin kata-kata penuh al-Ghazali:<sup>57</sup>

(اعلم) أن الحق الصريح الذي لا مرأى فيه عند أهل البصائر هو مذهب السلف أعني مذهب الصحابة والتابعين وها أنا أورد بيانه وبرهانه (فأقول) حقيقة مذهب السلف وهو الحق عندنا أن كل من بلغه حديث من هذه الأحاديث من عوام الخلق يجب عليه فيه سبعة أمور، التقديس، ثم التصديق، ثم الاعتراف بالعجز، ثم السكوت، ثم الإمساك، ثم الكف، ثم التسليم لأهل المعرفة.

Perlu anda ketahui bahwa kebenaran hakiki yang tidak diragu-ragukan lagi oleh orang-orang yang memiliki kebenaran hati nurani (*Ahl al-Basha'ir*) adalah Mazhab *al-Salaf*, iaitu Mazhab para sahabat, *tabi'in* – yang akan saya paparkan bukti-bukti kebenarannya berikut ini.

Hakikat sebenar *Mazhab al-Salaf* di sisi kami adalah bahawasanya setiap orang awam yang sampai kepadanya hadis tentang hadis-hadis (yang membicarakan *al-Sifat*) wajib melalui 7 perkara: (1) Penyucian (*tanzih*), (2) membenarkan (*tashdiq*), (3) pengakuan akan kelemahan diri, (4) diam (tidak memberikan komentar), (5) menahan diri untuk tidak membahas, (6) mengendalikan diri, (7) kemudian menyerahkan masalahnya kepada orang yang ahli (*Ahl al-Makrifat*).

---

57

*Iljam al-Awam 'an Ilm al-Kalam*, ms. 53-54 (71-72).

Seterusnya al-Ghazali menerangkan satu persatu daripada 7 kaedah yang disebutkan:

[1] Maksud penyucian adalah menyucikan Allah *Ta'ala* dari sifat-sifat berjisim dan segala yang seumpamanya.

[2] Maksud *tashdiq* adalah beriman dengan apa yang disabdakan oleh Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* bahawa ia adalah benar kerana hal itu dikemukakan oleh orang yang jujur lagi benar. Maka apa yang dikemukakan dan dimaksudkan adalah benar.

[3] Maksud pengakuan terhadap kelemahan diri adalah mengakui bahawa pengetahuan tentang apa yang dikehendaki (oleh Allah *Ta'ala* dengan sifat-sifat tersebut) adalah di luar batas kemampuan dirinya dan kerana hal itu bukanlah merupakan urusan dan pekerjaannya.

[4] Maksud berdiam diri adalah tidak perlu bertanya tentang maknanya dan tidak akan memperbincangkannya kerana dia tahu bahwa mempersoalkan masalah tersebut adalah tindakan *bid'ah*. Dan dengan memperbincangkan masalah tersebut akan membahayakan *'aqidah*nya. Dan kemungkinan besar tanpa disedari menjadikan orang yang memperbincangkannya *kufur*.

[5] Maksud menahan diri untuk tidak membahas adalah tidak mengubah kata-kata tersebut (*tashrif*), menggantikan dengan bahasa lain, menambah, mengurangi, memadukan dan memisah-misahkannya. Bahkan tidak seharusnya berkata kecuali dengan kata-kata itu sahaja sesuai dengan apa yang dikehendaki dari bentuk dan *I'rab*-nya.

[6] Maksud mengendalikan diri adalah mengawal hati dan sangkaan daripada berfikir-fikir tentangnya (*nas-nas al-Sifat* tersebut).

[7] Maksud menyerahkan masalahnya kepada orang yang ahli adalah tidak berkeyakinan bahwa ia (*nas-nas al-Sifat*) tidak mampu diketahui maksudnya oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*, para Nabi, para *siddiqin* dan para wali.

Inilah tujuh kaedah tugas yang telah diyakini oleh seluruh generasi *al-Salaf* sebagai kewajiban yang harus dilakukan oleh semua orang awam dan tidak selayaknya mereka berprasangka buruk bahawa generasi *al-Salaf* telah berbeza pendapat dalam persoalan-persoalan tersebut.

Sekian al-Ghazali.

### **Kedua:**

**Benarkah 7 dasar tersebut diambil daripada dua kaedah asas *al-Salaf* iaitu *al-Takwil* dan *al-Tafwidh* yang dengan itu juga bermaksud al-Ghazali hanya meneruskan kesinambungan pegangan para sahabat dan tabi'in (*al-Salaf*) ?**

Dakwaan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di atas adalah jelas tidak benar kerana daripada 7 kaedah di atas tidak terdapat kaedah *al-Takwil*, iaitu mengalihkan *nas-nas al-Sifat* daripada pengertian zahir kepada pengertian yang lain. Sebelum ini juga dalam PENILAIAN SEMULA NO 2 telah dikemukakan pendapat-pendapat generasi *al-Salaf* terhadap *nas-nas al-Sifat*, mereka semua berpegang (*i'tiqad*) kepada kaedah *Ahl al-Sunnah* yang beriman kepada *nas-nas al-Sifat* dan menyerahkan *kaifatnya* kepada Allah. Generasi *al-Salaf* tidak berpegang kepada kaedah *al-Takwil*.

Nampaknya hal ini memang diketahui oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* kerana itulah beliau tidak menyalin secara lengkap kesemua 7 kaedah dasar al-Ghazali tersebut melainkan sekadar menyebutnya, cukup untuk memberikan keyakinan palsu kepada para pembacanya.

### **Ketiga:**

**Penilaian Abu Zahrah antara kaedah al-Ghazali dan Ibn Taimiyah.**

Adapun penilaian Abu Zahrah yang dinukil oleh penyusun

*Salafiyah Wahabiyah* maka tidak ada apa-apa yang hendak dinilai semula kerana:

[1] Kaedah al-Ghazali yang dicenderung oleh Abu Zahrah adalah sesuatu yang *menghampiri* kaedah *Ahl al-Sunnah* yang dipegangi generasi *al-Salaf*.

[2] Tidak dapat dipastikan sejauh mana kajian Abu Zahrah ke atas kaedah Ibn Taimiyyah. Oleh itu hal ini adalah sesuatu yang relatif bergantung kepada kadar kajian masing-masing individu.<sup>58</sup>

### **Penjelasan Tambahan:**

**Apakah 7 kaedah dasar al-Ghazali hanya ditujukan kepada orang awam ?**

Mungkin ada yang bertanya, mungkinkah 7 kaedah yang digariskan oleh al-Ghazali ditujukan khas kepada orang awam sahaja manakala orang yang alim lagi pakar boleh melakukan *al-Takwil* ? Lebih dari itu bukankah kaedah no: 7 yang disebut oleh al-Ghazali adalah *menyerahkan masalahnya kepada orang yang ahli (ahl makrifat)* ?

Jawapannya, menyerahkan masalah ini kepada orang yang ahli, yakni mereka yang alim dan memiliki darjat yang tinggi, tidaklah bererti membuka jalan kepada *takwilan* atau pengetahuan tentang apa yang dikehendaki oleh Allah berkaitan *nas-nas al-Sifat-Nya*. Berkata al-Ghazali selanjutnya dalam buku yang sama:<sup>59</sup>

Malah jika dia mendakwa dirinya sebagai mengetahui akan hal itu (*nas-nas al-Sifat*) bererti dia telah berdusta.

---

<sup>58</sup> Sebagai kajian perbandingan sila lihat buku *Muqaranah Bayna al-Ghazali wa Ibn Taymiyah* oleh M. Rasyad Salim yang telah diterjemahkan sebagai: *Al-Ghazali Versus Ibnu Taymiyah* (terj: Ilyas Ismail al-Sendany; Pustaka Panjimas, Jakarta 1989).

<sup>59</sup> *Iljam al-Awam 'an Ilm al-Kalam*, ms. 61-62 (80).

Inilah makna daripada ucapan Imam Malik: “Bagaimana cara (kaifiat)-nya tidak diketahui.” Yakni perincian maksudnya tidak diketahui sekalipun mereka tergolong orang-orang yang keilmuannya kukuh dan mendalam (*al-Rashikhuun*) dan orang-orang arif dari kalangan para wali meskipun mereka dalam tahap kemakrifatan yang sudah melampaui batas-batas kategori awam dan telah lama duduk di medan makrifat, menempuh perjalanan sekian-sekian jauh, namun apa yang tidak mereka ketahui itu jelas lebih banyak daripada apa yang telah mereka peroleh, bahkan tidak sebanding kerana banyaknya apa yang masih tersembunyi dan sangat sedikit apa yang tersingkap.

Dalam sebuah bab yang khas tentang *al-Takwil* dan *nas-nas al-Sifat*, al-Ghazali telah membahagikan *al-Takwil* kepada 3 kategori.<sup>60</sup>

[1] *al-Takwil* yang dilakukan oleh orang awam secara sendiri-sendiri, ini jelas dilarang.

[2] *al-Takwil* yang dilakukan oleh orang alim untuk orang awam, ini juga jelas dilarang.

[3] *al-Takwil* yang dilakukan antara sesama orang alim tanpa melibatkan orang awam, dalam kategori ini al-Ghazali berkata:

Adapun membicarakannya bersama orang yang sedarjat tingkat kemakrifatannya atau dengan orang yang siap untuk mencarinya (*makrifatuLlah*), maka dalam hal ini perlu dipertimbangkan (dua kemungkinan):

(Kemungkinan pertama): Dapat dikatakan boleh asalkan tidak lebih dari sekadar berkata: “Saya menganggap demikian.” (seseorang yang berkata sedemikian) maka dia adalah *sadiq* (jujur/benar).

(Kemungkinan kedua): Dilarang kerana dia sepatutnya tidak membicarakannya kerana dengan membuka

---

<sup>60</sup>

*Iljam al-Awam ‘an Ilm al-Kalam*, ms. 70 (93-94).

perbicaraan, dia sebenarnya menggunakan dugaan terhadap sifat Allah *Ta'ala* atau terhadap apa yang dikehendaki dari firman-firman-Nya sedangkan masalah ini adalah sesuatu yang sangat merbahaya.

Untuk membolehkan perbicaraan harus ada landasan yang diketahui dalam nas atau *Ijma'* atau *qiyas* terhadap apa yang tersurat dalam nas, sedangkan tidak ada sesuatu jua pun yang mengisyaratkan sedemikian, malah yang wujud adalah firman Allah *Ta'ala*: ***Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya.*** [maksud surah al-Isra' 17:36]

Daripada kata-kata al-Ghazali di atas jelas bahawa beliau tidak membolehkan kaedah *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat* dipraktikkan oleh orang yang tinggi darjatnya untuk disampaikan kepada orang awam. Yang dibolehkan hanyalah sesama orang yang tinggi darjatnya, dan kebolehan inipun bersyarat agar mereka tidak menggunakan lafaz yang mengisyaratkan kepastian. Namun di waktu yang sama al-Ghazali mengingatkan bahawa tidak membicarakannya adalah lebih selamat kerana ia hanya melibatkan dugaan semata-mata.

Dua nukilan di atas jelas bahawa 7 kaedah yang digariskan oleh al-Ghazali sebenarnya meliputi orang-orang yang tinggi darjat keilmuan dan kemakrifatannya. Malah jika kita fahami dengan mendalam keseluruhan perbahasan al-Ghazali, akan disedari bahawa apabila beliau mengatakan *serahkan kepada ahl makrifat nas-nas al-Sifat* (kaedah no: 7), ia sebenarnya menyuruh orang awam menyerahkan kepada orang-orang yang arif tentang *nas-nas al-Sifat* di mana orang-orang yang arif tersebut akan menerangkan kembali kaedah 1 hingga 6 kepada yang bertanya. Pendek kata seluruh kaedah tersebut akan berulang semula: Kaedah no: 7 merangkumi kaedah no: 1 sehingga 6.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 6**

### ***Asal usul Mazhab al-Salaf.***

Dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 18, disebut bahawa:

Dari sudut pandangan sejarah, mazhab-mazhab Islami yang dibangunkan oleh para Imam Mujtahid Mutlak, kita tidak dapati wujudnya mazhab al-Salaf ataupun al-Khalaf. Para sejarahwan pula tidak mencatatkan dalam rekod mereka bahawa al-Salaf dan al-Khalaf itu sebagai satu mazhab. Cumanya mazhab-mazhab Islamiyah fiqhiyah sahaja yang dapat kita tatapi dalam lipatan sejarah. Mazhab-mazhab itu seperti mazhab Hanafi (90-150 H), mazhab Maliki (93-179 H), mazhab Syafi'ie (150-204 H) dan diikuti dengan mazhab Hanbali (164-241 H).

Hal ini diulangi pada ms. 19:

Hasil daripada perbincangan kita tentang kedudukan mazhab-mazhab dalam Islam ini, jelas kepada kita bahawa tidak ada satupun kenyataan yang menunjukkan al-Salaf ataupun al-Khalaf itu direkodkan sebagai mazhab. Bahkan tidak seorangpun yang diiktiraf sebagai pengasas atau pemimpin mazhab al-Salaf secara sah mengikut dasar Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

### ***Penilaian semula:***

Di sini penyusun *Salafiyah Wahabiyah* hanya bermain-main dengan *istilah* dan cuba mengelirukan para pembaca dengan perbezaan *istilah*. Padahal diketahui oleh orang-orang yang mengetahui bahawa yang terpenting dalam istilah adalah maksud dan kandungan yang dimilikinya. Perkataan mazhab dari sudut bahasa bererti *jalan* atau *the way of*. Dari sudut

istilah mazhab bererti *jalan fikiran, fahaman, pendapat dan pembawaan seseorang atau sekumpulan orang dalam sesuatu perkara.*

Maka apabila dikatakan mengikut Mazhab *al-Salaf*, ia bererti mengikut jalan fikiran, fahaman, pendapat dan pembawaan generasi *al-Salaf*. Generasi *al-Salaf* mengikut takrifan Ibrahim al-Baijuri adalah:

*Al-Salaf* ialah orang-orang yang terdahulu yang terdiri daripada *al-Anbiya'* (khasnya Rasulullah), para sahabat, *tabi'in* dan mereka yang mengikuti mereka, khasnya para imam mujtahid yang empat".<sup>61</sup>

Sangatlah aneh apabila penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mendakwa bahawa *al-Salaf* dan *al-Khalaf* tidak direkod sebagai satu mazhab. Jika yang dimaksudkan adalah rekod di sisi *Pendaftar Pertubuhan* maka hal ini memanglah benar. Akan tetapi jika yang dimaksudkan adalah catatan dalam kitab-kitab tafsir, hadis dan fiqh sepanjang sejarah Islam, maka ia adalah satu dusta yang besar.

Marilah kita mengkaji sedikit secara statistik kenyataan ini. Berikut akan dikemukakan beberapa kitab Islam yang masyhur sepanjang zaman dalam kategori tafsir, hadis dan fiqh. Akan kita lihat sama ada pengarang masing-masing ada merujuk atau tidak kepada pendapat, yakni Mazhab *al-Salaf*.

### **Pertama:**

Dalam ilmu tafsir:

[1] *Jamii' al-Bayan an al-Takwil ay al-Qur'an (Tafsir al-Tabari)* oleh Ibn Jarir al-Tabari (310H)<sup>62</sup>. Rujukan kepada

---

<sup>61</sup> *Tuhfat al-Murid 'ala Jauharah al-Tauhid* oleh Ibrahim al-Baijuri (tahqiq: 'Abd Allah Muhammad Khalil; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 2001), ms. 231 (*Bab Yang terbaik adalah mengikut dan.....*). Juga dikemukakan dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 10-11.

<sup>62</sup> Beliau ialah Muhammad bin Jarir bin Yazid, seorang ahli tafsir dan

pendapat generasi *al-Salaf* adalah sebanyak 27 kali. Namun rujukan kepada beberapa orang tertentu daripada generasi *al-Salaf*, sama ada para sahabat atau *tabi'in* berlaku beratus kali kerana kitab *Tafsir al-Tabari* adalah sebuah kitab yang menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan riwayat generasi *al-Salaf*.

[2] *al-Jamii' li al-Ahkam al-Qur'an (Tafsir al-Qurtubi)* oleh Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi (671H). Rujukan kepada pendapat generasi *al-Salaf* adalah sebanyak 102 kali.

[3] *Tafsir al-Qur'an al-'Adzhim (Tafsir Ibn Katsir)* oleh Abu al-Fida' Ismail bin Umar bin Kathir (774H)<sup>63</sup>. Rujukan kepada pendapat *al-Salaf* berulang sebanyak 274 kali.

## **Kedua:**

Dalam ilmu hadis:

Untuk ilmu hadis, kita akan mengkaji dalam kitab-kitab syarahannya. Kita tidak akan mengkaji dalam kitab-kitab hadis kerana pada umumnya keseluruhan kitab hadis itu berasal daripada generasi *al-Salaf*.

[1] *Syarah Sahih Muslim* oleh al-Nawawi (676H)<sup>64</sup>. Rujukan

---

ahli hadis yang dilahirkan di Tabaristan pada tahun 224H. Karya beliau yang termasyhur ialah kitab tafsir di atas di mana beliau telah menghimpun semua hadis dan *athar* para tokoh bagi tafsiran terhadap sesuatu ayat. Meninggal dunia pada tahun 310H.

<sup>63</sup> Beliau ialah Abu al-Fida' Ismail bin 'Umar bin Kathir, sangat terkenal dengan kitab tafsirnya yang telah diterjemahkan ke berbagai bahasa. Beliau lahir di Damaskus pada tahun 701H dan meninggal dunia pada tahun 774H. Antara karya beliau yang lain ialah kitab sejarah Islam *al-Bidayah wa al-Nihayah* dan kitab hadis *Jamii' al-Masanid wa al-Sunan* setebal 36 jilid.

<sup>64</sup> Beliau ialah Abu Zakariyya Muhyi al-Din al-Nawawi, seorang mujtahid yang masyhur dalam Mazhab Shafi'i. Antara karya beliau yang masyhur yang telah diterjemahkan ialah kitab *Hadis 40*, *al-Adzkar* dan *Riyadh al-Salihin*. Kitab *Sahih Syarah Muslim* sedang dalam proses terjemahan, sehingga kini siap jilid pertama (terj: Wawan Djunaedi;

kepada pendapat *al-Salaf* berulang sebanyak 225 kali.

[2] *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari* oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani (852H)<sup>65</sup>. Rujukan kepada pendapat *al-Salaf* berulang sebanyak 328 kali.

### **Ketiga:**

Dalam ilmu fiqh:

Dalam kategori ini rujukan kepada pendapat *al-Salaf* berulang dengan tersangat banyak sehingga agak mustahil untuk diperincikan. Penulis menggunakan perisian *Encyclopedia of Islamic Jurisprudence* ([www.harf.com](http://www.harf.com)). Perisian ini menghimpunkan 100 judul kitab-kitab fiqh daripada 6 mazhab, iaitu Hanafi, Maliki, Shafi‘i, Hanbali, Zahiri dan Jaafari. Apabila dirujuk kepada istilah *al-Salaf*, didapati ianya berulang sebanyak 7309 kali ! Dalam jumlah ini tidak termasuk kitab *Majmu al-Fatawa Ibn Taimiyyah*.

Dalam kajian statistik di atas, rujukan kepada pendapat *al-Salaf* dikemukakan dalam beberapa bentuk dan cara, seperti: mengikut mazhab *al-Salaf*, jumhur *al-Salaf*, sebahagian *al-Salaf*, di sisi *al-Salaf*, di kalangan *al-Salaf*, menurut salah satu pendapat *al-Salaf*, mengikut tafsiran *al-Salaf*, menjadi pegangan (i’tiqad) *al-Salaf*, tidak pernah berasal daripada *al-Salaf*, tidak pernah disebut oleh *al-Salaf*, dibantah oleh *al-Salaf*, ditolak oleh *al-Salaf*, didiamkan oleh *al-Salaf* dan berbagai lagi. Sekalipun berbeza-beza, semuanya menunjukkan rujukan kepada jalan fikiran, fahaman, pendapat dan

---

Mustaqim, Jakarta 2002). Al-Nawawi meninggal dunia pada tahun 676H dalam umur yang masih muda: 45 tahun.

<sup>65</sup> Beliau ialah Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad al-Kinani, lahir di Kaherah pada tahun 773H. Seorang Mujtahid yang terkenal dalam Mazhab Shafi‘i, paling terkenal dengan kitabnya *Fath al-Bari* yang merupakan syarah kepada kitab *Sahih al-Bukhari*. Kitab ini sedang dalam proses terjemahan dan sehingga kini telah siap 2 jilid yang pertama. Meninggal dunia pada tahun 852H.

pembawaan generasi *al-Salaf*.

Selain itu kajian statistik di atas tidak mengambil kira rujukan kepada generasi *al-Salaf* secara individu. Contohnya dalam kitab *Majmu Syarah al-Muhazzab* karya al-Nawawi, beliau lazimnya akan menukil pendapat para sahabat dan tokoh *tabi'in* dalam bab yang sedang dibahasnya.

Di sini penulis merasa hairan bagaimana penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dapat berkata bahawa istilah Mazhab *al-Salaf* tidak pernah direkod. Bukankah sebelum ini penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sendiri telah menukil kata-kata al-Ghazali dari risalahnya *Iljam al-Awam al-Ilm al-Kalam* yang di dalamnya terdapat istilah Mazhab *al-Salaf* ? Berikut penulis kemukakan kembali nukilan kata-kata al-Ghazali sebagaimana yang tercatat dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 10:

“Ketahuilah bahawa kebenaran yang jelas dilakukan oleh Ahl Ilmu ialah Mazhab al-Salaf – golongan yang aku maksudkan ialah apa yang dipegangi oleh para sahabat dan para *tabi'ie*...”

**PENILAIAN SEMULA NO: 7**

### ***Apakah perlu kembali kepada Mazhab al-Salaf ?***

Dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 19, disebut bahawa:

Oleh itu, kenapakah kita diseru supaya berpegang kepada mazhab al-Salaf sedangkan ia tidak dianggap wujud sebagai satu mazhab. Tidakkah pendapat para sahabat, mazhab fiqhiyah, pendapat Ahl al-Hadith dan kaedah usuluddin yang kita amalkan pada hari ini, datangnya daripada mereka yang bergelar al-Salaf ?. Walaupun diungkapkan dalam mazhab fiqhiyah, para al-Salaf juga mempunyai pendirian di dalam perkara aqidah. Jadi untuk apakah kita mengetengahkan model al-Salaf dalam wajah baru (ala Ibn Taimiyyah), sedangkan aliran al-Salafnya dipertikai dan ditentang hebat oleh ulama'-ulama' yang hak. Kami akan bawakan mengenainya dalam bab yang akan datang.

#### ***Penilaian semula:***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* bertanya kepada kita: “Tidakkah pendapat para sahabat, mazhab fiqhiyah, pendapat Ahl al-Hadith dan kaedah usuluddin yang kita amalkan pada hari ini, datangnya daripada mereka yang bergelar *al-Salaf* ?”

Jawapannya: “Sebahagiannya berasal daripada *al-Salaf*, sebahagiannya tidak”. Apa yang tidak itulah yang perlu diberi perhatian agar ia kembali kepada Mazhab *al-Salaf*.

Sebagai contoh dalam jurusan '*aqidah*', kitab-kitab dan tokoh-tokoh tempatan sangat-sangat tidak memberi perhatian kepada perbahasan '*aqidah*' sehingga umum umat Islam tidak mengenalnya secara mendalam. Umum umat Islam tidak tahu membezakan antara tauhid dan syirik, antara kebenaran dan khurafat. Padahal mengikut Mazhab *al-Salaf* ilmu '*aqidah*' harus diberi keutamaan di atas lain-lain ilmu agama. Baginda Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* telah menggunakan 13 tahun

yang pertama dalam dakwahnya untuk memantapkan ‘*aqidah* umat di zamannya. Maka apabila diseru ke arah Mazhab *al-Salaf* dalam jurusan ‘*aqidah*, ia adalah satu seruan agar jurusan ‘*aqidah* diberi perhatian yang paling utama dan ilmu-ilmunya dipelajari secara mendalam lagi terperinci.

Dalam jurusan al-Qur’an umum umat Islam tempatan hanya mengenali surah Yasin yang dibacakan untuk orang yang sudah meninggal dunia. Hal ini jauh berbeza dengan Mazhab *al-Salaf* yang sangat mementingkan al-Qur’an bukan sahaja dari sudut bacaan tetapi pemahaman, pengamalan dan pengajarannya. Di sini seruan kepada Mazhab *al-Salaf* adalah kepada pembacaan, pemahaman, pengamalan dan pengajaran keseluruhan kitab al-Qur’an.

Dalam jurusan hadis, apa sahaja yang dinamakan hadis diperhujahkan tanpa mengira kedudukan *sanadnya*. Padahal Mazhab *al-Salaf* sangat-sangat memperhatikan *sanad* sesebuah hadis sebelum memperhujahkannya. Maka seruan kepada Mazhab *al-Salaf* dalam jurusan hadis adalah hendaknya semua guru, ustaz, pensyarah, pemberi fatwa, khatib, da‘i, penulis dan sebagainya memberi perhatian kepada status *sanad* sesebuah hadis sebelum menyampaikannya. Paling minimum hendaklah mereka memastikan bahawa hadis tersebut memiliki asal usul dalam kitab-kitab hadis yang utama.

Dalam jurusan fiqh, kitab-kitab dan ajaran tokoh-tokoh tempatan lazimnya bersifat menokok tambah daripada berpegang kepada yang asal, memberat-beratkan daripada memudahkan dan menghafal daripada memberi kefahaman. Berbeza dengan Mazhab *al-Salaf* yang berpegang kepada yang asli, memudahkan dan mengutamakan kefahaman terhadap sesuatu hukum. Maka seruan kepada Mazhab *al-Salaf* dalam jurusan fiqh adalah supaya hukum-hukum fiqh tidak ditokok tambah melainkan fiqh muamalat di mana ianya terbuka kepada ijtihad selari dengan perkembangan tamadun manusia. Hukum-hukum fiqh juga hendaklah diterapkan berdasarkan prinsip memudahkan dan ilmu-ilmu fiqh diajar demi mencapai kefahaman dan penghayatan tanpa dibatasi oleh sesebuah

mazhab sahaja.

Adapun kitab-kitab fiqh yang disusun oleh seseorang mujtahid atau mujtahid mazhab, ia tetap diterima dan dihargai. Hanya sahaja jika terdapat perbezaan antara fiqh Mazhab *al-Salaf* dan Mazhab *al-Khalaf*, keutamaan akan diberikan kepada Mazhab *al-Salaf*.

Dalam jurusan akhlak dan penyucian hati (*tazkiyatul nafs*), umum umat Islam masih jauh ketinggalan berbanding umat-umat lain. Sekalipun ada beberapa tokoh tempatan yang mengkhususkan bidang ini, mereka tidak terlepas daripada berbagai ajaran dan amalan khurafat, bid'ah dan yang bercanggah dengan syari'at. Pendidikan akhlak dan pembersihan hati sememangnya adalah sesuatu yang sangat diberi tumpuan oleh generasi *al-Salaf* dan ini mereka lakukan berdasarkan ajaran asli al-Qur'an dan al-Sunnah. Maka di sini diseru ke arah akhlak dan penyucian jiwa berdasarkan metode *al-Salaf* yang suci bersih daripada sebarang pencemaran luar.

Demikianlah juga seterusnya dalam lain-lain jurusan seperti ilmu, berjamaah, bekerja keras, jihad dan sebagainya, kembalilah kepada Mazhab *al-Salaf* kerana ia adalah sebaik-baik mazhab untuk dijadikan ikutan.<sup>66</sup> al-Auza'i (157H) pernah

---

<sup>66</sup> Dari sumber terjemahan, lihat buku:

[1] 'Abdul 'Aziz bin Nasr & Baha al-Din bin Fatih: *Di mana Posisi Kita pada Kalangan al-Salaf* (terj: Wawan Djunaedi; Pustaka Azzam, Jakarta 2001).

[2] 'Ali bin Hasan al-Halabi: *Tashfiyah dan Tarbiyah: Upaya Meraih Kejayaan Umat* (terj: Muslim al-Athari & Ahmad Faiz; Pustaka Imam al-Bukhari, Solo 2002).

[3] Ahmad bin 'Abd al-Rahman ash-Shuyani - *Manhaj Talaqqi Menurut Ahlus Sunnah wal Jama'ah* (terj: Muzaidi Hasbullah; Pustaka Arafah, Solo 2002).

Bagi rujukan yang menjawab tuduhan-tuduhan negatif ke atas *Mazhab al-Salaf*, sila lihat:

[4] Salim bin I'd al-Hilaly: *Manhaj al-Salaf Manhaj Alternatif* (terj: Andi Arlin; Pustaka Azzam, Jakarta 2001).

[5] Nashir bin 'Abd al-Karim al-'Aql: *Benteng Akidah* (terj: Abdul

berpesan:

Bersabarlah dalam menetapi sunnah, berhentilah pada saat kaum (*al-Salaf*) berhenti, katakanlah sebagaimana perkataan mereka dan diamlah sebagaimana mereka diam. Berjalanlah di atas jalan mereka yang terdahulu (*al-Salaf*) kerana jalan tersebut akan menghantar kepada tujuan yang telah mereka capai.<sup>67</sup>

## **KESIMPULAN BAB 1:**

### **Pengenalan kepada AL-SALAF DAN AL-KHALAF.**

Alhamdulillah telah selesai kita menilai semula beberapa hal penting yang membentuk dasar utama dalam Bab 1 buku *Salafiyah Wahabiyah* yang berjudul *Pengenalan kepada al-Salaf dan al-Khalaf*. Dalam penilaian ini telah jelas kepada kita perbezaan antara *al-Salaf* dan *al-Khalaf*, asal usul *al-Salaf*, siapakah *al-Salaf*, fahaman *al-Salaf*, kedudukan *al-Salaf* sebagai satu mazhab dan kepentingan untuk kita mengikuti Mazhab *al-Salaf*. Kesimpulannya didapati bahawa Mazhab *al-*

---

Rosyad Shiddiq; Qisthi Press, Jakarta 2002).

<sup>67</sup> Dirwayatkan oleh al-Ajurri dalam *al-Syari'ah*, ms. 58, CF. al-Hilaly – *Manhaj al-Salaf Manhaj Alternatif*, ms. 52.

*Salaf* adalah sesuatu yang benar-benar wujud, umumnya terdiri daripada mereka yang hidup sebelum tahun 300 hijrah. Secara terperinci mereka terdiri daripada (1) generasi Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat, (2) generasi *tabi'in* dan (3) pengikut kepada generasi *tabi'in*.

Penilaian bab pertama ini diakhiri dengan pesanan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sendiri pada ms. 14:

Dengan makna yang lain, kebanyakan daripada kebaikan itu berlaku pada zaman al-Salaf kerana mereka lebih hampir dengan zaman Baginda s.a.w. Justeru itu, mengikuti mereka adalah sebaik-baik ikutan.

## **BAB B: DAKWAAN GENERASI AL-SALAF MENTAKWILKAN NAS-NAS AL-SIFAT.**

### ***Pengenalan.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dari ms. 20-24, telah menjelaskan secara panjang lebar lagi terperinci mengenai pengertian istilah *al-Takwil* dari sudut bahasa dan kaedah pemakaiannya.<sup>68</sup> Ringkasnya istilah *al-Takwil* digunakan untuk 2 maksud:

- [1] Penafsiran: iaitu menjelaskan atau mengkhususkan maksud sesuatu ayat atau perkataan.
- [2] Pengalihan: iaitu mengalihkan lafaz (atau istilah) zahir sesuatu ayat atau perkataan kepada lafaz lain.

Ingin ditambah bahawa bagi generasi *al-Salaf*, kata-kata *al-Takwil* lazimnya dikenali sebagai *al-Tafsir* (penafsiran) sehingga dikatakan bahawa istilah *al-Takwil* dan *al-Tafsir* mewakili maksud yang sama kepada mereka. Berbeza dengan generasi terkemudian, kata-kata *al-Takwil* lazimnya diertikan sebagai pengalihan lafaz manakala *al-Tafsir* adalah penjelasan maksud.<sup>69</sup> Namun di sini perbezaan hanyalah pada penggunaan

---

<sup>68</sup> Sebahagian adalah merupakan kajian penyusun sendiri manakala sebahagian lain dinukilnya daripada buku Hasan 'Ali al-Saqqaf: *Sahih Syarah al-'Aqidah al-Thahawiyah au al-Minhaj al-Sahih fi fahmi 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah ma'a al-Tanqih* (Dar Imam al-Nawawi, Amman 1995), ms. 148. Buku ini seterusnya akan dikemukakan dengan singkatan *Sahih al-'Aqidah al-Thahawiyah*.

<sup>69</sup> Lebih lanjut lihat: Muhammad Husain al-Dzahabi – *al-Tafsir wa al-Mufasssirun* (Dar al-Yusuf, Beirut 2000), jld. 1, ms. 19-21 dan Muhammad Ahmad Lauh – *Jinayat al-Takwil al-Fasid 'ala al-'Aqidah al-Islamiyyah* (Dar Ibn Affan, Saudi 1997), ms. 8-12. Shams al-Salafi al-Afghani dalam tesisnya *'Adau al-Maturudiyyah li al-'Aqidah al-Salafiyyah*, jld. 2, ms. 199-210 telah membuktikan bahawa istilah *Al-Takwil* di sisi ahli lughah (ahli bahasa) yang awal hanyalah terhad kepada makna *penafsiran*

istilah, yang penting adalah maksudnya.

Kedua-dua maksud *al-Takwil* sepertimana yang diterangkan di atas diterima dan dipraktikkan oleh seluruh generasi *al-Salaf*. Hanya sahaja bagi *takwil* pengalihan lafaz, generasi *al-Salaf* hanya akan mempraktikkannya apabila terdapat lain-lain petunjuk daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih yang mengarahkan pengalihan lafaz tersebut. Inilah yang disebut dalam kaedah *usul* bahawa setiap nas wajib difahami secara zahirnya melainkan wujud petunjuk lain yang mengarahkannya untuk difahami dalam bentuk yang lain.

Maka terhadap *nas-nas al-Sifat*, generasi *al-Salaf* tidak mengalihkan lafaznya kerana tidak terdapat apa-apa dalil yang mengarahkan pengalihannya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam al-Qur'an tidak menerangkan bahawa *nas-nas al-Sifat* adalah sesuatu yang perlu dialihkan lafaznya. Demikian juga Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam sebagai seorang penjelas al-Qur'an (surah al-Nahl 16:44) tidak pernah menerangkan bahawa *nas-nas al-Sifat* perlu *ditakwilkan*.

Di sini ingin diminta para pembaca untuk bertindak cemerlang bagi membezakan ciri-ciri *takwil* pengalihan lafaz di sisi generasi *al-Salaf*, bahawa mereka menerima dan mengamalkannya terhadap umum ayat-ayat dan hadis-hadis kecuali terhadap ayat dan hadis yang menerangkan sifat-sifat Allah.

Jika para pembaca dapat membezakan hal ini umpama siang dan malam, maka mudahlah untuk menangkap dan memahami bahawa hampir semua contoh *takwilan* generasi *al-Salaf* yang dijadikan hujah dalam buku *Salafiyah Wahabiyah* sebenarnya tidak melibatkan sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Jika ada sekalipun, ia tidak melibatkan *takwil* pengalihan lafaz tetapi adalah *takwil* penafsiran maksud.<sup>70</sup>

---

dan *pengkhususan*.

<sup>70</sup> Perbezaan antara *takwil* pengalihan lafaz dan *takwil* penafsiran maksud adalah, yang pertama bertindak memaling, menukar dan merubah

Hal ini akan dapat dilihat dalam penilaian-penilaian yang akan datang. Sebelum itu kita mulai dengan penilaian terhadap doa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wassalam terhadap Ibn ‘Abbas *radiallahu ‘anhu*.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 8**

***Doa Rasulullah s.a.w. kepada Ibn ‘Abbas: “Dan ajarkanlah dia al-Takwil”.***

Dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 24 disebut bahawa:

Kebanyakan para sahabat telah mentakwilkan banyak ayat-ayat (yang menunjukkan makna zahir) kepada makna lain yang terdapat dalam bentuk *majaz* di dalam bahasa arab. Rasulullah s.a.w. mendoakan kepada Sayidina Ibn Abbas dengan lafaz:

اللهم فقهه في الدين وعلمه التأويل

Maksudnya: “Ya Allah, ajarkanlah Ibn Abbas

---

sesuatu lafaz yang telah ditetapkan oleh Allah dalam al-Qur’an dan al-Sunnah yang sahih, manakala yang kedua hanya bertindak menjelaskan maksud sebenar sesuatu lafaz seandainya ia memiliki lebih dari satu erti dengan tetap memelihara lafaz yang asal.

ini dalam urusan agama. Dan ajarkanlah dia Takwil.”

(Dalam notakaki no 2: Hadith riwayat al-Bukhari. Sila lihat “*Fath al-Bari*” ms. 169, jld. 1)

### ***Penilaian semula:***

Kenyataan di atas akan dinilai dalam dua sudut iaitu sandaran hadis dan maksudnya.

#### **Pertama:**

Penilaian sandaran hadis.

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah menyandarkan hadis ini kepada al-Bukhari dengan kata-kata beliau: “*Hadith riwayat al-Bukhari*” padahal hadis ini tidak diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab *Sahihnya*. Yang ada hanyalah bahagian awal hadis, iaitu:

اللَّهُمَّ فَفِّهْهُ فِي الدِّينِ.

***“Ya Allah, berilah kefahaman kepadanya dalam urusan agama.”***

Lafaz inilah yang terdapat dalam *Sahih al-Bukhari*, hadis no: 143 (*Kitab Wudhu’, Bab Menyediakan air untuk wudhu’*).<sup>71</sup>

---

<sup>71</sup> Lafaz inilah yang juga dikemukakan oleh al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 153 dan kata beliau dalam notakaki no: 91: *Riwayat al-Bukhari (al-Fath 1/169)*. Malangnya penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah menyalin hadis di atas dan melakukan penambahan di atas teksnya tanpa mengubah rujukan notakaki. Di sini kita mempersoalkan sejauh mana fungsi mempamirkan sijil pengiktirafan untuk menukil hadis daripada kitab yang asal (lihat Muqaddimah *Salafiyah Wahabiyah*, ms. xiii-xv) padahal yang diberikan sijil bukan sahaja tidak tahu merujuk kepada kitab yang asal bahkan menokok tambah daripada kitab tuan gurunya

Sandaran kepada kitab *Fath al-Bari* juga adalah tidak benar. Dengan merujuk kepada edisi yang sama dengan penyusun *Salafiyah Wahabiyah*, iaitu edisi Dar al-Ma'rifah, Beirut; jld. 1, ms. 169, (Kitab al-Iman, Bab Perkataan Nabi: "Ya Allah ajarkanlah dia al-Kitab") akan didapati bahawa Ibn Hajar al-'Asqalani (852H) sebenarnya telah membincangkan hadis ini dan beliau sendiri menegaskan (ms. 170) dengan menukil kata-kata al-Humaidi bahawa tambahan akhir doa ("dan ajarkanlah dia *al-Takwil*") tidak terdapat dalam dua kitab *sahih*. Malah kemudiannya Ibn Hajar menerangkan bahawa tambahan lafaz tersebut sebenarnya dikeluarkan oleh Ahmad bin Hanbal, al-Thabarani, al-Baghawi, Ibn Majah dan lain-lain.

Hal ini diulangi oleh Ibn Hajar dalam bahagian lain kitab *Fath al-Bari*, jld. 7, ms. 100 (Kitab Keutamaan Sahabat, *Manaqib al-Muhajirin*, Bab Tentang Ibn 'Abbas). Nampaknya penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah berbuat dusta apabila beliau menyandarkan hadis di atas kepada al-Bukhari dan kitab *Fath al-Bari*.

Sebenarnya hadis di atas tetap memiliki *sanad* yang *sahih*. Ia dikeluarkan oleh Ahmad bin Hanbal, al-Hakim, al-Thabarani (*Mu'jam al-Kabir*, *al-Ausath & Saghier*), Ibn Hibban dan lain-lainnya dengan lafaz:

اللَّهُمَّ فَقِّهْهُ فِي الدِّينِ وَعَلِّمَهُ التَّأْوِيلَ.

***Ya Allah, berilah kepadanya kefahaman dalam agama dan ajarkanlah dia al-Takwil.***<sup>72</sup>

---

sendiri.

<sup>72</sup> **Sanad sahih:** Hadis daripada Ibn 'Abbas *radiallahu 'anhu*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Hakim, al-Thabarani (*Al-Kabir*, *al-Ausath & al-Sagheir*), Ibn Hibban dan lain-lain, *sanadnya* dinilai *sahih* oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam *Musnad Ahmad* (Muassasah al-Risalah, Beirut 1995), jld. 5, ms. 215, no: 3102 (*Musnad Ibn 'Abbas*, *haddathana 'Abd al-Samad.....*).

## **Kedua:**

Penilaian maksud hadis.

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah menerangkan bahawa kebanyakan para sahabat telah *mentakwilkan* banyak ayat-ayat (yang menunjukkan makna zahir) kepada makna lain dan perbuatan ini beliau isyaratkan dalilnya kepada doa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* kepada Ibn ‘Abbas *radiallahu ‘anhū: Ya Allah, berilah kepadanya kefahaman dalam agama dan ajarkanlah dia al-Takwil*.

Kenyataan di atas tidak dimungkiri hanya sahaja perlu ditegaskan bahawa para sahabat tidak melakukan *al-Takwil* dengan erti *takwil* pengalihan lafaz kepada apa yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah ‘*Azza wa Jalla*. Hal ini akan dibuktikan apabila menilai contoh-contoh seterusnya yang dikemukakan tentang *takwilan* para sahabat. Adapun sandaran kepada doa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* sebagai kebolehan untuk *mentakwil*, ia adalah *al-Takwil* dalam maksud keseluruhannya dan tidak semestinya bererti *takwil* pengalihan lafaz terhadap zahir *nas-nas al-Sifat*.

Malah dalam hal ini diriwayatkan bahawa Ibn ‘Abbas pernah berkata:

Tafsir (al-Qur’an) adalah dengan empat bentuk: (1) apa yang diketahui oleh orang Arab sahaja dari perkataannya, (2) tafsir yang tak seorangpun yang tidak mengetahuinya, (3) tafsir yang hanya diketahui oleh para ulama’ dan (4) tafsir yang tidak diketahui langsung kecuali oleh Allah.<sup>73</sup>

---

<sup>73</sup> **Sanad dha’if:** *Athar* dikeluarkan oleh Ibn Jarir al-Tabari dalam *Jamii’ al-Bayan* (Dar al-Fikr, Beirut 1999) – no: 061 dari jalan: *haddathana* Muhammad bin Basyir (al-Bandar), dia berkata: *haddathana* Mua’mal (bin Ismail al-Basri), dia berkata: *haddathana* Sufyan (bin ‘Uyaynah), ‘an Abi al-Zinad (‘Abd Allah bin Zakwan), dia berkata: berkata Ibn ‘Abbas.....seperti di atas. Abi al-Zinad tidak mendengar secara terus daripada Ibn ‘Abbas, maka sanad ini terputus. Dikemukakan hanya sebagai penjas.

Kata-kata Ibn ‘Abbas di atas memang benar kerana *al-Takwil* atau tafsir terhadap al-Qur’an sebahagiannya memang diketahui oleh orang ramai, sebahagiannya hanya diketahui oleh mereka yang pakar dalam bahasa Arab, sebahagian lagi hanya diketahui oleh para ahli tafsir manakala sebahagian lagi tidak diketahui oleh sesiapa kecuali Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Diyakini bahawa 3 bentuk tafsir yang pertama dikuasai oleh Ibn ‘Abbas manakala ciri yang terakhir tidak dikuasainya dan ia adalah yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah *‘Azza wa Jalla*. Kerana itu kita tidak dapati satu bukti *sahih* bahawa Ibn ‘Abbas ada melakukan *takwil* pengalihan lafaz ke atas mana-mana sifat Allah *‘Azza wa Jalla*.

---

Juga terdapat riwayat yang seumpama daripada Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam*, dikeluarkan oleh al-Tabari dalam *Jamii’ al-Bayan* – no: 062 tetapi di dalam *sanadnya* terdapat al-Kalbi yang dituduh pendusta. Juga dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam *Musnad al-Shamiyyin* (*tahqiq*: Humaidi bin ‘Abd al-Majid; Muassasah al-Risalah, Beirut 1996) – no: 1385 dari jalan Abu al-Husain. Berkata Humaidi bin ‘Abd al-Malik, kemungkinan besar beliau (Abu al-Husain) ialah al-Kalbi juga.

## PENILAIAN SEMULA NO: 9

### ***Dakwaan al-Takwil terhadap perkataan Betis dalam ayat 42 surah al-Qalam.***

Dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 24 disebut bahawa:

Apabila kita membaca kitab-kitab tafsir, kita akan menemui beberapa takwilan Ibn Abbas terutamanya yang berkaitan dengan masalah sifat Allah melalui sanad-sanad yang sahih. Contohnya, firman Allah *Ta'ala*:



“Pada hari betis disingkapkan ...” (*Surah al-Qalam* 68:42)

Ibn Abbas berkata: Yang dimaksudkan dengan betis ialah keadaan orang-orang yang berada dalam ketakutan yang ingin lari kerana hebatnya huru-hara qiamat. Hasilnya Ibn Abbas telah mentakwilkan ( *الساق* ) iaitu betis kepada perkataan ( *الشدة* ) iaitu terlalu takut.<sup>74</sup>

### ***Penilaian semula:***

<sup>74</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan bin ‘Ali al-Saqqaf dalam:

[1] *al-Tandid biman ‘Addada al-Tauhid* (Dar Imam al-Nawawi, Amman 1992), ms. 46. Rujukan ini seterusnya akan dikemukakan dengan singkatan *al-Tandid*.

[2] *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 149, contoh no: 03-A.

[3] *Daf’u Syubhat al-Tasybih bi Akaffi al-Tanzih* (Dar Imam al-Nawawi, Amman 2000), ms. 11-12, contoh no: 03-A. Rujukan ini seterusnya akan dikemukakan dengan singkatan *Daf’u Syubhat al-Tasybih*.

Nota: Apabila penulis menyandarkan kitab *Daf’u Syubhat Tasybih* kepada Hasan al-Saqqaf, ia bererti penulis merujuk kepada pelbagai penjelasan tambahan dan lampiran yang ditulis oleh al-Saqqaf. Apabila disandarkan kitab *Daf’u Syubhat al-Tasybih* kepada Ibn al-Jauzi, ia bererti penulis merujuk kepada kata-kata Ibn al-Jauzi sendiri yang hanya merupakan sebahagian kecil daripada keseluruhan kitab tersebut.




















































































































































Ayat di atas menyebut betis secara umum tanpa menyandarkannya kepada Allah *'Azza wa Jalla*. Ayat tersebut tidak menyebut: Betis Allah atau Betis-Nya. Oleh itu ayat di atas dan *takwilan* yang didakwa dilakukan oleh Ibn 'Abbas sebenarnya tidak melibatkan sifat Allah *Ta'ala*.<sup>75</sup>

111

**PENILAIAN SEMULA NO: 10**

***Dakwaan al-Takwil terhadap perkataan Tangan dalam ayat 47 surah al-Zaariyat.***


Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 25* dan diulangi secara ringkas dalam *ms. 35*:

Disamping takwilan ini, terdapat juga takwilan lain yang sah daripada beliau. Contohnya di dalam surah al-Zaariyat ayat 47, perkataan ( يَد ) iaitu Tangan ditakwil oleh Ibn Abbas kepada makna ( القوة ) iaitu “kekuasaan”.

Takwilan beliau ini diriwayatkan oleh Ibn Jarir al-Tabari didalam tafsirnya (m.s. 27, jld. 7). Selain Ibn Abbas; Mujahid, Said Ibn Jubair, Qatadah, Abu Zaid dan lain-lain juga turut mentakwil. Inilah serba sedikit penjelasan tentang al-Takwil yang disaring daripada para ulama’ al-Salaf al-Soleh.<sup>76</sup>

***Penilaian semula:***

Ayat yang dimaksudkan ialah firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:



***Dan langit itu Kami dirikan dengan Tangan. Dan sesungguhnya Kami adalah mempunyai kekuasaan yang luas***

<sup>76</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *al-Tandid*, ms. 46; *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 155-156, no: 03-B dan *Daf’u Syubhat al-Tasybih*, ms. 11-12, no: 03-B.

***tidak terhingga.*** [al-Dzaariyat 51:47]

Perkataan yang menjadi perbincangan adalah *Yad* ( يَد ) di mana didakwa bahawa generasi *al-Salaf* telah *mentakwilkannya* daripada Tangan kepada “kuasa”. Sebenarnya sesiapa yang menguasai perbendaharaan kata Arab yang paling asas sekalipun akan mengetahui bahawa perkataan *Yad* memiliki beberapa erti, dua antaranya ialah Tangan kepada kuasa. Hal ini boleh juga dirujuk di dalam mana-mana kamus bahasa Arab.

Apabila generasi *al-Salaf* *mentakwilkan* perkataan *Yad* ( يَد ) kepada pengertian kuasa ia bukanlah *takwil* pengalihan lafaz tetapi adalah *takwil* penafsiran maksud. Oleh kerana perkataan *Yad* memiliki beberapa erti, generasi *al-Salaf* menjelaskan bahawa ertinya dalam konteks ayat 47 surah al-Dzaariyat adalah *kekuasaan dalam membina dan mendirikan langit*.

*Takwilan* generasi *al-Salaf* dalam ayat di atas tidak melibatkan sifat Allah *Tabaraka wa Ta’ala*. Lebih dari itu sekalipun perkataan *Yad* ( يَد ) ditafsir kepada pengertiannya yang paling lazim iaitu Tangan, ayat di atas tidak menyebut Tangan Allah atau Tangan-Nya.

## PENILAIAN SEMULA NO: 11

### ***Pendapat Ibn Hajar al-‘Asqalani tentang al-Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 27:*

Al-Imam Ibn Hajar al-Asqalani menceritakan di dalam kitab “*Fath al-Bari*” (ms. 432, jid. 13) bermaksud:

“Sesiapa yang mengambil lafaz secara zahirnya akan membawa kepada *tajsim*. Seterusnya sesiapa yang tidak mengambil lafaz yang zahir, sedangkan dia mengetahui sesungguhnya Maha suci Allah daripada yang dikehendaki dengan zahir itu, maka baginya sama ada ia mengingkari pemindahan kalam (yang tidak sah) itu atau mentakwilkannya.”<sup>77</sup>

Pada sudut yang lain pula “*al-Fath al-Bari*”, (ms. 225, jid. 1) berbunyi: “dan ayat-ayat *mutasyabih* itu tidak sepatutnya disebut-sebut kepada orang awam, kerana kaedah yang demikian ini (mengambil dengan zahir) dapat menguatkan lagi *bid'ah*, kerana makna asalnya tidak dimaksudkan dengan yang zahir. Oleh yang demikian, amatlah dituntut bagi orang-

---

<sup>77</sup> Rujukan seperti di atas, syarah bagi hadis no: 7444 (*Kitab Tauhid, Bab Firman Allah: Wajah-wajah pada hari itu berseri-seri (al-Qiyamah 75:01)* ). Hanya sahaja penulis berpendapat terjemahan yang lebih tepat di bahagian akhir adalah: “.....maka baginya sama ada dia mendustakan nukilan itu (yakni riwayat hadis tersebut) atau dia mentakwilkannya.” Teks Arabnya seperti berikut:

....."اما ان يكذب نقلتها واما ان يؤولها".

orang yang takut berlakunya *tasybih* tidak mengambil makna secara zahir.”<sup>78</sup>

### **Penilaian semula:**

Kata-kata Ibn Hajar: “Sesiapa yang mengambil lafaz secara zahirnya akan membawa kepada *tajsim* (menjisimkan Tuhan) .....” yang akhirnya akan membawa kepada *tasybih* (penyerupaan dengan makhluk) dan bid‘ah ditujukan kepada *Ahl Zahir al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* iaitu segolongan manusia yang berpendapat Tuhan itu menyerupai makhluknya dan berjisim. Telahpun diterangkan sebelum ini (awal Bab A) bahawa generasi *al-Salaf* dan para *Salafiyyah* bukanlah terdiri daripada golongan *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah*. Kata-kata Ibn Hajar juga ditujukan kepada orang awam bahawa mereka tidak boleh memahami *nas-nas al-Sifat* secara zahir dari sudut istilah dan *kaifiatnya*.

Ibn Hajar mencenderungi kaedah *al-Takwil* di atas kaedah *Ahl al-Sunnah*. Ini adalah sesuatu yang diijthadkan oleh beliau memandangkan banyaknya orang-orang awam di zamannya yang terkeliru dengan memahami *nas-nas al-Sifat* secara zahir.<sup>79</sup> Walaubagaimanapun yang lebih utama dan lebih benar

---

<sup>78</sup> Rujukan seperti di atas namun dinukil secara berpisah-pisah lalu dicantumkan bersama menjadi satu perenggan. Ini adalah satu tindakan yang sangat tidak berdisiplin. Lihat syarah kepada hadis no: 127 (*Kitab Ilmu, Bab Orang yang dikhaskan dengan ilmu.....*).

Kedua-dua nukilan dari kitab *al-Fath* asalnya dikemukakan oleh al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 148 akan tetapi beliau telah meletakkan tanda (.....) di antara ayat sebagai petunjuk bahawa dia menukilnya secara berpisah-pisah. Namun hal ini tidak dilakukan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.

<sup>79</sup> Sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini di bahagian pengenalan BAB A, tindakan Ibn Hajar al-‘Asqalani *mentakwilkan nas-nas al-Sifat* tidak boleh dijadikan hujah bahawa beliau terkeluar daripada ‘*aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Malah sebagaimana yang dikupas oleh Muhammad ‘Abd al-Rahman dalam bukunya *Fath al-Manan bi Muqaddimah Lisan al-Mizan* (Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, Beirut 2001),

adalah tidak *mentakwilkan nas-nas al-Sifat* atas dasar-dasar yang telah dikemukakan di bahagian awal Bab A. Adapun terhadap kekeliruan orang awam maka yang utama adalah menjelaskan kepada mereka dengan sebaik-baiknya tanpa beralih kepada kaedah *al-Takwil* sepertimana yang dilakukan oleh al-Ghazali (lihat PENILAIAN SEMULA NO: 5).

---

*jld. 11, ms. 80-82*, adalah Ibn Hajar al-‘Asqalani berada dalam ‘*aqidah* generasi *al-Salaf*. Ini adalah kerana subjek ‘*aqidah* di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* meliputi pelbagai asas dan jurusan dan ia tidak terhad kepada masalah *nas-nas al-Sifat* sahaja. Penilaian beliau terhadap pegangan Ibn Hajar al-Asqalani merangkumi semua pegangan beliau dalam bab ‘*aqidah* tanpa terhad kepada masalah *mentakwil* atau tidak *nas-nas al-Sifat*.

Inilah juga merupakan pendapat Nasr al-Din al-Albani, lihat penjelasan beliau yang amat baik tentang persoalan ini dalam *Fatawa al-Shaikh al-Albani wa Muqaranatuha bi Fatawa al-‘Ulama’* (dihimpun oleh Ukasyah ‘Abd al-Manan al-Thaibi; Maktabah al-Turath al-Islami, Kaherah 2002), *ms. 297-305*. Buku ini telah diterjemahkan atas judul *Fatwa-fatwa Syaikh Albani* (terj: Amiruddin Abdul Djalil; Pustaka Azzam, Jakarta 2003), lihat *ms. 213-223*.

## PENILAIAN SEMULA NO: 12

***Hadis “Serahkan kepada orang alim jika kamu tidak mengetahuinya”.***

Sabda Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam*:

إِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِهَذَا ضَرَبُوا كِتَابَ اللَّهِ بَعْضَهُ بِبَعْضٍ وَإِنَّمَا نَزَلَ كِتَابَ اللَّهِ يُصَدِّقُ بَعْضُهُ بَعْضًا. فَلَا تُكَذِّبُوا بَعْضَهُ بِبَعْضٍ. فَمَا عَلِمْتُمْ مِنْهُ فَقُولُوا وَمَا جَهِلْتُمْ فَكَلُّوهُ إِلَى عَالِمِهِ.

***Sesungguhnya telah binasa umat-umat sebelum kamu kerana mereka mencampurkan sesetengah kandungan Kitab Allah dengan sesetengah yang lain. Maka ucapkanlah tentang apa yang kamu ketahui tentangnya dan serahkanlah kepada orang-orang yang alim jika kamu tidak mengetahui tentangnya.***<sup>80</sup>

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mengemukakan hadis di atas dalam ms. 28 tanpa disertai sebarang penjelasan. Hasan al-Saqqaf mengemukakan hadis di atas dan menafsirkannya bahawa kononnya Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* membenarkan kaedah *al-Takwil* dan *al-Tafwidh* terhadap nas-

---

<sup>80</sup> **Sahih:** Hadis dikeluarkan oleh ‘Abd al-Razzaq, Ahmad, al-Baghawi dan al-Baihaqi (*Syuhabu al-Iman*) dengan *sanad* yang *hasan* namun memiliki penguat yang *mensahihkannya* daripada beberapa jalan yang lain dengan lafaz yang berbeza tetapi maksud yang sama. Lihat penilaian Syuhab al-Arna’uth dalam semakannya terhadap *Musnad Ahmad*, jld. 11, ms. 354, no: 6741. Lihat juga *Syarah al-‘Aqidah al-Thahawiyyah* (*tahqiq*: Syuhab al-Arna’uth; Muassasah al-Risalah, Beirut 1991), jld. 1, ms. 230.

Hadis di atas asalnya dikemukakan oleh al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 67, 152 dan 167. Hanya sahaja beliau mengemukakan rujukan hadis sebagai berikut: ‘*Abd al-Razzaq 11/216* (dan bukannya 1/216 sebagaimana yang tercatat dalam *Salafiyah Wahabiyah*), dan *Ahmad 2/195* dan *Ibn Majah 1/33* dan *al-Baghawi 1/260* (dan bukannya 1/2603).

*nas al-Sifat*. Berkata al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 152:

Sabda Rasulullah: ***Maka ucapkanlah tentang apa yang kamu ketahui tentangnya*** adalah dalil ke atas Mazhab *al-Takwil*.


Sabda Rasulullah: ***Dan serahkanlah kepada orang-orang yang alim jika kamu tidak mengetahui tentangnya*** adalah dalil ke atas Mazhab *al-Tafwidh*.

Dengan tafsiran ini al-Saqqaf seterusnya mendakwa bahawa kaedah *al-Takwil* adalah merupakan kaedah yang benar di sisi generasi *al-Salaf*.

***Penilaian semula:***

Sungguh memusingkan bagaimana dan berdasarkan apa al-Saqqaf membuat tafsiran di atas. Namun sekalipun benar ia tidak dinafikan kerana seperti yang telah diterangkan sebelum ini, generasi *al-Salaf* memang mengamalkan kaedah *al-Takwil* secara umum kecuali terhadap *nas-nas al-Sifat*: generasi *al-Salaf* tidak menggunakan kaedah *al-Takwil* dengan pengertian *takwil* pengalihan lafaz ke atasnya.


Terhadap *nas-nas al-Sifat* generasi *al-Salaf* beriman kepadanya dan menyerahkan *kaifiatnya* kepada Allah. Orang-orang alim di kalangan generasi *al-Salaf* apabila ditanya tentang *nas-nas al-Sifat* akan menjawab sebagaimana firman Allah:



***Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: “Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan***

**kami**”. [‘Ali Imran 3:07]

Ini adalah kerana orang yang alim setinggi mana sekalipun kealimannya tidak akan dapat memahami apakah yang tersurat dan tersirat di sebalik sifat-sifat Allah. Setinggi mana sekalipun ilmu orang yang alim ia tidak akan dapat menjangkau Ilmu Allah *Subhanahu wa Ta’ala* sebagaimana firman-Nya:



***Dia (Allah) mengetahui apa yang di hadapan mereka dan apa yang di belakang mereka; sedang ilmu mereka tidak dapat meliputi Ilmu-Nya.*** [Taha 20:110]

Orang-orang alim ini adalah Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam*, para sahabat, *tabi’in* dan para tokoh terdahulu seperti para imam yang empat, *radiallahu ‘anhum*. Kerana itu kita tidak mendapati Rasulullah dan generasi *al-Salaf mentakwilkan* sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.

Tanpa terpengaruh dengan tafsiran al-Saqqaf, hadis di atas sebenarnya menerangkan kaedah yang harus dilalui apabila berinteraksi dengan al-Qur’an. Amalkanlah apa yang diketahui dan bertanyalah kepada orang yang pakar akan apa yang tidak diketahui.

## PENILAIAN SEMULA NO: 13

### ***Dakwaan al-Takwil terhadap hadis “Aku sakit...”***

Dalam sebuah hadis Qudsi Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَقُولُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: يَا ابْنَ آدَمَ مَرِضْتُ فَلَمْ تَعُدِّي. قَالَ: يَا رَبِّ كَيْفَ أَعُوذُكَ؟ وَأَنْتَ رَبُّ الْعَالَمِينَ. قَالَ: أَمَا عَلِمْتَ أَنَّ عَبْدِي فُلَانًا مَرِضَ فَلَمْ تَعُدَّهُ. أَمَا عَلِمْتَ أَنَّكَ لَوْ عُدْتَهُ لَوَجَدْتَنِي عِنْدَهُ؟

***Sesungguhnya Allah ‘Azza wa Jalla berfirman di Hari Kiamat: “Wahai Anak Adam, Aku sakit akan tetapi kamu tidak menziarahi Aku.” Berkata (anak Adam): “Wahai Tuhan bagaimana mungkin aku menziarahi Engkau padahal Engkau adalah Tuhan sekalian alam ?”***

***Allah berfirman: “Apakah kamu tidak ketahui bahawa seorang hamba-Ku si-fulan telah sakit tetapi engkau tidak menziarahinya. Apakah engkau tidak mengetahui bahawa jika engkau menziarahinya akan engkau dapati Aku di sisinya ?”***<sup>81</sup>

Terhadap hadis ini berkata penyusun *Salafiyah Wahabiyah ms. 29*:

Berdasarkan kepada hadith ini, timbul beberapa persoalan kepada kita. Adakah kita boleh mengatakan bahawa sifat sakit itu adalah salah satu daripada sifat-sifat Allah?. Haruskah sifat

---

<sup>81</sup> **Sahih:** Sebahagian hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu ‘anhu*, dikeluarkan oleh al-Bukhari (*al-Adab al-Mufrad*), Muslim, Ibn Hibban, al-Baihaqi (*Syuhru al-Iman*) dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim – no: 2569 (Kitab al-Birr, Bab Keutamaan melawat orang sakit)*.

ini disandarkan kepada Allah S.W.T. dengan mengatakan bahawa sakit-Nya itu tidak sama seperti sakit kita?, ataupun sakitnya itu layak dengan kebesaran-Nya? Apakah dibolehkan bagi seseorang hamba itu beri'tiqad dengan berkata "Apabila seseorang hamba itu sakit, maka Allah juga turut sakit?.

Jawapannya ... sudah tentu tidak. Ini kerana, sakit hanyalah sifat yang ada pada makhluk yang menunjukkan kekurangan dan kelemahan. Sifat lemah dan kekurangan ini tentunya mustahil bagi Allah Ta'ala iaitu pada zat dan sifat serta perbuatan-Nya, kerana wujud sifat tersebut menafikan hak Allah Ta'ala yang bersifat kesempurnaan. Oleh itu, adalah terlalu mustahil untuk kita mempraktikkan nas di atas secara lahirnya. Penggunaan kaedah lahir disini membawa kepada *tasybih* (penyerupaan) Allah dengan makhluk. Maha Suci Allah daripada menyerupai makhluk.

Tegasnya, sesiapa yang mempraktikkan nas secara lahirnya itu adalah terdiri daripada orang-orang yang "sakit" yang layak dengan kejahilannya.<sup>82</sup>

### ***Penilaian semula:***

Bersemangat sungguh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* untuk membuktikan kejahilan dan penyakit kronik yang sedang dihadapinya sendiri.

Sebenarnya hadis di atas tidaklah menetapkan satu sifat bagi Allah '*Azza wa Jalla*. Ketahuilah penetapan sesuatu sifat bagi

---

<sup>82</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-'Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 151, no: 02 dan *Daf'u Syubhat al-Tasybih*, ms. 10, no: 02.


Allah hendaklah berdasarkan kepada sesuatu nas yang sah *sanadnya* dan jelas *matannya*. Hadis di atas memang sah *sanadnya* tetapi *matannya* tidak bersifat menetapkan (*ithbat*) tetapi hanya kepada membawa satu perumpamaan.

“Sakit” bukanlah merupakan salah satu sifat Allah. Ia tidak pernah dikemukakan oleh mana-mana tokoh atau kitab yang khas dalam membicarakan *al-Asma’ wa al-Sifat*. Penulis pertama kali mendengar dakwaan “sakit” sebagai salah satu sifat Allah yang perlu *ditakwilkan* ketika membaca buku *Salafiyah Wahabiyah* ini. Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah melakukan satu kesilapan yang amat besar lagi bahaya di sini.

Seandainya “sakit” adalah merupakan salah satu daripada sifat Tuhan pasti hadis Qudsi di atas akan menekankan keutamaan menziarahi Tuhan yang sedang sakit dan bukannya manusia walau sekronik mana sekalipun sakitnya. Sudah pasti antara Tuhan yang sakit dan manusia yang sakit, adalah lebih utama lagi afdal untuk melawat Tuhan yang sakit.

Oleh itu sekali lagi diulangi, sifat *sakit* yang *ditakwilkan* dalam hadis Qudsi di atas bukanlah merupakan salah satu daripada sifat Allah *‘Azza wa Jalla*.

***Dakwaan al-Takwil terhadap perkataan Lupa dalam ayat 67 surah al-Taubah dan ayat 14 surah al-Sajdah.***



[illegible]

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 32 berkenaan dua ayat di atas:

123



Maksudnya: “Dan tiadalah Tuhan-Mu itu lupa”.  
(Surah Maryam 19:64)<sup>83</sup>

### ***Penilaian semula:***

Apabila membicarakan sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta’ala*, para ilmuan telah membahagikannya kepada dua jenis:

#### **Pertama:** Sifat *Dzatiyah*.

Ini adalah sifat-sifat yang Allah menyifati diri-Nya dengannya, seperti Hidup, Wajah, Tangan, Ilmu dan sebagainya.

Semua sifat-sifat *Dzatiyah* Allah ini adalah layak bagi-Nya sahaja tanpa difikirkan bagaimana bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya atau diserupakan dengan mana-mana sifat makhluk.

#### **Kedua:** Sifat *Fi’iliyah*.

Ini adalah sifat-sifat perbuatan Allah *Subhanahu wa Ta’ala* sesuai dengan kehendak dan kekuasaan-Nya. Firman Allah:



***Sesungguhnya Allah berbuat apa yang Dia kehendaki.*** [al-Hajj 22:14]

Contoh sifat-sifat perbuatan Allah ialah Turun (*al-Nuzul*), Ketawa (*al-Dhahik*) dan Lupa (*al-Nisyan*). Semua sifat-sifat perbuatan Allah ini adalah layak bagi-Nya sahaja tanpa digambarkan bagaimana tatacaranya atau diumpamakan

<sup>83</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 149, no: 01 dan *Daf’u Syubhat al-Tasybih*, ms. 8-9, no: 01.

dengan mana-mana perbuatan makhluknya.

Kembali kepada ayat surah al-Taubah dan al-Sajdah di atas, Lupa boleh wujud dalam dua bentuk, yang pertama sebagai satu sifat seseorang yang tidak disengajakan manakala yang kedua sebagai satu perbuatan seseorang yang disengajakan. Sebagai contoh, jika dikatakan Ahmad seorang “pelupa” maka ia bererti sifat Lupa wujud pada diri Ahmad tanpa disengajainya. Namun apabila dikatakan Jamal “melupakan” bererti Jamal bukanlah bersifat “pelupa” tetapi dia sengaja bertindak Lupa.

Maka dalam ayat surah al-Taubah dan al-Sajdah di atas, Lupa yang dimaksudkan bukanlah merupakan satu sifat *Dzatiyah* kerana telah jelas dalam ayat 64 surah Maryam bahawa Allah telah menafikan sifat Lupa daripada diri-Nya. Lupa yang dimaksudkan ialah sifat *Fi’iliyah*, bererti Allah bertindak untuk Melupakan.

## PENILAIAN SEMULA NO: 15

### ***Dakwaan al-Takwil terhadap perkataan “Zalim” dalam ayat 82 surah al-An‘aam.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 33-34:*


Orang yang berhak mentakwil ialah nabi Muhammad s.a.w., kerana Bagindalah penyampai Risalah kepada seluruh umat manusia dan Jin. Baginda bertindak sebagai pendidik, pentafsir dan pentakwil nas-nas yang tidak dapat difahami maksudnya dengan jelas oleh para sahabat. Sebagai contoh, ketika ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan itu jelas maksudnya, para sahabat terus beriman dengan zahir ayat. Sebaliknya, apabila diturunkan ayat-ayat yang sukar difahami maksudnya, mereka mengadu dan bertanyakan kepada Rasulullah s.a.w. Contohnya: Firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

☎ ✂ ✕ ◻ ○ ☞ ⌚ ◻ ◆ ③ ⇔ ☞ ⬅ ⬅ ⬅ ⬅  
☞ ⬅ ⬅ ⬅ ⬅ ⬅ ⬅ ⬅ ⬅ ⬅ ⬅  
☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞

Maksudnya: “Tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman”. (*Surah al-An'am* 6:82)

Berkenaan ayat ini, para sahabat bertanyakan Rasulullah s.a.w.: “Siapakah dia (wahai Rasulullah) orang yang tidak menzalimi dirinya itu?. Maka Baginda telah mentafsirkan "الشرك" itu ialah menyekutukan Allah, berdasarkan kepada ayat di dalam surah al-Luqman. Firman Allah *Ta'ala* yang berbunyi:

☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞ ☞




“Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”. (*Surah al-Luqman 31:13*)

### Penilaian semula:

Tidak diingkari kenyataan di atas malah sangat dipersetujui dengannya. Adapun hadis yang menerangkan tindakan Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* mentakwil perkataan “zalim” sebagai “syirik”, ia diriwayatkan oleh ‘Abd Allah Ibn Mas‘ud *radiallahu ‘anhu* dan dikeluarkan oleh al-Bukhari, lihat *Sahih al-Bukhari – no: 6937* (Kitab Menyuruh orang yang murtad dan yang berkeras hati (untuk bertaubat) dan memerangi mereka, Bab Apa yang disebut tentang *al-Mutaawwalin*). Hadis ini secara lengkapnya telah dikemukakan dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 43-44*.

*Al-Takwil* yang dilakukan oleh Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* dalam hadis di atas bukanlah merupakan *takwil* pengalihan lafaz tetapi adalah *takwil* penafsiran maksud.

Kenyataan penyusun *Salafiyah Wahabiyah*: “Baginda bertindak sebagai pendidik, pentafsir dan *pentakwil* nas-nas yang tidak dapat difahami maksudnya dengan jelas.....” adalah satu kenyataan yang sangat tepat bahkan selari dengan firman Allah ‘*Azza wa Jalla*:



***Dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah***

***diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.*** [al-Nahl 16:44]

Namun apabila dikatakan Rasulullah bertindak sebagai *pentakwil*, ingin diperincikan bahawa *takwilan* yang baginda lakukan hanyalah terhadap *nas-nas* yang tidak melibatkan sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sepanjang pengetahuan penulis, tidak pernah Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* *mentakwilkan* dengan *takwil* pengalihan lafaz terhadap mana-mana sifat Allah yang disebut di dalam al-Qur'an al-Karim. Malah dalam puluhan hadis-hadisnya baginda menyebut sesuatu sifat Allah secara zahir tanpa mengalihkan ertinya.

Hal ini diperkuat dan diperbenarkan lagi dengan tindakan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sendiri dalam kenyataannya di atas. Dalam suasana beliau cuba untuk membuktikan hak Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* untuk melakukan *al-Takwil*, beliau gagal untuk membawa satu contoh di mana Rasulullah melakukan *takwil* pengalihan lafaz terhadap mana-mana *nas-nas al-Sifat* yang mengkhabarkan sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Beliau hanya mampu mengemukakan contoh di atas yang sebenarnya hanya merupakan *takwil* penafsiran maksud yang tidak langsung melibatkan sifat Allah.

Oleh itu jika Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* yang telah diberi amanah sebagai penjelas al-Qur'an tidak *mentakwilkan* sifat-sifat Allah dalam konteks *takwil* pengalihan lafaz, maka adakah kita umat baginda akan *mentakwilkannya* pula ? Apa yang pasti generasi *al-Salaf* tidak *mentakwilkannya* maka dengan itu kita juga tidak sepatutnya *mentakwilkannya*.

***Dakwaan al-Takwil terhadap perkataan Lupa dalam ayat 51 surah al-A'raaf.***

[illegible]

*Oleh itu, pada hari ini (Hari Kiamat), Kami lupakan mereka sebagaimana mereka telah lupa (untuk) menemui hari mereka ini, dan juga kerana mereka selalu mengingkari ayat-ayat keterangan Kami. [al-A'raaf 7:51]*

Berkenaan dengan ayat ini, Imam al-Tabari di dalam tafsirnya (ms. 201, jld. 8) meriwayatkan bahawa Ibn Abbas telah mentakwilkan lafaz ( نَسَاهُمْ ) iaitu “kami melupakan mereka” disini dengan makna ( التَّرك ) iaitu membiarkan. Riwayat daripada Imam al-Tabari ini tidak ada masalah pada sanadnya. Ia bersambung daripada


**Penilaian semula:**

Riwayat *takwilan* Ibn ‘Abbas *radiallahu ‘anhu* daripada perkataan Lupa kepada maksud *membiarkan* adalah *takwil* penafsiran maksud dan bukannya *takwil* pengalihan lafaz kerana jika dirujuk dalam mana-mana kamus, perkataan ( نسي ) memiliki beberapa erti, termasuk antaranya ialah *Lupa (forget)* dan *Abai (neglect)*. Justeru Ibn ‘Abbas sebenarnya menjelaskan apakah maksud sebenar perkataan ( نساهم ) selari dengan konteks ayat tersebut.


**PENILAIAN SEMULA NO: 17**

***Dua kaedah bacaan terhadap ayat 7 surah ‘Ali Imran.***

Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:



<sup>84</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 156-157, no: 03-C dan *Daf’u Syubhat al-Tasybih*, ms. 12, no: 03-C.



*Dia-lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci Al-Quran. Sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat “Muhkamaat”; ayat-ayat Muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi Al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat “Mutasyaabihaat”. Oleh sebab itu (timbullah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) - adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari Al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya.*

*Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: “Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnyanya dari sisi Tuhan kami” Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikir. [‘Ali Imran 3:07]*

Terdapat dua cara bacaan bagi bahagian akhir ayat di atas:<sup>85</sup>

<sup>85</sup>

Lihat: Ibn Jarir al-Tabari – *Jamii’ al-Bayan* (tahqiq: Siddiq Jamil

### **Pertama:**

***Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama , berkata: “Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnyanya dari sisi Tuhan kami”***

Dalam kaedah bacaan ini tidak ada perhentian selepas kalimah ***melainkan Allah*** bererti *al-Takwil* terhadap ayat-ayat *mutasyabih* diketahui oleh Allah dan orang-orang yang mendalam ilmunya.

### **Kedua:**

***Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah.***

***Sedangkan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: “Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnyanya dari sisi Tuhan kami”.***

Dalam kaedah bacaan ini, rangkap pertama dihentikan selepas kalimah ***melainkan Allah***. Ia kemudian disambung dengan rangkap yang baru: ***Sedangkan orang-orang yang...*** Kaedah ini bererti *al-Takwil* terhadap ayat-ayat *mutasyabih* hanya diketahui oleh Allah sahaja. Selain Allah, mereka tidak mengetahuinya.

Berdasarkan ayat di atas dan dua kaedah bacaannya, berkata penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 39-40:

---

al-‘Athar; Dar al-Fikr, Beirut 1999), jld. 3, juz 1, ms. 247 dan seterusnya, Ibn Abi al-Izz al-Hanafi – Syarah al-‘Aqidah al-Thahawiyyah (tahqiq: Syu‘aib al-Arna’uth; Muassasah al-Risalah, Beirut 1991), jld. 1, ms. 254 dan al-Suyuti – *al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1991), jld. 2, ms. 4-5 (*Bab Tentang al-Muhkam dan al-Mutasyabih*). Bagi sumber terjemahan, lihat *Tahzib Syarh ath-Thahawiyah* (terj: A. Umar Basyir; Pustaka al-Tibyan, Solo 1999), jld. 2, ms. 262-263 dan *Mutiara Ilmu-ilmu al-Qur’an* (ringkasan kitab *al-Itqan al-Suyuti*) oleh Muhammad Alawi al-Maliki (terj: Rosihon Anwar; Pustaka Setia, Bandung 1999), ms. 143-149.

Apa yang jelas, kedua-dua kaedah ini datang daripada al-Salaf al-Soleh yang asal. Kedua-dua kaedah ini selamat digunakan di dalam memahami dan memelihara aqidah, khususnya ketika mempraktikkan nas-nas al-Sifat yang *mutasyabih*. Bagi kita pula, tidak ada ruang yang lain selain daripada kedua-dua kaedah ini. Kedua-duanya merupakan kaedah yang selamat digunakan kerana diambil daripada para al-Salaf al-Soleh yang sebenar-benarnya.

### **Penilaian semula:**

Memang benar bahawa kedua-dua kaedah bacaan di atas berasal daripada generasi *al-Salaf al-Salih*. Akan tetapi adalah tidak benar apabila dikatakan kedua-dua kaedah bacaan ini boleh digunakan terhadap *nas-nas al-Sifat* kerana para *al-Salaf al-Salih* tidak pernah menggunakan kaedah bacaan yang pertama terhadap *nas-nas al-Sifat*. Setakat ini tidak diperolehi bukti yang *sahih* bahawa yang alim lagi mendalam ilmunya daripada kalangan *al-Salaf al-Salih* telah *mentakwilkan* ayat-ayat al-Qur'an tentang sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan *takwil* pengalihan lafaz.

Bahkan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sendiri sehingga kini masih gagal untuk membuktikan bahawa generasi *al-Salaf al-Salih* telah melakukan *takwil* pengalihan lafaz terhadap ayat-ayat berkenaan sifat Allah *Ta'ala*. Yang dapat beliau buktikan hanyalah *takwilan* yang tidak melibatkan sifat-sifat Allah atau *takwilan* yang hanya melibatkan penafsiran maksud. Maka adalah satu pendustaan yang besar apabila dikatakan *mentakwil* ayat-ayat al-Sifat berdasarkan kaedah bacaan yang pertama adalah: “diambil daripada para al-Salaf al-Soleh yang sebenar-benarnya.”

Ketahuiilah bahawa ayat-ayat *mutasyabih* sebahagiannya diketahui oleh orang yang alim manakala sebahagian lagi tidak diketahui oleh mereka. Ini adalah kerana sifat alim bagi

seseorang tidak semestinya bermakna dia mengetahui segala-galanya tetapi ia juga bererti dia mengetahui batas-batas pengetahuannya. Dia tidak akan melanggar batas-batas tersebut kerana dia tahu ilmunya tidak mampu melepaskannya. Oleh itu terdapat satu kata-kata hikmah yang masyhur di kalangan *al-Salaf* yang berbunyi: *Antara tanda kealiman seseorang ialah dia berkata “Aku tidak tahu” apabila dia tidak tahu.*

Adapun kata-kata Abdullah Ibn ‘Abbas *radiallahu ‘anh*: “Akulah antara orang-orang yang mengetahui tentang *takwilnya*”<sup>86</sup>, perkataan *takwil* di sini adalah umum dan ia tidak bererti bahawa Ibn ‘Abbas memiliki ilmu untuk melakukan *takwil* pengalihan lafaz ke atas *nas-nas al-Sifat*. Malah yang benar dari sudut istilah, *takwil* yang dimaksudkan oleh Ibn ‘Abbas adalah *tafsir* iaitu menafsirkan maksud sesuatu ayat.

---

<sup>86</sup> **Sanad hasan:** *Athar* dikeluarkan oleh Ibn Jarir al-Tabari dalam *Jamii’ al-Bayan* – no: 5208 dengan *sanadnya*: *haddathani* Muhammad bin ‘Amr (bin al-‘Abbas), dia berkata: *haddathana* Abu ‘Ashim (al-Dhahhak bin Makhalad), ‘an ‘Isa (bin Maimun bin Dayyah al-Makki sahabat Ibn Abi Najih), ‘an (‘Abd Allah) Ibn Abi Najih, ‘an Mujahid, ‘an Ibn ‘Abbas.

Para perawi di atas adalah *thiqah*. Ibn Abi Najih, beliau tidak pernah mendengar terus daripada Mujahid melainkan melalui al-Qasim bin Abi Barrah. Lihat *Mizan al-Iktidal (tahqiq: Aidil Ahmad & Ali Muhammad Mu’awwad; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1995), perawi no: 4656.*

## PENILAIAN SEMULA NO: 18

### *Dakwaan Malik bin Anas mentakwil hadis “al-Nuzul”.*

Dalam sebuah hadis Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* pernah bersabda:

يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا. حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الْآخِرِ، فَيَقُولُ: مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبَ لَهُ وَمَنْ يَسْأَلُنِي فَأُعْطِيَهُ وَمَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ.

**Tuhan kami (Allah) Tabaraka wa Ta’ala pada setiap malam Turun ke langit dunia, yakni pada baki terakhir satu pertiga malam. Maka Allah berfirman: “Siapakah yang sedang berdoa kepada Aku supaya dapat Aku menjawabnya dan siapakah yang sedang meminta daripada Aku supaya Aku dapat mengabulkannya dan siapakah yang sedang meminta ampun daripada Aku supaya dapat Aku ampuni dia ?”<sup>87</sup>**

Terhadap hadis ini berkata para tokoh dari Hijaz dan Iraq sebagaimana dinukil oleh Muhammad bin Khuzaimah (311H):<sup>88</sup>

نشهد شهادة مقر بلسانه, مصدق بقلبه مستيقن بما في هذه

---

<sup>87</sup> **Sahih:** Hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu ‘anhu*, dikeluarkan oleh Malik, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim – no: 758 (Kitab Solat, Bab Anjuran berdoa dan berzikir di akhir malam.....)*.

<sup>88</sup> Ibn Khuzaimah – *Kitab al-Tauhid wa Ithbat Sifat al-Rabb ‘Azza wa jalla (tahqiq: ‘Abd al-‘Aziz bin Ibrahim; Maktabah al-Rusyd, Riyadh 1997), jld. 1, ms. 289-290.*

Beliau adalah Abu Bakar Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah, lahir pada tahun 223H di Nishapur. Seorang tokoh hadis yang terkemuka di zamannya, penyusun kitab hadis *Sahih Ibn Khuzaimah*. Beliau juga adalah guru kepada Ibn Hibban (354H), penyusun kitab hadis *Sahih Ibn Hibban*. Ibn Khuzaimah meninggal dunia pada tahun 311H.

الأخبار من ذكر نزول الرب. من غير أن نصف الكيفية, لأن نبينا المصطفى يصف لنا كيفية نزول خالقنا إلى سماء الدنيا, وأعلمنا أنه ينزل. والله جل وعلا لم يترك ولا نبيه عليه السلام بيان ما بالمسلمين الحاجة إليه من أمر دينهم. فنحن قائلون مصدقون بما في هذه الأخبار من ذكر النزول غير متكلفين القول بصفته أو بصفة الكيفية إذ النبي لم يصف لنا كيفية النزول.

Kami bersaksi (dengan) persaksian yang diakur dengan lidahnya, membenar dengan hatinya dan menyakini apa yang terdapat dalam hadis-hadis tersebut yang menerangkan tentang Turunnya Tuhan (Allah Subhanahu wa Ta'ala) tanpa menggambarkan bagaimana tatacara (*kaifiat*) Turun-Nya kerana Nabi kami *al-Mustofa* (Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam*) tidak menggambarkan kepada kami bagaimana Turun *Khaliq* kami (Allah) ke langit dunia dan tidak memberitahu kami tentang (tatacaranya).

Padahal Allah yang Maha Agung dan Maha Tinggi tidak akan meninggalkan, demikian juga Nabi-Nya tidak akan (meninggalkan) suatu penjelasan akan apa yang diperlukan (penjelasannya) oleh kaum muslimin jika ia adalah satu hujah daripada urusan agama mereka. (yakni jika ia adalah urusan agama yang memerlukan penjelasan, pasti Allah dan Rasul-Nya akan menjelaskannya – penulis).

Maka kami membenarkan lagi meyakini kebenaran tentang apa yang terdapat dalam hadis-hadis berkaitan Penurunan (Allah) tanpa bersusah-payah membicarakan sifat-Nya atau sifat tatacara (Penurunan)-Nya (*kaifiat*)

memandangkan Nabi (sendiri) tidak menggambarkan kepada kami tentang tatacara (kaifiat) Penurunan tersebut.

Berkata Ibn Taimiyyah (728H)<sup>89</sup>:

فالرب سبحانه إذا وصفه رسوله بأنه ينزل إلى سماء الدنيا كل ليلة، وأنه يدنو عشية عرفة إلى الحجاج، وأنه كلم موسى في الوادي الأيمن في البقعة المباركة من الشجرة، وأنه استوى إلى السماء وهي دخان، فقال لها وللأرض ائتيا طوعا أو كرها، لم يلزم من ذلك أن تكون هذه الأفعال من جنس ما شاهدته من نزول هذه الأعيان المشهورة حتى يقال ذلك يستلزم تفريغ مكان وشغل آخر فإن نزول الروح وصعودها لا يستلزم ذلك فكيف برب العالمين.

Maka Tuhan (Allah) yang Maha Suci, apabila Rasulullah menerangkan sifat-Nya yang Turun ke langit dunia pada setiap malam, Menghampiri Padang Arafah (ketika musim) haji<sup>90</sup>, Berbicara kepada Nabi Musa di pinggir lembah yang diberkahi dari sebatang pohon kayu<sup>91</sup>, Allah *Beristiwa* ke langit yang (ketika itu masih dalam keadaan) kabut, kemudian Allah berfirman kepadanya dan bumi: “Datanglah kamu berdua baik dalam keadaan suka atau dalam keadaan terpaksa”<sup>92</sup>,

---

<sup>89</sup> *Daqa'iq al-Tafsir (tahqiq: Muhammad Sa'id; Muassasah 'Ulum al-Qur'an, Damsyik 1986H), jld. 6, ms. 424.*

<sup>90</sup> Lihat hadis yang berkaitan dalam *Sahih Muslim – no: 1348 (Kitab al-Hajj, Bab Tentang keutamaan Haji, Umrah dan Hari 'Arafah).*

<sup>91</sup> Lihat al-Qur'an surah al-Qasas 28:30.

<sup>92</sup> Lihat al-Qur'an surah al-Fussilat 41:11.

perbuatan yang sedemikian tidaklah sama dengan yang biasa kita saksikan seperti turunnya benda-benda yang dapat kita lihat, sehingga dikatakan bahwa: “Hal itu melazimkan adanya pengosongan suatu tempat dan pengisian tempat yang lain” (yakni tidak harus dikata atau dianggap demikian) kerana sesungguhnya (sifat) turun dan naik bagi Ruh tidaklah melazimkan sedemikian maka bagaimana pula dengan (Allah) Tuhan sekalian alam (pasti juga ia tidak sedemikian juga).

Berkata Ibn Taimiyyah lagi apabila ditanya bagaimana cara *Istiwa'* dan *al-Nuzul* (Penurunan):<sup>93</sup>

فنعلم معنى الاستواء ولا نعلم كيفيته, وكذلك نعلم معنى النزول ولا نعلم كيفيته.

Sesungguhnya kami mengetahui makna *Beristiwa'* tetapi kami tidak mengetahui bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya (*kaifiat*). Dan demikian juga kami mengetahui makna Penurunan tetapi kami tidak mengetahui bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya (*kaifiat*).

Sekalipun telah jelas pegangan generasi *al-Salaf* tentang hadis *al-Nuzul* di atas, penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah mengemukakan sebuah riwayat daripada Ibn 'Abd al-Barr (463H)<sup>94</sup> bahawa Malik bin Anas (179H) telah *mentakwilkan*

---

<sup>93</sup> Syarah Hadis *al-Nuzul* (Maktabah al-Islami, Beirut 1991), ms. 32.

Sengaja penulis memperincikan kata-kata Ibn Taimiyyah tentang hadis *al-Nuzul* bagi menjawab fitnah orang yang mengatakan Ibn Taimiyyah pernah menggambarkan tatacara *al-Nuzul* dengan beliau sendiri menuruni anak tangga mimbar sebuah masjid di Damsyik. Fitnah ini tiada yang memiliki *sanad* yang *sahih* dan ia jelas bertentangan dengan tulisan tangan Ibn Taimiyyah sendiri. Lebih lanjut tentang fitnah ini dan selainnya, lihat buku Puteh Ishak – *Ibn Taimiyyah: Sejarah Hidup dan Tasawuf* (Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur 1993).

<sup>94</sup> Lihat *al-Tamhid lima fi al-Muwattha' min al-Ma'ani wa al-Masanid* (*tahqiq*: Mustofa bin Ahmad & M. 'Abd al-Kabir; Wazarah

maksud Penurunan sebagai “Turunnya perintah tuhan kita”. Riwayat ini telah juga dinukil oleh al-Nawawi (676H)<sup>95</sup>. Hal ini sepertimana yang disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 40-41*.<sup>96</sup>

### **Penilaian semula:**

Kata-kata Malik bin Anas di atas diriwayatkan oleh Ibn ‘Abd al-Barr dari jalan: Muhammad bin ‘Ali al-Jibali seorang muslim yang *thiqah* dari Qaryawan, dia berkata: *haddathana Jamii’ bin Sawadah* dari Mesir, dia berkata: *haddathana Matraf*, ‘an Malik bin Anas.....seperti di atas.

*Sanad* di atas adalah *dha’if* kerana *dha’ifnya* Jamii’ bin Sawadah. Beliau *didha’ifkan* oleh al-Daruquthni sebagaimana nukil Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam *Lisan al-Mizan (tahqiq: Aidil Ahmad & ‘Ali Muhammad; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1996) – perawi no: 1913*.

Ibn al-Jauzi berkata dia *majhul* (tidak dikenali), demikian nukil Ibrahim bin Muhammad dalam *al-Kasyfu al-Hathith (tahqiq: Subhi al-Samara’i; ‘Ulum al-Kitab, Beirut 1987) – perawi no: 185*.

al-Dzahabi menyenaraikan beliau dalam kitabnya *Mizan al-Iktidal – perawi no: 1434* dan *al-Mughni fi al-Dhu’afa’ (tahqiq: Abu al-Zahra’ Hazm; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1998) – perawi no: 1086*.

---

‘Umum al-Awqaf al-Islamiyah, Maghribi 1387H), jld. 7, ms. 143.

Beliau ialah Yusuf bin ‘Abd Allah bin Muhammad bin ‘Abd al-Barr, lahir di Kardova, Sepanyol pada tahun 368H. Seorang ahli hadis yang ulung dalam dunia Islam dan ahli fiqh yang masyhur dalam Mazhab Maliki. Meninggal dunia pada tahun 463H.

<sup>95</sup> Lihat *Syarah Sahih Muslim bi al-Nawawi (tahqiq: ‘Irfan Haswun; Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, Beirut 2000), jld. 4, ms. 73 (syarah kepada hadis no: 758, Kitab Solat, Bab Anjuran berdoa dan berzikir di akhir malam.....)*.

<sup>96</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyah, ms. 162, no: 14* dan *Daf’u Syubhat al-Tasybih, ms. 18, contoh no: 14*.

Malah Ibn ‘Abd al-Barr sendiri mengetahui kelemahan Jamii’ bin Sawadah. Beliau hanya berdiam diri apabila menyebut nama Jamii’ bin Sawadah, berbeza halnya dengan pengiktirafan beliau terhadap *perawi* yang pertama: Muhammad bin ‘Ali al-Jibali. Oleh itu riwayat daripada Malik bin Anas ini adalah *dha’if* dan tidak boleh dijadikan rujukan apatah lagi ia adalah sesuatu yang melibatkan urusan *‘aqidah*. Apa yang benar dan terpelihara daripada Malik bin Anas apabila ditanya tentang *nas-nas al-Sifat* ialah kata-kata: “*Terimalah ia sebagaimana ia datang tanpa mempersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya (kaifiat)*”<sup>97</sup>

Lebih dari itu *penakwilan* sifat Turun kepada “Turunnya perintah tuhan kita” adalah sesuatu yang menyalahi konteks perbicaraan hadis dan menyalahi konsep berdoa di dalam Islam yang akhirnya akan membawa kepada kekufuran. Berikut dikemukakan semula teks hadis disertai terjemahannya tanpa *penakwilan*:

يُنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا. حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الْآخِرِ، فَيَقُولُ: مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبَ لَهُ وَمَنْ يَسْأَلُنِي فَأُعْطِيَهُ وَمَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ.

***Tuhan kami (Allah) Tabaraka wa Ta’ala pada setiap malam turun ke langit dunia, yakni pada baki terakhir satu pertiga malam. Maka Allah berfirman: “Siapakah yang sedang berdoa kepada Aku supaya dapat Aku menjawabnya dan siapakah yang sedang meminta daripada Aku supaya Aku dapat mengabulkannya dan siapakah yang sedang meminta ampun daripada Aku supaya dapat Aku ampuni dia ?”***

Apabila dilakukan *penakwilan* sepertimana yang didakwa, maka menjadilah hadis tersebut:

---

<sup>97</sup> Telah disebut *takhrijnya* sebelum ini. Lihat juga penjelasan lanjut al-Dzahabi dalam *Siyar A’lam al-Nubala* (tahqiq: Syu’aib al-Arna’uth; Muassasah al-Risalah, Beirut 1998), jld. 8, ms. 105.

**Perintah Tuhan kita (Allah) Tabaraka wa Ta'ala turun ke langit dunia, yakni pada baki terakhir satu pertiga malam. Maka Perintah berfirman: “Siapakah yang sedang berdoa kepada aku (Perintah) supaya dapat aku (Perintah) menjawabnya dan siapakah yang sedang meminta daripada aku (Perintah) supaya aku (Perintah) dapat mengabulkannya dan siapakah yang sedang meminta ampun daripada aku(Perintah) supaya dapat aku (Perintah) ampuni dia ?”**

Perhatikan, apabila *ditakwil* sifat “Turun” kepada “Perintah” bererti yang menginginkan doa daripada seseorang hamba dan yang akan mengabulkan doa tersebut adalah “Perintah” dan bukannya Allah *Ta’ala*. Ini jelas merupakan satu kesalahan, bukan sahaja dari sudut *penakwilan* tetapi juga dari sudut konsep berdoa di dalam Islam. Islam mengajar kita bahawa doa itu hanya boleh dipohon daripada Allah dan hanya Allah yang akan mengabulkannya. Apabila seseorang itu mendakwa doa boleh dipohon daripada sesuatu selain Allah dan sesuatu selain Allah akan mengabulkannya, bererti dia telah mengubah kesucian Tauhid ke arah kecemaran syirik. Kesilapan seperti ini tidak mungkin dilakukan oleh Malik bin Anas *rahimahullah*.

Kesilapan yang sama berlaku ke atas aliran-aliran lain yang *mentakwil* sifat “Turun” dalam hadis di atas kepada “Rahmat” atau “Nikmat”, bererti yang menginginkan doa daripada seseorang hamba dan yang akan mengabulkan doa tersebut adalah “Rahmat” atau “Nikmat” dan bukannya Allah *‘Azza wa Jalla*.

Semoga Allah mengampuni kesalahan orang-orang yang, berdasarkan akal mereka, menganggap wujud kesalahan dalam *nas-nas al-Sifat* yang dikhabarkan oleh-Nya sehingga perlu *ditakwilkan* ke arah kebenaran. Orang-orang sebegini memaksa diri mereka dibelenggu oleh satu kesalahan yang besar kepada kesalahan lain yang lebih besar. Kesalahan besar yang pertama adalah menganggap *nas-nas al-Sifat* adalah sesuatu yang menyalahi akal sehingga perlu *ditakwilkan* manakala kesalahan kedua yang lebih besar adalah hasil daripada *takwilan* mereka

yang menyalahi *naqal* yang *sahih* dan akal yang pada asalnya mengarahkan *penakwilan* itu sendiri. Tidaklah *penakwilan* itu membetulkan apa-apa kesalahan melainkan menambahkannya ke tahap yang lebih berat.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 19**

### ***Dakwaan al-Bukhari mentakwil hadis Suka.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 41-42:

Dicatat di dalam riwayat Sahih Bukhari dan Muslim berbunyi:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لقد ضحك الله  
من فعالكما...

maksud zahir hadith: “Sesungguhnya Allah suka dengan perbuatan kamu berdua.”

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim melalui *sanad* yang sama dan matan yang panjang. Ia membincangkan tentang sejarah orang-orang Ansar. Maka untuk meringkaskan perbincangan ini, kami bawaan intipati daripada hadith ini secara langsung.

Melalui hadith ini, Imam al-Bukhari telah mentakwilkan lafaz ( الضحك ) iaitu tertawa itu dengan makna ( الرحمة ) yang bermaksud redha. Beliau tidak mengambil secara zahir nas (memperlakukan dengan tanpa *kaifiyat*) semata-mata. Imam Ibn Hajr al-Asqalani pula mengatakan bahawa lafaz “tertawa” yang disandarkan kepada Allah itu adalah *majaziyah*. Iaitu ungkapan yang digunakan tidak membawa maksudnya yang sebenar. Maksud sebenar yang

dikehendaki disini ialah keredhaan-Nya. Sila lihat Fath al-Bari, (ms. 496, jid. 7)<sup>98</sup>.

### **Penilaian semula:**

Kenyataan di atas sangat perlu dinilai kembali dalam beberapa penilaian.

#### **Pertama:**

Lafaz hadis yang dikemukakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* tidak wujud dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* atau mana-mana kitab hadis yang lain. Yang wujud dalam kitab *Sahih al-Bukhari* adalah lafaz:

ضَحِكَ اللَّهُ اللَّيْلَةَ أَوْ عَجِبَ مِنْ فَعَالِكُمَا...

***Malam tadi Allah Ketawa atau “Kagum” dengan tindakan kalian berdua...***<sup>99</sup>

Sekalipun diketahui bahawa penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah sedia menerangkan bahawa beliau hanya membawa “..... intipati daripada hadith ini secara langsung”, ia tetap tidak dapat diterima kerana terdapat perbezaan antara intipati dan lafaz hadis mengikut ukuran syara’ dan ilmiah.

#### **Kedua:**

Dakwaan al-Bukhari telah *mentakwilkan* hadis di atas adalah tidak benar dan ini ditegaskan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani sendiri dalam kitabnya *Fath al-Bari*. Sila rujuk kepada *Fath al-Bari*, jld. 8, ms. 632 (Kitab Tafsir, Bab firman Allah: “Dan mereka mengutamakan atas diri mereka sendiri.....(Hasyr 59:

---

<sup>98</sup> Hujah di atas asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 159, no: 08 dan *Daf’u Syubhat al-Tasybih*, ms. 14, contoh no: 08.

<sup>99</sup> **Sahih:** Sebahagian hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu ‘anhu*, lafaz di atas dikeluarkan oleh al-Bukhari (*al-Sahih & al-Adab al-Mufrad*) dan al-Baihaqi (*al-Sunan al-Kubra*), lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 3798 (Kitab *Manaqib al-Ansar*, Bab firman Allah: “Dan mereka mengutamakan atas diri mereka sendiri.....(Hasyr 59: 09) ).

09):

وقال أبو عبد الله معنى الضحك هنا الرحمة. قلت ولم أر ذلك في النسخ التي وقعت لنا من البخاري.

Dan berkata Abu Abdullah (yakni al-Bukhari), makna Ketawa di sini ialah Rahmat. Saya berkata (yakni Ibn Hajar): Tidak ditemui sedemikian dalam mana-mana naskah yang ada pada kami daripada al-Bukhari.

Demikian kata-kata yang sebenar dalam kitab *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*. Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sekali lagi telah berbuat dusta dengan menyandarkan dakwaannya kepada kitab ini tanpa menerangkan hakikat yang sebenarnya.

Sebenarnya riwayat *takwilan* Ketawa kepada Rahmat daripada al-Bukhari telah juga disebut oleh al-Baihaqi (458H) dalam kitabnya *al-Asma' wa al-Sifat* (*tahqiq*: al-Kauthari; Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut tp.thn.), ms. 298 & 470. Namun al-Baihaqi tidak mengemukakan sebarang *sanad* terhadap riwayat ini daripada al-Bukhari, maka dengan itu ia tidak boleh dipertanggung-jawabkan.

### **Ketiga:**

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah menyatakan *takwilan* Ketawa menjadi Rahmat yang bermaksud Redha. Setakat ini diketahui bahawa perkataan Rahmat bermaksud Redha. Lebih dari itu Rahmat dan Redha adalah dua sifat Allah yang sedia diketahui dan setiapnya memiliki makna yang tersendiri. Justeru tidak mungkin untuk diertikan Rahmat sebagai Redha kerana ini bererti menyatukan dua sifat Allah yang berbeza.

Di sini jelas kelihatan salah satu keburukan *al-Takwil*, di mana apabila seseorang itu *mentakwilkan* sesuatu perkataan, tidak ada sesuatu yang akan menghalangnya untuk terus *mentakwil* dari satu maksud ke maksud yang lain sehingga akhirnya menjauhilah ia daripada maksud yang sebenarnya dikehendaki

oleh perkataan yang pertama. Bahkan ia menjadi satu permainan di mana sesuatu sifat Allah itu menjadi teka-teki mengikut penalaran masing-masing. Maha Suci Allah daripada permainan *al-Takwil* ini.

#### **Keempat:**

Pendapat Ibn Hajar al-‘Asqalani bahawa perkataan Ketawa adalah satu *majaziyah* (kiasan) dan maksud sebenar yang dikehendaki olehnya ialah “keredhaan” adalah merupakan ijtihad beliau sendiri dan ianya sedia dihormati. Sebagai perbandingan, fahaman *al-Salaf* terhadap sifat Ketawa adalah sepertimana terang Ibn Abi Khuzaimah dalam kitabnya *al-Tauhid*, jld. 2, ms. 563:

بلا صفة تصف ضحكة جل ثناؤه لا ولا يشبه ضحكة  
بضحك المخلوقين وضحكهم كذلك, بل نؤمن بأنه  
يضحك كما أعلم النبي, ونسكت عن صفة ضحكة جل  
وعلا إذ الله عز وجل استأثر بصفة ضحكة لم يطلعنا على  
ذلك. فنحن قائلون بما قال النبي مصدقون بذلك بقلوبنا  
منصتون عما لم يبين لنا مما استأثر الله بعلمه.


Penetapan sifat *al-Dhahik* (Ketawa) bagi Allah dilakukan tanpa sifat yang menyifati Ketawa Tuhan Yang Maha Mulia dan tidak pula menyerupakan Ketawa-Nya dengan makhluk-makhluk-Nya, dan keketawaan mereka. Akan tetapi kami beriman bahawa Tuhan Ketawa; sebagaimana Nabi memberitahukan hal itu. Kami berdiam (tidak memberikan komentar) mengenai sifat Ketawa-Nya yang Maha Mulia dan Maha Tinggi karena Allah yang Maha Mulia dan Maha Tinggi telah menetapkan sifat Ketawa-Nya tanpa

menerangkan kepada kami tentangnya. Kami akan mengatakan dengan apa yang dikatakan oleh Nabi, membenarkan hal itu dengan hati kami dan kami akan diam atas apa yang belum dijelaskannya oleh Allah tentang sifat-Nya daripada Ilmu-Nya.

## PENILAIAN SEMULA NO: 20

### *Dakwaan takwilan Ibn ‘Abbas terhadap surah “al-Nasr”.*

Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:



***Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan.***  
[al-Nasr 110:01]

Terhadap ayat ini Amirul Mukminin Umar al-Khattab pernah bertanya kepada Ibn ‘Abbas *radiallahu ‘anhuma* tentang maksudnya. Lalu Ibn ‘Abbas menerangkan:

“Ia adalah petanda tentang ajal Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam yang diberitahukan Allah kepada baginda. Allah berfirman: (Wahai Muhammad) ***Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan*** maka ia adalah petanda ajal engkau, maka bertasbihlah dengan memuji Tuhan engkau dan mohon ampunlah sesungguhnya Dia Maha Penerima Taubat.” Maka berkata ‘Umar: “Tidak aku ketahui tentangnya kecuali setelah apa yang engkau terangkan.”<sup>100</sup>

Terhadap penjelasan Ibn ‘Abbas di atas, penyusun *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 43 menukil kata-kata Ibn Hajar al-‘Asqalani:

Di dalam menerangkan hadith ini, Imam Ibn

<sup>100</sup> **Sahih:** Ringkasan hadis daripada *Sahih al-Bukhari* – no: 4970 (*Kitab Tafsir, Surah al-Nasr: Apabila datang pertolongan Allah.....*).

Hajr al-Asqalani (Fath al-Bari, Dar al-Fikir ms. 762, jid. 9)<sup>101</sup> menjelaskan kepada kita bahawa: “Ini adalah satu kelebihan bagi Ibn ‘Abbas dan ia merupakan jawapan kepada doa Nabi s.a.w. supaya Allah mengajar kepadanya takwil dan menjadi ahli Fiqh yang alim dalam urusan agama ... dan katanya lagi “disini juga adalah menjadi satu petanda bahawa dibolehkan mentakwil al-Qur’an daripada apa yang difahami daripada isyarat-isyaratnya. Sesungguhnya orang yang mengharuskan takwil ini ialah orang-orang yang mendalam ilmunya.”

### **Penilaian semula:**

*al-Takwil* yang dilakukan oleh Ibn ‘Abbas dan yang diterangkan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani adalah *takwil* penafsiran maksud dan bukannya *takwil* pengalihan lafaz. Lebih dari itu *takwilan* Ibn ‘Abbas tersebut tidak melibatkan sifat Allah ‘Azza wa Jalla.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 21**

### ***Dakwaan Ibn Jarir al-Tabari mentakwil ayat 29 surah al-Baqarah.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 45:

Seorang Imam al-Salafi, Imam Ibn Jarir al-Tabari dalam tafsirnya (m.s. 228-229, jld. 1) Cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyah sekali lagi

---

<sup>101</sup> Bagi edisi Dar al-Ma‘arif, lihat jld. 8, ms. 736 (*syarah bagi hadis no: 4970 (Kitab Tafsir, Surah al-Nasr: Apabila datang pertolongan Allah.....)*).

menjelaskan takwilannya pada firman Allah S.W.T. yang berbunyi:



Ertinya: Kemudian ia menuju dengan kehendak-Nya ke arah (bahan-bahan) langit. (Surah al-Baqarah 2:29)

Ayat di atas ini ditakwilkan oleh beliau dengan makna ketinggian, kekuasaan, keperkasaan, kemuliaan, kemegahan dan kebesaran. Bukannya dengan makna ‘tinggi’ yang boleh dirasa dengan pancaindera yang lima, sebagaimana yang didakwa oleh golongan al-Mujassimah dan al-Musyabbihah.<sup>102</sup>

### Penilaian semula:

*Takwilan* yang dilakukan oleh Ibn Jarir al-Tabari (310H) adalah *takwil* penafsiran maksud dan bukannya *takwil* pengalihan lafaz. Ini adalah kerana perkataan *Istiwa*’ memiliki beberapa maksud dan Ibn Jarir menafsirkan maksudnya yang paling tepat selari dengan konteks keseluruhan ayat 29 surah al-Baqarah di atas. Terhadap perkataan *Istiwa*’, berkata Ibn Jarir al-Tabari.<sup>103</sup>

وأولى المعاني بقول الله جل ثناؤه: (( ثم استوى إلى السماء  
فسواهن )) علا عليهن وارتفع فدبرهن بقدرته وخلقهن سبع

<sup>102</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 160-161, no: 12 dan *Daf’u Syubhat al-Tasybih*, ms. 16, no: 12.

<sup>103</sup> Lebih lanjut lihat *Jamii’ al-Bayan ‘an al-Takwil ay al-Qur’an* (Dar al-Fikr, Beirut 1999), jld. 1, juz 1, ms. 276 (*tafsir ayat 29 surah al-Baqarah*).

سموات.

Dan maksud yang paling utama terhadap firman Allah yang Maha Agung lagi Terpuji: ***Kemudian Ia istiwa' ke arah langit maka dijadikannya*** (ialah) Tinggi di atasnya (*high above*) lagi Meninggi (*rise*) kemudian mentadbirnya dengan Kudrat-Nya dan menjadikannya tujuh petala langit.

## PENILAIAN SEMULA NO: 22

***Dakwaan Ahmad bin Hanbal mentakwil ayat 22 surah al-Fajr.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 47:

Imam al-Baihaqi di dalam kitabnya "*al-Asma' wa al-Sifat*" mengesahkan bahawa Imam Ahmad Ibn Hanbal sendiri mentakwilkan lafaz ( جاء ) di dalam firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

وجاء ربك والملك صفا صفا

dengan makna:

ثوابه جاء امره أو جاء

Maksudnya: "sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan tugas)". (*Surah al-Fajr* 89:22) dengan makna: "dan telah datangnya perintah tuhanmu"<sup>104</sup>

Ditambah dalam bahagian notakaki no: 9:

Takwilan disisi Imam Ahmad ini sememangnya

<sup>104</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *al-Tandid*, ms. 47; *Sahih al-'Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 157, no: 04 dan *Daf'u Syubhat al-Tasybih*, ms. 12-13, no:04.

masyhur dan datang daripada beliau, kami naqalkan daripada kitab “*al-Asma’ wa al-Sifat*” oleh Imam al-Baihaqi yang diulas oleh Imam al-Muhaddith al-Kauthari. Oleh itu hati-hati dengan sesetengah ulasan terhadap kitab ini, kerana kadang-kadang ada bahagiannya yang telah dibuang.

### ***Penilaian semula:***

Kenyataan di atas memerlukan beberapa penilaian semula:

#### **Pertama:**

Sandaran kepada kitab *al-Asma’ wa al-Sifat*.

Telah disemak kitab *al-Asma’ wa al-Sifat* karya al-Baihaqi (456H) termasuk edisi yang diulas oleh al-Kauthari (Dar Ihya’ Turath al-‘Arabi, Beirut tp.thn.) namun tidak ditemui nukilan seperti di atas. Malah dalam kitab tersebut terdapat sebuah bab khas yang membahas ayat 22 surah al-Fajr (ms. 447-457) namun tidak ada nukilan apa-apa riwayat daripada Ahmad bin Hanbal. Hal ini nampaknya disedari oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* memandangkan beliau sendiri tidak meletakkan rujukan mukasuratnya.

Sebenarnya Hasan al-Saqqaf sendiri tidak tahu dalam kitab yang manakah al-Baihaqi mengemukakan riwayat di atas. Al-Saqqaf pertama kali mengemukakan riwayat di atas dalam kitabnya *al-Tandid biman ‘Addda al-Tauhid*, ms. 47 dengan menyandarkannya kepada kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* karya Ibn Kathir sahaja. Kemudian dalam kitabnya *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 157, no: 04 dan *Daf’u Syubhat Tasybih*, ms. 12, no: 04 beliau menambah dengan menyandarkannya kepada kitab *Manaqib Imam Ahmad* karya al-Baihaqi tetapi beliau tidak menyebut rujukan jilid dan mukasurat. Dianggap al-Saqqaf hanya meneka sahaja. Ini diikuti oleh anak muridnya pula saudara Zamihan Mat Zin yang meneka bahawa ia terdapat dalam kitab *al-Asma’ wa al-*

Sifat karya al-Baihaqi. Padahal kedua-dua mereka sebenarnya hanya merujuk sepenuhnya kepada nukilan Ibn Kathir dalam kitabnya *al-Bidayah wa al-Nihayah*.

### **Kedua:**

*Takwilan* Ahmad bin Hanbal terhadap ayat 22 surah al-Fajr.

Sejauh pengkajian penulis, sumber yang telah menyebut tentang *takwilan* Ahmad bin Hanbal secara *bersanad* ialah kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* karangan Ibn Kathir (774H). Beliau menyebut:<sup>105</sup>

وروى البهيقي عن الحاكم عن أبي عمر بن السماك عن  
حنبل أن أحمد بن حنبل تأول قول الله تعالى (( وجاء ربك  
)) أنه جاء ثوابه. ثم قال البهيقي: وهذا اسناد لا غبار  
عليه.

Dan diriwayatkan oleh al-Baihaqi daripada al-Hakim daripada Abi ‘Umar (Uthman bin Ahmad) bin al-Samaka daripada Hanbal (bin Ishaq) bahawasanya Ahmad bin Hanbal telah *mentakwilkan* firman Allah *Ta’ala*: **“Dan telah Datang Rabb engkau”** sebagai: “Sesungguhnya telah datang ganjaran-Nya.” Kemudian berkata al-Baihaqi: “*Sanad* riwayat ini tidak ada masalah padanya.”

Dalam *sanad* di atas terdapat seorang perawi bernama Hanbal bin Ishaq. Beliau ialah Hanbal bin Ishaq bin Hanbal Abu ‘Ali

---

<sup>105</sup> *Al-Bidayah wa al-Nihayah* (Maktabah al-Ma’refah, Beirut tp.thn.), jld. 10, ms. 327. (Bab *al-Imam Ahmad bin Hanbal*). Bagi edisi yang ditahqiq oleh Ahmad ‘Abd al-Wahhab Fatih (Dar al-Hadith, Kaherah 1997), lihat jld. 10, ms. 354. Rujukan ini telah juga disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 48.

Demikianlah juga nukilan al-Saqqaf tanpa adanya tambahan seperti yang tercatat dalam *Salafiyah Wahabiyah*.

al-Syaibani (273H). Beliau adalah anak murid Ahmad bin Hanbal yang terpercaya (*thiqah*) akan tetapi dikenali bersendirian (*tafarrud*) dalam meriwayatkan khabar yang aneh (*gharib*) daripada Ahmad bin Hanbal.<sup>106</sup>

Bagi perawi seperti ini setiap riwayat yang dibawanya perlu disemak dengan riwayat-riwayat yang lain. Jika ianya selari maka diterima manakala jika ianya berselisihan maka ianya ditolak dengan hukum *syadz*. Maksud *syadz* adalah satu riwayat yang dibawa oleh perawi yang *thiqah* tetapi ia berselisihan dengan riwayat-riwayat lain yang dibawa oleh para perawi lain yang lebih ramai atau/dan kuat kedudukannya. Hukum *syadz* ke atas sesebuah riwayat boleh dijatuhkan ke atas *sanad* atau *matan* atau kedua-duanya sekali.

Dalam hal ini jelas lagi masyhur kedudukan Ahmad bin Hanbal yang tidak *mentakwilkan nas-nas al-Sifat*, bahkan beliau menolak keras sesiapa yang *mentakwilnya*. Hal ini diriwayatkan daripada sekian ramai anak muridnya. Sebagai perbandingan tidak seorangpun daripada mereka yang meriwayatkan khabar yang seumpama dengan Hanbal bin Ishaq sebagaimana yang terdapat di atas.

Apa yang dinilai oleh al-Baihaqi bahawa “*sanad riwayat di atas tidak ada masalah padanya*” hanyalah merupakan penilaian di atas sanad tersebut sahaja. Perlu diingatkan bahawa al-Baihaqi tidak *mensahihkan athar* di atas kerana untuk *mensahihkan* sesebuah *athar* ia hendaklah disemak secara keseluruhannya dari sudut *sanad* dan *matan* bahawa ia bebas daripada semua kecacatan (*'illat*) dan keganjilan (*syadz*). Jelas bahawa *matan* yang dibawa oleh *sanad* di atas adalah ganjil berbanding lain-lain *matan* yang dibawa oleh lain-lain *sanad* yang lebih kuat daripadanya. Hal ini sedia diketahui oleh al-Baihaqi. Oleh itu *athar* di atas dihukumi sebagai *syadz* yang

---

<sup>106</sup> Bagi sifat *tafarrud* Hanbal bin Ishaq, lihat:

[1] al-'Ali al-Maqdisi – *al-Minhaj al-Ahmad fi Tarajim Ashaba al-Imam Ahmad*, jld. 1, ms. 149, perawi no: 112.

[2] al-Dzahabi – *Siyar A'lam al-Nubala*, jld. 13, ms. 52.

merupakan salah satu hukum yang duduk dalam kategori *dha'if*.<sup>107</sup>

Justeru riwayat di atas tidak boleh dijadikan hujah ke atas Ahmad bin Hanbal.<sup>108</sup>


Kata-kata penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 48:

Ini kerana perawinya ialah Hanbal. Dia seorang yang boleh dipercayai dan kata-katanya boleh dijadikan hujah dan tidak ada seorompokun yang *mentajrihnya*. Iaitu menghukum beliau sebagai seorang yang lemah.

Kata-kata di atas jelas berasal daripada seseorang tidak mengetahui ilmu-ilmu hadis khususnya dalam bab *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Sememangnya tiada siapa yang melemahkan Hanbal bin Ishaq akan tetapi yang dibicarakan adalah kedudukan riwayat yang dibawa olehnya apabila beliau berseorompokun dalamnya dan berselisih pula dengan lain-lain riwayat. Hal seperti ini mungkin berlaku kepada sesebuah riwayat sekalipun ia diriwayatkan oleh seseorang perawi yang masyhur sifat keterpercayaannya.


### **Ketiga:**

*Penakwilan* sifat “Datang” kepada “Perintah” menyalahi konteks perbicaraan ayat. Berikut dikemukakan perbicaraan ayat secara keseluruhannya:



<sup>107</sup> Sila lihat mana-mana kitab ilmu hadis, antaranya ialah *Ilmu Hadith: Satu Pengenalan dan Kajian* (terj: Ariffin Omar & M. Nor Ngah; Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur 1996) oleh Subhi Salih, ms. 144-145.

<sup>108</sup> Diketahui bahawa al-Saqqaf ada mengemukakan beberapa dakwaan lain bahawa Ahmad bin Hanbal telah melakukan *takwil* ke atas *nas-nas al-Sifat*. Dakwaan-dakwaan ini telah dijawab oleh ‘Amr ‘Abd al-Mun‘aim Salim dalam *Dafa‘an ‘an al-Salafiyyah* (Maktabah al-Sahabah; Sharjah & Maktabah al-Tabi‘in; Kaherah 1999), ms. 36-42.



*Jangan (berbuat demikian). Apabila bumi digoncangkan berturut-turut, Dan Datanglah Tuhan kamu; sedang malaikat berbaris-baris. Dan pada hari itu diperlihatkan neraka Jahannam; dan pada hari itu ingatlah manusia, akan tetapi tidak berguna lagi mengingatkan itu baginya. Dia (manusia) mengatakan: “Alangkah baiknya kiranya aku dahulu mengerjakan (amal saleh) untuk hidupku ini.”*

*Maka pada hari itu tiada seorangpun yang menyiksa seperti siksa-Nya, dan tiada seorangpun yang mengikat seperti ikatan-Nya. [al-Fajr 89:21-26]*

Ayat di atas menerangkan perkara-perkara yang bakal berlaku di Hari Kiamat. Jika sifat “Datanglah Tuhan kamu (Allah)” ditakwilkan sebagai “datangnya perintah Allah”, maka ayat di atas akan berubah menjadi:

*Jangan (berbuat demikian). Apabila bumi digoncangkan berturut-turut, Dan datanglah Perintah Tuhan kamu; sedang malaikat berbaris-baris. Dan pada hari itu diperlihatkan neraka Jahannam; dan pada hari itu ingatlah manusia, akan tetapi tidak berguna lagi mengingatkan itu baginya. Dia mengatakan: “Alangkah baiknya kiranya aku dahulu*

***mengerjakan (amal saleh) untuk hidupku ini.”***

***Maka pada hari itu tiada seorangpun yang menyiksa seperti siksa Perintah, dan tiada seorangpun yang mengikat seperti ikatan Perintah. [al-Fajr 89:21-26]***

Keseluruhan ayat merujuk kepada hari dan ketika yang sama. Jika *ditakwil* sifat “Datang” bagi Allah kepada maksud “Perintah”, bererti yang akan menyiksa dan mengikat di Hari Kiamat kelak adalah “Perintah” dan bukannya “Allah”. Hal ini pasti tidak benar kerana hanya Allah *Subhanahu wa Ta’ala* yang berhak menyiksa dan mengikat seseorang hamba-Nya di Hari Kiamat kelak.

Tindakan *mentakwilkan* sifat “Datang” dalam ayat di atas kepada maksud “Perintah” mencacatkan kesempurnaan ayat dan ini tidak lain adalah kesalahan akal manusia dan bukannya wahyu Ilahi. Oleh itu adalah tidak mungkin Ahmad bin Hanbal *rahimahullah* akan melakukan *takwilan* sedemikian sepertimana yang didakwa.

#### **Keempat:**

Dakwaan ada bahagian kitab yang dibuang.

Dakwaan seperti ini memang biasa kedengaran daripada orang-orang yang suka membuat tuduhan tanpa bukti. Apabila sahaja mereka tidak menemui apa yang mereka kehendaki daripada sesebuah kitab, mereka menuduh bahawa bahagian tersebut telah dibuang atau dihilangkan dengan sengaja oleh pengulas kitab. Sebenarnya tuduhan ini adalah umpama permainan kanak-kanak semata-mata.

Sepatutnya orang yang membuat tuduhan seperti ini bertindak dewasa dengan mengemukakan bukti yang ilmiah lagi benar sebagai sokongan. Mereka sepatutnya merujuk kepada naskah manuskrip yang asal yang digunakan oleh pengulas kitab sebagai bukti akan tuduhan mereka. Seandainya ada bahagian yang tidak disertakan sama oleh pengulas, adalah lebih *Islami* untuk menganggap bahawa pengulas terlupa atau tertinggal daripada menuduhnya sebagai sengaja atau berniat jahat.

Setakat ini tidak ditemui seseorang yang telah berbuat demikian. Jika ada sekalipun, mereka merujuk kepada naskah manuskrip yang berbeza dengan apa yang dirujuk oleh pengulas kitab. Sedia diketahui bahawa adakalanya memang wujud sedikit perbezaan antara dua manuskrip yang berbeza kerana berbeza penyalin manuskrip dan faktor penyalinan tersebut. Yang dimaksudkan sebagai faktor penyalinan adalah adakalanya seseorang itu menyalin secara ringkas manakala sesetengah yang lain menyalin dengan ditambahi beberapa nota tersendiri.

Dalam hal ini penulis merasa hairan bercampur ajaib dengan tuduhan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* padahal beliau sendiri adalah seorang yang paling sering membuang, menyeleweng dan mendustakan kandungan sesebuah kitab. Inilah agaknya yang dimaksudkan sebagai: “Kata dulang paku serpih, mengata orang dia yang lebih.”

## **PENILAIAN SEMULA NO: 23**

### ***Dakwaan al-Takwil terhadap perkataan Kaki.***

Dalam sebuah hadisnya Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* telah bersabda:

لَا تَزَالُ جَهَنَّمُ تَقُولُ: هَلْ مِنْ مَزِيدٍ، حَتَّى يَضَعَ فِيهَا رَبُّ الْعِزَّةِ، تَبَارَكَ وَتَعَالَى قَدَمُهُ. فَتَقُولُ: قَطُّ قَطُّ، وَعِزَّتِكَ. وَيُزَوَّى بَعْضُهَا إِلَى بَعْضٍ.

**Tidaklah penuh neraka jahannam melainkan ia berkata: “Adakah lagi untuk ditambah ?” sehinggalah Allah Tuhan yang Maha Agung lagi Maha Memberkati dan Maha Tinggi meletakkan kaki-Nya ke dalam neraka. Maka berkata neraka: “Cukup, cukup, demi Keagungan-Mu” sehinggalah sebahagian neraka dilipat (memenuhi) sebahagian yang lain.**<sup>109</sup>

Terhadap hadis ini disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 48:

Imam al-Hafiz al-Baihaqi sekali lagi membuktikan kepada kita bahawa takwil itu adalah sesuatu yang diterima di kalangan ulama' hadith. Di dalam kitab “*Asma' Wa al-Sifat*” (ms. 352), beliau menceritakan bahawa al-Imam al-Hafiz al-Lughawi al-Nadr Ibn Syumail (salah seorang daripada perawi kitab Hadith yang enam) telah mentakwilkan hadith:

( حتى يضع الجبار فيها قدمه .... )

Nas ini secara zahirnya bermaksud; “sehingga Allah meletak kaki-Nya di dalam neraka). Makna yang zahir ini ditakwilkan dengan makna

( من سبق في علمه أنه من أهل النار )

Maksudnya: “orang-orang yang telah diketahu-Nya bahawa sesungguhnya dia adalah ahli neraka.”

<sup>109</sup> **Sahih:** Hadis daripada Anas bin Malik *radiallahu 'anhu*, dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim – no: 2848 (Kitab Syurga, nikmat dan sifat ahlinya, Bab Neraka akan dimasuki oleh orang yang angkuh.....)*.

Disamping itu, Imam Abu Mansur al-Azhari juga sependapat dengan Imam al-Nadr. Hadith ini juga sebenarnya telah diriwayatkan oleh Imam al-Hafiz Ibn al-Jauzi di dalam kitab “*Daf’u Syubhah al-Tasybih*” melalui riwayat yang berbunyi “Abu Ubaid al-Harawi telah menceritakan (pengarang *Gharib al-Qur’an Wa al-Hadith*) daripada Hassan al-Basri katanya: “Perkara yang dimaksudkan dengan Kaki itu ialah mereka yang diketahui oleh Allah tentang kejahatannya”.

Oleh itu melalui riwayat ini, nyata kepada kita bahawa al-Imam Hassan al-Basri juga mengakui kesahihan takwil, bahkan turut sama mentakwil.<sup>110</sup>

### **Penilaian semula:**

al-Baihaqi telah mengemukakan riwayat di atas seperti berikut:<sup>111</sup>

قال الشيخ أحمد: وفيها كتب إلي أبو نصر من كتاب أبي الحسن بن مهدي الطبري حكاية عن النضر بن شميل أن معنى قوله (( حتى يضع الجبار فيها قدمه )) أي من سبق في علمه أنه من أهل النار.

Sekali imbas kepada *sanad* yang dikeluarkan oleh al-Baihaqi di

---

<sup>110</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 159, no: 09 dan *Daf’u Syubhat al-Tasybih*, ms. 15, no: 09.

<sup>111</sup> Rujukan seperti yang disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah*, iaitu *al-Asma’ wa al-Sifat li al-Baihaqi*, ms. 352 (*Bab Apa yang disebut tentang Telapak dan Kaki*).

atas telah cukup untuk mengisyaratkan *kedha'ifannya*, selari dengan ilmu *Akhlak al-Rawi wa Adab al-Samii'* iaitu suatu ilmu yang berkaitan akhlak seseorang *perawi* hadis dan kaedah menyampaikan, mendengar dan menerima hadis antara *perawi*.

Ini adalah kerana al-Baihaqi telah memulakan riwayat di atas dengan perkataan:

“Berkata al-Shaikh Ahmad.....”.

Ini menandakan bahawa al-Baihaqi tidak menerima riwayat ini secara terus daripada Shaikh Ahmad melainkan melalui jalan lain yang tidak disebutkan. Jika al-Baihaqi menerima sesebuah hadis secara terus daripada seseorang *perawi*, beliau akan menyebut “*Haddathana*” yang bererti “di sampaikan hadis ini kepada kami” atau “*Akhbarana*” yang bererti “dikhabarkan kepada kami”. Dua cara penerimaan hadis ini biasa digunakan oleh al-Baihaqi dalam semua kitab-kitabnya.

Selain itu, Abi al-Hasan bin Mahdi pula menghubungkan *sanad* ini kepada al-Nadr bin Syumail dengan kata:

“Dihikayatkan daripada al-Nadr bin Syumail”.

Sekali lagi ini menandakan bahawa Abi al-Hasan tidak menerima riwayat ini secara terus daripada al-Nadr melainkan beliau mendengar seseorang menghikayatkannya, yakni menceritakannya.

Dua kecacatan ini sudah cukup untuk mengisyaratkan *kedha'ifan sanad* di atas. Hal ini nampaknya diketahui oleh al-Baihaqi dan pengulas kitab, iaitu Zahid al-Kauthari. Mereka berdua mendiamkan sahaja *sanad* ini tanpa sebarang ulasan.

Selain itu dipohon jasa baik penyusun *Salafiyah Wahabiyah* untuk mengemukakan kepada kami biografi dan status *al-Jarh wa al-Ta'dil* bagi:

[1] Shaikh Ahmad,

[2] Abu Nasr, dan

[3] Abi al-Hasan bin Mahdi al-Tabari.

Di waktu yang sama diminta penyusun *Salafiyah Wahabiyah* menjelaskan status *sanad* yang dikeluarkan oleh Ibn al-Jauzi atau Abu Ubaid al-Harawi daripada Hasan al-Basri mengenai *takwilan* sifat Kaki. Ibn al-Jauzi (597H)<sup>112</sup> hanya menyebut dalam kitabnya *Daf'u Syubhat Tasybih*, ms. 170, hadis no: 11:

وقد حكى أبو عبيد الهروي عن الحسن البصري أنه قال:  
القدم: هم الذين قدمهم الله تعالى من شرار خلقه وأثبتهم  
لها.

Dan telah dihikeyatkan oleh Abu 'Ubaid al-Harawi daripada al-Hasan al-Basri bahawa dia berkata: "Kaki: ia adalah mereka yang telah diketahui oleh Allah tentang kejahatan yang dilakukan dan menetapkan mereka dengan (kejahatan) mereka"

Di atas hanyalah satu hikayat. Statusnya didiamkan oleh al-Saqqaf tanpa *mensahih* atau *mendha'ifkannya* kerana ia tidak memiliki *sanad*. Diminta penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mengesahkan kebenaran riwayat di atas kerana tanpa pengesahan ia hanyalah satu hikayat yang dihikeyatkan.

Di sini jelas kelihatan sikap penyusun *Salafiyah Wahabiyah* yang dengan penuh semangat akan mengemukakan sesebuah *athar* sebagai hujah tanpa mengambil kira sama ada ia memiliki *sanad* atau tidak, apatah lagi untuk menilai sama ada *sanad* tersebut adalah *sahih* atau tidak. Ini adalah satu sikap yang sangat tidak ilmiah lagi tidak bertanggung-jawab.

### **Penjelasan Tambahan:**

Sebenarnya terdapat perbezaan pendapat di kalangan ahli ilmu sama ada perkataan *qaf-dal-mim*: adakah ia merupakan salah

---

<sup>112</sup> Beliau ialah Abd al-Rahman bin 'Ali ibn al-Jauzi, seorang tokoh yang terkenal dalam Mazhab Hanbali, khasnya dalam bidang hadis. Antara karya beliau yang terkenal yang telah diterjemahkan ialah *Talbis Iblis*. Meninggal dunia pada tahun 597H di Baghdad.

satu sifat Allah atau tidak. Dalam hal ini ada beberapa pendapat:<sup>113</sup>

[1] Bahawa ia adalah satu sifat Allah yang bererti Kaki tanpa diumpamakan dengan Kaki makhluk. Hadis tersebut disampaikan bukan untuk dibahas tentang bagaimana dan seperti apa sifat Kaki tersebut tetapi adalah dengan tujuan untuk menunjukkan bahawa neraka akan sesak dipenuhi dengan ahlinya manakala syurga sentiasa memiliki ruang yang luas lagi selesa untuk menerima sesiapa jua yang layak tanpa penuh sesak. Oleh itu janganlah hendaknya para hamba Allah berputus asa daripada berusaha menempah tempat di dalam syurga.

[2] Bahawa ia adalah satu makhluk yang Allah cipta di Hari Kiamat khas untuk memastikan neraka penuh dengan orang kafir. Makhluk ini bukan merupakan sifat Allah.

[3] Bahawa ia adalah satu tempat khas di dalam neraka yang Allah sediakan bagi orang-orang yang kafir dan bermaksiat kepada Allah.

Yang terakhir (no: 3) adalah merupakan pendapat Abu Hatim (277H) kerana perkataan *Qaf-dal-min* dalam lughah Arab adakalanya digunakan untuk menunjukkan sesuatu tempat. Hal ini dinukil oleh Ibn Hibban dalam kitab *Sahihnya*:<sup>114</sup>

قال أبو حاتم: هذا الخبر من الأخبار التي أطلقت بتمثيل  
المجاورة، وذلك أن يوم القيامة يلقي في النار من الأمم  
والأمكنة التي عصي الله عليها، فلا تزال تستزيد حتى يضع

---

<sup>113</sup> Lihat buku Zain al-Din al-Maqdisi – *Aqawel al-Thiqat fi Al-Takwil al-Asma' wa al-Sifat wa Ayat al-Muhkamat wa al-Mutasyabihat (tahqiq: Syu'aib al-Arna'uth; Muassasah al-Risalah, Beirut 1985), ms. 176-181.*

<sup>114</sup> *Sahih Ibn Hibban (tahqiq: Syu'aib al-Arna'uth; Muassasah al-Risalah, Beirut 1997), jld. 1, ms. 502.*

الرب جل وعلا موضعا من الكفار والأمكنة في النار,  
 فتمتلىء, فتقول قط قط, تريد: حسبي حسبي, لأن العرب  
 تطلق في لغتها اسم القدم على الموضع. قال الله جل وعلا:  
 ((لهم قدم صدق عند ربهم)) يريد: موضع صدق, لا أن الله  
 جل وعلا يضع قدمه في النار, جل ربنا وتعالى عن مثل هذا  
 وأشباهه.

Berkata Abu Hatim: Hadis ini adalah satu daripada hadis-hadis yang disebut dengan perumpamaan (penyamaan) yang menghampiri (dengan sifat makhluk). Ia sebenarnya mengkhabarkan suatu peristiwa' di Hari Kiamat di mana akan dicampakkan ke dalam neraka orang-orang yang berbuat maksiat dan tempat-tempat yang (di dalamnya) dilakukan maksiat terhadap Allah. Ia sentiasa meminta agar ditambah orang-orang kafir dan tempat-tempat maksiat sehingga Allah yang Maha Mulia dan Maha Tinggi meletakkan satu tempat khas (untuk mereka). Maka penuhlah neraka itu sehinggalah ia berkata “Qat-qat” yang bererti: “Cukup, cukup”.

Kerana sesungguhnya dalam bahasa Arab adakalanya disebut “*al-Qadamu*” sebagai mewakili “tempat”. (Contohnya adalah) firman Allah yang Maha Mulia dan Maha Tinggi: **“Bahwa mereka mempunyai tempat yang benar di sisi Tuhan mereka.”** [Yunus 10:02] yang bermaksud tempat yang khas bagi orang yang jujur.

Tidaklah Allah yang Maha Mulia dan Maha Tinggi meletakkan kaki-Nya ke dalam neraka, Maha Mulia dan Maha Tinggi Tuhan kami daripada berbuat sedemikian atau menyerupa sedemikian (seperti perbuatan

makhluk).

Ketiga-tiga pendapat ini sengaja penulis perincikan kerana Hasan al-Saqqaf dalam *Daf'u Syubhat Tasybih*, ms. 17, contoh no: 13 telah mengemukakan kata-kata Abu Hatim di atas sebagai salah satu bukti generasi *al-Salaf* melakukan *al-Takwil*. Contoh al-Saqqaf ini tidak dikemukakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Di sini al-Saqqaf telah melakukan tiga kesilapan:

[1] al-Saqqaf berkata yang melakukan *al-Takwil* tersebut ialah Ibn Hibban padahal yang benar adalah Abu Hatim. Ibn Hibban hanya menukil pendapat beliau dalam kitab *Sahihnya*.

[2] Ibn Hibban tidak mengemukakan *sanad* yang bersambung kepada Abu Hatim.

[3] Seandainya ia memiliki *sanad* yang *sahih*, *al-Takwil* yang dilakukan oleh Abu Hatim tidaklah melibatkan *takwil* pengalihan lafaz. Beliau hanya menerangkan bahawa perkataan *Qaf-dal-mim* dalam lughah Arab memiliki dua erti, salah satu daripadanya bermaksud tempat dan beliau menguatkan erti ini daripada erti Kaki. Maka Abu Hatim sebenarnya hanya melakukan *takwil* penafsiran maksud.

## PENILAIAN SEMULA NO: 24

### *Dakwaan al-Takwil terhadap perkataan “Baru”.*

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

📖 ② ⬇️ 📖 ❶ II 📖 ✎️ ☠️ 📖 ⑩ 📖 ✎️ 📖 ③ 📖 ✎️ ✎️



***Tidak datang kepada mereka suatu ayat Al Qur'an pun yang baru (diturunkan) dari Tuhan mereka, melainkan mereka mendengarnya, sedang mereka bermain-main. [al-Anbiyaa' 21:02]***

Berkenaan ayat ini ada segelintir yang berkata al-Qur'an adalah makhluk kerana ia ***“baru diturunkan”***. Namun terang para tokoh *al-Salaf* seperti Hisyam bin Ubaidullah al-Razi (221H) dan Ahmad bin Hanbal (241H), al-Qur'an itu hanyalah baru di sisi kita (manusia) dan tidak baru di sisi Allah. Hal ini telah diungkap oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah ms. 49-50* dan beliau mendakwa dua tokoh *al-Salaf* di atas telah melakukan *takwil* pengalihan lafaz. Berikut disalin hujah beliau:

Maka Hisyam menjawab: “Yang dimaksudkan dengan baru disini ialah ‘baru kepada kita dan bukannya al-Qur'an itu baru disisi Allah.’”<sup>115</sup>

Tentang ayat ini juga, Imam Ibn Kathir di dalam *“al-Bidayah Wa al-Nihayah”* (m.s. 327, jld. 1)<sup>116</sup> memaparkan kepada kita tentang takwilan Imam Ahmad melalui riwayat Abi al-Hassan al-Maimuni bahawa Imam Ahmad menjelaskan “boleh jadi turunnya al-Qur'an kepada kita itu baru, tetapi al-Qur'an itu bukanlah sesuatu yang baru.”

Sebagai kesimpulan, Imam Ahmad tidak menggunakan makna yang zahir di dalam memberi maksud ayat. Justeru itu beliau

<sup>115</sup> Riwayat dikemukakan oleh al-Dzahabi dalam *Siyar A'lam al-Nubala*, jld. 10, ms. 447.

<sup>116</sup> Wujud kesilapan di sini, ia sebenarnya terletak pada jld. 10, ms. 327.

memalingkan lafaz daripada makna zahir kepada makna lain yang diterima oleh logik akal dan naqal. Hal ini penting untuk mengelakkan daripada berlakunya *tasybih* (penyerupaan). Oleh itu, perpalingan daripada makna zahir kepada makna yang lain itulah kita namakan sebagai takwil.<sup>117</sup>

### ***Penilaian semula:***

Kenyataan di atas akan dinilai semula secara ringkas dalam tiga bahagian:

#### **Pertama:**

Kedua-dua nukilan daripada Hisyam bin Ubaidullah al-Razi dan Ahmad bin Hanbal dikemukakan oleh masing-masing al-Dzahabi dan Ibn Kathir dengan *sanad* yang tidak lengkap. Oleh itu riwayat ini tidak dapat dipertanggung-jawabkan. Di sini sekali lagi ditegur sikap penyusun *Salafiyah Wahabiyah* yang sangat tidak memiliki sebarang disiplin dalam mengemukakan sesebuah riwayat sebagai hujah. Seolah-olah apa sahaja riwayat yang disesuaikan dengan selera dikemukakan sebegitu sahaja manakala yang tidak disesuaikan barulah disemak *sanad* dalam usaha cuba *mendha'ifkannya*.

#### **Kedua:**

Seandainya *sahih* kedua-dua riwayat di atas, ia sebenarnya melibatkan *takwil* penafsiran maksud dan bukannya *takwil* pengalihan lafaz. Kedua-dua tokoh *al-Salaf* tersebut sebenarnya menjelaskan apa maksud sebenar ayat ke 2 surah al-Anbiyaa'. Jika hendak dikatakan bahawa dua tokoh *al-Salaf* tersebut melakukan *takwil* pengalihan lafaz, pengalihan itu adalah dari apa kepada apa ?

---

<sup>117</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-'Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 159, no: 10; ms. 157, no: 05 dan *Daf'u Syubhat al-Tasybih*, ms. 15, no: 10; ms. 13, no: 05.

### **Ketiga:**

Kata-kata penyusun *Salafiyah Wahabiyah*: “.....memalingkan lafaz daripada makna zahir kepada makna lain yang diterima oleh logik akal dan naqal” jelas merupakan satu kesilapan yang *fatal* kerana:

1. Telah menyebut akal sebelum *naqal*, bererti bahawa beliau mendahulukan akal di atas sumber wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah. Hal ini jelas salah kerana seseorang itu sepatutnya mendahulukan sumber wahyu di atas akalnya.
2. Menggunakan akalanya untuk menilai sesuatu perkara sebagai betul atau salah padahal telahpun disebut sebelum ini bahawa dalam subjek '*aqidah*', akal manusia tidak mampu untuk menjangkauinya melainkan tunduk kepada petunjuk wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah yang *sahih*.


### **PENILAIAN SEMULA NO: 25**

***Dakwaan al-Takwil terhadap perkataan Istiwa'.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 50-51:

|                                                                                                                                                                         |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Imam Ibn Hair al-Asqalani dan al-Baghawi dalam kitab tafsirnya menaqalkan satu riwayat daripada Ibn 'Abbas r.a. dan pendapat kebanyakan ulama' tafsir bahawa mereka itu |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

mentakwil kalimah “*istiwa*” di dalam firman Allah S.W.T.:



Maksudnya: laitu (Allah) al-Rahman yang bersemayam di atas ‘*Arasy* (Surah Ta-Ha 20:5)

Kalimah “*istiwa*” ini ditakwil dengan makna ( ارتفع ). Iaitu “tinggi-menguasai.”

Pendapat ini juga telah disepakati oleh para ulama’ nahu antaranya seperti Abu ‘Ubaid, al-Farra’ dan lain-lain.

Manakala Ibn Hajar pula di dalam kitab *Fath al-Bari* (ms. 496-499, jid. 13, Dar al-Faiha’/ Dar al-Salam) meriwayatkan daripada Ibn Batal bahawasanya berlaku perbincangan ulama’ yang panjang lebar tentang perkataan “*istiwa*” menerusi surah Hud ayat 7. Lalu beliau membuat kesimpulan dengan katanya: “Pengertian makna “*istiwa*” itu dengan makna ( ارتفع ) iaitu tertinggi maknawi adalah yang sahih. Ia adalah mazhab yang benar dan merupakan pendapat Ahl al-Sunnah. Ini kerana Allah S.W.T. sendiri yang menyifatkan-Nya sedemikian (dengan al-‘Aliyy Maha Tinggi)...” *Fath al-Bari* (ms. 497, jid. 13).

Ditambah dalam bahagian notakaki no: 10:

Lihat “*Tafsir al-Baghawi*” tafsir ayat 29 surah al-Baqarah (ms. 30, jid. 1), *Tafsir al-Tabari* (ms. 228-229, jid. 1). Lihat juga al-Hafiz Ibn Hajr, *tafsir al-Qur’an* surah Hud ayat 7 (Kitab al-Tauhid).

### ***Penilaian semula:***

Terdapat dua penilaian terhadap kenyataan di atas. Ia secara keseluruhannya terletak dalam kitab *Fath al-Bari*, jld. 13, ms. 405-407 (Kitab Tauhid, Bab: Dan adalah ‘Arasy di atas air dan Dialah *Rabb al-‘Arasy* yang Agung). Perbincangan ini tidak wujud dalam *Fath al-Bari*, Kitab Tafsir al-Qur’an, surah Hud ayat ke 7, malah Ibn Hajar sendiri telah berkata di sana: “Akan datang syarahannya dalam Kitab al-Tauhid insya-Allah *Ta’ala*.”

### **Pertama:**

*Takwilan* terhadap perkataan *Istiwa’*.

*Takwilan* perkataan *Istiwa’* kepada erti Meninggi bukanlah suatu *takwil* pengalihan lafaz tetapi adalah *takwil* penafsiran maksud. Ini adalah kerana perkataan *Istiwa’* itu sendiri memiliki beberapa maksud sesuai dengan konteks perbincangan sesuatu ayat, antaranya ialah duduk. Hal ini pasti mustahil kepada Allah ‘*Azza wa Jalla* kerana sifat duduk hanyalah merupakan sifat makhluk berjisim. Maka kerana itulah generasi *al-Salaf* dan selainnya telah menjelaskan apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan *Istiwa’*. Antaranya ialah *al-‘Uluw* (Tinggi), *al-Irtifa’* (Meninggi) dan *al-Shu‘ud* (Naik).<sup>118</sup>

### **Kedua:**

*Takwilan* Ibn Baththal terhadap perkataan *Istiwa’*.

Dakwaan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* bahawa Abu al-Hasan ‘Ali bin al-Khalaf bin Baththal (449H) telah *mensahihkan takwilan Istiwa’* sebagai Meninggi (*al-Irtifa’*) adalah satu dusta. Dalam kitab *Fath al-Bari* (rujukan yang sama), Ibn Hajar telah menukil perbahasan Ibn Baththal di

---

<sup>118</sup> Ibn Qayyim – *Nunyah Ibn al-Qayyim*, jld. 1, ms. 215; CF: Alawy bin ‘Abdul Qadir al-Segaf – *Mengungkap Kesempurnaan Sifat-sifat Allah* (terj: Asep Saefullah; Pustaka Azzam, Jakarta 2000), ms. 37-38.

mana akhirnya beliau telah membuat kesimpulan:<sup>119</sup>

وأما تفسير استوى: علا فهو صحيح وهو المذهب الحق.

Maka adapun tafsir (perkataan) *Istiwa'*: (Ia adalah) “Meninggi”, dan inilah yang sah dan merupakan pendapat yang benar.

Maka yang benar Ibn Baththal menguatkan maksud *Istiwa'* sebagai (علا) dan bukannya (ارتفع) sekalipun pada zahirnya ia memiliki maksud yang sama iaitu “Meninggi”. Ibn Baththal cenderung kepada istilah (علا) daripada (ارتفع) kerana ia telah disebut oleh Allah ‘Azza wa Jalla di dalam al-Qur’an.<sup>120</sup>

## PENILAIAN SEMULA NO: 26


### ***Dakwaan al-Takwil terhadap perkataan Bersama.***

Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:



<sup>119</sup> Fath al-Bari, jld. 13, ms. 406.

<sup>120</sup> Lihat penjelasan Ibn Baththal dalam *Syarah Sahih al-Bukhari li Ibn Baththal* (tahqiq: Abu Tamim Yasir bin Ibrahim; Maktabah al-Rusyd, Riyadh 2000), jld. 10, ms. 448.



**Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa; Kemudian Dia bersemayam Di Atas al-'Arasy. Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar daripadanya dan apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepadanya. Dan Dia Bersama kamu di mana saja kamu berada. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.** [Hadid 57:04]

Terhadap firman Allah: **Dan Dia Bersama kamu di mana saja kamu berada**, penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ms. 51 telah menukil sebuah *takwilan* dan seterusnya membahas seperti berikut:

Menurut Imam al-Zahabi di dalam kitab "*Sayr A'lam al-Nubala* (m.s. 274, jld. 7) bahawa Imam Sufyan al-Thauri mentakwilkan ayat:

( وهو منكم أين ما كنتم )

dengan makna ilmu-Nya.

Jika dilihat secara zahir, memanglah gantinama ( وهو ) itu ditujukan kepada al-Zat bukannya al-Sifat. Jika demikian, kenyataan ini secara zahirnya membawa maksud Allah Ta'ala itu sentiasa bersama dengan manusia. Perkara ini adalah mustahil, kerana kita tidak mendapati

situasi ini secara realitinya. Oleh itu, harus diubah maknanya daripada pengertian yang berbentuk zahir kepada makna pinjaman supaya bertepatan antara kalam Allah dengan kefahaman logik akal manusia. Sebabnya, kaedah al-Qur'an diturunkan adalah untuk mengajar manusia. Maka pengajaran itu mestilah difahami dengan baik.<sup>121</sup>

### ***Penilaian semula:***

Dipendekkan cerita, penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah berpendapat Sufyan al-Thauri (160H) telah melakukan *takwil* pengalihan lafaz terhadap perkataan Bersama yang terdapat dalam ayat ke 4 surah Hadid. Beliau (penyusun) seterusnya menguatkan dan membenarkan *takwil* pengalihan lafaz ini sebagai satu-satunya kaedah yang benar untuk memahami ayat tersebut.

Sebenarnya yang dilakukan oleh al-Thauri bukanlah *takwil* pengalihan lafaz tetapi adalah *takwil* penafsiran maksud. Ini adalah kerana perkataan Bersama itu boleh memiliki beberapa erti bergantung kepada penggunaannya. Ia boleh bererti “bersebelahan dalam bentuk fizikal”, “bercampur”, “bersama dalam bentuk ingatan atau pengetahuan” dan “bersama erti memberi sokongan”.

Apabila Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman bahawa Dia Bersama hamba-Nya, hendaklah dijelaskan, Bersama bagaimana yang dimaksudkan ? Maka dengan merujuk kepada keseluruhan ayat, khususnya: ..... ***Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar daripadanya dan apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepadanya*** ..... dapat diketahui dan diperincikan bahawa Bersama yang

---

<sup>121</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-'Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 162, no: 16 dan *Daf'u Syubhat al-Tasybih*, ms. 18, contoh no: 16.

Allah maksudkan ialah “Bersama dengan erti ilmu pengetahuan-Nya.” Ini adalah *takwil* penafsiran maksud dan bukannya *takwil* pengalihan lafaz sepertimana yang cuba didakwa oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.

Selain itu telahpun dijelaskan sebelum ini tentang *i'tiqad* al-Thauri tentang *nas-nas al-Sifat*, bahawa: “Terimalah ia sebagaimana ia datang.” Kata-kata beliau ini juga telah dinukil oleh al-Dzahabi dalam rujukan yang sama di atas, sejurus selepas mengemukakan penjelasan al-Thauri tentang maksud Kebersamaan Allah. Namun penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mendiamkan sahaja nukilan ini.

Sekali lagi dalam keterangan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di atas terdapat kesalahan besar yang menjatuhkan dia ke dalam jurang kebinasaan. Beliau berkata (ms 51):

Oleh itu, harus diubah maknanya daripada pengertian yang berbentuk zahir kepada makna pinjaman supaya bertepatan antara kalam Allah dengan kefahaman logik akal manusia. Sebabnya, kaedah al-Qur'an diturunkan adalah untuk mengajar manusia. Maka pengajaran itu mestilah difahami dengan baik

Perhatikan bahawa:

1. Kalam Allah dikatakan sebagai “harus diubah”, menjadilah tindakan ini umpama tindakan kaum Yahudi dan Nasrani yang mengubah Kalam Allah dalam kitab mereka masing-masing.
2. Perubahan Kalam Allah adalah dari yang zahir kepada “makna pinjaman”, menandakan bahawa Kalam Allah pada asalnya adalah tidak betul dan tidak sesuai sehingga perlu dipinjamkan sesuatu lafaz yang lain bagi mengganti dan membetulkannya. Maha Suci dan Maha Sempurna Allah daripada memiliki kekurangan dalam Kalam-Nya sehingga perlu diberi pinjaman oleh manusia.

3. Sekali lagi faktor “logik akal” digunakan sebagai alasan untuk merubah Kalam Allah padahal tiadalah logik dan akal tersebut memiliki apa-apa peranan melainkan tunduk dan taat kepada Kalam Allah. Di sini jelas terdapat petunjuk bahawa sumber akal telah didahulukan daripada sumber wahyu.
4. Alasan sekunder bahawa perubahan adalah perlu bagi mencapai kefahaman yang baik, adalah sesuatu yang tidak benar. Ini mengisyaratkan bahawa Allah ‘*Azza wa Jalla* pada asalnya telah meletakkan sesuatu di dalam al-Qur’an apa yang tidak akan dapat difahami oleh manusia. Maha Suci dan Maha Bijaksana Allah daripada anggapan sedemikian.

Apa yang dilakukan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*, yakni membelakangkan wahyu sehingga menganggap perlu merubah Kalam Allah supaya sesuai dengan akal manusia, adalah merupakan tindakan yang sama yang dilakukan oleh aliran bid‘ah *al-Jahmiyyah* di zaman awal Islam. Hal ini sepertimana yang telah penulis huraikan di bahagian awal Bab A. Kata-kata penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di atas menjadi saksi ke atas apa yang penulis huraikan.

Di sini tidak timbul apa-apa tafsiran kedua terhadap kata-kata penyusun *Salafiyah Wahabiyah*, maka tanpa ragu ditegur keras kepada saudara Zamihan Mat Zin agar beliau segera meninggalkan kefahaman yang dipegangnya.

Tegas al-Barbahari (329H):<sup>122</sup>

---

<sup>122</sup> Syarus *Sunnah*, ms. 69, no 99.

Timbul persoalan, adakah dengan kata-kata al-Barbahari ini bererti penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah *kufur* ? Jawapannya adalah tidak kerana apa yang pasti adalah beliau (Zamihan) tidak sedar akan apa yang ditulisnya dan akibat berat yang bakal ditanggung daripadanya. Bahkan boleh dikatakan bahawa beliau telah terkeliru dan tersilap dalam hal ini.

Mengikut para ahli usul, seseorang itu ditanggukkan hukum ke atasnya sehinggalah sampai kepadanya hujah yang jelas (al-Qur’an, surah al-Isra’ 17:15) dalam bahasa dan suasana yang difahaminya (surah Ibrahim

Ketahuilah bahawa awal kehancuran aliran *al-Jahmiyyah* adalah kerana mereka berfikir tentang hakikat *Rabb ‘Azza wa Jalla* lalu mereka menganjurkan pertanyaan kenapa dan bagaimana. Mereka meninggalkan *athar* (al-Qur’an dan al-Sunnah) dan membuat *qiyas* lalu mengukur agama dengan *ra’yu* (akal) sehingga mereka datang membawa kekufuran secara terang-terangan. Dan tidak diragukan bahawa yang sedemikian adalah kufur, dan mereka mengkafirkan makhluk dan mengingkari ciptaan kemudian mengeluarkan pernyataan *ta’thil* (menafikan sifat Allah).

## **PENILAIAN SEMULA NO: 27**

### ***Dakwaan al-Asya‘ari mengamalkan al-Takwil.***

Dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 52 telah dinukil sebahagian daripada tulisan al-Asya‘ari daripada kitabnya *al-Ibanah*:

“Sesungguhnya Allah *Ta’ala* itu *beristiwa*’ di *Arasy* mengikut apa yang difirman dan makna yang dimaksudkan-Nya. *Istiwa* itu maha suci daripada bersentuh, menetap, mengambil tempat, menjelma dan berpindah. Dia tidak

---

14:04). Jika syarat ini telah lengkap namun seseorang itu tetap menolaknya maka barulah dijatuhkan hukum ke atasnya.

Lebih lanjut lihat buku *al-Jahl bi Masail al-I’tiqad wa Hukmuhu* (Dar al-Wathan, Riyadh 1996) oleh ‘Abd al-Razzaq bin Thahir yang telahpun diterjemahkan atas judul *Mengupas Kebodohan dalam ‘Aqidah* (terj: Asep Saefullah & Kamaluddim Sa’diyatulharamain; Pustaka Azzam, Jakarta 2001).

menanggung 'Arasy'. Tetapi Arasy dan penanggungnya (malaikat) itu ditanggung Qudrat-Nya, kesemuanya itu dikuasai di dalam genggamannya. Sesungguhnya Dia di atas Arasy dan di atas setiap sesuatu kepada sempadan bintang Surayya. Tinggi yang tidak lebih hampir kepada Arasy dan langit, bahkan darjat-Nya daripada Arasy sebagaimana tinggi darjat Surayya daripada Arasy. Dia hampir kepada setiap yang ada lebih hampir kepada hamba daripada kerongkong. Dia maha menyaksikan atas tiap-tiap sesuatu."

Nukilan di atas kemudian diulas oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*:

Sememangnya takwil Imam al-Asya'ari ini masyhur di dalam kitabnya "*al-Ibanah*". Iaitu kitab yang dikatakan pertama kali ditulis oleh Imam Abu Hassan al-Asya'ari.

Seterusnya penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah mendakwa bahawa bahagian yang dicondongkan (*italic*) dari kata-kata Abu al-Hasan al-Asya'ari di atas telah dibuang dalam sesetengah cetakan kitab *al-Ibanah* (*Salafiyah Wahabiyah ms. 52-53 & notakaki 11*). Beliau kemudiannya berkata:

Mengapa hal ini boleh berlaku sedangkan pengarangnya hanya seorang.

### **Penilaian semula:**

Berikut dikemukakan teks Arab yang sebenar sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Saqqaf<sup>123</sup> diikuti dengan

---

<sup>123</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Daf'u Syubhat al-Tasybih*, ms. 19, dan ms. 126. Juga di dalam *Sahih al-'Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 163.

terjemahannya:

وَأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ عَلَى الْوَجْهِ الَّذِي قَالَه  
وَبِالْمَعْنَى الَّذِي أَرَادَهُ، اسْتَوَاءَ مَنْزِلِهَا عَنِ الْمَمَاسَةِ وَالِاسْتِقْرَارِ  
وَالْتِمَكُّنِ وَالْحُلُولِ وَالِانْتِقَالِ، لَا يَحْمِلُهُ الْعَرْشُ بَلِ الْعَرْشُ  
وَحَمَلْتُهُ مَحْمُولُونَ بِلُطْفِ قُدْرَتِهِ، وَمَقْهُورُونَ فِي قَبْضَتِهِ، وَهُوَ  
فَوْقَ الْعَرْشِ وَفَوْقَ كُلِّ شَيْءٍ إِلَى تَخُومِ الثَّرَى، فَوْقِيَّةٌ لَا تَزِيدُهُ  
قَرَبًا إِلَى الْعَرْشِ وَالسَّمَاءِ، بَلِ هُوَ رَفِيعُ الدَّرَجَاتِ عَنِ الْعَرْشِ  
كَمَا أَنَّهُ رَفِيعُ الدَّرَجَاتِ عَنِ الثَّرَى وَهُوَ مَعَ ذَلِكَ قَرِيبٌ مِنْ  
كُلِّ مَوْجُودٍ وَهُوَ أَقْرَبُ إِلَى الْعَبْدِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ وَهُوَ عَلَى  
كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ.

“Sesungguhnya Allah Ta’ala *Beristiwa*’ Di Atas ‘*Arasy*’  
sebagaimana yang difirmankan dan dengan makna yang  
dikehendaki-Nya. *Istiwa*’ tersebut maha suci daripada  
bersentuh, menetap, mengambil tempat, menjelma dan  
berpindah. Dia tidak ditanggung oleh ‘*Arasy*’ bahkan  
‘*Arasy*’ dan penanggungnya (para malaikat) ditanggung  
oleh Kudrat-Nya, kesemuanya itu dikuasai di dalam  
Genggaman-Nya. Sesungguhnya Dia Di Atas ‘*Arasy*’  
dan di atas setiap sesuatu kepada sempadan bintang  
*Surayya*. Sifat Atas tersebut tidak menghampirkan-Nya  
kepada ‘*Arasy*’ dan langit, bahkan Darjat-Nya lebih  
tinggi daripada ‘*Arasy*’ dan *Surayya*. Dia hampir kepada  
setiap sesuatu, malah lebih kepada urat leher seseorang  
hamba. Dan Dia Maha Menyaksikan atas segala  
sesuatu.

Bahagian yang dicondongkan (*italic*) dari kata-kata Abu al-  
Hasan al-Asya‘ari tidak wujud dalam naskah *Salafiyah*

*Wahabiyah Suatu Penilaian* yang ada di tangan penulis. Merujuk kepada tulisan asal, al-Saqqaf telah menghitamkan (*bold*) bahagian teks yang dimaksudkan sebagai yang telah *ditakwil* oleh al-Asya'ari. Bahagian teks yang dimaksudkan adalah:

[1] *Istiwa'* tersebut maha suci daripada bersentuh, menetap, mengambil tempat, menjelma dan berpindah.

[2] Sifat Atas tersebut tidak menghampirkan-Nya kepada '*Arasy* dan langit.

Yang dilakukan oleh al-Asya'ari dalam dua teks di atas bukanlah *mentakwilkannya* tetapi adalah *mentanzihkannya*, bererti menyuci dan mengagungkan sifat *Istiwa'* dan *Fauqa* daripada *tasybih* dan *tajsim*.

Diulangi di sini supaya lebih jelas kepada para pembaca, bahawa *al-Takwil* adalah mengalihkan lafaz sesuatu *nas al-Sifat* kepada maksud yang lain manakala *al-Tanzih* adalah menyucikan sesuatu *nas al-Sifat* daripada *tasybih* dan *tajsim*. *al-Tanzih* dapat dilakukan tanpa *al-Takwil*. Hal ini jelas daripada kata-kata al-Asya'ari di atas di mana beliau hanya melakukan *al-Tanzih* dengan mengekalkan istilah *Istiwa'* dan *Fauqa* tanpa *mentakwilkannya* kepada lafaz lain.

Mengenai masalah sesetengah cetakan yang tidak sama kandungan teksnya maka masalahnya bukanlah berapa orang yang bernama Abu al-Hasan al-Asya'ari tetapi adalah berapa orang yang menyalin daripada Abu al-Hasan al-Asya'ari. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini perbezaan memang adakalanya wujud dalam naskah-naskah manuskrip yang asal. Maka kaedah sebenar bukanlah melulu membuat tuduhan tetapi bersikap dewasa dengan menyemak dan membanding sesama manuskrip kerana ada sesetengah manuskrip yang lengkap, ada yang ringkas dan ada yang disertai dengan nota tambahan.

Menarik untuk diperhatikan kata-kata penyusun *Salafiyah Wahabiyah*: "Sememangnya *al-Takwil* Imam al-Asya'ari ini masyhur di dalam kitabnya "*al-Ibanah*". Iaitu kitab yang dikatakan pertama kali ditulis oleh Imam Abu Hassan al-

Asya‘ari” padahal dalam buku yang sama di mukasurat sebelahnya (ms. 53) beliau menulis:

Bagi saya, kitab “*al-Ibanah*” sebagaimana yang dimasyhurkan bukanlah hasil tulisan daripada Abu Hasan al-Asya‘ari. Sebaliknya ia adalah kitab yang sengaja di ada-adakan oleh pihak *mujassimah* al-Hanabilah.

Perhatikan bahawa:

1. Pada awalnya penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mendakwa bahawa kitab *al-Ibanah* adalah yang “pertama kali ditulis oleh” al-Asya‘ari. Akan tetapi kemudiannya beliau mendakwa kitab *al-Ibanah* adalah “bukanlah hasil tulisan” al-Asya‘ari. Jelas berlaku pertentangan yang kedua-duanya menunjukkan sikap penyusun *Salafiyah Wahabiyah* yang hanya menuduh berdasarkan teori *batil* dan bukannya fakta *sahih*.
2. Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mendakwa kitab *al-Ibanah* adalah sesuatu yang “sengaja di ada-adakan”. Jika demikian dakwaan beliau maka kenapakah pada asalnya digunakan nukilan daripada kitab *al-Ibanah* sebagai bukti al-Asya‘ari melakukan takwil ? Apakah penyusun *Salafiyah Wahabiyah* menggunakan sumber yang “diada-adakan” sebagai hujah membuktikan sesuatu perkara ? Hal ini pasti sesuatu yang tidak akan dilakukan oleh para penegak kebenaran.
3. Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* juga mendakwa bahawa yang “mengada-adakan” kitab *al-Ibanah* adalah “pihak *mujassimah* al-Hanabilah”. Jika inilah dakwaan beliau, maka kenapakah sumber *al-Mujassimah al-Hanabilah* dikemukakan sebagai hujah untuk membuktikan *al-Takwil* ? Di sini jelas kelihatan kekeliruan dan kebatilan metode penghujahan penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.
4. Kekeliruan ini akhirnya memuncak ke tahap maksimum

apabila beliau seterusnya (*Salafiyah Wahabiyah* ms. 56) mendakwa bahawa kitab *al-Ibanah* sebenarnya dikarang oleh al-Qadhi al-Baqilani. Dalam hanya 5 mukasurat (ms. 52-56) penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah memiliki 3 pendapat yang berbeza tentang siapakah pengarang sebenar kitab *al-Ibanah*.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 28**

### ***Kesimpulan Manhaj al-Salaf tentang nas-nas al-Sifat.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 60 sebagai kesimpulan perbahasan Bab Kedua tentang manhaj *al-Salaf* terhadap *nas-nas al-Sifat*:

Cukuplah 12 dalil keharusan mentakwil bagi membuktikan bahawa takwil itu sebagai satu kepastian yang tidak dapat disangsi lagi. Aliran al-Asya'irah hanya meneruskan metodologi ulama' al-Salaf al-Soleh ini. Tetapi kita sangsi, apakah al-Salafiyah al-Wahabiyah itu benar-benar mengikut al-Salafi al-Zamani atau label sahaja yang mereka hajati. Ini kerana mereka bukan sahaja menyerang takwilan al-Asya'irah, malahan dasar takwilan yang benar daripada al-Salaf pun mereka berani menafikan. Jelasnya,

mereka lebih suka mengikut pendapat Ibn Taimiyah daripada mengikut pendapat ulama' Salafi yang asli.

Apa yang membimbangkan kita ialah keupayaan golongan al-Wahabiyah ini di dalam menggunakan "label" al-Salafi. Ternyata strategi ini mampu memperdaya dan mengelirukan orang ramai. Semoga dengan hujah kami dan sikap al-Wahabiyah itu sendiri mampu dinilai oleh para pembaca untuk mengeluarkan satu natijah bahawa al-Salafiyah al-Wahabiyah bukannya berasal daripada al-Salafi. Ia tidak lebih daripada dakwaan semata-mata. Ini kerana mereka itu secara terang-terangan menolak dasar al-Salafi. Kalaulah ia benar... buktikanlah wahai saudara seagamaku, ulama' salafi yang manakah bermanhaj al-Salafiyah yang ada sekarang. Kaedah manakah yang digunakan oleh al-Salafiyah menepati kaedah yang digunakan oleh al-Salaf al-Soleh?.

### ***Penilaian semula:***

Alhamdulillah kita telahpun menilai kesemua 12 dalil, malah lebih lagi daripada apa yang dijadikan hujah oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* bahawa kononnya generasi *al-Salaf* telah mempraktikkan *al-Takwil* terhadap *nas-nas al-Sifat*. Yang jelas kepada kita semua adalah:

- [1] Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* gagal untuk membuktikan bahawa al-Qur'an telah mengarah atau mengisyaratkan bahawa *nas-nas al-Sifat* adalah satu *majaziyah* (kiasan) yang perlu *ditakwilkan*.
- [2] Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* gagal untuk membuktikan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* sebagai penjelas al-Qur'an telah *mentakwil* dengan *takwil* pengalihan lafaz terhadap *nas-nas al-*

*Sifat.*

- [3] Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* gagal untuk membuktikan bahawa generasi *al-Salaf* telah berpegang (*i'tiqad*) kepada kaedah Takwil pengalihan lafaz terhadap *nas-nas al-Sifat*.
- [4] Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sering keliru dan cuba mengelirukan orang ramai antara beberapa jenis *al-Takwil* yang sedia ada, iaitu (1) *takwil* penafsiran maksud dan (2) *takwil* pengalihan lafaz.
- [5] Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* juga sering menyelewengkan fakta dan berbuat dusta semata-mata untuk membenarkan hujahnya. Namun jelas bahawa dengan segala permainan kotor ini beliau masih gagal untuk membuktikan bahawa generasi *al-Salaf* telah mempraktikkan *takwil* pengalihan lafaz terhadap *nas-nas al-Sifat*.

Kegagalan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* menjadi hujah bagi seluruh umat Islam bahawa *nas-nas al-Sifat* sebenarnya tidak harus *ditakwilkan* dengan *takwil* pengalihan lafaz. Ini adalah merupakan manhaj dan pegangan (*i'tiqad*) generasi *al-Salaf* dan inilah juga seharusnya menjadi manhaj dan pegangan kita.

Kepada penyusun *Salafiyah Wahabiyah*, sudilah menerima nasihat daripada penulis ke atas kegagalan anda dalam subjek ini. Penulis tidak akan mengarang apa-apa kata nasihat yang baru melainkan cukuplah dengan menggunakan nasihat anda sendiri kerana ia adalah setepat-tepat nasihat yang dapat difikirkan khas untuk anda:

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Wahai saudaraku, bertenang dan renunglah...tidak ada hasilnya jika kita hanya bijak menghukum tanpa usul periksa. Kelak nanti...padah yang lebih buruk menimpa kita. Kita menuduh orang lain sesat, jangan-jangan kita yang menyesatkan mereka. Sedarlah...pujian dunia takkan kemana...di akhirat nanti |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

makhkamah keadilan yang menanti. Kepada Allahlah kita kembali. Mudah-mudahan saudaraku seislam dibukakan pintu hati. Insyallah. (*Salafiyah Wahabiyah*, ms. 64)

*Amin Ya Rabb al-‘Alamin.*

Di samping itu diminta saudara Zamihan Mat Zin merenung kembali pegangan (*i’tiqad*) anda dalam subjek *Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat* kerana daripada zahir tulisan yang terdapat dalam buku *Salafiyah Wahabiyah*, jelas terdapat kenyataan-kenyataan yang mengarah kepada *kekufuran*. Hal ini sepertimana yang telah dibahas dalam PENILAIAN SEMULA NO: 24 & 26.

Kepada para pembaca yang budiman, anda harus mengenali dan membezakan dengan tepat antara jenis-jenis *al-Takwil* yang sedia ada. Ini adalah kerana dari masa ke masa orang-orang yang mendakwa generasi *al-Salaf* melakukan *al-Takwil* akan sentiasa wujud dan mereka tidak akan memiliki sebarang hujah melainkan cuba mengelirukan antara jenis-jenis *al-Takwil* yang ada. Maka bezakanlah:

- [1] Adakah dakwaan *al-Takwil* tersebut melibatkan salah satu daripada sifat-sifat Allah ‘*Azza wa Jalla* ?
- [2] Jika ya, adakah ia merupakan *takwil* pengalihan lafaz atau *takwil* penafsiran maksud ?

**BAB C: SYUBHAT DALAM PEGANGAN (*I'TIQAD*)  
TERAKHIR ABU AL-HASAN AL-ASYA'ARI DAN ASAL  
USUL KITAB AL-IBANAH 'AN USUL AL-DIYANAH.**

***Pengenalan.***

'Ali bin Ismail bin Ishaq, Abu al-Hasan al-Asya'ari adalah seorang tokoh besar dunia Islam pada kurun ke 4 Hijrah. Lahir di Basrah pada tahun 260H, beliau pada awalnya mengikuti fahaman *al-Mu'tazilah* akan tetapi akhirnya telah kembali ke fahaman *al-Salaf* yang asli. Hal ini terbukti sendiri dalam karangan Abu al-Hasan al-Asya'ari yang terakhir yang berjudul *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* dan juga berdasarkan kajian para sejarawan. Abu al-Hasan al-Asya'ari meninggal dunia di Baghdad pada tahun 324H.<sup>124</sup>

---

<sup>124</sup> Lebih lanjut tentang biografi Abu al-Hasan al-Asya'ari, lihat:

[1] Ibn 'Asakir – *Tabyin Kazbu al-Muftari fi Ma Nusiba ila Imam Abu al-Hasan al-Asya'ari* (tahqiq: Zahid al-Kauthari; Dar al-Fikir al-Mu'asir, Beirut 1347H & 1399H).

[2] Ibn al-Jauzi – *al-Muntazom fi Tarikh al-Muluk wa al-Imam* (tahqiq: Muhammad & Mustafa 'Abd al-Qadir 'Atha; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut tp.thn.), jld. 14, ms. 29-30, biografi no: 2459.

[3] Ibn al-Solah – *Tabaqat al-Fuqaha' al-Syafi'iyah* (tahqiq: Muhyi al-Din 'Ali Najib; Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, Beirut 1996), jld. 2, ms. 204-206, biografi no: 235.

[4] al-Dzahabi – *Tarikh al-Islami* (tahqiq: 'Umar 'Abd al-Salam; Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut 1994), jld. 24, ms. 154-158, biografi no: 183.

[5] al-Subki - *Tabaqat al-Syafi'iyah al-Kubra* (tahqiq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Atha; Dar al-Kutub al-Ilmiah 1999), jld. 2, ms. 251-314, biografi no: 223.

Banyak orang masa kini mendefinisikan kumpulan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sebagai apa yang diasaskan oleh Abu al-Hasan al-Asya'ari. Hal ini adalah jelas tidak benar kerana *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah seseorang yang berada di atas jalan Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*, para sahabat, *tabi'in* sehinggalah ke para imam mujtahid yang empat *radiallahu 'anhum*. Mereka inilah yang menjadi asas *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Abu al-Hasan al-Asya'ari termasuk dalam kumpulan ini dan beliau bukanlah pengasasnya. Apa yang dilakukan oleh al-Asya'ari adalah menyenaraikan asas-asas *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan mempertahankannya daripada pelbagai aliran lain yang wujud di zaman beliau.<sup>125</sup>

Yang lebih buruk adalah apabila banyak orang mendakwa diri mereka sebagai pengikut Abu al-Hasan al-Asya'ari (Mazhab *Al-Asya'irah*) tetapi mereka tidak mengenali ajaran dan pegangan Abu al-Hasan al-Asya'ari. Sebahagian lain menjurus kepada kesilapan yang lebih berat dengan mendakwa kitab *al-Ibanah* bukanlah merupakan karangan beliau yang sebenar.

---

Dari sumber terjemahan, lihat:

[1] *The Exposure of The Calumniator's Lying Concerning What Has Been Imputed to The Imam Abu'L-Hasan al-Ash'ari*, terjemahan ringkas kitab *Tabyin Kazbu al-Muftari fi Ma Nusiba ila Imam Abu al-Hasan al-Asya'ari* oleh Richard J. McCarthy, dimuatkan dalam buku *The Theology of Al-Ash'ari* (Imprimerie Catholique, Beirut 1953), ms. 145-207.

[2] Rasul Dahri – *Aqidah Ahli as-Sunnah wal Jamaah mengikut Manhaj al-Salaf as-Soleh* (Jahabersa 2001), ms. 251-264.

[3] Nuh Ha Min Keller – *Reliance of the Traveller* (Amana Publications, Maryland 1994), ms. 1030 (*Biographical notes*).

<sup>125</sup> Demikian penjelasan al-Baihaqi sebagai nukil Ibn 'Asakir dalam *Tabyin Kazbu al-Muftari fi Ma Nusiba ila Imam Abu al-Hasan al-Asya'ari*, ms. 103-104. Lihat juga mukasurat 113 dan 117.

Orang-orang yang mendakwa Mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* diasaskan oleh Abu al-Hasan al-Asya'ari tidak menyedari kemudaratan yang terbawa bersama dakwaan tersebut, di mana ia membawa erti Mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah satu mazhab yang baru (*bid'ah*) yang hanya lahir mulai tahun 300 Hijrah sementara Mazhab *Syi'ah Rafidhah* adalah mazhab yang asal lagi pertama.

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* adalah antara orang yang menolak kembalinya Abu al-Hasan al-Asya‘ari kepada fahaman *al-Salaf* dan menganggap bahawa kitab *al-Ibanah* bukanlah merupakan karangan aslinya. Beliau telah mengemukakan sejumlah hujah untuk membenar dan menyokong dakwaannya.<sup>126</sup> Berikut dikemukakan secara ringkas nota-nota penting yang beliau kemukakan dan penilaian semula terhadapnya.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 29**

***Salinan kata-kata daripada Abu al-Hasan al-Asya‘ari tidak memiliki sanad.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 54:

|                                                                                    |
|------------------------------------------------------------------------------------|
| Salinan daripada kata-kata Abu Hasan al-Asya‘ari yang dijelaskan oleh al-Hafiz Ibn |
|------------------------------------------------------------------------------------|

---

<sup>126</sup> Hujah-hujah ini asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam ulasan beliau ke atas kitab karya al-Dzahabi – *al-‘Uluw li al-‘Aliy al-Ghaffar* (Dar Imam al-Nawawi; Amman 1998), ms. 511, notakaki 1044.

‘Asakir di dalam kitabnya “*Tabyin Kazb al-Muftari*” tidak bersambung sanadnya.

### **Penilaian semula:**

Jika yang dimaksudkan adalah salinan kitab *al-Ibanah ‘an Usul al-Diyanah* maka yang benar bukan tidak bersambung *sanadnya* tetapi adalah tanpa *sanad*.<sup>127</sup> Walaubagaimanapun hal ini tidak membawa apa-apa mudarat kerana asas-asas hujah dalam kitab *al-Ibanah* telah diulangi oleh Abu al-Hasan al-Asya‘ari dengan lebih terperinci dalam sebuah kitabnya yang lain yang berjudul *Maqalat al-Islamiin wa Ikhtilaf al-Musollin* sepertimana yang akan dikemukakan di akhir Bab C ini.

Adapun tindakan Ibn ‘Asakir (571H)<sup>128</sup> yang tidak menyebut *sanad* kitab, maka ini adalah kerana kitab *al-Ibanah* di zaman beliau merupakan kitab yang sangat dikenali ramai. Seandainya kitab *al-Ibanah* adalah sesuatu yang diragui, pasti Ibn ‘Asakir akan menyebut *sanadnya* yang bersambung secara lengkap kepada Abu al-Hasan al-Asya‘ari..

Lebih dari itu, tujuan Ibn ‘Asakir menulis kitab *Tabyin Kazbu al-Muftari fi Ma Nusiba ila Imam Abu al-Hasan al-Asya‘ari* adalah dalam rangka menjawab tuduhan serta fitnah yang dilontarkan oleh seseorang “al-Ahwazi” terhadap Abu al-Hasan al-Asya‘ari. Pasti sahaja untuk menjawab tuduhan serta fitnah ini, langkah pertama adalah membuktikan kesahihan kitab *al-Ibanah* yang menjadi dasar perbahasan, melainkan *al-Ibanah* itu sendiri pada asalnya adalah sebuah kitab yang masyhur lagi diiktiraf sehingga tidak memerlukan apa-apa pembuktian lagi.

---

<sup>127</sup> Lihat *Tabyin Kazbu al-Muftari fi Ma Nusiba ila Imam Abu al-Hasan al-Asya‘ari*, ms. 152.

<sup>128</sup> Beliau ialah Ali bin al-Hasan bin Hibatullah al-Damsyiqi, seorang ahli hadis dan ahli sejarah yang terkenal, khasnya melalui kitabnya yang amat besar: *Tarikh al-Damsq al-Kubra* setebal 75 jilid. Lahir pada tahun 499H dan meninggal dunia pada tahun 571H.

## PENILAIAN SEMULA NO: 30

***Kandungan al-Ibanah bertentangan dengan apa yang dijelaskan oleh lain-lain tokoh al-Asya'irah.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 55:

Apa yang ditulis di dalam kitab "*al-Ibanah*" sebenarnya bertentangan dengan apa yang dijelaskan oleh tokoh ulama' al-Asya'irah. Antara mereka seperti Imam al-Haramain, Imam al-Laqqani, al-Baajuri, al-Ghazali, al-Razi dan lain-lain.

### ***Penilaian semula:***

Semua tokoh di atas adalah *mujtahid* yang boleh berijtihad kepada pendapat mereka yang tersendiri. Mereka tidak terikat kepada Abu al-Hasan al-Asya'ari atau kitabnya *al-Ibanah*. Oleh itu adalah satu kebiasaan jika mereka berbeza pendapat.

Satu contoh perbezaan pendapat yang jelas dalam bab ini ialah apa yang dikemukakan oleh Imam al-Haramain dalam kitabnya *al-Irshad ila Qawati' al-Adilla fi Usul al-I'tiqad*<sup>129</sup> di mana beliau telah menulis:<sup>130</sup>

Sebahagian daripada guru-guru kami menetapkan

---

<sup>129</sup> Rujukan penulis ialah edisi yang telah diterjemahkan atas judul *A Guide to Conclusive Proofs for the Principles of Belief* oleh Paul E. Walker dan disemak oleh Muhammad S. Eissa. Diterbitkan oleh The Centre for Muslim Contribution to Civilization, Qatar & Garnet Publishing, UK 2000.

<sup>130</sup> *Ibid.*, ms. 86 (*Bab Maksud nama-nama Allah yang Maha Agung*). Kitab ini mewakili pegangan awal Imam al-Haramain. Beliau akhirnya telah kembali kepada pegangan *al-Salaf* yang tidak mentakwilkan *nas-nas al-Sifat* sepertimana yang akan dibahas dalam PENILAIAN SEMULA NO: 47 & 49 nanti, insya-Allah.

bahawa Dua Tangan, Dua Mata dan Wajah adalah sifat-sifat Allah yang sebenar dan ini dibuktikan oleh al-Hadis dan bukan penalaran. Namun bagi kami apa yang benar tangan itu adalah kekuasaan, mata adalah pemerhatian dan wajah adalah kewujudan.

Perhatikan bahawa Imam al-Haramain telah menerangkan pegangan guru-gurunya yang menetapkan (*ithbat*) sesuatu *al-Sifat* tanpa *mentakwilkannya*. Namun Imam al-Haramain tetap memilih untuk *mentakwilkan al-Sifat* kepada erti yang lain. Justeru adalah merupakan satu kelaziman jika seseorang *mujtahid* itu berbeza pendapat dengan guru mereka.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 31**

### ***Kitab al-Ibanah menjurus kepada Tajsim.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 55:

Sebaliknya, jika dinilai secara mendalam kata-kata Abu Hassan al-Asya'ari ia lebih menjurus kearah *tajsim*. Buktinya, jika benar "*al-Ibanah*" ini karangan beliau, bagaimanakah beliau boleh mengatakan "tangan Allah (secara) hakikat"? Hal ini sekaligus menolak pengertian makna ( اليد ) dengan makna kekuasaan atau nikmat.

### ***Penilaian semula:***

Kata-kata Abu Hassan al-Asya'ari dalam kitab *al-Ibanah*

tentang sifat Tangan adalah seperti berikut:<sup>131</sup>

وَأَن لَّهُ يَدَي بَلَا كَيْفَ.

Dan sesungguhnya bagi-Nya (Allah) Dua Tangan tanpa *kaifiat* (tanpa dipersoalkan bagaimana bentuk atau ciri-cirinya).

Kemudian Abu Hassan al-Asya'ari mengemukakan dua ayat berikut sebagai dalil:



**Allah berfirman: “Wahai iblis, apakah yang menghalangi kamu sujud kepada yang telah Ku-ciptakan dengan kedua Tangan-Ku.” [Saad 38:75]**



**Orang-orang Yahudi berkata: “Tangan Allah terbelenggu”, sebenarnya tangan merekalah yang dibelenggu dan merekalah yang dilaknat disebabkan apa yang telah mereka katakan itu. (Tidak demikian), tetapi kedua-dua Tangan Allah terbuka. [al-Maidah 5:64]**

<sup>131</sup> Lihat *al-Ibanah* (tahqiq: Basyir M. ‘Uyun; Univ. Islam Madinah, 1413H), ms. 53 (Bab ke-2: Pendapat Ahl al-Haq wa al-Sunnah). Lihat juga ms. 131 bagi perbincangan tentang sifat Tangan.

Bagi edisi terjemahan lihat *Pokok-pokok Ajaran Dien* (terj: Abu Fahmi & Ibnu Marjan; Gema Insani Press, Jakarta 1993), ms. 25 (Bab Penjelasan tentang pernyataan Ahl Haq dan Sunnah). Perlu diingatkan bahawa edisi ini merupakan terjemahan ringkas.

Dari kata-kata Abu Hassan al-Asya'ari tersebut jelas bahawa beliau hanya menetapkan sifat Tangan secara zahir berdasarkan istilah dan makna tanpa membicarakan bentuk atau ciri-ciri Tangan tersebut (*kaifiat*) melainkan diserahkan kepada Allah 'Azza wa Jalla.

Jelas Abu Hassan al-Asya'ari sebenarnya mengamalkan kaedah *Ahl al-Sunnah* terhadap sifat Tangan dan beliau tidak menjisimkannya (*tajsim*). Dakwaan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* adalah dusta semata-mata.

Di sini sekali lagi terdapat contoh yang baik tentang fitnah tuduhan *tajsim* dan *al-Mujassimah* yang sering dilontarkan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ke atas tokoh-tokoh Islam. Jelas bahawa yang tertuduh tidaklah sepertimana yang dituduh.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 32**

***Kitab al-Ibanah mendakwa golongan al-Mu'tazilah berpendapat Allah berada di setiap tempat dan ini bertentangan dengan Ijma'.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 55:

|                                                                                      |
|--------------------------------------------------------------------------------------|
| Selain itu, kata-kata Imam Abu Hassan al-Asya'ari yang disandarkan kepada Mu'tazilah |
|--------------------------------------------------------------------------------------|

menimbulkan sedikit kontroversi. Contohnya, imam Asya'ari mendakwa bahawa Mu'tazilah mengatakan "Tuhan itu berada pada setiap tempat". Dakwaan ini boleh kita pertikaikan. Pertikaian ini sah dari sudut ilmiah kerana selepas kita meneliti kitab-kitab mu'tabar Mu'tazilah, kita tidak mendapati kata-kata ini wujud dalam pegangan mereka. Bahkan semua kumpulan mazhab telah bersepakat dengan mengatakan "Tuhan itu tidak diliputi dengan tempat dan tidak terkesan dengan peredaran masa". Pernyataan ini adalah satu ijma'. Sekiranya Mu'tazilah mengatakan sedemikian nescaya Ijma' tidak berlaku. Sebabnya, ketentuan Ijma' itu adalah harus disepakati semua umat Islam walaupun berlainan mazhab. Justeru itu, jika Ijma' itu berlaku bermakna dakwaan Asya'ari terhadap Mu'tazilah adalah tidak benar.

### ***Penilaian semula:***

Pertikaian di atas adalah tidak sah dari sudut ilmiah kerana tiga sebab:

#### **Pertama:**

Tidak diketahui setakat mana penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah membuat kajian untuk membuat rumusan bahawa fahaman "Tuhan itu berada pada setiap tempat" tidak wujud dalam kitab-kitab muktabar Mazhab *al-Mu'tazilah*.

Bagi penulis adalah memadai dengan merujuk kepada keterangan Abu al-Hasan al-Asya'ari kerana beliau adalah antara orang yang paling mengenali Mazhab *al-Mu'tazilah* sama ada secara keseluruhan atau pembahagian-pembahagiannya. Ini adalah kerana al-Asya'ari sebelum ini telah mengikuti fahaman *al-Mu'tazilah* dan telah berguru dengan salah seorang tokohnya: Muhammad bin Abd al-Wahab

al-Juba'i selama lebih kurang 40 tahun.

Fahaman Mazhab *al-Mu'tazilah* bahawa "Allah berada di semua tempat" disebut oleh al-Asya'ari dalam *al-Ibanah, Bab al-Istiwa'* 'ala al-'Arasy. Fahaman ini kemudiannya dijelaskan secara lebih terperinci oleh al-Asya'ari dalam kitabnya *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musollin*. Dalam perbincangan khas tentang Mazhab *al-Mu'tazilah*, al-Asya'ari menerangkan bahawa:<sup>132</sup>

القول في المكان: اختلفت المعتزلة في ذلك, فقال قائلون:  
البارئ بكل مكان بمعنى أنه مدبر لكل مكان, وأن تدبيره في  
كل مكان, والقائلون بهذا القول جمهور المعتزلة أبو الهذيل و  
والجعفران و الإسكافي و محمد بن عبد الوهاب الجبأي.

Pendapat tentang tempat (bagi Allah): Para *al-Mu'tazilah* berbeza pendapat tentang hal ini, sebahagian mereka berkata Allah berada pada setiap tempat dengan maksud Dia mentadbir (urusan alam dan makhluk) di setiap tempat sehingga pentadbiran-Nya juga berada di setiap tempat. Pendapat ini dikemukakan oleh jumhur tokoh *al-Mu'tazilah* seperti Abu al-Huzail (Muhammad Huzail al-'Allaf) dan al-Ja'far yang dua (Ja'far bin Harb bin Maisarah & Ja'far Mubashshir) dan al-Iskafi (Abu Ja'far Muhammad bin Abdullah al-Iskafi) dan Muhammad bin Abd al-Wahab al-Juba'i.

Seterusnya al-Asya'ari menerangkan bahawa sebahagian lain tokoh *al-Mu'tazilah* berpendapat Allah tidak bertempat.

Dari keterangan al-Asya'ari jelas bahawa sebahagian besar

---

<sup>132</sup> *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musollin (tahqiq: Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid; Maktabah al-'Asriyyah, Beirut 1999), jld. 1, ms. 236-237. Edisi yang sama juga telah diterjemahkan atas judul Prinsip-prinsip Dasar Aliran Teologi Islam (terj: Nasir Yusuf & Karsidi Diningrat; Pustaka Setia, Bandung 1998), jld. 1, ms. 221.*

tokoh *al-Mu'tazilah* berpendapat Allah berada pada setiap tempat manakala sebahagian yang lain menafikan bahawa Allah bertempat.

## **Kedua:**

*Ijma'*: “Tuhan itu tidak diliputi dengan tempat dan tidak terkesan dengan peredaran masa” asalnya disebut oleh ‘Abd al-Qadir al-Baghdadi (429H) di dalam kitabnya *al-Farq baina al-Firqah*, ms. 333 (Bab ke 3 daripada Bab Usul yang disepakati atasnya oleh Ahl al-Sunnah).

Perlu diketahui bahawa:

- [1] *Ijma'* yang dimaksudkan oleh al-Baghdadi adalah apa yang disepakati oleh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Golongan *al-Mu'tazilah* tidak termasuk dalam definisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di sisi al-Baghdadi.<sup>133</sup> Malah beliau meletakkan golongan *al-Mu'tazilah* sebagai salah satu daripada 72 pecahan umat Islam.<sup>134</sup>
- [2] Teori Mazhab *al-Mu'tazilah* tentang “Tuhan berada pada setiap tempat” sebagaimana terang al-Asya'ari dalam *Maqalat al-Islamiyyin* secara tidak langsung telah juga disebut oleh al-Baghdadi ketika membahas tentang Muhammad bin Abd al-Wahab al-Juba'i.<sup>135</sup>

## **Ketiga:**

Dakwaan: “.....ketentuan *Ijma'* itu adalah harus disepakati semua umat Islam walaupun berlainan mazhab” adalah tidak benar. Apabila dikatakan *ijma'*, ia adalah apa yang disepakati oleh *Ahl al-Haq* yang berdiri di atas asas-asas al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Mereka inilah yang dikenali sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. *Ijma'* tidak mengambil kira semua

---

<sup>133</sup> Lihat *al-Farq baina al-Firqah*, ms. 313 dan seterusnya (Bab pada menjelaskan kategori *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan mereka terbahagi kepada 8 kategori).

<sup>134</sup> Lihat bahagian awal *al-Farq baina al-Firqah*.

<sup>135</sup> Lihat *al-Farq baina al-Firqah*, ms. 184.

mazhab kerana sama-sama kita ketahui bahawa terdapat banyak mazhab yang salah dan terkeluar daripada *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Tiga penjelasan di atas membatalkan pertikaian penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dalam bab ini dan sekaligus membuktikan betapa rendahnya ukuran ilmiah yang beliau gunakan dalam sesuatu penilaian.

### **PENILAIAN SEMULA NO: 33**

***Adakah selama 40 tahun al-Asya'ari tidak mengetahui ajaran gurunya al-Juba'i ?***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 55-56 sebagai lanjutan daripada perbahasan fahaman *al-Mu'tazilah* tentang tempat bagi Allah:

Seterusnya, Imam Asya'ari sendiri pernah bergurukan kepada Abu Ali Jubai yang berfahaman Mu'tazilah. Apakah setelah beliau belajar lebih 40 tahun, baru beliau mengetahui konsep Mu'tazilah yang berbunyi "Tuhan itu berada pada setiap tempat." Maka secara jelas, perkataan yang bersifat kecaman daripada Imam al-Asya'ari tadi (jika benar) merupakan satu tuduhan terhadap golongan Mu'tazilah. Perbuatan seperti ini secara langsung boleh

menggugurkan kredibilitinya sebagai seorang Imam ikutan ummah. Mengapa hal seperti ini boleh berlaku kepada seorang yang bergelar al-Imam?.

**Penilaian semula:**

Jika dikaji semula nukilan al-Baghdadi dalam kitabnya *al-Farq baina al-Firq* tentang fahaman-fahaman Muhammad bin Abd al-Wahab al-Juba'i akan ditemui beberapa contoh di mana al-Asya'ari telah berdialog dengan gurunya al-Juba'i dan berbeza pendapat dengannya. Malah adakalanya al-Asya'ari menolak secara keras pendapat gurunya dalam hal-hal tertentu. Semua ini menunjukkan bahawa al-Asya'ari bukanlah merupakan seorang murid yang hanya tunduk kepada gurunya tetapi beliau adalah seorang tokoh memiliki prinsip tersendiri dan tidak akan menggadaikannya sekalipun terhadap gurunya.

Oleh itu boleh dianggap bahawa al-Asya'ari sebenarnya mengetahui fahaman gurunya tentang persoalan “Di manakah Allah ?” dan beliau tidak bersetuju dengannya. Akan tetapi hal ini pada awalnya tidaklah menjadi faktor untuk al-Asya'ari meninggalkan gurunya. Hanya setelah beberapa ketika setelah dilihat gurunya makin jauh dengan pelbagai fahaman yang aneh barulah al-Asya'ari meninggalkan gurunya secara *total*.

Hal ini tidaklah menggugurkan kredibiliti al-Asya'ari walau sedikit jua. Malah keteguhan al-Asya'ari dalam berpegang kepada prinsipnya dan keberanian beliau untuk berbeza pendapat sehingga akhirnya meninggalkan gurunya sebenarnya menambah dan meninggikan lagi kredibiliti beliau. Yang menggugurkan kredibiliti seseorang hanyalah apabila dia tahu gurunya salah tetapi dia enggan menegur mahupun meninggalkannya akan tetapi tetap berdampingan atas sikap taksab dan fanatik.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 34**

### ***Perselisihan dalam tarikh meninggal al-Asya'ari.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 56:

Para sejarawan berselisih pendapat tentang tarikh kematian Abu Hassan al-Asya'ari. Perselisihan tersebut berkisar sekitar tahun 320-324 H. Persoalannya, jika Abu Hassan al-Asya'ari benar-benar dinobatkan sebagai Imam yang masyhur dan menjadi ikutan Ummah, mengapakah tarikh kematiannya tidak dicatat secara jelas dalam lipatan sejarah al-Imam sanjungan mukmin?.

### ***Penilaian semula:***

Tidak difahami apakah yang cuba dibangkitkan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dengan kenyataan di atas. Zahir penghujahan beliau seolah-olah ingin menolak Abu al-Hasan al-Asya'ari daripada tergolong sama di kalangan para ulama' Islam yang tersohor.

## PENILAIAN SEMULA NO: 35

***Al-Ibanah sebenarnya dikarang oleh al-Qadhi al-Baqilani.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 56:*

Selain Abu Hassan al-Asya'ari, al-Qadhi al-Baqilani juga mengarang sebuah kitab di dalam ilmu Usuluddin. Kitab tersebut dinamakan "*al-Ibanah*". Hal ini dijelaskan oleh Imam al-Zahabi di dalam kitabnya "*al-Ulu li 'aliyy al-Ghaffar*" ms. 539, terjemahan yang ke 139.

Di dalam kitab "*Sayr A'lam al-Nubala*" (ms. 193, jld. 17), Imam al-Zahabi sekali lagi mencatatkan sememangnya al-Baqilani ada mengarang kitab yang dinamakan "*al-Ibanah*". Selain catatan al-Zahabi, Imam al-Qadhi Iyadh di dalam kitab "*Tartib al-Madarik*" (ms. 601, jld. 3), turut mengesahkan bahawa al-Baqilani ada mengarang kitab yang dinamakan "*al-Ibanah*".

### ***Penilaian semula:***

Tajuk lengkap kitab *al-Ibanah* yang dikarang oleh al-Qadhi Abu Bakar al-Baqilani (403H)<sup>136</sup> ialah *al-Ibanah 'an Ibthal Mazhab Ahl al-Kufar wa al-Dholalah* yang khas dalam menjelaskan kebatilan mazhab orang-orang kafir dan sesat. Ini jauh berbeza dengan kitab karangan Abu al-Hasan al-Asya'ari

---

<sup>136</sup> Beliau ialah Muhammad bin Tayyib bin Muhammad, juga terkenal dengan gelaran Abu Bakar al-Baqilani. Seorang tokoh dunia Islam yang terkenal dalam bidang ilmu kalam dan usuluddin. Lahir di Basrah pada tahun 338H dan meninggal dunia di Baghdad pada tahun 403H.

yang berjudul *al-Ibanah ‘an Usul al-Diyanah* yang khas dalam menjelaskan asas-asas penting agama Islam dari sudut ‘*aqidah*.

Tajuk lengkap kitab *al-Ibanah ‘an Ibthal Mazhab Ahl al-Kufar wa al-Dholalah* karangan al-Baqilani telah dinyatakan oleh al-Qadhi ‘Iyadh (544H)<sup>137</sup> dalam kitabnya *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalik (tahqiq: Muhammad Salim Hasyim; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1998) jld. 2, ms. 213* (Bab biografi Abu Bakar Muhammad bin al-Tayyib bin Muhammad al-Qadhi).

Rujukan kepada kitab *Tartib al-Madarik* telah dilakukan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sepertimana di atas tetapi beliau tidak menyalin sepenuhnya tajuk kitab *al-Ibanah* yang dikarang oleh al-Baqilani. Sekali gus penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah melakukan pendustaan terhadap al-Qadhi Abu Bakar al-Baqilani dan al-Qadhi ‘Iyadh.

Selain itu penulis sempat menyemak senarai kitab dan risalah yang ditulis oleh al-Baqilani sebagaimana yang dikemukakan oleh Abd al-Hamid bin ‘Ali dalam ulasan beliau terhadap kitab *al-Taqrīb wa al-Irsyād al-Sagheir* karangan al-Baqilani.<sup>138</sup> Tidak ditemui bahawa al-Baqilani ada mengarang sebuah kitab atau risalah yang berjudul *al-Ibanah* melainkan seperti apa yang telah disebut di atas iaitu *al-Ibanah ‘an Ibthal Mazhab Ahl al-Kufar wa al-Dholalah*.

---

<sup>137</sup> Beliau ialah ‘Iyadh bin Musa bin ‘Iyadh bin ‘Imran, lahir di bandar Sabta di pinggir Selat Gblatar. Seorang tokoh yang terkenal dalam Mazhab Maliki khasnya dalam bidang hadis yang juga pernah menduduki jawatan Qadhi. Antara karya beliau yang terkenal yang telah diterjemahkan ialah *Muhammad Messenger of Allah: Ash-Shifa of Qadi ‘Iyad* (terj: Aisha Bewley; Madinah Press, Granada & Islamic Book Trust, Kuala Lumpur 1998). Meninggal dunia pada tahun 544H.

<sup>138</sup> Kebiasaannya apabila seseorang itu mengulas (*tahqiq*) sesebuah kitab klasik Islam, mereka akan mendahuluinya dengan membahas secara mendalam biografi pengarang kitab tersebut termasuk senarai kitab dan risalah yang dikarangnya, sama ada yang telah diterbitkan atau yang masih wujud dalam bentuk manuskript atau yang telah hilang. ‘Abd al-Hamid bin ‘Ali adalah pensyarah Fakulti Usul Fiqh di Universiti Muhammad Sa‘ud, Riyadh. Kitab *al-Taqrīb wa al-Irsyād al-Sagheir* diterbitkan oleh Muassasah al-Risalah, Beirut 1993.

Adapun dua rujukan lain yang disebut oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*:

[1] *al-Uluw li 'Aliyy al-Ghaffar* karangan al-Dzahabi. Telah dirujuk kepada edisi yang sama dengan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* iaitu yang *ditahqiq* oleh Hasan al-Saqqaf (Dar Imam al-Nawawi, Amman 1998), ms. 539. Di sana al-Dzahabi telah menyebut kitab *al-Ibanah* sebagai karya al-Baqilani. Akan tetapi al-Saqqaf telah mengulas lanjut dalam notakaki no: 1116:

Telah disebut oleh Ibn Kathir dalam “*al-Bidayah wa al-Nihayah*” (11/350) bahawa ia (*al-Ibanah* oleh al-Baqilani) adalah syarah atas kitab *al-Ibanah* (oleh Abu al-Hasan al-Asya'ari) akan tetapi berkata al-Qadhi 'Iyadh dalam *Tartib al-Madarik* (3/601) bahawa beliau (sebenarnya) menulis kitab “*al-Ibanah 'an Ibthal Mazhab Ahl al-Kufar wa al-Dholalah*”.

Sekian al-Saqqaf. Jelas di sini bahawa al-Saqqaf, guru kepada penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dengan sendirinya telah menerangkan bahawa *al-Ibanah* yang dikarang oleh al-Baqilani ialah *al-Ibanah 'an Ibthal Mazhab Ahl al-Kufar wa al-Dholalah*. Akan tetapi nampaknya penyusun *Salafiyah Wahabiyah* tidak mempedulikan kata-kata gurunya sendiri dan masih cuba memperdayakan para pembacaanya.<sup>139</sup>

[2] *Siyar A'lam al-Nubala* karangan al-Dzahabi. Penulis merujuk kepada edisi yang sama dirujuk oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Jilid 17, ms. 190-193 memang membahas tentang biografi al-Baqilani tetapi al-Dzahabi tidak menyebut nama-nama kitab dan risalah karangannya. Yang ada hanyalah catitan *pentahqiq*: Syu'aib al-Arna'uth di bahagian notakaki ms. 193 tentang nama-nama kitab dan risalah karangan al-Baqilani yang telah sedia dicetak pada masa kini.

---

<sup>139</sup> Walaubagaimanapun konsep asal untuk meragukan antara *al-Ibanah* karangan Abu al-Hasan al-Asya'ari dan *al-Ibanah* karangan al-Qadhi al-Baqilani memang berasal dari al-Saqqaf. Lihat rujukan yang sama, mukasurat 540 (sambungan nk 1116).

Dalam senarai ini tidak disebut kitab *al-Ibanah*.

Di sini penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah melakukan dua pendustaan:

- (1) Mendakwa al-Dzahabi dalam *Siyar A'lam al-Nubala* telah menyebut kitab *al-Ibanah* sebagai karangan al-Baqilani padahal yang benar al-Dzahabi tidak berkata apa-apa langsung.
- (2) Catitan *pentahqiq* di bahagian notakaki telah disebut sebagai tulisan al-Dzahabi.

Semua pendustaan ini sengaja dilakukan demi menegakkan hujah yang *batil* bahawa kitab *al-Ibanah* sebenarnya dikarang oleh al-Qadhi al-Baqilani dan bukannya oleh Abu al-Hasan al-Asya'ari. Yang benar Abu al-Hasan al-Asya'ari dan al-Qadhi al-Baqilani masing-masing ada mengarang sebuah kitab yang berjudul *al-Ibanah* akan tetapi ia adalah dua buah kitab yang berasingan.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 36**

***al-Qadhi al-Baqilani juga dikenali sebagai al-Asya'ari.***

Sebenarnya apabila telah jelas bahawa kitab *al-Ibanah* karangan al-Baqilani adalah berbeza dengan *al-Ibanah* karangan Abu al-Hasan al-Asya'ari, terbatallah semua hujah-hujah seterusnya yang dikemukakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Akan tetapi tidak mengapa jika kita mengkaji dan

menilai secara ilmiah hujah-hujah beliau seterusnya, lebih-lebih lagi apabila dikatakan bahawa:

Selepas penelitian kita tentang “*al-Ibanah*” ini, kita akan dapati wujudnya beberapa persamaan yang membolehkan kita mengatakan bahawa “*al-Ibanah*” sebenarnya merupakan karangan al-Qadhi al-Baqilani. (*Salafiyah Wahabiyah ms. 56*).

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 57*:

Al-Qadhi al-Baqilani juga dikenali dengan nama al-Asya‘ari pada zamannya, sebagaimana yang dijelaskan oleh pengarang kitab-kitab biografi.

### ***Penilaian semula:***

Hal ini memang benar di mana nama *al-Asya‘ari* digunakan bagi menunjukkan sandaran atau ikutan al-Baqilani kepada Mazhab al-Asya‘irah. Akan tetapi melalui sebutan ini al-Baqilani dikenali sebagai al-Qadhi Abu Bakar al-Asya‘ari.<sup>140</sup> Ini jauh berbeza dengan Abu al-Hasan al-Asya‘ari.

---

<sup>140</sup>

*Siyar A‘lam al-Nubala*, jld. 17, ms. 192.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 37**

***Gaya bahasa al-Ibanah menyerupai al-Tamhid karya al-Baqilani.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 57:

Gaya bahasa yang digunakan di dalam “*al-Ibanah*” adalah lebih menyerupai gaya bahasa yang dikarang oleh al-Baqilani di dalam kitabnya “*al-Tamhid*” dan karya-karya beliau yang lain.

### ***Penilaian semula:***

Persamaan gaya bahasa tidak bererti persamaan penyusun sebagaimana perbezaan gaya bahasa tidak bererti perbezaan pengarang. Ini adalah kerana faktor yang mempengaruhi gaya bahasa bukanlah siapa pengarangnya tetapi kepada siapa sesebuah karangan itu ditujukan. Adakalanya gaya bahasa yang digunakan adalah tajam dan kritis apabila ia ditujukan kepada golongan yang jelas salah dan berdegil dengan kesalahannya. Adakalanya bersederhana apabila ditujukan kepada golongan yang terkeliru. Adakalanya mudah apabila ditujukan kepada golongan awam yang mahu belajar.

## PENILAIAN SEMULA NO: 38

### ***al-Ibanah mentohmah Abu Hanifah.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 57*:

Isi kandungan “*al-Ibanah*” mengandungi beberapa tohmahan terhadap golongan yang tidak sependapat dengan mereka. Tohmahan tersebut lebih ditujukan kepada golongan Mu’tazilah dan Imam Abu Hanifah khususnya dalam masalah “*al-Qur’an itu makhluk*”. Bagi menyokong pendapatnya, pengarang kitab “*al-Ibanah*” mendatangkan sanad yang dusta terhadap Imam Abu Hanifah. Buatlah pengkajian di sana.

### ***Penilaian semula:***

Penulis telah membuat kajian sebagaimana syor penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dan mendapati:

[1] Yang wujud bukanlah tohmahan tetapi kritikan. “Tohmah” didefinisikan oleh *Kamus Dewan* sebagai “tuduhan yang berdasarkan syak wasangka dan melulu.” Sikap Abu al-Hasan al-Asya‘ari terhadap Mazhab *al-Mu’tazilah* bukanlah sesuatu yang berdasarkan syak wasangka tetapi adalah berdasarkan kebenaran kerana beliau adalah orang yang paling mengenali *bid‘ah-bid‘ah* yang dilakukan oleh Mazhab *al-Mu’tazilah*. Ini adalah kerana Abu al-Hasan al-Asya‘ari sebelum menulis kitab *al-Ibanah* telah mengikuti Mazhab *al-Mu’tazilah* selama lebih kurang 40 tahun.

[2] Tohmahan dan “*sanad yang dusta*” yang dimaksudkan ialah kritikan beberapa tokoh terhadap Abu Hanifah yang pada awalnya berpendapat bahawa *al-Qur’an* adalah makhluk<sup>141</sup>

---

<sup>141</sup>

Maksud *al-Qur’an adalah makhluk* merujuk kepada *Kalam* sebagai

sebagaimana yang dinukil dalam *al-Ibanah ms. 105-106* (Bab ke-5: Beberapa riwayat tentang al-Qur'an). Akan tetapi pengarang *al-Ibanah* seterusnya telah menukil kata-kata Muhammad Abu Yusuf, anak murid kepada Abu Hanifah bahawa beliau (Abu Hanifah) dua bulan kemudian telah menarik balik kembali pendapatnya itu. Seandainya benar pengarang *al-Ibanah* berniat buruk terhadap Abu Hanifah dan sengaja ingin mendustakan beliau pasti tidak akan dinukil riwayat tentang penarikan kembali Abu Hanifah.

---

salah satu sifat Allah. Al-Qur'an adalah kalam Allah maka dibicarakan adakah sifat *Kalam* itu azali bersama Allah atau sesuatu yang baru diciptakan oleh Allah ? Baru dicipta bererti ia adalah makhluk kerana semua yang diciptakan oleh Allah adalah makhluk. Jika dikatakan bahawa *Kalam* adalah sesuatu yang baru diciptakan bererti Allah pada asalnya tidak memiliki sifat *Kalam*. Ini mengisyaratkan kelemahan bagi Allah dan hal ini pasti mustahil. Maka yang benar *Kalam* adalah salah satu sifat Allah yang azali dan ia bukan baru diciptakan. Adapun kaitannya dengan al-Qur'an maka *Kalam* adalah azali di sisi Allah tetapi baru di sisi manusia.

Untuk kajian lanjut sila lihat buku 'Abd Allah bin Yusuf al-Juda'i – *al-'Aqidah al-Salafiyyah fi Kalam Rabb al-Bariyyah wa Kasyfu Abatil al-Mubtadi'ah al-Raddiyyah* (Dar Imam Malik, Riyadh 1993).

## PENILAIAN SEMULA NO: 39

***Dakwaan permusuhan antara al-Hanabilah, al-Mu'tazilah dan al-Hanafiyah.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 57:

Sejarah juga telah membuktikan bahawa memang berlaku permusuhan antara golongan *Mujassimah* al-Hanabilah dengan Mu'tazilah dan al-Hanafiyah. Imam al-Zahabi menjelaskan sedikit tentang kontroversi ini di dalam kitabnya "*Sayr A'lam al-Nubala*", (ms. 85-90, jld. 18).

### ***Penilaian semula:***

Kenyataan di atas adalah dusta kerana setelah disemak kitab *Siyar A'lam al-Nubala*, jld. 18, ms. 85-90 yakni edisi yang sama dengan penyusun *Salafiyah Wahabiyah*, tidak didapati apa-apa penjelasan tentang kontroversi antara *al-Hanabilah*, *al-Mu'tazilah* dan *al-Hanafiyah* seperti yang didakwa. Paling hampir adalah nukilan al-Dzahabi tentang biografi al-Qadhi Abu Ya'la (ms. 89-92) di mana beliau memang terkenal dengan ketegasannya dalam subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat* akan tetapi tidak ada kritikan yang boleh dianggap sebagai permusuhan beliau terhadap *al-Mu'tazilah* dan *al-Hanafiyah*.

Sekali lagi perhatikan juga bagaimana sebegitu mudah penyusun *Salafiyah Wahabiyah* menggelar sesebuah golongan dengan gelaran *al-Mujassimah* padahal beliau tidak mengemukakan apa-apa bukti bahawa golongan tersebut menjisimkan Allah. Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, gelaran *al-Mujassimah* hanya diberikan kepada orang yang mengatakan sifat-sifat Allah adalah seperti sifat makhluk. Tidaklah seseorang itu digelar *al-Mujassimah* apabila dia hanya menerima sifat Allah dari sudut istilah dan makna tetapi menafikan ciri-ciri, tatacara dan bentuknya (*kaifiat*) daripada menyamai makhluk, bahkan mereka menyerahkan ciri-ciri dan bentuknya kepada Allah '*Azza wa Jalla*.

## PENILAIAN SEMULA NO: 40

***Kesimpulan Bab C: Syubhat dalam pegangan (i'tiqad) terakhir Abu al-Hasan al-Asya'ari dan asal usul kitab al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 57:

Berkenaan dengan kitab “*al-Ibanah*” ini, ia bukanlah perkara baru bagi kita untuk meneliti, mengkaji dan mengkritik kandungannya secara ilmiah. Kita perlu membuat satu perubahan di dalam menerima pandangan secara *tahkik* (kajian) dan *tashih* (memperbetulkan fakta), dan menolak pendapat secara ilmiah, insaf dan sadar kedudukannya

### ***Penilaian semula:***

Telah dilakukan *tahqiq* dan *tashih* secara ilmiah, insaf dan sadar. Keputusannya didapati semua hujah-hujah yang dikemukakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* untuk meragukan kesahihan kitab *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* adalah *batil* dan tertolak sepenuhnya tanpa ragu. Maka dengan ini dirasmikan bahawa kitab *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* adalah benar-benar karangan Abu al-Hasan al-Asya'ari.

Di samping itu ingin penulis senaraikan beberapa tokoh yang hidup di kurun ke 4, 5 dan 6 Hijrah yang telah mengesahkan kitab *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* sebagai karangan Abu al-Hasan al-Asya'ari. Tokoh-tokoh ini telah disenaraikan oleh 'Abd al-Malik bin Isa bin Darbas al-Shafi'i (605H) dalam tulisan kecilnya yang bertajuk *al-Risalah*.<sup>142</sup> Tokoh-tokoh tersebut ialah:

(1) al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Husain.

---

<sup>142</sup> Risalah ini telah dinukil oleh Khalid bin 'Abd al-Lathief dalam bukunya *Minhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah wa Minhaj al-Asya'ariyah*, jld. 1, ms. 32.

- (2) Abu al-‘Abbas al-Tariqi.
- (3) Abu ‘Uthman al-Sobuni.
- (4) Abu Ali al-Farisi al-Maqra.
- (5) Nasir al-Maqdisi.
- (6) Ibn ‘Asakir.
- (7) Abu al-Ma‘ali Majli al-Syafi‘e.
- (8) Abu Muhammad al-Baghdadi.

Selain itu sekali pun kitab *al-Ibanah ‘an Usul al-Diyanah* bukan merupakan kitab karangan Abu al-Hasan al-Asya‘ari, ia tidaklah menjejaskan pegangan (*i’tiqad*) beliau yang muktamad dalam hal ‘*aqidah*. Pegangan beliau boleh juga dilihat dalam kitab-kitabnya yang lain khasnya dalam *Maqalat al-Islamiin wa Ikhtilaf al-Musollin*.

Dalam Bab *Pendapat Ashab al-Hadis dan Ahl al-Sunnah* (jld. 1, ms. 345-350)<sup>143</sup> Abu al-Hasan al-Asya‘ari telah menyenaraikan asas-asas ‘*aqidah* Ahl al-Sunnah, seperti:

Pertama:

وَأَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ — عَلَى عَرْشِهِ, كَمَا قَالَ: ((الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى)).

Sesungguhnya Allah *Beristiwa’* Di Atas ‘*Arasy-Nya* sebagaimana firman-Nya: ***al-Rahman (Allah) yang Beristiwa’ Di Atas ‘Arasy*** [Surah Ta-Ha 20:5].

Kedua:

وَأَنَّ لَهُ يَدَيْنِ بَلَا كَيْفٍ, كَمَا قَالَ: ((خَلَقْتُ بِيَدَيَّ)) وَكَمَا قَالَ ((بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانْ)).

---

<sup>143</sup> Dinukil secara berpisah-pisah oleh penulis. Bagi edisi terjemahan lihat Bab ke 19: *Doktrin-doktrin Ahl al-Sunnah* (jld. 1, ms. 363-373).

Dan sesungguhnya bagi-Nya (Allah) Dua Tangan tanpa dipersoalkan bagaimana ciri-ciri dan bentuk (*kaifiat*) Tangan-Nya tersebut sebagaimana firman-Nya: **Yang telah Ku-ciptakan dengan kedua Tangan-Ku.** [Saad 38:75] dan sebagaimana firman-Nya: **Tetapi kedua-dua Tangan Allah terbuka.** [al-Maidah 5:64]

Ketiga:

وَأَن لَّهٗ عَيْنَيْنِ ۖ لَا كَيْفَ ۚ كَمَا قَالَ: ((تَجْرِي بِأَعْيُنِنَا)).

Dan sesungguhnya bagi-Nya (Allah) Dua Mata tanpa dipersoalkan bagaimana ciri-ciri dan bentuk (*kaifiat*) Mata-Nya tersebut sebagaimana firman-Nya: **Yang berlayar dengan pengawasan Mata Kami....**[al-Qamar 54:14]

Keempat:

وَأَن لَّهٗ وَجْهًا ۚ كَمَا قَالَ: ((وَيَقَىٰ وَجْهَ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ))

Dan sesungguhnya bagi-Nya (Allah) Wajah sebagaimana firman-Nya: **Dan tetap kekal Wajah Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.** [al-Rahman 55:27]

Setelah menukil asas-asas 'aqidah Ahl al-Sunnah seperti di atas, Abu al-Hasan al-Asya'ari berkata:

وَأَثْبَتُوا السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَلَمْ يَنْفُوا ذَلِكَ عَنِ اللَّهِ كَمَا نَفَتْهُ الْمُعْتَزِلَةُ.

Dan mereka (Ahl al-Sunnah) menetapkan Allah bersifat Mendengar dan Melihat dan tidaklah mereka menafikan yang sedemikian daripada Allah sebagaimana yang dinafikan oleh golongan al-Mu'tazilah.

Setelah mengemukakan beberapa lagi asas-asas ‘*aqidah Ahl al-Sunnah*, Abu al-Hasan al-Asya‘ari akhirnya berkata pada ms. 350 (371 bagi edisi terj.):

فهذه جملة ما يأمرون به، ويستعملون به، ويرونه. وبكل ما  
ذكرنا من قولهم تقول، وإليه نذهب، وما توفيقنا إلا بالله  
وهو حسبنا و نعم الوكيل، وبه نستعين وعليه نتوكل وإليه  
المصير.

Maka demikianlah, semua ini merupakan apa yang ditetapkan dan diperintahkan (oleh *Ahl al-Sunnah*) dan ia diamalkan oleh mereka dan dijadikan pendapat oleh mereka. Dan bagi setiap apa yang kami sebutkan daripada perkataan mereka (*Ahl al-Sunnah*) (maka) begitulah perkataan kami dan merupakan mazhab kami. Dan tiadalah yang memberi kami taufiq melainkan Allah dan Dia-lah sebaik-baik *al-Wakil* dan kepada-Nya kami memohon pertolongan dan kepada-Nya kami bertawakkal dan kepada-Nya tempat kembali.

Demikianlah sebenarnya pegangan (*i’tiqad*) Abu al-Hasan al-Asya‘ari yang beliau tegaskan dengan sejelas-jelasnya. Dengan nukilan ini maka tertutuplah segala syubhat dan tohmahan yang dilontarkan ke atas ‘*aqidah* terakhir Abu al-Hasan al-Asya‘ari dan kitabnya *al-Ibanah fi Usul al-Diyanah*.<sup>144</sup>

#### **BAB D: SYUBHAT DALAM KAEDAH IBN TAIMIYYAH TERHADAP NAS-NAS AL-SIFAT.**

<sup>144</sup> Selanjutnya dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 58 telah dikemukakan dakwaan bahawa Abu al-Hasan al-Asya‘ari telah melakukan *al-Takwil* dalam tulisannya: *Risalah ila Ahl al-Thar*. Memandangkan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sendiri tidak yakin bahawa risalah ini adalah karya sebenar al-Asya‘ari maka dakwaan ini tidak akan diberi perhatian.

## **Pengenalan.**

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* seterusnya bermula dari mukasurat 65 telah membahas kaedah yang digariskan oleh Ibn Taimiyyah dalam berinteraksi dengan *nas-nas al-Sifat*. Sebelum di nilai penilaian penyusun *Salafiyah Wahabiyah*, berikut diterangkan terlebih dahulu kaedah Ibn Taimiyyah.

## **Kaedah Ibn Taimiyyah dalam memahami *nas-nas al-Sifat*.**

Ibn Taimiyyah berpendapat *nas-nas al-Sifat* hendaklah diterima sebagaimana ia dikhabarkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Diterima bermaksud beriman kepadanya dan menetapkan apa yang ditetapkan serta menafikan apa yang dinafikan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang *sahih*.

*Nas-nas al-Sifat* hendaklah juga *diterima* dengan 4 prinsip yang penting:<sup>145</sup>

**Pertama:** Tanpa *Tahrif*, iaitu tidak mengubah lafaz atau mengalih maksud Sifat-Sifat tersebut. Sifat Tangan Allah tidak diubah menjadi kekuasaan-Nya atau nikmat-Nya.

**Kedua:** Tanpa *Ta'thil*, iaitu tidak menolak atau menafikan atau mengalih (*takwil*) Sifat-sifat tersebut selagi ianya dikhabarkan oleh nas yang *sahih*.

**Ketiga:** Tanpa *Takyif*, iaitu tidak bertanya atau

---

<sup>145</sup> Syarah *al-'Aqidah al-Wasithiyyah*, untuk rujukan daripada sumber terjemahan sila lihat:

[1] Syarah *al-'Aqidah al-Wasithiyyah*, disyarah oleh 'Abd al-Rahman bin Nashir al-Sa'di: (terj: Yazid bin Abdul Qadir; Darul Haq, Jakarta 2001).

[2] Syarah *al-'Aqidah al-Wasithiyyah*, disyarah oleh Sa'id bin 'Ali al-Qathaniy (terj: Hawin Murthado; Pustaka al-Tibyan, Solo 2000).

[3] Syarah *al-'Aqidah al-Wasithiyyah*, disyarah oleh M. Khalil Harras (terj: M. Rafiq Khan; Dar-us-Salam, Riyadh 1996).

menggambarkan bagaimana ciri-ciri atau bentuk atau tatacara Sifat-sifat tersebut. Ini adalah kerana ilmu manusia tidak akan sekali-kali dapat menjangkauinya.

**Keempat:** Tanpa *Tamtsil*, iaitu tidak menyerupa atau mengumpamakan Sifat-sifat tersebut dengan mana-mana makhluk yang ada di sekalian alam kerana tidaklah Allah seumpama mana-mana makhluk-Nya.

Demikian beberapa kaedah asas Ibn Taimiyyah dalam menerima *nas-nas al-Sifat* yang penulis ringkaskan dan susun semula daripada beberapa karangan beliau.

Berikut marilah kita menilai semula penilaian-penilaian penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ke atas kaedah Ibn Taimiyyah ini.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 41**

***Kritikan Ibn Taimiyyah terhadap takwilan al-Tirmizi.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 65:

Di dalam kitabnya “*al-Mukhtasar al-Sowai'q al-Mursalah*” (ms. 275, jld. 2) Ibn Qayyim mengatakan:

وأما تأويل الترمذي وغيره له بالعلم. فقال شيخنا،  
هو ظاهر الفساد من جنس تأويلات الجهميه

Maksudnya: “...Takwilan al-Tirmizi dan selainnya adalah berdasarkan ilmu, Maka Tuan Guru kami (Ibn Taimiyyah) berkata: “Dialah penzahir kerosakan (*mutakwil*) daripada jenis *takwilan Jahmiyah*...”<sup>146</sup>

Persoalan kita di sini ialah mengapakah Syeikh al-Harrani dan muridnya itu boleh menyifatkan takwilan Imam al-Tirmizi (pemilik sunan) sebagai satu takwilan buruk *al-Jahmiyah*.

### **Penilaian semula:**

Kritikan di atas sebenarnya berpunca daripada hadis berikut, diriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

---

<sup>146</sup> Rujukan seperti di atas, *Bab Tentang al-Ma‘iyah (Kebersamaan)*. Terjemahan yang tepat adalah: “Dan adapun takwilan al-Tirmizi dan lain-lain terhadapnya sebagai “ilmu”, maka berkata Shaikh kami.....” Ini adalah kerana jika dirujuk kepada seluruh perbincangan dari awal, ia adalah tentang *takwilan* kepada erti *ilmu*. Jelas di sini bahawa penyusun *Salafiyah Wahabiyah* tidak membaca kitab Ibn al-Qayyim tetapi hanya menukil dengan terjemahan harfiah dari tulisan al-Saqqaf. Bagi perbincangan selengkapnya sila lihat:

[1] Ibn Taimiyyah – *Majmu al-Fatawa*, jld. 6, ms. 573-574.

[2] Ibn al-Qayyim – *Mukhtasar al-Sawa‘iq al-Mursalah (tahqiq: Ridwan Jamii’* Ridwan; Dar al-Fikr, Beirut 1997), jld. 2, ms. 616-617.

Hujah di atas asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 171.

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَوْ أَنَّكُمْ دَلَّيْتُمْ رَجُلًا بِحَبْلِ إِلَى الْأَرْضِ  
السُّفْلَى هَبَطَ عَلَى اللَّهِ. ثُمَّ قَرَأَ ((هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ  
وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ)).

***Demi yang nyawa Muhammad yang berada di Tangan-Nya, seandainya kamu melepaskan seorang lelaki yang berpaut kepada seutas tali ke bumi yang paling di bawah, nescaya ia turun ke atas Allah. Kemudian baginda membaca ayat: “Dialah Yang Awal dan Yang Akhir, Yang Zhahir dan Yang Batin; dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.” [al-Hadid 57:03]***<sup>147</sup>

Setelah mengemukakan hadis ini berkata al-Tirmizi:

وَفَسَّرَ بَعْضُ أَهْلِ الْعِلْمِ هَذَا الْحَدِيثَ فَقَالُوا إِنَّمَا هَبَطَ عَلَى  
عِلْمِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ وَسُلْطَانِهِ، وَعِلْمُ اللَّهِ وَقُدْرَتُهُ وَسُلْطَانُهُ فِي كُلِّ  
مَكَانٍ وَهُوَ عَلَى الْعَرْشِ كَمَا وَصَفَ فِي كِتَابِهِ.

Sebahagian ahli ilmu menafsirkan hadis ini, mereka berkata sesungguhnya dia hanyalah turun atas Ilmu Allah dan Kudrat-Nya dan Kekuasaan-Nya kerana Ilmu Allah dan Kudrat-Nya dan Kekuasaan-Nya berada di setiap tempat dan Dia (Allah) Di Atas *al-‘Arasy* sebagaimana yang dijelaskan dalam kitab-Nya (al-Qur’an).

Penjelasan di atas bukanlah kata-kata al-Tirmizi tetapi adalah nukilan beliau terhadap pendapat sebahagian ahli ilmu. Mereka berpendapat bahawa orang yang berpaut kepada tali tersebut

---

<sup>147</sup> **Dha’if:** Sebahagian hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu ‘anhu*, dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan kata beliau: *Hadis ini gharib dari sanad ini. Sanadnya dha’if* kerana al-Hasan tidak mendengar daripada Abu Hurairah. Lihat *Dha’if Sunan al-Tirmizi* – no: 3298 (*Kitab Tafsir, Bab Tafsir surah Hadid*).

sebenarnya turun atas Ilmu Allah selari dengan ayat ke 3 surah Hadid. Lelaki yang berpaut kepada tali tersebut tidak turun di atas Allah kerana sedia diketahui bahawa Allah berada Di Atas 'Arasy Di Atas langit dan bukannya di dalam bumi.

Namun kata-kata “Ilmu Allah dan Kudrat-Nya dan Kekuasaan-Nya berada di setiap tempat.....” boleh menimbulkan kekeliruan kepada orang yang tidak faham dan menjadi hujah bagi golongan *al-Jahmiyyah* yang memegang kepada pendapat bahawa Allah berada di setiap tempat. Maka kerana itulah Ibn Taimiyyah mengkritik pendapat di atas. Kritikan Ibn Taimiyyah bukanlah kerana nukilan al-Tirmizi adalah salah secara keseluruhannya tetapi adalah kerana sebahagian kata-kata yang terkandung di dalamnya yang boleh mengakibatkan kekeliruan dan fitnah bagi segelintir umat, khasnya golongan *al-Jahmiyyah*.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 42**

***Penolakan pertama terhadap kaedah memahami nas-nas al-Sifat Ibn Taimiyyah.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ms. 66 telah menukil kata-kata Ibn Taimiyyah daripada kitab *Munazharat 'Aqidah al-*

*Wasitiyyah* (ms. 415, jld. 1)<sup>148</sup> tentang kaedah memahami *nas-nas al-Sifat*, iaitu:

... “Antara kepercayaan kepada Allah ialah mempercayai sifat-sifat-Nya sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dan rasul-Nya tanpa menyeleweng, menghapus, merupa bentuk dan tidak mengumpamakan. Maksudnya ialah menafi takwil iaitu perkara yang memalingkan lafaz daripada makna zahirnya sama ada takwil itu wajib ataupun harus...”

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dalam ms. 66-67 telah menolaknya kaedah ini berdasarkan beberapa ulasan, yang pertama:

Kaedah yang digunakan oleh Syeikh Ibn Taimiyyah di dalam memahami sifat-sifat Allah melalui ayat *mutasyabih* iaitu mengambil secara zahir ayat bercanggah dengan kaedah ulama’ hadith seperti Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad, Imam Malik, Imam Syafi’e, Imam al-Thauri, Imam ‘Uyainah, Imam al-Tirmizi, Ibn Majah, al-Hafiz Ibn al-Jauzi, al-Hafiz al-Nawawi, al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani dan lain-lain. Kesemua ulama’ kita ini tidak menetapkan nas al-Sifat secara yang zahir yang menunjukkan makna mustahil pada Allah S.W.T. ....

Sebaliknya jika sifat-sifat seperti ini terdapat di dalam nas, para ulama’ kita mentakwilkannya. Sama ada secara umum ataupun secara langsung daripada lafaz yang asal (*tafsili*). Para pembaca sekalian boleh melihat sendiri sebagaimana

---

<sup>148</sup> Penulis tidak memiliki kitab ini oleh itu perbahasan seterusnya adalah bersandar kepada nukilan dan terjemahan yang terdapat dalam *Salafiyah Wahabiyah*.

contoh-contoh yang telah lepas.

***Penilaian semula:***

Contoh *takwilan* oleh sebahagian tokoh-tokoh di atas yang dikemukakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah dinilai semula di Bab B buku ini dan terbukti bahawa mereka tidak *mentakwilkan nas-nas al-Sifat*. Manakala sebahagian kecil yang melakukan *takwil*, telahpun dibahas di bahagian awal Bab A kenapa dan di mana kelemahan dan kesalahan untuk melakukan *takwil*.

Hakikatnya tidak ada apa-apa penolakan mahupun percanggahan sepertimana yang cuba didakwa oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.

**PENILAIAN SEMULA NO: 43**

***Dakwaan Ibn Taimiyyah menetapkan sifat “Menetap” dan “Sakit” terhadap Allah.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 67:

Kesemua ulama' kita ini tidak menetapkan nas

al-Sifat secara yang zahir yang menunjukkan makna mustahil pada Allah S.W.T. sebagaimana yang diakui oleh Syeikh Ibn Taimiyah di dalam fatwa Hamayiahnya bahawa Tuhan itu bersifat dengan:

المجيء, النزول, الضحك, المعية, الفوقية, المستقر على  
العرش, الحد, الغضب, الغيرة, المرض ... الخ

Maksudnya: “seperti datang, turun, ketawa, bersama, di atas, menetap di atas ‘*Arasy*, batasan cemburu, sakit dan sebagainya...”

### **Penilaian semula:**

Kesemua sifat-sifat yang disebut oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* memang merupakan sifat-sifat Allah yang telah dikemukakan dan dijelaskan oleh Ibn Taimiyyah. Setiap darinya memiliki dalil sama ada daripada al-Qur’an atau al-Sunnah yang *sahih*. Para pembaca dijemput mengkajinya dalam buku tulisan Alawy bin Abdul Qadir al-Segaf yang telah diterjemahkan atas judul *Mengungkap Kesempurnaan Sifat-sifat Allah dalam al-Qur’an & al-Sunnah*, ms. 119-121.

Akan tetapi sifat Menetap (المستقر) di atas al-‘*Arasy* dan “Sakit” tidak dikemukakan oleh Ibn Taimiyyah sebagai salah satu sifat Allah ‘*Azza wa Jalla*. Penulis telah menelaah kitab *Fatawa al-Hamawiyyah al-Kubra* namun tidak menemuinya<sup>149</sup>. Diminta penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mengemukakan rujukan mukasurat yang setepatnya bagi dakwaan bahawa Ibn Taimiyyah telah menetapkan dua sifat ini sebagai sifat-sifat

---

<sup>149</sup> Ibn Taimiyyah – *al-Fatawa al-Hamawiyyah al-Kubra* (al-Mathba‘ah al-Salafiyyah, Kaherah 1401H). Semakan juga diusahakan dengan edisi Cdrom yang dikeluarkan oleh Harf IT, Kaherah (www.harf.com) tetapi tidak ditemui bahawa Ibn Taimiyyah telah menetapkan dua sifat tersebut sebagai sifat Allah.

Allah. Jika tidak maka ia bererti penyusun *Salafiyah Wahabiyah* berbuat fitnah dan dusta ke atas salah seorang tokoh umat ini.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 44**

***Penolakan kedua terhadap kaedah memahami nas-nas al-Sifat Ibn Taimiyyah.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 67:

Di samping itu, penetapan pertama yang dilakukan oleh Ibn Taimiyyah dan penafiannya yang kedua membawa kepada pertentangan. Kaedah usul menjelaskan, apabila bertemu antara nafi dengan yang menetap, maka didahulukan yang menetap, apabila tidak memungkinkan kita untuk menghimpun antara keduanya. Oleh itu, penafian Ibn Taimiyyah terhadap *kaifiyyat* dan *tasybih* secara langsung akan gugur. Hal seperti ini diakui oleh ulama' usul, hadith dan tafsir seperti Imam al-Qurtubi (sebelum Ibn Taimiyyah) di dalam tafsirnya "*Jami' li al-ahkam al-Qur'an*."

### ***Penilaian semula:***

Kini penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ingin mengelirukan para pembaca dengan kaedah *Usul Fiqh* dalam *Bab Ta'arudh, Tarjih dan Jam'u*<sup>150</sup> namun yang benar beliau sendiri yang keliru. Apa yang dimaksudkan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* adalah terdapat pertentangan dalam kaedah Ibn Taimiyyah memahami *nas-nas al-Sifat*. Ini adalah kerana dalam kaedah tersebut terdapat *penetapan* dan *penafian*.

Penetapan adalah: Mempercayai sifat-sifat-Nya sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dan rasul-Nya.

Penafian adalah: Tanpa menyeleweng, menghapus, merupa bentuk dan tidak mengumpamakan.

Penulis berkata, kaedah di atas bukanlah satu pertentangan tetapi adalah dua kenyataan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Berikut dikemukakan satu contoh yang mudah: “Ahmad adalah seorang budak yang tembam namun tidaklah terlampau gemuk (*obesity*)”. Dalam kenyataan ini terdapat penetapan dan penafian:

Penetapan: Ahmad adalah seorang budak yang tembam.

Penafian: Namun tidaklah terlampau gemuk (*obesity*).

Penetapan dan penafian ini tidaklah saling bertentangan tetapi saling melengkapi.

Justeru dalam kenyataan Ibn Taimiyyah memang terdapat penetapan dan penafian tetapi ia tidaklah saling bertentangan tetapi saling melengkapi antara satu sama lain. Apa yang dilakukan oleh Ibn Taimiyyah adalah selari dengan kaedah penetapan dan penafian yang terdapat dalam ayat-ayat al-


---

<sup>150</sup> Ini adalah satu ilmu khas dalam kaedah *Usul Fiqh* bagi menangani masalah dua atau lebih dalil yang kelihatan seolah-olah bertentangan antara satu sama lain. Alhamdulillah penulis telah membahas bab ini secara terperinci dalam buku *Kaedah Memahami Hadis-hadis yang Saling Beranggah* (Jahabersa 2002). Antara yang turut dibahas ialah kaedah *tarjih* antara dalil yang menetapkan dan yang menafikan. Silalah rujuk ke sana.

Qur'an. Berikut dikemukakan dua contoh khas dalam bab tauhid:

**Contoh pertama:**

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:



**Katakanlah: “Dia-lah Allah, Yang Maha Esa, Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan, dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia.”** [al-Ikhlâs 112:1-4]

Dalam ayat ini terdapat penetapan dan penafian:

Penetapan: **Katakanlah: “Dia-lah Allah, Yang Maha Esa, Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu.**

Penafian: **Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan, dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia.**

**Contoh kedua:**

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:



**Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.** [al-Syura 42:11]

Dalam satu ayat ini terdapat penetapan dan penafian:

Penetapan: **Dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.**

Penafian: **Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia.**

Dalam dua contoh di atas jelas wujud penetapan dan penafian tetapi ia tidaklah saling bertentangan antara satu sama lain. Ia saling melengkapi dan menyempurnakan. Semoga keterangan di atas dapat difahami oleh para pembaca dengan mudah tanpa dikelirukan lagi oleh permainan penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 45**

***Penolakan ketiga terhadap kaedah memahami nas-nas al-Sifat Ibn Taimiyyah.***

Di sebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 68*:

Oleh yang demikian, pengambilan nas-nas secara zahir berdasarkan umum yang *dzanni* (ragu-ragu) atau *mutasyabih* lebih menjurus ke arah *tajsim* dan *tasybih*. Hasilnya, Ibn Taimiyyah mengemukakan satu teori yang amat mengelirukan, lebih-lebih lagi kepada orang awam. Penolakan ini pula diperjuangkan kembali oleh Salafiyah al-Wahabiyah dengan paksaan. Akhirnya, berlakulah kontroversi yang kompleks dalam masyarakat. Inilah salah satu fitnah al-Wahabiyah. Justeru itu, aliran Ibn Taimiyyah tertolak dan sukar di fahami berbanding dengan kaedah jumhur ulama' yang lain.

### ***Penilaian semula:***

Mengelirukan atau tidak, sukar atau senang kaedah Ibn Taimiyyah untuk memahami *nas-nas al-Sifat* kami serahkan kepada para pembaca semua. Kaedah ini telahpun kami terangkan di bahagian awal bab ini. Kekeliruan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* tidak boleh dijadikan hujah ke atas kaedah tersebut kerana ia hanyalah merupakan kelemahan beliau sendiri.

Lebih dari itu bagaimana mungkin dikatakan bahawa kaedah Ibn Taimiyyah boleh menjurus ke arah *Tajsim* (menjisim dan menjasmanikan Tuhan) dan *Tasybih* (menyerupakan Tuhan dengan makhluk) jika beliau secara terperinci telah menggariskan kaedah:

Tanpa *Takyif*, iaitu tidak bertanya atau menggambarkan bagaimana bentuk atau ciri-ciri atau tatacara Sifat-sifat tersebut, yakni tidak menjisimkannya.

Tanpa *Tamtsil*, iaitu tidak menyerupa atau mengumpamakan Sifat-sifat tersebut dengan mana-mana makhluk yang ada di sekalian alam.

Memadai berikut ini disalin satu kata-kata Ibn Taimiyyah yang jelas membatalkan dakwaan bahawa beliau menjurus ke arah *Tasybih* dan *Tajsim*. Berkata Ibn Taimiyyah:<sup>151</sup>

إن جعل صفات الله مثل صفات المخلوقين، فيقول: استواء الله كاستواء المخلوق، أو نزوله كنزول المخلوق، ونحو ذلك، فهذا مبتدع ضال. فإن الكتاب والسنة مع العقل دلت على أن الله لا تماثله المخلوقات في شيء من الأشياء.

---

<sup>151</sup> *Majmu al-Fatawa*, jld. 5, ms. 262. Perhatikan tindakan Ibn Taimiyyah yang mendahulukan al-Qur'an dan al-Sunnah, kemudian barulah diikuti dengan akal.

Sesungguhnya (sesiapa yang) menjadikan sifat Allah seumpama sifat makhluk-makhluk, seperti berkata: “*Istiwa’* Allah sebagaimana *istiwa’* makhluk atau “*Nuzul* (Penurunan) Allah sebagai *nuzul* makhluk” dan apa-apa lain seperti itu, maka (orang itu) adalah seorang pembuat *bid’ah* yang sesat. Kerana sesungguhnya al-Qur’an dan al-Sunnah bersama akal telah menunjukkan bahawa Allah tiadalah Dia seumpama makhluk-makhluk dalam apa jua bentuk atau cara sekalipun.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 46**

##### ***Penolakan keempat terhadap kaedah memahami nas-nas al-Sifat Ibn Taimiyyah.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 68*:

Kaedah al-Sifat (mengambil zahir dan menentang Takwil) daripada Syeikh al-Harrani ini juga bercanggah dengan tafsiran atau takwilan para sahabat, khususnya pendirian mereka berhubung dengan surah al-Imran ayat 7 yang membolehkan kita mentakwil sesetengah nas. Sandaran riwayat-riwayat takwil yang dimuatkan oleh al-Hafiz Ibn Jarir al-Salafi di dalam tafsirnya begitu jelas kepada kita. Oleh itu, penentangan terhadap kaedah ini secara langsung menafikan keistimewaan Sayidina Ibn ‘Abbas, Ibn Mas‘ud, Sayidina Ali, ‘Urwah Ibn Zubair, ‘Abdullah Ibn Amr, Ubai Ibn Ka‘ab, Zaid Ibn Thabit, Sayidatina ‘Aisyah, Umm

Salamah, Anas Ibn Malik,...juga tidak mengiktiraf takwilan tabi'ien seperti Mujahid, 'Ata', Ikrimah, Qatadah, ad-Dhahak, Said Ibn Jubair, Ziad Ibn Aslam dan lain-lain. Maka, apakah keistimewaan Ibn Taimiyah dalam soal ini?

***Penilaian semula:***

Diminta penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mengemukakan bukti yang lengkap, jelas, *sahih* lagi terperinci bahawa para generasi *al-Salaf* di atas telah melakukan *takwil* pengalihan lafaz terhadap *nas-nas al-Sifat*. Sebahagian kecil daripada nama-nama *al-Salaf* di atas telah diberi contohnya oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* namun semuanya tidak tepat sebagaimana yang telah dinilai sebelum ini. Maka diminta penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mengemukakan bukti-bukti lain yang tepat untuk kami menilainya.

Jika penyusun *Salafiyah Wahabiyah* gagal maka sekali lagi beliau telah membuat fitnah dan dusta ke atas para sahabat dan *tabi'in* yang mulia di atas.

**PENILAIAN SEMULA NO: 47**

***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan Imam al-Haramain.***

Bermula daripada mukasurat 67, penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah mengemukakan beberapa contoh sebagai bukti bahawa kaedah memahami *nas-nas al-Sifat* yang digariskan oleh Ibn Taimiyyah adalah bercanggah dengan

kaedah tokoh-tokoh yang lain. Marilah kita mengkaji sejauh mana wujudnya percanggahan ini.

Di sini ingin penulis mengingatkan para pembaca tentang 3 golongan dan kaedah mereka dalam memahami *nas-nas al-Sifat* sepertimana yang telah disebut di bahagian awal Bab pertama. Secara ringkasnya:

- [1] *Ahl al-Sunnah* iaitu mereka yang beriman kepada sesuatu sifat Allah sebagaimana yang dikhabarkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang *sahih* dengan difahami maknanya manakala ilmu tentang bentuk, ciri-ciri dan tatacara sifat tersebut (*kaifiat*) diserahkan kepada Allah sambil menyucikan-Nya dari *tasybih* dan *tajsim*. Kaedah *Ahl al-Sunnah* adakalanya juga dikenali sebagai kaedah *al-Tafwidh* yang bererti *menyerahkan*, merujuk kepada perbuatan menyerahkan *kaifiat* sesuatu nas al-Sifat kepada Allah *'Azza wa Jalla*.
- [2] *Ahl Zahir* iaitu mereka yang memahami *nas-nas al-Sifat* adalah secara zahir dari sudut *makna* dan *kaifiatnya*. Apabila dikatakan Tangan Allah ia bererti tangan seperti tangan makhluk. Mereka inilah yang dikenali sebagai golongan *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah*.
- [3] *Ahl al-Takwil* iaitu mereka mengalih istilah *nas-nas al-Sifat* kepada maksud yang lain. Tangan Allah dialihkan kepada maksud kekuasaan Allah atau nikmat Allah.

Ibn Taimiyyah berpegang dengan kaedah *Ahl al-Sunnah* tetapi penyusun *Salafiyah Wahabiyah* seringkali mengelirukan Ibn Taimiyyah dengan golongan *Ahl al-Zahir al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah*. Ini beliau jadikan faktor kononnya wujud “percanggahan.”

Penilaian semula dimulakan ke atas dakwaan percanggahan yang wujud antara Imam al-Haramain (478H)<sup>152</sup> dan Ibn

---

<sup>152</sup> Beliau ialah Abu al-Ma'ali 'Abd al-Malik bin Muhammad al-Juwayni yang lebih dikenali dengan gelaran Imam al-Haramain. Beliau

Taimiyyah. Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dalam ms. 69 telah mengemuka dan menterjemahkan kata-kata Imam al-Haramain daripada kitabnya *al-Risalah al-Nazzomiyah*:

“Perselisihan berlaku di kalangan ulama’ tentang makna zahir yang terdapat di dalam al-Qur’an dan al-Sunnah. Ahl al-Haq telah menegah diri mereka daripada menentukan makna maksudnya. **Lalu mereka memperlakukan sekadar apa yang wajib difahami mengikut kaedah bahasa Arab.** Maka sesetengah daripada Ahl al-Haq mentakwilkan nas tersebut. Dasar yang dipegangi oleh mereka ini mengikut al-Qur’an dan al-Sunnah yang sahih. Kebanyakan daripada Imam al-Salaf telah menegah diri mereka daripada mentakwil nas tersebut. Bahkan mereka memperlakukan nas-nas yang zahir itu mengikut apa yang dibawa dengannya. Kemudian mereka menyerahkan makna hakikatnya kepada Allah S.W.T. Inilah dua pendapat yang menjadi pegangan kami. Kami berpegang teguh dengan pendapat ini sebagai ikutan imam-imam al-Salaf. Oleh yang demikian, perkara yang lebih baik ialah mengikut mereka dan meninggalkan perkara bid’ah...”<sup>153</sup>

Berdasarkan penerangan Imam al-Haramain di atas kelihatan

---

adalah seorang tokoh yang terkemukakan dalam Mazhab Shafi’i dan telah mengembara ke Naisapur, Baghdad, Makkah dan Madinah untuk mencari dan mengajar ilmu. Meninggal dunia di Nishapur pada tahun 478H. Antara anak muridnya yang terkenal ialah Abu Hamid al-Ghazali (505H).

<sup>153</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 66-67 namun berlaku pendustaan dalam terjemahannya oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.. Sila bandingkan dengan teks Arab yang asal sepertimana yang akan dikemukakan seterusnya.

bahawa generasi *al-Salaf* berpegang kepada kaedah dua kaedah, *mentakwil* dan tidak *mentakwil* terhadap *nas-nas al-Sifat*. Kedua-dua kaedah ini merupakan pegangan Imam al-Haramain. Ini bercanggah dengan dakwaan Ibn Taimiyyah bahawa generasi *al-Salaf* hanya berpegang kepada satu kaedah iaitu tidak *mentakwilkan nas-nas al-Sifat*.

### **Penilaian semula:**

Di atas adalah terjemahan yang dusta dan merupakan fitnah ke atas Imam al-Haramain.

Berikut dikemukakan teks Arab diikuti dengan terjemahan yang sebenar:<sup>154</sup>

اختلفت مسالك العلماء في الظواهر التي وردت في الكتاب  
والسنة، وامتنع على أهل الحق فحواها (وإجراؤها على  
موجب ما تبرزه أفهام أرباب اللسان منها)، فرأى بعضهم  
تأويلها، والتزم ذلك في القرآن، وما يصح من السنن،  
وذهب أئمة السلف إلى الانكفاف عن التأويل وإجراء  
الظواهر على مواردنا، وتفويض معانيها إلى الرب تعالى،  
والذي نرتضيه رأياً، وندين الله به عقدا اتباع سلف الأمة،  
فالأولى الاتباع (وترك الابتداع).

Perselisihan telah berlaku di kalangan ulama' tentang makna zahir yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-

---

<sup>154</sup> *Siyar A'lam al-Nubala*, jld. 18, ms. 473. Dalam kurungan beberapa kalimah yang tertinggal, dicatit oleh *pentahqiq*: Syu'aib al-Arna'uth di bahagian notakaki berdasarkan kitab *al-'Aqidah al-Nazomiyyah* yang *ditahqiq* oleh al-Kauthari, ms. 23 dan seterusnya.

Sunnah, dan telah terhalang bagi *Ahl al-Haq* untuk memahami maksudnya dan terhalang (juga) bagi mereka memahaminya mengikut kefahaman ahli bahasa. Maka sesetengah daripada mereka *mentakwilkannya* berdasarkan al-Qur'an dan apa yang sah daripada al-Sunnah. Manakala para imam *al-Salaf* telah menegah diri mereka daripada *al-Takwil* dan mereka memperlakukannya berdasarkan zahir apa yang dibawanya dan menyerahkan maknanya kepada Tuhan (Allah) Ta'ala.

Dan yang kami redha dan kami jadikan dengannya sebagai agama Allah ialah mengikut pegangan para imam *al-Salaf*. Oleh yang demikian yang terbaik ialah mengikuti mereka dan meninggalkan perkara *bid'ah*.

Dalam terjemahan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* disebut bahawa Imam al-Haramain berpegang kepada dua pendapat: *mentakwil* dan tidak *mentakwil*. Dua pendapat ini dikatakan sebagai ikutan daripada imam-imam *al-Salaf*. Perhatikan terjemahan yang dimaksudkan: “Inilah dua pendapat yang menjadi pegangan kami. Kami berpegang teguh dengan pendapat ini sebagai ikutan imam-imam al-Salaf.”

Padahal dalam teks Arab yang asal tidak terdapat kata-kata: “Inilah dua pendapat yang menjadi pegangan kami.....” Malah kata-kata Imam al-Haramain yang sebenar adalah beliau berpegang kepada satu pendapat sahaja, iaitu pendapat para imam *al-Salaf* yang tidak mentakwilkan nas-nas al-Sifat. Inilah pendapat yang benar di sisi agama Allah sebagaimana yang dipegang oleh para imam generasi *al-Salaf*. Apa-apa yang datang selepas mereka adalah satu *bid'ah*.

Jika dikaji teks Arab yang asal tidak wujud di sana kemungkinan untuk melakukan kesilapan antara “Inilah dua pendapat.....” dan “Dan yang kami redha dan kami jadikan dengannya sebagai agama Allah ialah.....”. Kerana itu hal ini tidak dianggap sebagai satu kesilapan tetapi adalah satu pendustaan dan penyelewengan fakta yang merupakan fitnah ke atas Imam al-Haramain. Di waktu yang sama ia adalah juga

merupakan fitnah atas Ibn Taimiyyah.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 48**

##### ***Dakwaan al-Dzahabi membuang nas yang asal.***

Dalam mengulas nukilan kitab *al-Risalah al-Nazzomiyyah* di atas, penyusun *Salafiyah Wahabiyah* berkata (ms. 69, notakaki no: 12):

Kebanyakan nas kitab ini telah dibuang daripada naskhah asalnya. Buktinya Imam al-Zahabi telah membuang nas yang asal ini di dalam kitabnya "*Sayr A'lam al-Nubala*" (ms. 473, jld. 18). Puncanya ialah kerana nas tersebut dilihat tidak bertepatan dengan pendapatnya. Tulisan yang telah kami hitamkan di atas merupakan nas yang telah dibuang oleh beliau. Nas yang asal ini kami mengambilnya daripada "*Aqidah al-Nazomiyah*" yang telah di sunting oleh Imam al-Kauthari yang dicetak pada tahun 1948M. Perkara ini telah diakui oleh penyunting kitab "*Sayr A'lam Al-Nubala*" bahawa sikap al-Zahabi yang selalu melupakan teks yang asal itu

menjadi perkara biasa baginya. Sila lihat “*Sayr A’lam al-Nubala*” (ms. 70 dan 86, jid. 21).<sup>155</sup>

### ***Penilaian semula:***

Diakui bahawa al-Dzahabi kadang kala tertinggal sebahagian teks ketika menukil kata-kata seseorang imam atau tokoh. Namun tidaklah benar tuduhan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* bahawa kononnya ini beliau lakukan dengan sengaja. Sebenarnya ia adalah satu ketidak-sengajaan yang boleh berlaku.

Tuduhan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* bahawa al-Dzahabi membuang sebahagian teks kerana tidak sependapat dengannya adalah tidak berasas sama sekali. Bahkan jika kita kaji semula bahagian teks yang dimaksudkan: **“Lalu mereka memperlakukan sekadar apa yang wajib difahami mengikut kaedah bahasa Arab”**, ia adalah selari dengan manhaj yang dipegang oleh al-Dzahabi dan gurunya: Ibn Taimiyyah. Justeru ingin ditanya kepada penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di manakah letaknya percanggahan teks ini dengan pegangan al-Dzahabi ?

Dalam hal ini kita berterima kasih kepada Syu’aib al-Arna’uth, penyunting kitab *Siyar A’lam al-Nubala* yang telah membandingkan nukilan al-Dzahabi dengan kitab yang asal lalu mencatat di bahagian notakaki akan apa-apa yang tertinggal.

### **PENILAIAN SEMULA NO: 49**

***Syubhat dalam pegangan (i’tiqad) terakhir Imam al-Haramain.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 69-70:

Berdasarkan kepada apa yang telah

---

<sup>155</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 65-66, nk 21.

dikemukakan oleh Imam al-Haramain ini, Imam al-Zahabi telah menyifatkan bahawa Imam al-Haramain telah kembali kepada “*Aqidah al-Salaf*”. Iaitu meninggalkan ilmu kalam (teologi) dan takwil. Buktinya, di dalam kitab “*Sayr A’lam al-Nubala*” (ms. 474, jld. 18), beliau mengemukakan riwayat daripada Muhammad Ibn Tohir daripada Abu Hassan al-Qairuwaani yang menjelaskan perihal Imam al-Haramain.

Sebenarnya ini adalah satu penganiayaan terhadap Imam al-Haramain. Imam al-Subki (murid kepada al-Zahabi) di dalam kitabnya “*Tabaqat al-Syafi’iyyah al-Kubra*” (ms. 186, jld. 5) menyanggah apa yang dikemukakan oleh bekas gurunya ini. Beliau (Imam al-Subki) menegaskan dengan katanya “ini adalah hikayat yang dusta. Ibn Tahir dan al-Qairuwaani adalah perawi yang tidak dikenali (*majhul*). Lagipun khabar seperti ini tidak diriwayatkan oleh murid-murid Imam al-Haramain ....”<sup>156</sup>

### ***Penilaian semula:***

Kenyataan di atas dinilai dalam dua bahagian:

#### **Pertama:**

Pegangan (*i’tiqad*) terakhir Imam al-Haramain.

Beralihnya Imam al-Haramain kepada ‘*aqidah al-Salaf*’ terbukti daripada tulisan beliau sendiri dalam ‘*Aqidah al-Nazomiyah*’ seperti mana yang telah dinukil dalam penilaian yang lepas.

---

<sup>156</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 60.

Perbandingan boleh dibuat dengan beberapa kitab yang beliau tulis sebelum *'Aqidah al-Nazomiyah*. Contohnya dalam kitab *al-Irshad ila Qawati' al-Adilla fi Usul al-I'tiqad* Imam al-Haramain telah menulis:<sup>157</sup>

Sebahagian daripada guru-guru kami menetapkan bahawa Dua Tangan, Dua Mata dan Wajah adalah sifat-sifat Allah yang sebenar dan ini dibuktikan oleh al-Hadis dan bukan penalaran. Namun bagi kami apa yang benar tangan itu adalah kekuasaan, mata adalah pemerhatian dan wajah adalah kewujudan.

Demikian pendapat Imam al-Haramain sebelum beliau beralih kepada *'aqidah al-Salaf*. Dapat diperhatikan perbezaan yang besar dalam pandangan beliau terhadap *nas-nas al-Sifat* berbanding dengan kitab *'Aqidah al-Nazomiyah*.

Oleh itu peralihan Imam al-Haramain adalah benar dan ia terbukti daripada hasil tulisan beliau sendiri. Ia tidak bergantung kepada keterangan Ibn Tahir dan al-Qairuwaani sahaja.

### **Kedua:**

Kata-kata sebenar Taj al-Din 'Abdul Wahab bin 'Ali al-Subki (771H).

Telah dirujuk kepada kitab *Tabaqat al-Syafi'iyah al-Kubra (tahqiq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Atha', Dar al-Kutub al-Ilmiah 1999), jld. 3, ms. 158-201, biografi no: 477* yang khas kepada 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah bin Yusuf bin Muhammad bin 'Abd Allah al-Juwaini al-Naisaburi, Imam al-Haramain, Abu Ma'ali.

Di sana (ms. 173 & 177) memang terdapat perbincangan al-Subki tentang riwayat-riwayat pegangan terakhir Imam al-Haramain

---

<sup>157</sup> Edisi terjemahan atas judul *A Guide to Conclusive Proofs for the Principles of Belief* oleh Paul E. Walker dan disemak oleh Muhammad S. Eissa. Diterbitkan oleh The Centre for Muslim Contribution to Civilization, Qatar & Garnet Publishing, UK 2000. Lihat mukasurat 86 (*Bab Maksud nama-nama Allah yang Maha Agung*).

berdasarkan nukilan al-Dzahabi. Namun ini tidaklah menghalang al-Subki untuk membuat kesimpulan berikut di akhir ms. 177:

ثم أقول: للأشاعرة قولان مشهوران في إثبات الصفات: هل تمر على ظاهرها مع اعتقاد التنزيه أو تقول ؟ والقول بالإمرار مع اعتقاد التنزيه هو المعزو إلى السلف, وهو اختيار الإمام في الرسالة النظامية, وفي مواضع من كلامه, فرجوعه معناه الرجوع عن التأويل إلى التفويض, ولا إنكار في هذا ولا في مقابله, فإنها مسألة اجتهادية, أعنى مسألة التأويل أو التفويض مع اعتقاد التنزيه.

Walhasil aku katakan, di sisi Mazhab *al-Asya'irah* terdapat dua pendapat yang masyhur dalam bab penetapan al-Sifat (bagi Allah): (1) Adakah ianya difahami atas yang zahir disamping *beri'tiqad* mensucikan (Allah dari *tasybih* dan *tajsim*) atau (2) ianya *ditakwilkan* ?

Maka pendapat membiarkan (*nas-nas al-Sifat* sebagaimana ada) disamping *beri'tiqad* mensucikan (Allah dari *tasybih* dan *tajsim*) adalah pegangan yang disandarkan kepada generasi al-Salaf dan ini adalah merupakan pilihan al-Imam (Imam al-Haramain) dalam (kitabnya) *al-Risalah al-Nazzomiyyah* dan juga di beberapa tempat yang lain daripada kata-katanya. Maka kembalinya beliau bermakna kembali daripada (kaedah) *al-Takwil* kepada (kaedah) *al-Tafwidh* dan perkara ini tidaklah diingkari mahupun yang sebaliknya kerana sesungguhnya masalah ini adalah masalah ijtihadiyah sama ada dengan *mentakwilkannya* atau *mentafwidhkannya* (asalkan) dengan *i'tiqad* mensucikan

(Allah dari *tasybih* dan *tajsim*).

Dari kata-kata al-Subki di atas dapat diperhatikan bahawa:

- [1] al-Subki mengakui bahawa kaedah membiarkan *nas-nas al-Sifat* sebagaimana adanya, yakni tanpa *al-Takwil*, adalah merupakan kaedah generasi *al-Salaf*.
- [2] Kaedah ini adalah merupakan pilihan Imam al-Haramain dalam kitabnya *al-Risalah al-Nazzomiyyah* sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.
- [3] Pilihan Imam al-Haramain ini diakui oleh al-Subki sebagai kembalinya beliau daripada kaedah *al-Takwil* kepada kaedah *al-Tafwidh*. Hanya sahaja kaedah *al-Tafwidh* memiliki beberapa maksud dan yang benar di sisi generasi *al-Salaf* adalah beriman kepada *nas-nas al-Sifat* dengan memahami maknanya sekadar yang lazim dengan bahasa Arab manakala *kaifiatnya* diserahkan kepada Allah.<sup>158</sup>
- [4] al-Subki memilih sikap berkecuali dalam hal ini, iaitu tidak memihak mahupun menolak terhadap pilihan terakhir Imam al-Haramain. Inilah maksud beliau dengan: “..... dan perkara ini tidaklah diingkari mahupun yang sebaliknya.....”. “Yang sebaliknya” merujuk kepada dua kaedah yang wujud dalam Mazhab *al-Asya‘irah* dalam memahami *nas-nas al-Sifat*, iaitu (1) *al-Tafwidh* dan (2) *al-Takwil*. Kaedah *al-Tafwidh* adalah juga merupakan kaedah *Ahl al-Sunnah*.
- [5] al-Subki berpendapat hal ini adalah suatu masalah ijtihadiyah di mana setiap mujtahid berhak mentarjih satu pendapat yang terkuat mengikut ijtihad masing-masing.

Jelas bahawa dakwaan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* tentang pandangan al-Subki terhadap pegangan terakhir Imam al-

---

<sup>158</sup> Kaedah *al-Tafwidh* memiliki beberapa maksud, sila lihat penjelasan lanjut tentangnya di PENILAIAN SEMULA NO: 62.

Haramain adalah dusta semata-mata.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 50**

##### ***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Nawawi.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ms. 70-71 seterusnya menukil dan menterjemah kata-kata Muhyiddin al-Nawawi (676H) dalam kitabnya *Syarah Sahih Muslim*, jld. 2, ms. 299 (*Kitab al-Iman, Bab Ma'rifah Thariq al-Ru'yah*) sebagai bukti kononnya ia bercanggah dengan kaedah pemahaman Ibn Taimiyyah terhadap *nas-nas al-Sifat*. Marilah kita mengkaji kata-kata al-Nawawi:

اعلم أن لأهل العلم في أحاديث الصفات وآيات الصفات  
قولين:

أحدهما وهو مذهب معظم السلف أو كلهم أنه لا يتكلم في  
معناها بل يقولون: يجب علينا أن نؤمن بها ونعتقد لها معنى  
يليق بجلال الله تعالى وعظمته مع اعتقادنا الجازم أن الله  
تعالى ليس كمثله شيء، وأنه منزّه عن التجسم والانتقال

والتحيز في جهة وعن سائر صفات المخلوق، وهذا القول هو مذهب جماعة من المتكلمين واختاره جماعة من محققهم وهو أسلم.

والقول الثاني: وهو مذهب معظم المتكلمين أنها تتأول على ما يليق بها على حسب مواقعها، وإنما يسوغ تأويلها لمن كان من أهله بأن يكون عارفاً بلسان العرب وقواعد الأصول الفروع ذا رياضة في العلم

Kata-kata al-Nawawi ini telah diterjemahkan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.<sup>159</sup>

“Ketahuilah, terdapat dua pendapat di kalangan Ahli ilmu berhubung dengan ayat-ayat dan hadith-hadith al-Sifat; salah satu daripadanya ialah pendapat kebanyakan al-Salaf atau kesemua daripada mereka {bahawa sesungguhnya mereka} itu tidak bercakap tentang maknanya. Bahkan mereka berkata “Kita wajib beriman dan beri’tiqad dengan nas tersebut berdasarkan makna yang layak dengan kemuliaan {Allah Ta’ala} dan kebesaran-Nya [inilah yang dikatakan *al-Tafwid*] dengan berpegang bahawa Allah {*Ta’ala*} tidak menyerupai sesuatu. Sesungguhnya, **maha suci Allah daripada *tajsim*, berpindah, mengambil ruang pada suatu tempat dan maha suci Allah daripada menyerupai sifat-sifat**

<sup>159</sup> Yang terletak dalam kurungan: { } adalah pembetulan atau tambahan terjemahan daripada penulis sendiri manakala dalam kurungan [ ] dan ( ) adalah penjelasan penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.

**makhluk.** Inilah pendapat yang dipegang oleh sebahagian daripada ulama' *al-Mutakallimin* (ulama'-ulama' kalam) dan menjadi pilihan oleh sebahagian pengkaji mereka dan pendapat ini *aslam* (lebih selamat).”

“Pendapat yang kedua pula ialah pendapat kebanyakan daripada *al-Mutakallimin*. Mereka mentakwilkan nas-nas tersebut mengikut keadaannya yang tertentu. Keharusan untuk mentakwil nas adalah khusus bagi mereka yang mengetahui bahasa Arab dan memahami kaedah usul dan cabang berlandaskan ilmu pengetahuan yang mendalam.”

### ***Penilaian semula:***

Di atas *al-Nawawi* telah menerangkan dua kaedah yang wujud di sisi *Ahl Ilmu* untuk memahami *nas-nas al-Sifat*. Yang pertama adalah kaedah *al-Tafwidh* manakala yang kedua adalah kaedah *al-Takwil*. Berkata *al-Nawawi* bahawa kaedah *al-Tafwidh* adalah yang lebih selamat berbanding kaedah *al-Takwil*. Di sini jelas kelihatan isyarat *al-Nawawi* yang mengunggulkan kaedah *al-Tafwidh* di atas kaedah *al-Takwil*. Kaedah *al-Tafwidh* yang ini merupakan pegangan generasi *al-Salaf* dan juga *Ibn Taimiyyah*.<sup>160</sup> Justeru tidak ada percanggahan antara *al-Nawawi* dan *Ibn Taimiyyah*.

### **PENILAIAN SEMULA NO: 51**

#### ***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Laqqani.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* seterusnya mengemukakan pendapat *Burhan al-Din Ibrahim bin Hassan al-Laqqani* (1041H) sebagai bukti percanggahan dengan kaedah *Ibn*

---

<sup>160</sup> Kaedah *al-Tafwidh* memiliki beberapa maksud, sila lihat penjelasan lanjut tentangnya di PENILAIAN SEMULA NO: 62.

Taimiyyah dalam memahami *nas-nas al-Sifat*. Berkata al-Laqqani dalam *Jauharah al-Tauhid*, ms. 103 sepertimana yang dinukil dan diterjemahkan dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 71:

“Setiap nas *mutasyabih* yang mempunyai kesamaran, maka takwillah atau tafwidkanlah untuk mensucikan-Nya.”

### **Penilaian semula:**

al-Laqqani di atas telah memberikan dua kaedah untuk memahami *nas-nas al-Sifat*, iaitu kaedah *al-Takwil* dan *al-Tafwidh*. Akan tetapi tidak berlebihan jika disimpulkan bahawa al-Laqqani sebenarnya mengunggulkan kaedah *al-Tafwidh* di atas kaedah *al-Takwil*. Ini adalah berdasarkan keumuman kata-kata beliau dalam kitabnya yang sama, ms. 231:

فكل خير في اتباع من سلف وكل شر في ابتداء من خلف.

Setiap kebaikan adalah dengan mengikuti *al-Salaf* dan setiap keburukan adalah perkara baru (yang direka) oleh *al-Khalaf*.

Sedia diketahui bahawa kaedah yang dipegangi oleh generasi *al-Salaf* ialah kaedah *al-Tafwidh*.<sup>161</sup> Justeru tidak ada percanggahan antara al-Laqqani dan Ibn Taimiyyah.

### **PENILAIAN SEMULA NO: 52**

#### ***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan Ibn al-Jauzi.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 71-72:

Salah seorang sejarawan yang ulung Hanabilah turut menegah daripada mempraktikkan nas yang zahir. Buktinya di dalam kitab “*Daf’u*

---

<sup>161</sup> Kaedah *al-Tafwidh* memiliki beberapa maksud, sila lihat penjelasan lanjut tentangnya di PENILAIAN SEMULA NO: 62.

Syubhah al-Tasybih” (m.s. 97-100) beliau menegaskan: .....<sup>162</sup>

### **Penilaian semula:**

Jika dikaji keseluruhan buku *Daf’u Syubhat al-Tashbih* karya Ibn al-Jauzi (597H) tanpa terpengaruh dengan penjelasan notakaki Hasan al-Saqqaf, akan didapati buku ini sebenarnya membahas dan membetulkan kekeliruan sebahagian umat di zaman Ibn al-Jauzi yang ingin mengikuti Mazhab *al-Salaf* khususnya Mazhab Ahmad bin Hanbal dalam memahami *nas-nas al-Sifat*.

Akan tetapi mereka (umat di zaman Ibn al-Jauzi) terkeliru antara kaedah *Ahl al-Sunnah* dan *Ahl Zahir* sehingga mereka akhirnya memahami *nas-nas al-Sifat* secara zahir dari sudut *istilah*, *makna* dan *kaifiat*. Kekeliruan ini menyebabkan mereka menganggap Allah memiliki wajah serta anggota tubuh dan bersemayam di atas ‘Arasy dengan Dzat-Nya, yakni duduk sebagaimana makhluk duduk. Inilah yang dibahas dan ditolak oleh Ibn al-Jauzi.<sup>163</sup> Untuk membetulkan kekeliruan ini Ibn al-Jauzi telah menghimpun 60 buah hadis yang masyhur disalahertikan dalam bab ini lalu kemudian beliau:

- [1] Membahas dari sudut *sanad* dan menyisihkan hadis-hadis yang *maudhu’* (palsu) dan yang tidak berasal dari Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam*.
- [2] Membahas dari sudut lafaz-lafaz yang sedia ada di

---

<sup>162</sup> Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* seterusnya menukil dan menterjemah kata-kata Ibn al-Jauzi. Sebenarnya nukilan beliau adalah secara berpisah-pisah yang kemudiannya dicantumkan seolah-olah ia adalah satu kenyataan yang lengkap. Tindakan yang tidak berdisiplin ini telah dilakukan beberapa kali oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sepertimana yang telah dikemukakan sebelum ini.

<sup>163</sup> Perhatikan sahaja tajuk buku di mana Ibn al-Jauzi telah menulisnya sebagai *Daf’u Syubhat al-Tasybih* yang bererti *Menolak kekeliruan orang yang menyerupakan (tasybih) Allah dengan makhluk*. Ibn al-Jauzi tidak menjudulkan bukunya sebagai *Daf’u Syubhat al-Tafwidh*.

mana perbandingan antara lafaz menunjukkan bahawa ia (hadis tersebut) sebenarnya tidak melibatkan sifat-sifat Allah.

- [3] Membahas dari sudut maksud istilah kerana adakalanya sesuatu istilah itu memiliki beberapa maksud dan maksud yang sebenarnya tidak melibatkan sifat-sifat Allah.

Melalui langkah [2] dan [3] ini Ibn al-Jauzi telah menyisihkan banyak hadis yang pada awalnya disalah tafsir sebagai yang menerangkan sifat-sifat Allah.

- [4] Apabila sesebuah hadis bersifat *mutawatir* dan jelas menunjukkan sifat Allah maka Ibn al-Jauzi menerangkan tentang 2 kaedah yang ada untuk memahaminya:<sup>164</sup>

أحداها: إمرارها على ما جاءت من غير  
تفسير ولا تأويل, إلا أن تقع ضرورة كقوله  
((جاء ربك)) أي جاء أمره وهذا مذهب  
السلف.

Pertama: Menerimanya sebagaimana ia dikhabarkan tanpa ditafsir maksudnya mahupun *ditakwilkan* kecuali dalam suasana darurat sebagaimana tentang firman Allah: “***Dan telah datang Rabb engkau***” [al-Fajr 89:22] (maka ia

---

<sup>164</sup> Lihat *Daf'u Syubhat al-Tasybih*, ms. 224, perbahasan hadis no: 31. Ibn al-Jauzi sebenarnya mengemukakan 3 kaedah, dua yang pertama telah penulis kemukakan di atas manakala yang ketiga tidak penulis kemukakan kerana ia sebenarnya adalah kaedah orang-orang yang keliru dan jahil di mana mereka berinteraksi dengan *nas-nas al-Sifat* berdasarkan logik dan bukannya ilmu yang sebenar. Kaedah yang ketiga ini telah dibahas dan ditolak oleh Ibn al-Jauzi, lihat ms. 225.

*ditakwilkan* ) sebagai datangnya perintah Allah.<sup>165</sup> Inilah Mazhab *al-Salaf*.

الثانية: التأويل وهو مقام خطر على ما سبق بيانه.

Kedua: *Mentakwilkannya*, (akan tetapi) ini adalah perbuatan yang berbahaya sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Penekanan Ibn al-Jauzi di atas kaedah *al-Salaf* diulangi beliau dalam sebuah kitabnya yang lain yang masyhur: *Talbis Iblis*. Di sana Ibn al-Jauzi telah membahas kekeliruan sebahagian umat yang mengikuti belitan Iblis sehingga terpengaruh dengan ilmu kalam dalam subjek *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*. Setelah membahas dan menerangkan kekeliruan mereka Ibn al-Jauzi merumuskan:<sup>166</sup>

فإن قال قائل قد عبد طريق المقلدين في الأصول وطريق المتكلمين فما الطريق السليم من تلبيس إبليس؟ فالجواب أنه ما كان عليه رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وسلم وأصحابه وتابعيهم بإحسان من إثبات الخالق سبحانه وإثبات صفاته على ما وردت به الآيات والأخبار من غير تفسير ولا بحث عما ليس في قوة البشر إرداكه.

---

<sup>165</sup> Ini adalah dakwaan *takwilan* Ahmad bin Hanbal sebagaimana yang telah dibahas dalam PENILAIAN SEMULA NO: 22.

<sup>166</sup> *Talbis Iblis (tahqiq: Aiman Shaleh; Dar al-Hadith, Kaherah 1999), ms. 92 (Bab Belitan Iblis kepada orang-orang yang bertaklid dalam urusan 'Aqidah, Larangan daripada menceburi Ilmu Kalam)*. Bagi edisi terjemahan, lihat *Belitan Iblis* (terj: Syed Ahmad Semait; Pustaka Islamiyah, Singapura 1994), ms. 160-161.

Maka apabila ada orang mengatakan: Sungguh engkau telah banyak memperkatakan (mengkritik) ke atas orang-orang yang memperhambakan dirinya kepada jalan (kaedah) ahli *taklid* dalam ilmu Usul dan kepada jalan (kaedah) para ahli *kalam*, maka apakah jalan yang selamat untuk menghindari diri daripada belitan Iblis ?


Jawapannya: Sesungguhnya (jalan yang selamat) adalah apa yang berada di atasnya Rasulullah – *sallallahu ‘alaihi wa ‘ala Alihi wasallam* – dan para sahabatnya dan para *tabi’in* (generasi *al-Salaf*) (kerana) merekalah yang terbaik dalam menetapkan wujudnya Allah – Maha Suci Dia – dan menetapkan sifat-sifat-Nya sesuai dengan apa yang disampaikan oleh ayat-ayat al-Qur’an dan hadis-hadis tanpa menafsirkan atau membahasnya atas apa yang sememangnya tidak mampu untuk dicapai oleh akal manusia tentang maksud yang dikehendaki olehnya.

Dua nukilan di atas dari kitab *Daf’u Syubhat al-Tasybih* dan *Talbis Iblis* mewakili pendapat sebenar Ibn al-Jauzi dalam subjek *Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat*. Jelas kepada kita bahawa tidak ada percanggahan antara pendapat Ibn al-Jauzi dan Ibn Taimiyyah di mana kedua-duanya memilih untuk tidak mentakwilkan nas-nas al-Sifat.

## PENILAIAN SEMULA NO: 53

### ***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Qurtubi.***

Al-Qurtubi dalam kitab tafsirnya *Jamii li Ahkam al-Qur’an*, jld. 2, ms. 12, tafsir terhadap ayat:



**Maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang mutasyabihat untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari takwilnya** [‘Ali Imran 3:07] telah menukil kata-kata gurunya seperti berikut:

قال شيخنا أبو العباس رحمة الله عليه: متبعو المتشابه لا يخلو أن يتبعوه ويجمعوه طلبا للتشكيك في القرآن وإضلال العوام، كما فعلته الزنادقة والقرامطة الطاعنون في القرآن؛ أو طلبا لاعتقاد ظواهر المتشابه، كما فعلته المجسمة الذين جمعوا ما في الكتاب والسنة مما ظاهره الجسمية حتى اعتقدوا أن البارئ تعالى جسم مجسم وصورة مصورة ذات وجه وعين ويد وجنب ورجل وأصبع، تعالى الله عن ذلك.

Kata-kata di atas telah digunakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sebagai seolah-olah mengkritik dan menyanggahi kaedah pemahaman Ibn Taimiyyah terhadap *nas-nas al-Sifat*. Kata-kata di atas telah beliau terjemahkan sebagai berikut (*Salafiyah Wahabiyah ms. 72*):

“orang-orang yang mengikut *mutasyabih* itu hanyalah untuk mencari syak wasangka dan menyesatkan orang awam. Hal ini jelas sebagaimana yang telah dilakukan oleh golongan Zindik dan syiah al-Karamithah yang dicela di dalam al-Qur'an<sup>167</sup>. Mereka menuntut untuk berpegang kepada zahir *mutasyabih* sebagaimana yang telah dilakukan oleh

<sup>167</sup> Terjemahan yang tepat: *mencela al-Qur'an*, merujuk kepada tindakan golongan Zindik dan Syi'ah Karamithah yang tidak mengikuti al-Qur'an bahkan menyelisihinya. Inilah yang dimaksudkan sebagai *mencela al-Qur'an*.

golongan al-Mujassimah. Mereka telah mengumpul nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah secara zahir jismiyah sahaja. Sehingga mereka percaya bahawa Allah S.W.T. itu adalah objek yang berjisim, yang tergambar, mempunyai zat, wajah, mata, tangan, lambung, kaki dan jari. Maha Suci Allah daripada semua ini.”

### ***Penilaian semula:***

Kata-kata guru al-Qurtubi di atas sebenarnya ditujukan kepada orang-orang yang suka bermain dengan ayat-ayat *al-Mutasyabihats* dan menafsirkan *nas-nas al-Sifat* yang tergolong dalamnya secara zahir istilah, makna dan kaifiat sehingga mereka yang menyerupakan sifat-sifat Allah dengan makhluk-Nya. Mereka ini dikenali sebagai golongan *Musyabbihah*. Ia juga ditujukan kepada golongan *al-Mujassimah*, iaitu mereka yang berpendapat Allah berjisim sebagaimana lain-lain makhluk-Nya.

Kedua-dua golongan ini dan pendapat mereka tidaklah mewakili pendapat Ibn Taimiyyah. Sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini Ibn Taimiyyah menerima sifat-sifat Allah tanpa menyerupakannya dengan mana-mana makhluk kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman:

***Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia*** [maksud surah al-Syura 42:11]

Lebih dari itu Ibn Taimiyyah berkata kesamaan istilah dan makna tidaklah bererti kesamaan *kaifiat*. Oleh itu apabila beliau menetapkan sifat Wajah, Mata, Tangan dan sebagainya terhadap Allah *Ta'ala* sebagaimana yang ditetapkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang *sahih*, ia hanyalah bererti kesamaan istilah dan makna dan bukannya kesamaan sifat dengan lain-lain makhluk Allah yang berjisim.

Sebelum ini dalam PENILAIAN SEMULA NO: 2 telahpun dikemukakan kata-kata Ishaq bin Ibrahim sebagaimana yang

dinukil oleh al-Tirmizi, bahawa *tasybih* (penyerupaan) hanyalah apabila seseorang itu berkata sifat Allah adalah seperti sifat makhluk-Nya. Jika seseorang itu menyebut sifat Allah tanpa menyerupakannya dan dia mengetahui bahawa sifat tersebut tidak sama dengan mana-mana makhluk, maka orang tersebut tidak digelar sebagai seorang *al-Musyabbihah*.

Berikut dinukil semula kata-kata tersebut supaya para pembaca tidak terikut sama dengan permainan penyusun *Salafiyah Wahabiyah*:

Dan berkata Ishaq bin Ibrahim: “Sesungguhnya yang dianggap “*tasybih*” (penyerupaan dengan makhluk) hanyalah apabila seseorang berkata Tangan sepertimana tangan (makhluk) atau seumpama tangan (makhluk), Pendengaran sepertimana pendengaran (makhluk) atau seumpama pendengaran (makhluk). Justeru apabila seseorang berkata Pendengaran sepertimana pendengaran (makhluk) atau seumpama pendengaran (makhluk) maka barulah ia dianggap sebagai penyerupaan.

Namun apabila seseorang berkata sebagaimana firman Allah *Ta’ala* di dalam kitab-Nya (al-Qur’an): Tangan dan Pendengaran dan Penglihatan tanpa dikatakan bagaimana (bentuknya) dan tidak dikatakan seumpama pendengaran (makhluk) dan tidak juga dikatakan sepertimana pendengaran (makhluk) maka ini tidak dianggap sebagai penyerupaan. Malah ia adalah sepertimana firman Allah *Ta’ala* di dalam kitab-Nya (al-Qur’an): ***Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.***

## **PENILAIAN SEMULA NO: 54**

### ***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Baijuri.***

Dinukil dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 73 kata-kata Ibrahim bin Muhammad al-Baijuri (1277H) dalam kitabnya *Tuhfat al-Murid*:

“Maka jelaslah daripada huraian kami, bahawa aliran al-salaf dan al-khalaf telah bersepakat untuk mentakwilkan secara terperinci. Iaitu memindahkan erti nas yang seolah-olah menunjukkan sesuatu yang mustahil bagi Allah S.W.T. Namun begitu, mereka berselisih pendapat selepas itu sama ada untuk menerangkan makna maksudnya ataupun tidak, dan apabila terdapat di dalam al-Qur’an ataupun al-Sunnah sesuatu yang mengatakan seolah-olah Tuhan itu ada di suatu tempat atau berjisim atau berupa gambaran atau beranggota, maka Ahl al-Haq dan lain-lain selain *Mujassimah* dan *Musyabbihah* telah bersepakat untuk mentakwilkan yang demikian itu kerana wajib menjauhkan sifat Allah S.W.T. daripada apa yang difahamkan mengikut erti nas yang zahir.”

### ***Penilaian semula:***

Di atas adalah nukilan yang merupakan fitnah ke atas al-Baijuri. Ia adalah nukilan secara berpisah-pisah yang dicantumkan menjadi satu perenggan. Sila rujuk kepada kitab *Tuhfat al-Murid Syarah Jauharah al-Tauhid* pada ms. 104, *Bab: Mazhab al-Salaf dan al-Khalaf tentang al-Mutasyabih dan mengelak dari yang zahir.*

Pada awalnya al-Baijuri berkata:

وقوله: (ورم تنزيها) أي واقصد تنزيها له تعالى عما لا يليق به مع تفويض علم المعنى المراد, فظهر مما قررناه اتفاق السلف والخلف على التأويل الإجمالي, لأنهم يصرفون النص الموهوم عن ظاهره المحال عليه تعالى, لكنهم اختلفوا بعد ذلك في تعيين المراد من ذلك النص وعدم التعيين.

Dan perkataannya (untuk mensucikan-Nya)<sup>168</sup>, ia adalah tindakan untuk mensucikan-Nya (Allah) *Ta'ala* atas apa yang tidak layak bagi-Nya dengan menyerahkan ilmu, maksud dan kehendak (kepada Allah). Ini adalah kerana telah sepakat generasi *al-Salaf* dan *al-Khalaf* untuk *mentakwilkan* secara *ijmali* (umum, ringkas) akan zahir daripada penetapan (nas-nas al-Sifat) itu. Iaitu mereka mengalih pengertian nas yang secara zahirnya tidak mungkin lagi mustahil terhadap (Allah) *Ta'ala*. Walaubagaimanapun mereka berselisih sesudah itu sama ada untuk memperincikan maksud nas-nas tersebut atau tidak memperincikannya.

Apakah yang dimaksudkan oleh al-Baijuri dengan *al-Takwil al-Ijmali* yang dilakukan oleh generasi *al-Salaf* dan *al-Khalaf*?

Seterusnya berkata al-Baijuri:

والحاصل أنه إذا ورد في القرآن أو السنة ما يشعر بإثبات الجهة أو الجسمية أو الصورة أو الجوارح, اتفق أهل الحق وغيرهم ما عدا المجسمة والمشبهة على تأويل ذلك لوجوب تنزيهه تعالى عما دل ما ذكر بحسب ظاهره.

---

<sup>168</sup> Iaitu kata-kata al-Laqqani sepertimana yang telah dinukil dalam PENILAIAN NO: 51.

Kesimpulannya jika terdapat dalam al-Qur'an atau al-Sunnah sesuatu yang seolah-olah menetapkan tempat atau jisim atau gambaran atau anggota (bagi Allah), telah bersepakat *Ahl al-Haq* dan lain-lain selain golongan *al-Mujassimah* dan *al-Musyabbihah* untuk *mentakwilkannya* kerana wajib mensucikan (Allah) *Ta'ala* daripada apa yang disebut secara zahir.

Sekali lagi, *al-Takwil* yang bagaimanakah yang dimaksudkan oleh al-Baijuri yang dilakukan oleh *Ahl al-Haq* ?

Jawapannya akan ditemui dalam penjelasan seterusnya oleh al-Baijuri di mana beliau telah mengemukakan beberapa *nas-nas al-Sifat* seperti *Fauqa* (Di atas), *Istiwa'*, *Maji'* (Datang), *Nuzul* (Turun), Gambaran, Wajah, Tangan dan Jari. Bagi setiap sifat-sifat ini al-Baijuri akan menukil dua kaedah:

[1] Kaedah generasi *al-Salaf* yang hanya berkata:

“Kami tidak memiliki ilmu tentangnya” ( لا نعلمها ).

[2] Kaedah generasi *al-Khalaf* yang *mentakwilkannya* kepada beberapa erti tertentu.

Apabila generasi *al-Salaf* berkata “Kami tidak memiliki ilmu tentangnya”, yang dimaksudkan adalah ilmu tentang *kaifiyat*, yakni bentuk, ciri-ciri dan tatacara sesuatu sifat tersebut. Mustahil untuk menganggap generasi *al-Salaf* tidak memiliki ilmu tentang makna dan tujuan sesuatu *nas-al-Sifat* yang dikhabarkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sehingga menjadilah ia sesuatu yang sia-sia. Di sini tidak wujud percanggahan antara al-Baijuri dan Ibn Taimiyyah. Yang wujud hanyalah perbezaan pilihan di mana al-Baijuri memilih dua kaedah manakala Ibn Taimiyyah memilih satu kaedah, iaitu apa yang dipegangi oleh generasi *al-Salaf*.

## PENILAIAN SEMULA NO: 55

### ***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Qadhi ‘Abd Jabbar al-Mu’tazili.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 73:*

Percanggahan Pendapat antara Ibn Taimiyyah  
dengan  
Qadhi ‘Abd al-Jabbar al-Mu’tazili

### ***Penilaian semula:***

Dakwaan percanggahan di atas tidak akan dilayan kerana al-Qadhi ‘Abd al-Jabbar bin Ahmad bin ‘Abd al-Jabbar (415H) adalah seorang tokoh aliran *al-Mu’tazilah* yang banyak menyelisih dasar-dasar ‘*aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* tanpa terhad kepada masalah *nas-nas al-Sifat* sahaja.<sup>169</sup> Di sini

---

<sup>169</sup> Untuk kajian lanjut tentang aliran *al-Muktazilah* dari sumber terjemahan, lihat:

[1] *Prinsip-prinsip Dasar Aliran Theologi Islam* oleh Abu al-Hasan al-Asya’ari, jld. 1, ms. 220-234.

[2] *Sekte-sekte Islam* oleh al-Syarastani (terj *Kitab al-Milal wa al-Nihal* oleh Karsidi Diningrat; Pustaka, Bandung 1996), ms. 57-103.

[3] *Ensiklopidi Islam* (PT Ichtiar Baru van Hoeve, Jakarta 1994), jld. 3, ms. 290-294.

[4] *Peranan Aliran Iktizal dalam Perkembangan Alam Pikiran Islam* – Joesoef Sou’yb. Pustaka al-Husna, Jakarta 1982

Bagi kajian dari sumber internet, sila lihat:

[1] [http://www.geocities.com/salafyoononline/arsiplama/manhaj\\_10.htm](http://www.geocities.com/salafyoononline/arsiplama/manhaj_10.htm)

[2] <http://www.alislam.or.id/aliranislam/arsip/00000061.html>

[3] <http://www30.brinkster.com/islamicsquare/usuluddin/artikel9.htm>

Nukilan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* tentang kata-kata Qadhi ‘Abd al-Jabbar boleh dilihat dalam *Syarah Usul al-Khamsah* (ta’liq: Ahmad bin al-Husain bin Abi Hasyim; *tahqiq*: ‘Abd al-Karim ‘Uthman; Maktabah Wahbah, Kaherah 1996), ms. 600 (*Kitab Usul ke-2, Bab Hakikat antara al-Muhkamah dan al-Mutasyabih*).

jelas kelihatan permainan kotor penyusun *Salafiyah Wahabiyah* yang akan menggunakan apa sahaja cara untuk mencapai matlamatnya.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 56**

### ***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Razi.***


Penyusun *Salafiyah Wahabiyah ms. 74-75* telah mengemukakan pendapat Fakh al-Din al-Razi (606H)<sup>170</sup> dalam kitabnya *Asas al-Taqdis (tahqiq Ahmad Hajazi; Dar al-Jail,*

---

<sup>170</sup> Beliau ialah Muhammad bin ‘Umar bin Husain, Fakr al-Din al-Razi, terkenal dengan kitab tafsirnya: *Mafatih al-Ghaib* dan usul fiqhnya: *al-Mahsul fi ‘Ilm Usul al-Fiqh*. Beliau adalah seorang tokoh Mazhab Shafi‘i yang sangat banyak berkarya, sama ada hasil tulisan sendiri atau mensyarah tulisan tokoh sebelumnya. Meninggal dunia pada tahun 606H.

Beirut 1993) yang telah menghujahkan beberapa contoh *nas-nas al-Sifat* yang menurut beliau tidak boleh diterima sebegitu sahaja melainkan wajib *ditakwilkan* kepada maksud yang lain. Antara contoh yang beliau kemukakan ialah ayat-ayat al-Qur'an tentang sifat Mata bagi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Contoh pertama, Firman Allah:



***Yaitu: Letakkanlah dia (Musa) di dalam peti, kemudian lemparkanlah ia ke sungai (Nil), maka pasti sungai itu membawanya ke tepi, supaya diambil oleh musuh-Ku (Fir'aun) dan musuhnya. Dan Aku telah melimpahkan kepadamu kasih sayang yang datang dari-Ku; dan supaya kamu diasuh di atas mata-Ku.*** [Ta-Ha 20:39]


Terhadap ayat ***...dan supaya kamu diasuh di “atas mata-Ku”*** berkata al-Razi:

Dikehendaki oleh ayat ini (secara zahirnya) agar Musa *'alaihi salam* menetap di atas Mata tersebut, menyentuhnya dan (duduk) di atasnya. Yang sedemikian tidak akan diperkatakan oleh orang-orang yang berakal.<sup>171</sup>

Contoh kedua, Firman Allah:

<sup>171</sup>

*Asas al-Taqdis, ms. 137 (Bab ke 14 tentang al-'Ain).*



***Dan buatlah bahtera itu dengan Mata kami dan petunjuk wahyu Kami, dan janganlah kamu bicarakan dengan Aku tentang orang yang zalim itu; sesungguhnya mereka itu akan ditenggelamkan. [Hud 11:37]***

Terhadap ayat ***Dan buatlah bahtera itu “dengan Mata kami”*** ... berkata al-Razi:

Dikehendaki oleh ayat ini (secara zahirnya) agar diperbuat bahtera tersebut dengan Mata.<sup>172</sup>

Dua ayat ini serta maksud zahirnya sebagaimana yang diungkap oleh al-Razi menunjukkan bahawa ia perlu *ditakwil*. Berkata al-Razi seterusnya:

فتبت: أنه لا بد من المصير إلى التأويل, وذلك هو أن تحمل هذه الألفاظ على شدة العناية والحراسة. والوجه في حسن هذا المجاز: أن من عظمت عنايته بشيء, وميله إليه, ورغبته فيه, كان كثير النظر إليه. فجعل لفظ العين – التي هي آلة لذلك النظر – كناية عن شدة العناية.

Maka kesimpulannya untuk memahami ayat di atas memerlukan kepada *al-Takwil* iaitu membaca lafaz tersebut dengan makna “benar-benar memerhatikan dan menjaga.”

Kebaikan *majaz* ini dilihat apabila menganggap sesuatu

172

*Ibid*, ms. 137.

perkara itu sebagai besar maka ia memerlukan perhatian dan kecenderungan serta kesukaan kepadanya sehingga memerlukan perhatian yang banyak. Maka dijadikan lafaz *al-‘Ain* (yang pada asalnya adalah) alat untuk melihat (kepada maksud) sebagai *kinayah* tentang sikap keprihatinan.<sup>173</sup>

### ***Penilaian semula:***

Punca masalah di atas adalah apabila seseorang itu menganggap mata Tuhan sepertimana mata makhluk, di mana ia adalah satu objek yang boleh diduduk di atasnya atau digunakan untuk sesuatu perbuatan. Padahal telahpun dijelaskan sebelum ini bahawa sesuatu *nas al-Sifat* itu hanya diterima dan difahami sekadar makna yang dibawa oleh lafaznya manakala bentuk dan ciri-cirinya (*kaifiat*) tidaklah seumpama dengan mana-mana makhluk dalam apa jua bentuk sekalipun. Ini adalah kerana Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* menerangkan sifat-sifat-Nya adalah untuk dikenali tujuannya dan bukannya untuk dibahas bagaimana dan seperti apa bentuknya. Justeru tidak boleh menganggap mata Tuhan adalah satu bebola berjisim sebagaimana mata makhluk sehingga boleh diduduk di atasnya. Sesiapa yang menganggap demikian maka dia telah melakukan kesilapan yang sangat besar.<sup>174</sup>

Oleh itu mudah difahami bahawa yang dimaksudkan oleh Allah ‘Azza wa Jalla dalam kedua-dua ayat di atas adalah di bawah pemerhatian dan pengawasan-Nya. Bererti Nabi Musa diasuh dan Nabi Nuh membina bahtera di bawah pemerhatian dan pengawasan Allah *‘Azza wa Jalla*. Kedua-dua kefahaman ini dapat dicapai tanpa perlu *mentakwilkan* sifat Mata dalam kedua-dua ayat di atas. Ia adalah satu tafsiran yang tidak

---

<sup>173</sup> *Ibid*, ms. 137.

<sup>174</sup> Di sinilah letaknya bahaya ilmu kalam ke atas umat Islam. Sila lihat kajian Sulaiman bin Saleh dalam bab ilmu kalam ini dalam bukunya: *Mauqifu al-Mutakallimin min Istidlal bi nusūs al-Kitāb wa al-Sunnah* (Dar al-‘Asomiyah, Riyadh 1996).

memerlukan kepada apa-apa takwilan.

Inilah kaedah generasi *al-Salaf* dalam memahami kedua-dua ayat di atas. Mereka tidak *mentakwilkan* sifat Mata dalam kedua-dua ayat tersebut. Mereka memberi tumpuan maksud dan tujuan sesuatu *nas al-Sifat* dikhabarkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan bukannya ciri-ciri dan bentuk (*kaifiat*) sifat tersebut di sisi Allah.

Jika generasi *al-Salaf*, yakni Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, para sahabat, *tabi'in* sehinggalah ke para imam mazhab yang empat *radiallahu ‘anhum*, telah *mentakwilkannya* dengan *takwil* pengalihan lafaz, pasti ia akan sampai kepada pengetahuan kita. Bahkan Hasan al-Saqqaf sendiri akan mengemukakannya sebagai salah satu hujah bahawa generasi *al-Salaf* telah melakukan *takwil* pengalihan lafaz ke atas salah satu sifat Allah. Namun al-Saqqaf tidak mampu melakukan sedemikian kerana sememangnya generasi *al-Salaf* tidak pernah melakukannya.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 57**

***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan Ibn ‘Asakir.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 75:*

|                                                       |
|-------------------------------------------------------|
| Percanggahan Pendapat Ibn Taimiyah dengan<br>Imam al- |
|-------------------------------------------------------|

Di dalam kitabnya “*Tabyin Kazbu al-Muftari fi Ma Nusiba ila Imam Abi Hassan al-Asya‘ri*” (ms. 27)<sup>175</sup>, beliau menjelaskan kepada kita dengan katanya:

“Golongan al-Salaf dan al-Khalaf telah bersepakat di dalam memalingkan makna ayat atau hadith yang *mutasyabih* daripada zahir nas yang mendatangkan kekeliruan, seolah-olah menyerupai dengan sesuatu. Maka pihak yang pertama merasakan cukup dengan mentakwil secara umum sahaja dan menahan diri mereka daripada memberi makna maksud tersebut (*tafwid*). Manakala pihak yang kedua pula ingin menentukan maksud yang sedemikian bertujuan untuk menolak kesamaran yang dibuat oleh puak-puak *musyabbih* yang sentiasa menjadikan berhala-berhala mereka yang ada di bumi itu seperti apa yang ada di langit.

### **Penilaian semula:**

Di atas adalah contoh sekotor-kotor permainan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* untuk memfitnahkan para ulama’ Islam dan mengelirukan para pembaca. Telah dirujuk kepada kitab *Tabyin Kazbu al-Muftari fi Ma Nusiba ila Imam Abu al-Hasan al-Asya‘ari* dan didapati kata-kata di atas sebenarnya bukanlah berasal dari Ibn ‘Asakir tetapi adalah daripada Muhammad Zahid al-Kauthari selaku penyunting kitab yang terletak di bahagian notakaki ms. 28. Apa yang dikemukakan oleh al-Kauthari ini adalah tidak benar kerana generasi *al-Salaf* tidak *mentakwilkan nas-nas al-Sifat* sama ada secara umum

---

<sup>175</sup> Sebenarnya adalah mukasurat 28 dan bukannya 27, satu kesilapan yang lazim antara angka 27 dan 28 .

mahupun secara terperinci.

Di sini terdapat bukti yang jelas, sejelas matahari yang menyinar tanpa awan, akan jenayah ilmiah yang dilakukan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Semoga para pembaca yang budiman sekalian dapat mengambil iktibar daripada jenayah beliau ini apabila membaca apa-apa tulisan beliau, sama ada yang wujud sekarang ini mahupun yang akan datang.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 58**

### ***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Suyuti.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 75:

Di dalam kitab “*al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an*” (ms. 15, jld. 2) yang bermaksud: “Para ulama' telah menjelaskan pendapat mereka bahawa setiap sifat yang mustahil hakikatnya terhadap Allah S.W.T., itu perlu ditafsirkan dengan makna yang wajib dengan sifat-Nya.”

### ***Penilaian semula:***

Kata-kata al-Suyuti (911H)<sup>176</sup> di atas memang terdapat dalam

---

<sup>176</sup> Beliau ialah ‘Abd al-Rahman bin Abu Bakar ibn Muhammad Jalal al-Din al-Suyuti, lahir di Kaherah pada tahun 849H. Seorang tokoh Mazhab Shafi‘i yang banyak berkarya, antara yang telah diterjemahkan ialah *Tafsir Jalalain* dalam bidang tafsir al-Qur’an dan *al-Jamii-us-Sagheir* dalam

*al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, jld. 2, ms. 15 (Bab ke 34: Tentang al-Muhkam dan al-Mutasyabih). Al-Suyuti telah memilih kaedah *al-Takwil* untuk memahami *nas-nas al-Sifat*, ia adalah ijihad beliau sebagai seorang yang layak berijtihad.

Sebelum itu al-Suyuti telah menyebut kaedah *Ahl al-Sunnah* yang menjadi pilihan generasi *al-Salaf*:<sup>177</sup>

وجمهور أهل السنة منهم السلف وأهل الحديث على الإيمان  
بها وتفويض معناها المراد منها إلى الله تعالى، ولا نفسرهما مع  
تنزيهنا له عن حقيقتها.

Dan *jumhur Ahl al-Sunnah* di antara mereka termasuklah generasi *al-Salaf* dan *Ahl al-Hadis*, mereka beriman kepadanya (*nas-nas al-Sifat*) dan menyerahkan makna yang dikehendaki daripadanya kepada Allah *Ta'ala* tanpa menafsirkannya dan di waktu yang sama menyucikan (Allah) dari maksud yang sebenar tentangnya (maksud seperti makhluk).

Selain itu al-Suyuti juga telah menukil kata-kata Ibn al-Solah (643H):<sup>178</sup>

على هذه الطريقة مضى صدر الامة وساداتها، وإياها اختار  
أئمة الفقهاء وقاداتها، وإليها دعا أئمة الحديث وأعلامه، ولا  
أحد من المتكلمين من أصحابنا يصدف عنها ويأبأها.

---

bidang hadis. Meninggal dunia pada tahun 911H.

<sup>177</sup> *Al-Itqan*, jld. 2, ms. 11.

<sup>178</sup> *Al-Itqan*, jld. 2, ms. 11.

Beliau ialah 'Uthman bin 'Abd al-Rahman bin 'Uthman Taqi al-Din bin al-Solah, seorang ahli hadis, fiqh, usul dan bahasa yang masyhur dalam Mazhab Shafi'i. Antara karya beliau yang terkenal ialah *'Ulum al-Hadis*. Meninggal dunia di Damaskus pada tahun 643H.

Atas jalan (kaedah) inilah menjadi pegangan umat generasi awal dan para tokoh mereka dan inilah juga yang menjadi pilihan para imam dan tokoh fiqh (fuqaha) dan kepadanya para imam dan ulama' hadis mengajak kepadanya dan tidaklah seorang jua daripada para ahli *kalam* di kalangan sahabat kami yang berpaling atau menolaknya.

Secara terperinci yang dimaksudkan oleh al-Suyuti sebagai: “..... menyerahkan makna yang dikehendaki daripadanya kepada Allah.....” adalah *kaifat* sesuatu nas al-Sifat. Generasi *al-Salaf* sedia memahami makna *nas al-Sifat* dan tujuan Allah mengkhabarkanya kepada para hamba-Nya. Hanya tatacara, ciri-ciri dan bentuk sifat tersebut yang diserahkan kepada Allah ‘*Azza wa Jalla*. Jika diambil sahaja zahir kata-kata al-Suyuti bererti generasi *al-Salaf* adalah satu generasi yang jahil dan sekian banyak ayat-ayat al-Qur’an dan hadis yang mengkhabarkan nas-nas al-Sifat menjadi sia-sia bagi mereka. Ini pasti mustahil dan pasti bukan merupakan maksud sebenar al-Suyuti.

Oleh itu tidak ada percanggahan antara al-Suyuti dan Ibn Taimiyyah kecuali perbezaan kaedah di mana al-Suyuti mencenderungi kaedah *al-Takwil* manakala Ibn Taimiyyah memilih kaedah *Ahl al-Sunnah*, satu kaedah yang sedia diiktiraf oleh al-Suyuti.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 59**

### ***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan Ibn Hajar al-Haithami.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 76:*

|                                           |
|-------------------------------------------|
| Percanggahan pendapat Ibn Taimiyah dengan |
|-------------------------------------------|

‘Alim  
‘Allamah Syeikh Ibn Hajar al-Haitami.  
Di dalam kitab “*Fatawa al-Hadithiyah*”, (ms. 151), beliau menegaskan pendapatnya yang bermaksud: .....

***Penilaian semula:***

Sedia diketahui bahawa Ibn Hajar al-Haithami al-Makki (974H)<sup>179</sup> memilih kaedah *al-Takwil*. Ini adalah ijtihad Ibn Hajar al-Haithami. Sebelum ini di bahagian awal Bab A telahpun diterangkan kelemahan-kelemahan hujah bagi mereka yang memilih kaedah *al-Takwil* ke atas *nas-nas al-Sifat*.

**PENILAIAN SEMULA NO: 60**

***Dakwaan percanggahan Ibn Taimiyyah dengan al-Zarqani.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 76:

Di dalam kitab “*Manahil al-Urfan*” (ms. 292, jld. 2) beliau menegaskan:

---

<sup>179</sup> Beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin ‘Ali bin Hajar, seorang tokoh Mazhab Shafi’i yang masyhur. Antara karya beliau yang sering menjadi rujukan ialah *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah*, *al-Fatawa al-Hadithiyyah* dan *al-Sawa’iq al-Muhriqah ‘ala Ahl al-Rafidh wa al-Dhalal wa al-Zandaqiyyah*. Meninggal dunia di Makkah pada tahun 974H.

“Kami telah mengetahui bahawa menggunakan ayat-ayat mutasyabih pada sifat-sifat Allah itu secara zahir dengan mengekalkan maknanya adalah bukan pendapat orang-orang Islam. Sebaliknya ia adalah pendapat ahli-ahli agama yang lain seperti yahudi dan kristian dan ahli-ahli agama yang sesat seperti kaum *Musyabbihah dan Mujassimah*”.

### **Penilaian semula:**

Di atas merupakan satu pendustaan ke atas al-Zarqani dan penyelewengan fakta ke atas kitabnya.

Kata-kata di atas benar terdapat dalam *Manahil al-‘Urfan fi ‘Ulum al-Qur’an* karya Muhammad bin ‘Abd al-‘Adzim al-Zarqani (Dar al-Fikr, Beirut 1996)<sup>180</sup> jld. 2, ms. 209 (Bab ke 15: Tentang Muhkam al-Qur’an dan Mutasyabihah, Bab: Petunjuk dan Peringatan). Bab ini asalnya ditujukan kepada sebahagian manusia di zaman al-Zarqani yang cuba meneladani generasi *al-Salaf* dalam memahami *nas-nas al-Sifat* tetapi telah terkeliru sehingga mereka memahaminya secara zahir: *makna* dan *kaifiat*. Mereka menganggap Allah *Beristiwa*’ di atas *‘Arasy* dengan Dzat-Nya dengan sebenar-benar maksud. *Ahl al-Zahir* inilah yang dikritik oleh al-Zarqani.

Sebelum itu al-Zarqani telahpun menukil 3 kaedah yang benar dalam memahami *nas-nas al-Sifat*, ringkasnya:<sup>181</sup>

[1] Kaedah *Ahl al-Sunnah* yang diamalkan oleh Mazhab *al-Salaf*.

---

<sup>180</sup> Kitab ini juga dalam proses terjemahan dan kini telah siap jilid yang pertama. Ia diterjemahkan atas judul yang sama oleh Qadirun Nur & Ahmad Musyafiq, diterbitkan oleh Gaya Media Pratama, Jakarta 2002. Ketika menulis kitab ini, Muhammad ‘Abd al-‘Adzim al-Zarqani adalah pensyarah *‘Ulum al-Qur’an* dan *‘Ulum al-Hadis* di Universiti al-Azhar.

<sup>181</sup> *Manahil al-‘Urfan*, jld. 2, ms. 207-208. Yang seumpama juga telah dikemukakan oleh al-Suyuti dalam *al-Itqan*, jld. 2, ms. 10-12.

[2] Kaedah *al-Takwil*.

[3] Kaedah dipertengahan, iaitu dibolehkan *mentakwil* sesebuah al-Sifat apabila *takwilan* yang dilakukan benar dan dikenali di sisi lisan Arab. Jika tidak maka hendaklah ditangguhkan (tidak *ditakwil*) melainkan beriman kepada maksudnya sambil mensucikan Allah (daripada *Tasybih dan Tajsim*).

Oleh itu yang benar tidak ada percanggahan antara al-Zarqani dan Ibn Taimiyyah. Kata-kata al-Zarqani yang dinukil oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sebenarnya tidak di letakkan pada tempat yang sebenarnya (*out of context*) dan ini merupakan pendustaan ke atas al-Zarqani dan penyelewengan fakta ke atas kitabnya.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 61**

### ***Kesimpulan Bab D: Syubhat dalam kaedah Ibn Taimiyyah terhadap nas-nas al-Sifat.***

Berkata penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sebagai kesimpulan daripada penilaian beliau ke atas kaedah Ibn Taimiyyah dari mukasurat 64-77:

Secara ringkas, pendapat Syeikh Ibn Taimiyyah,

Ibn Qayyim serta pengikutnya Syeikh Muhammad Abd Wahab (yang mengambil nas secara zahir untuk menetapkan sifat yang mustahil) dengan sendirinya terbatal dan tertolak. Bahkan tersanggah dan disanggah oleh ulama' ulama' muktabar yang datang sebelum dan selepas mereka.

Justeru itu, untuk kepentingan bersama, eloklah kita merujuk kembali kepada kitab-kitab karangan ulama' yang asal untuk mendapatkan kesahihan pendirian mereka berhubung dengan masalah zahir nas (teks) ini. Begitu juga dengan kitab-kitab karangan ketiga-tiga tokoh di atas. Kita perlu membuat perbandingan hujah antara mereka dengan jumhur ulama' supaya dapat menemui titik pertemuannya. Dengan hati yang ikhlas dan berasaskan ilmu, mohonkanlah nasihat dan pandangan Tuan-Tuan Guru dan para alim ulama' kita di dalam menilai permasalahan ini. Semoga Allah mengurniakan Taufik kepada kita semua. Wallahu a'lam.

### ***Penilaian semula:***

Telah dilakukan sepertimana yang disyorkan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di atas dan didapati beliau (penyusun *Salafiyah Wahabiyah*) telah keliru dan mengelirukan orang ramai antara kaedah *Ahl al-Sunnah* dan *Ahl Zahir*. Kajian secara mendalam mendapati:

[1] Sebahagian besar tokoh yang dianggap bercanggah dengan Ibn Taimiyyah sebenarnya memiliki pendapat yang selari dengan Ibn Taimiyyah.

[2] Hanya segelintir tokoh yang memilih kaedah *al-Takwil* dan ini adalah merupakan ijtihad mereka. Kuat atau lemah ijtihad ini telah dibahas di bahagian awal Bab A dalam buku ini.

[3] Sekalipun hendak dikatakan sebagai “percanggahan”, ketahuilah bahawa percanggahan tersebut hanya wujud antara beberapa tokoh yang bukan berasal daripada generasi al-Salaf. Perhatikan bahawa dalam semua contoh “percanggahan” yang dikemukakan, penyusun *Salafiyah Wahabiyah* gagal membawa seorang tokoh daripada kalangan generasi *al-Salaf* untuk didakwa sebagai bercanggah dengan Ibn Taimiyyah.

Selain itu didapati penyusun *Salafiyah Wahabiyah* masih tidak terlepas daripada permainan kotornya untuk mengelirukan para pembaca. Pendustaan dan penyelewengan fakta masih berterusan malah lebih hebat daripada perbincangan sebelumnya. Yang lebih berat adalah tindakan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* yang melaga-lagakan sesama tokoh atas alasan mereka kononnya saling menyanggahi antara satu sama lain.

Dengan hati yang ikhlas dan berasaskan ilmu, dipohon kepada Tuan-tuan Guru dan para alim ulama’ di mana sahaja mereka berada agar berhati-hati dengan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ini. Tindakan beliau melaga-laga dan mendustakan sesama ulama’ tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Entah-entah di satu hari nanti beliau akan melakukan hal yang sama ke atas sesama tuan guru dan alim ulama’ setempat.

## **BAB E: AL-TAFWIDH DAN PERSOALAN “DI MANAKAH ALLAH ?”**

### ***Pengenalan.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* seterusnya dari mukasurat 78 telah membahas tentang kaedah *al-Tawfidh*. Ini beliau lakukan

selari dengan langkah gurunya – Hasan al-Saqqaf yang cuba membuktikan bahawa generasi *al-Salaf* berpegang kepada dua kaedah apabila berinteraksi dengan *nas-nas al-Sifat*: kaedah *al-Takwil* dan kaedah *al-Tafwidh*.

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* juga dalam bab ini telah menyertakan perbincangan tentang status riwayat daripada para imam mazhab dalam bab “Di manakah Allah ?”

Insyaa-Allah penulis akan menilai kedua-duanya, dimulakan atas takrifan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ke atas istilah *al-Tafwidh*.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 62**

### ***Definisi “Al-Tafwidh.”***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 78*:

*Al-Tafwidh* ialah *mentakwil* nas-nas secara ijmal (umum) dan menyerahkan maknanya yang asal kepada Allah S.W.T. dengan berpegang bahawa maha suci Allah daripada menyerupai makhluk.

Tidak jelas apakah yang sebenarnya dimaksudkan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dengan definisi di atas. Berikut penulis akan mengupas sendiri maksud *al-Tafwidh* dan beberapa perkara yang berkaitan dengannya.

Dikatakan:<sup>182</sup>

Saya serahkan urusan kepada dia, yakni saya menjadikannya urusan dia.

Serahkan urusan kepada dia, yakni meletakkan urusan kepada dia.

Contoh penggunaannya dalam al-Qur'an adalah sepertimana firman Allah:



<sup>183</sup> Lihat Ibn Manzur – *Lisan al-‘Arab* (Dar al-Sadir, Beirut tp.thn.), jld. 7, ms. 210.

265



***Kelak kamu akan ingat kepada apa yang kukatakan kepada kamu. Dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hambanya. [al-Mukmin 40:44]***

Contoh penggunaannya dalam hadis adalah sepertimana dalam sebuah doa yang diajar oleh Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam*:

اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسَلَمْتُ نَفْسِیْ اِلَیْكَ، وَفَوَّضْتُ اَمْرِیْ اِلَیْكَ، وَاجْتَأْتُ ظَهْرَیْ اِلَیْكَ .....

***Ya Allah aku berserah diri kepada Engkau dan aku menyerahkan urusanku kepada Engkau dan aku menyalurkan (nasib) tubuhku kepada Engkau.....***<sup>184</sup>

*Al-Tafwidh* dari sudut istilah adalah: “Menahan dan menanggung hukum atas sesuatu perkara dengan menyerahkannya kepada yang menghukumnya.”

*Al-Tafwidh* dari sudut istilah *Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat* sebagaimana yang difahami dan dipegangi (*i’tiqad*) oleh *Ahl al-Sunnah* adalah: “Beriman kepada sesuatu sifat Allah sebagaimana yang dikhabarkan oleh al-Qur’an dan al-Sunnah yang sahih dengan difahami maknanya manakala ilmu tentang bentuk, ciri-ciri dan tatacara sifat tersebut (*kaifiat*) diserahkan kepada Allah sambil menyucikan-Nya dari *tasybih* dan *tajsim*.”

“Beriman” dengan sesuatu *nas al-Sifat* ialah menetapkan apa yang ditetapkan dan menafikan apa yang dinafikan oleh al-Qur’an dan al-Sunnah yang *sahih*. “Difahami maknanya”

---

<sup>184</sup> **Sahih:** Sebahagian hadis daripada ‘Ali bin Abi Talib *radiallahu ‘anhu*, dikeluarkan oleh al-Hakim dan dinukil serta dinilai *sahih* oleh al-Suyuti dalam *al-Jamii’ al-Sagheir* (terj: Nadjih Ahjad; PT. Bina Ilmu, Surabaya 1995) – no: 1488 dan dipersetujui *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih Jamii’ al-Sagheir* (Maktabah al-Islami, Beirut 1988) – no: 1269.

bererti diketahui makna sifat tersebut mengikut apa yang lazim dalam bahasa Arab manakala “menyerahkan ilmu” tentang *nas-nas al-Sifat* hanyalah terhadap *kaifiatnya* seperti bentuk, ciri-ciri dan tatacara sifat tersebut.

Istilah *al-Tafwidh* dari sudut *Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat* di atas didirikan berdasarkan himpunan dan rumusan kata-kata para tokoh generasi *al-Salaf* sebagaimana yang telah dikemukakan sebelum ini.

### **Dua syubhat tentang maksud al-Tafwidh.**

Wujud dua tafsiran yang berlainan di sisi sebahagian pihak terhadap istilah *al-Tafwidh*. Berikut adalah perinciannya:

#### **Tafsiran Pertama:**

*Al-Tafwidh* dari sudut istilah *Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat* adalah: “Menyerahkan hal ini secara keseluruhannya kepada Allah ‘Azza wa Jalla.”

Contohnya apabila Allah berfirman bahawa ***Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat*** [maksud al-Syura 42:11], keseluruhan ayat ini diserahkan kepada Allah. Manusia tidak dituntut suatu apapun dari ayat ini kecuali dikembalikan kepada yang Empu-Nya.

Penilaian semula:

Tafsiran ini adalah tidak benar dan tertolak kerana jika keseluruhan yang berkaitan dengan *nas-nas al-Sifat* diserahkan kepada Allah, bererti *nas-nas* tersebut tidak memiliki sebarang manfaat kepada manusia. Dengan itu juga sekian banyak *nas-nas al-Sifat* yang wujud dalam al-Qur’an dan hadis yang *sahih* tidak memiliki apa-apa manfaat kepada manusia, malah ia adalah sia-sia sahaja.

Bahkan tafsiran di atas merupakan satu fitnah ke atas Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* dan generasi *al-Salaf* kerana dengan berkata demikian bererti mengisytarkan mereka sebagai satu golongan yang jahil terhadap sekian

banyak ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah.

Hal ini pasti tidak benar justeru tafsiran di atas ditolak.

### **Tafsiran Kedua:**

*Al-Tafwidh* dari sudut istilah *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat* adalah: “Menerima sesuatu *nas al-Sifat* dari sudut istilah manakala makna diserahkan kepada Allah ‘Azza wa Jalla.”

Contohnya apabila Allah berfirman bahawa ***Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat*** [maksud al-Syura 42:11], maka seseorang itu hanya perlu menerimanya sifat Mendengar dan Melihat dari sudut istilah manakala makna dan *kaifatnya* diserahkan sepenuhnya kepada Allah.

Penilaian semula:

Tafsiran ini adalah juga tidak benar kerana jika diterima sesuatu *nas al-Sifat* hanya dari sudut istilah tanpa makna bererti ia tidak akan membawa apa-apa manfaat kepada manusia. Tidak akan diketahui tujuan atau pengajaran daripada sesuatu *nas al-Sifat*. Lebih dari itu *nas-nas al-Sifat* ini tidak akan dapat mencapai tujuan ia dikhabarkan, iaitu bagi mengenali Allah dan mengetahui segala kesempurnaannya.

Maka akhirnya menjadilah ia sesuatu yang sia-sia sepertimana tafsiran pertama di atas. Ia juga tidak boleh digelar sebagai suatu keindahan (*al-Husna*) kerana keindahan itu hanya dapat diketahui melalui maknanya. Malah lebih dari itu jika sekadar istilah tanpa makna, bererti sesuatu istilah *al-Sifat* itu boleh bersilih ganti fungsi dan tujuannya antara satu sama lain.

Hal ini sepertimana terang Ibn al-Qayyim(751H):<sup>185</sup>

---

<sup>185</sup> *Madarij al-Salikin baina Manazil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in (tahqiq: M. Hamid al-Fiqqi, Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut 1973), jld. 1, ms. 28.* Edisi yang sama juga telah diterjemahkan atas judul: *Madarijus Salikin: Jenjang Spritual Para Penempuh Jalan Ruhani* (terj: Abu Sa'id al-Falahi, setakat ini siap 2 jld. pertama, Robbani Press, Jakarta 1998), jld. 1, ms. 50.

Ibn al-Qayyim ialah Muhammad bin Abu Bakar bin Qayyim al-Jawziyyah,

أسماء الرب تبارك وتعالى دالة على صفات كماله فهي مشتقة من الصفات. فهي أسماء وهي أوصاف وبذلك كانت حسنى. إذ لو كانت ألفاظا لا معانى فيها لم تكن حسنى ولا كانت دالة على مدح ولا كمال. ولساغ وقوع أسماء الإنتقام والغضب في مقام الرحمة والإحسان وبالعكس. فيقال اللهم إني ظلمت نفسي فاغفر لي إنك أنت المنتقم والهم أعطني فإنك أنت الضار المانع ونحو ذلك

Nama-nama *Rabb Tabaraka wa Ta'ala* menunjukkan sifat-sifat kesempurnaan-Nya (*Kamil*) kerana ia berasal dari *al-Sifat*. Maka ia adalah nama dan pada waktu yang sama adalah sifat kerana itu ia adalah keindahan (*al-Husna*).

Seandainya ia adalah lafaz-lafaz semata-mata (yakni istilah sahaja) tanpa maknanya tidaklah ia menjadi indah (*al-Husna*) dan tidaklah ia menunjuk kepada pujian dan kesempurnaan. Bahkan boleh pula menempatkan nama Membalas Dendam (*al-Intiqam*) dan Marah (*al-Ghadab*) pada tempat Kasih Sayang (*al-Rahmat*) dan Kebaikan (*al-Ihsan*) atau sebaliknya.

Sehingga dapat dikatakan: “Ya Allah sesungguhnya aku telah menzalimi diriku sendiri maka ampunilah aku (kerana) sesungguhnya Engkau adalah Maha Pembalas Dendam (*al-Muntaqim*).” Atau (dikatakan): “Ya Allah anugerahilah aku (kerana) sesungguhnya Engkau adalah Maha Pemberi Mudarat (*al-Dhar*) dan Yang Maha

---

seorang anak murid Ibn Taimiyyah yang banyak berusaha menyebar dan membukukan perjuangan gurunya. Buku-bukunya banyak yang telah diterjemahkan. Meninggal dunia pada tahun 751H.

Menolak (*al-Mani'*) dan begitulah seterusnya.

Oleh itu yang benar adalah sesuatu *nas al-Sifat* diketahui maknanya, hanya *kaifatnya* yang serahkan (*Al-Tafwidh*) kepada Allah. Contohnya apabila Allah berfirman: ***Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat*** [maksud al-Syura 42:11], kita beriman kepada sifat Allah yang Mendengar dan Melihat. Pada waku yang sama kita memahami maknanya, iaitu Allah dapat Mendengar segala ucapan kita sama ada yang perlahan atau kuat, di lidah atau di hati. Hanya *kaifatnya*, iaitu ciri-ciri, tatacara dan bentuk pendengaran tersebut diserahkan sepenuhnya kepada Allah '*Azza wa Jalla*.

Demikian juga kita memahami makna sifat Allah yang Melihat, iaitu Allah dapat Melihat segala perbuatan kita sama ada zahir atau tersembunyi, sama ada di hadapan orang atau dibelakangnya. Hanya *kaifatnya*, iaitu ciri-ciri, tatacara dan bentuk penglihatan tersebut diserahkan sepenuhnya kepada Allah '*Azza wa Jalla*.

Dengan ini jelas bahawa dua tafsiran di atas tentang istilah *al-Tafwidh* adalah tidak benar. Yang benar adalah tafsiran *Ahl al-Sunnah* yang dipegangi dan dipraktikkan oleh generasi *al-Salaf*, iaitu diketahui makna sesuatu *nas al-Sifat* kecuali *kaifatnya* yang diserahkan kepada Allah.

### **Penjelasan Tambahan:**

**Beberapa kekeliruan lain tentang istilah *al-Tafwidh* dan penjelasannya.**

Perlu dikemukakan beberapa penjelasan tambahan bagi mengelakkan kekeliruan dalam bab ini.

#### **Pertama:**

Beberapa *athar al-Salaf* yang menyebut “tanpa makna” dan “tanpa tafsir”.

Generasi *al-Salaf* dalam sesetengah *athar* pernah menyebut *nas-nas al-Sifat* sebagai “tanpa makna” dan “tanpa tafsir”. Kata-kata ini tidaklah bererti mereka *mentafwidhkan* makna-makna *nas al-Sifat* tetapi bererti mereka menahan diri daripada berbicara panjang mengenainya. Diketahui berdasarkan lain-lain *athar* bahawa generasi *al-Salaf* hanya membicarakan makna *nas-nas al-Sifat* pada tahap yang minimum, yakni sekadar apa yang lazim difahami dari bahasa Arab sahaja. Membicarakan *nas-nas al-Sifat* secara berlebihan tidak dituntut dalam agama malah ia hanya akan membuka ruang kepada kekeliruan orang ramai yang hanya akan berakhir dengan fahaman *Tasybih* dan *Tajsim*.

### **Kedua:**

Beberapa perkataan para Imam Mujtahid bahawa generasi *al-Salaf mentafwidhkan* makna *nas al-Sifat*.

Sebahagian Imam Mujtahid, sepertimana yang telah dinukil kata-kata mereka dalam penilaian sebelum ini (Bab D), telah menyebut bahawa generasi *al-Salaf* telah menyerahkan (*al-Tafwidh*) makna sesuatu *nas al-Sifat* kepada Allah ‘Azza wa Jalla. Sebenarnya secara terperinci yang dimaksudkan oleh para Imam Mujtahid tersebut adalah menyerahkan *kaifiat* sesuatu *nas al-Sifat* kepada Allah. Dalam erti kata lain para Imam Mujtahid mengetahui bahawa generasi *al-Salaf* memahami makna *nas al-Sifat*, hanya *kaifiatnya* yang diserahkan kepada Allah. *Kaifiat* sesuatu sifat adalah sebahagian daripada keumuman maksud perkataan “makna”.

Perincian ini adalah perlu kerana adalah mustahil bagi para Imam Mujtahid untuk menganggap umat Islam dalam 300 tahun yang pertama, termasuk Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam*, tidak mengetahui makna, tujuan dan pengajaran sesuatu *nas al-Sifat*. Sangat tidak mungkin untuk menganggap umat Islam dalam 300 tahun yang pertama tidak tahu makna *nas-nas al-Sifat* antara *Istiwa’*, Tangan, Turun dan sebagainya.

### **Ketiga:**

Kata-kata generasi *al-Salaf*: “Terimalah ia sebagaimana ia

datang tanpa *kaifiat*” adalah bukti mereka melakukan *al-Tafwidh* (penyerahan).

Ada yang mendakwa<sup>186</sup>, ucapan di atas adalah bukti bahawa generasi *al-Salaf* melakukan *al-Tafwidh* terhadap *nas-nas al-Sifat*. Ini adalah dakwaan yang tidak benar kerana beberapa sebab:

1. Jika diandaikan generasi *al-Salaf* melakukan *al-Tafwidh* secara sepenuhnya maka jawapan mereka terhadap persoalan *nas-nas al-Sifat* akan berbunyi: “Serahkanlah ia kepada Allah”.
2. Jika diandaikan generasi *al-Salaf* menyerahkan segala-galanya kepada Allah, maka tidak perlu bagi mereka untuk menyebut “Tanpa *kaifiat*” kerana penyerahan sebegini adalah tidak perlu ke atas sesuatu yang pada asalnya telah diserahkan secara *total*.
3. Ucapan generasi *al-Salaf* tersebut juga tidak boleh dijadikan hujah bahawa mereka menerima sesuatu *nas al-Sifat* hanya dari sudut istilah dan tidak dari sudut makna kerana penyerahan makna bagi sesuatu *nas al-Sifat* tidak akan lagi memerlukan penyerahan *kaifiat*. Ini tidak lain menunjukkan bahawa yang diterima adalah istilah dan makna, hanya *kaifiat* yang diserahkan kepada Allah.
4. Perkataan “tanpa” dalam ucapan generasi *al-Salaf* tersebut menunjukkan ia terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama adalah penetapan manakala

---

<sup>186</sup> Asalnya dikemukakan oleh al-Kauthari dan al-Saqqaf dalam beberapa tulisan mereka. Hal yang seumpama juga didakwa oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 88 ketika mengemukakan kata-kata al-Shafi'i sebagai pembuktian kaedah *al-Tafwidh*:

“Abu beriman dengannya tanpa *tasybih* (perumpamaan) dan aku membenarkannya tanpa *tamthil* (perumpamaan)...”

Juga diikuti dengan kata-kata Ahmad bin Hanbal di ms. 90:

“Kami beriman dengannya dan membenarkannya tanpa bentuk dan makna.”

yang kedua adalah pengecualian. Penetapan dilakukan di atas Sifat yang disifati oleh Allah terhadap diri-Nya manakala pengecualian adalah terhadap *kaifiat* di mana ia diserahkan kepada Allah.

Maka yang benar dalam ucapan generasi *al-Salaf*: “Terimalah ia sebagaimana ia datang tanpa *kaifiat*” terkandung bukti yang jelas bahawa mereka menetapkan Sifat bagi Allah sebagaimana Allah menyifati diri-Nya, hanya *kaifiat* sifat tersebut yang *ditafwidhkan* kepada Allah ‘*Azza wa Jalla*.

#### **Keempat:**

Kaedah *al-Tafwidh* adalah *Aslam* manakala kaedah *al-Takwil* adalah *Ahkam*.

Sebahagian pihak yang menafsir kaedah *al-Tafwidh* di sisi generasi *al-Salaf* sebagai menyerahkan segala-galanya yang berkaitan *nas-nas al-Sifat* kepada Allah *Ta’ala* berpendapat bahawa ia adalah kaedah yang *Aslam* semata-mata, yakni selamat. Di sebalik itu kaedah *al-Takwil* yang dipraktikkan oleh generasi *al-Khalaf* adalah kaedah yang *Ahkam*, yakni bijaksana.

Di atas bukanlah kaedah *al-Tafwidh* yang difahami dan dipegangi (*i’tiqad*) oleh generasi *al-Salaf*. Mereka sebenarnya berpegang dengan kaedah *Ahl al-Sunnah* iaitu beriman dengan *nas-nas al-Sifat dengan ertikata* menetapkan (*ithbat*) apa yang ditetapkan oleh Allah dan menafikan apa yang dinafikan oleh Allah. Generasi *al-Salaf* memahami makna sesuatu *nas al-Sifat*, hanya kaifiatnya yang diserahkan kepada Allah, iaitu bentuk, ciri-ciri dan tatacara sifat tersebut. Kaedah ini bukanlah sekadar *Aslam* sahaja tetapi merangkumi kedua-duanya sekali: *Aslam dan Ahkam*.

Bagaimana mungkin dikatakan kaedah *al-Takwil* adalah *Ahkam* padahal ia adalah sangat lemah lagi membatalkan antara satu sama lain ? Hal ini sepertimana yang telah diterangkan di bahagian awal Bab A.

#### **Kelima:**


Kaedah *al-Tafwidh* yang dihukum *bid'ah*.

Sesetengah tokoh *Salafiyyah* telah menghukum *bid'ah* terhadap kaedah *al-Tafwidh*. Sebenarnya yang *dibid'ahkan* oleh mereka bukanlah *al-Tafwidh* yang dipegang oleh *Ahl al-Sunnah* tetapi adalah *al-Tafwidh* yang dipegang oleh mereka yang (A) berkata sesuatu *nas al-Sifat* itu secara keseluruhannya diserahkan kepada Allah dan (B) mereka yang berkata *nas-nas al-Sifat* hanya diterima dari sudut istilah manakala makna dan kaifiatnya diserahkan kepada Allah. Kesalahan pegangan atau tafsiran (A) dan (B) ini telahpun dijelaskan beberapa perenggan di atas.

Sekian perbahasan penulis tentang definisi *al-Tafwidh* dan beberapa perkara yang berkaitan dengannya. Berikut akan dibahas persoalan “Di manakah Allah ?” selari dengan perbahasan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mulai daripada mukasurat 79 dalam bukunya.




## Membahas persoalan: “Di manakah Allah ?”

Persoalan “Di manakah Allah ?” adalah berdasarkan beberapa firman Allah *Ta’ala*:



*al-Rahman Istiwa' Di Atas al-'Arasy. [Taha 20:05]*






**merupakan asap.** [al-Fusilat 41:11]



**Apakah kamu merasa aman terhadap Allah yang Di langit ?**  
[al-Mulk 67:16]



**Dari Allah Yang mempunyai tempat-tempat naik, Malaikat-malaikat dan Jibrail naik kepada-Nya dalam sehari yang kadarnya limapuluh ribu tahun.** [al-Ma‘arij 70:3-4]<sup>187</sup>

Ayat-ayat di atas semuanya menunjukkan bahawa Allah *Beristiwa*’ Di Atas ‘*Arasy-Nya* Di langit. Maka *Ahl al-Sunnah* beriman kepada ayat-ayat tersebut tanpa membahas bagaimana tatacara dan ciri-ciri sifat *Beristiwa*’ dan Di Atas tersebut (*kaifiat*) melainkan diserahkannya kepada Allah sambil menyucikan-Nya (*Tanzih*) daripada sifat menetap, mengambil tempat dan memenuhi ruang sebagaimana yang wujud di sisi makhluk.

Lebih dari itu *Ahl al-Sunnah* menegaskan bahawa ‘*Arasy* dan

<sup>187</sup> Segelintir ahli tafsir berpendapat ayat 16 surah al-Mulk sebenarnya merujuk kepada para malaikat: “*Apakah kamu merasa aman terhadap Malaikat yang di langit ?* Ayat 3 hingga 4 surah al-Ma‘arif menafikan tafsiran ini kerana jelas bahawa para malaikat juga naik ke atas kepada Allah ‘*Azza wa Jalla*. Ini menunjukkan bahawa yang sebenarnya Di Atas adalah Allah ‘*Azza wa Jalla*. Lebih dari itu sifat “keamanan” adalah sesuatu yang hanya mampu dijanjikan oleh Allah kepada para hambanya dan bukan oleh para malaikat kerana mereka juga adalah hamba yang memerlukan keamanan daripada Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.

Langit itu sendiri adalah makhluk ciptaan Allah maka kerana itu sifat “Allah Di Atas ‘*Arasy* Di langit” bukanlah bererti Allah memerlukan kepada kedua-duanya mahupun bergantung, terbatas, terikat dan terpengaruh olehnya. Disifatkan “Allah *Beristiwa*’ Di Atas ‘*Arasy* Di langit” semata-mata kerana Allah telah menyifati diri-Nya sedemikian di dalam al-Qur’an.

Inilah fahaman *Ahl al-Sunnah* yang menjadi pegangan generasi *al-Salaf* dan para *Salafiyyah*. Di samping itu generasi *al-Salaf* menolak pendapat segelintir umat yang berkata Allah itu berada di mana-mana di setiap tempat.

Mungkin wujud satu kemusykilan di kalangan para pembaca, bagaimanakah kaitan fahaman *Ahl al-Sunnah* di atas dengan *ijma*’ yang dinukil oleh ‘Abd al-Qadir al-Baghdadi (429H) bahawa: “Tuhan itu tidak diliputi dengan tempat dan tidak terkesan dengan peredaran masa.”<sup>188</sup> Sebenarnya *ijma*’ tersebut merujuk kepada “tempat” sebagaimana difahami di sisi makhluk yang melibatkan *tasybih* dan *tajsim*. Hal ini jelas salah dan kerana itulah wujud *ijma*’ yang menolaknya. *Ijma*’ ini tidak bersangkutan dengan fahaman *Ahl al-Sunnah* sepertimana yang telah diterangkan di atas di mana ianya bebas daripada *tasybih* dan *tajsim*.

Berikut dinukil pegangan (*i’tiqad*) Malik bin Anas, Ahmad bin Hanbal dan lain-lain tokoh dalam bab ini.

Berkata Malik bin Anas (179H):

الله في السماء وعلمه في كل مكان لا يخلو منه شيء.

Allah Di langit dan Ilmu-Nya berada di setiap tempat, tidaklah tertinggal darinya (Ilmu Allah) apa jua.<sup>189</sup>

---

<sup>188</sup> *al-Farq baina al-Firaq*, ms. 333 (Bab ke 3 daripada Bab Usul yang disepakati atasnya oleh *Ahl al-Sunnah*).

<sup>189</sup> **Sanad sahih:** Dikeluar oleh: ‘Abd Allah bin Ahmad bin Hanbal – *al-Sunnah (tahqiq: M. Sa’id Salim; Dar Ibn al-Qayyim, al-Damam 1406)*, jld. 1, ms. 106, no: 11. Melalui jalan di atas dikeluarkan juga oleh al-Lalaka’i dalam *Syarah Usul I’tiqad Ahl al-Sunnah*, jld. 3, ms. 401, no: 673.

Berkata Ahmad bin Hanbal (241H) apabila ditanya adakah Allah Di Atas ‘Arasy Di Atas 7 petala langit, beliau menjawab:

نعم, هو على عرشه ولا يخلو شيء من علمه.

Ya, Dia (Allah) Di Atas ‘Arasy-Nya dan tidaklah

---

Juga oleh Ibn ‘Abd al-Barr dalam *al-Tamhid*, jld. 7, ms. 138. Juga oleh Ibn al-Qudamah dalam *Ithbat Sifat al-‘Uluw* (*tahqiq*: Badr ‘Abd Allah al-Badr; Dar al-Salafiyyah, Kuwait 1406), ms. 115 melalui jalur yang bersambung ke al-Lalaka’i.

Semuanya dari jalan ‘Abd Allah bin Nafi’, beliau *thiqah* lagi *sahih* apabila menulis hadis tetapi cuai dalam hafalannya. Beliau juga dianggap meriwayatkan khabar aneh (*gharib*) daripada Malik bin Anas. Dua kelemahan ini tidaklah bererti kesemua riwayat ‘Abd Allah bin Nafi’ ditolak tetapi yang benar ia diukur bersama lain-lain riwayat atau petunjuk yang sedia ada. Jelas bahawa apa yang diriwayatkan oleh beliau daripada Malik bin Anas adalah selari dengan sejumlah ayat-ayat al-Qur’an yang menerangkan Allah di langit manakala ilmu-Nya bersama kita. Justeru riwayat beliau di atas adalah benar dan diterima.

Zahid al-Kauthari dan Hasan al-Saqqaf menolak keras ‘Abd Allah bin Nafi’ dengan beberapa alasan lain tetapi penolakan mereka telah dijawab oleh Shams al-Salafi al-Afghani dalam ‘*Adau al-Maturudiyyah li al-‘Aqidah al-Salafiyyah*, jld. 2, ms. 563-565.

Al-Saqqaf menambah dalam *al-‘Uluw li al-‘Aliy al-Ghaffar*, ms. 397, nk 708 bahawa Nasr al-Din al-Albani telah bercanggah dalam menilai riwayat yang dibawa oleh ‘Abd Allah bin Nafi’. Menurut al-Saqqaf, al-Albani telah *mensahihkan* riwayat di atas [lihat *Mukhtasar al-‘Uluw li al-‘Aliy al-Ghaffar* (Maktabah al-Islami, Beirut 1991), ms. 140, no: 130] tetapi dalam ketika yang lain telah *mendha’ifkan* sebuah hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allah bin Nafi’. Al-Saqqaf merujuk kepada kitab al-Albani – *Silsilah al-Ahadith al-Dha’ifah wa al-Maudhu’ah*, jld. 2, ms. 231-232.

Penulis telah merujuk kepada kitab tersebut (Maktabah al-Ma’arif, Riyadh 2000) dan didapati al-Albani sebenarnya membincangkan status sebuah hadis yang dikeluarkan oleh Abu Nu’aim dalam *Akhbar al-Asbaban* di mana di dalamnya terdapat ‘Abd Allah bin Nafi’. Al-Albani menerangkan status ‘Abd Allah bin Nafi’ yang *thiqah* lagi *sahih* apabila menulis hadis tetapi cuai dalam hafalannya. Akan tetapi al-Albani tidak menggunakan status ‘Abd Allah bin Nafi’ untuk *mendha’ifkan sanad* tersebut. *Kedha’ifannya* tertumpu kepada dua *perawi* lain yang bernama ‘Ashim bin ‘Amr al-‘Umari dan ‘Amr bin ‘Uthman. Oleh itu tidak ada percanggahan yang berlaku terhadap ‘Abd Allah bin Nafi’ di sisi al-Albani.

tertinggal apa-apa daripada Ilmu-Nya.<sup>190</sup>

Iniilah juga merupakan pendapat dan pegangan lain-lain tokoh generasi *al-Salaf*. Dalam sebuah hadis Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* telah bertanya kepada seorang hamba wanita:

---

<sup>190</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Khallal dalam *al-Sunnah*, dinukil oleh al-Dzahabi dan dinilai *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Mukhtasar al-'Uluw li al-'Aliy al-Ghaffar*, ms. 189, no: 226. Kitab al-Dzahabi yang disunting oleh al-Albani ini telah juga diterjemahkan atas judul *Mukhtasar al-'Uluw: Studi Tauhid menurut Ahlus Sunnah wal Jamaah* (terj: Ali Ma'mun; Pustaka Azzam, Jakarta 2002).

Hasan al-Saqqaf dalam *al-'Uluw li al-'Aliy al-Ghaffar*, ms. 457, nk 906 telah menolak riwayat ini atas alasan ia tidak wujud dalam kitab *al-Sunnah* susunan al-Khallal yang sedia tercetak sekarang ini. Alasan ini sangat lemah kerana punca masalah ialah pada edisi manuskript yang ada sekarang ini. Manuskript kitab *al-Sunnah* susunan al-Khallal yang dirujuk oleh al-Dzahabi adalah berbeza, bahkan mungkin dalam susunan yang lebih lengkap. Rujukan kepada riwayat di atas dari kitab *al-Sunnah* susunan al-Khallal telah juga dilakukan oleh:

[1] al-Lalaka'i dalam *Syarah Usul I'tiqad Ahl Sunnah*, jld. 3, ms. 401-402, no: 674.

[2] Ibn Qudamah dalam *Ithbat Sifat al-'Uluw*, ms. 116.

[3] Ibn Qayyim dalam *Ijtima' al-Juyush al-Islamiyah*, ms. 123.

Dua contoh perbincangan Hassan al-Saqqaf sengaja penulis kemukakan bagi menunjukkan betapa longgar dan tidak ilmiah kritikan al-Saqqaf ke atas penilaian sesuatu riwayat. Bahkan di dalamnya wujud penyelewengan fakta dan ketidakjujuran. Hal ini akan sekali terbukti apabila kita mengkaji dan membahaskan tindakan al-Saqqaf yang telah menolak sebuah hadis daripada *Sahih Muslim* dalam perbincangan seterusnya (di bahagian notakaki).

Demikianlah juga halnya apabila kita merujuk kepada kritikan al-Saqqaf ke atas hadis-hadis yang dinilai oleh al-Albani. Al-Saqqaf dalam bukunya *Tanaqudat al-Albani al-Wadihat* (3 jld., Dar Imam al-Nawawi, Jordan 1992) telah mengemukakan sejumlah contoh kekeliruan dan percanggahan al-Albani apabila menilai sesebuah hadis. Namun apabila dikaji secara mendalam dan saksama didapati yang wujud hanyalah merupakan kekeliruan dan pendustaan al-Saqqaf sendiri. Banyak tokoh yang telah menjawab kritikan al-Saqqaf ke atas al-Albani. Untuk kajian lanjut dari sumber terjemahan lihat laman web: [www.troid.com](http://www.troid.com), bahagian *Manhaj > Refutations*.

أَيَّنَ اللهُ؟ قالت: في السَّمَاءِ. قال: مَنْ أَنَا؟ قالت: أَنْتَ رَسُولُ اللهِ.  
قال: أَعْتَقُهَا. فَإِنَّهَا مُؤَمَّنَةٌ.

**Di manakah Allah ?** Hamba itu menjawab: **Di langit**. Baginda bertanya lagi: **Siapakah saya ?** Hamba itu menjawab: **Anda Rasulullah**. Maka bersabda baginda: **Bebaskanlah dia kerana sesungguhnya dia adalah seorang yang beriman**.<sup>191</sup>

---

<sup>191</sup> **Sahih:** Sebahagian hadis daripada Mu'awiyah bin al-Hakam *radiallahu 'anhu*, dikeluarkan oleh Malik, Muslim, Abu Daud dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim – no: 537 (Kitab Masjid dan tempat solat, Bab Larangan bercakap ketika solat....)*

Zahid al-Kauthari dan Hasan al-Saqqaf telah mengemukakan beberapa alasan untuk menolak hadis di atas. Berikut akan dibahas 3 alasan utama dan terpenting yang mereka kemukakan:

**Pertama:**

Hasan al-Saqqaf telah menghukum hadis sahih riwayat Imam Muslim ini sebagai: *Aneh, bahkan yang benar ianya adalah mungkar* [*al-'Uluw li al-'Aliy al-Ghaffar, ms. 118, notakaki no: 105.*] Beliau juga berkata: *Aneh, tertolak dan mungkar* [*al-'Uluw li al-'Aliy al-Ghaffar, ms. 118, notakaki no: 106*]

Alasan beliau ialah kerana hadis yang seumpama lebih masyhur dengan lafaz: **“Adakah anda bersaksi bahawa Tiada Tuhan melainkan Allah.....”** dan bukannya dengan lafaz: **“Di manakah Allah ?”**. Lafaz yang lebih masyhur ini menurut al-Saqqaf dikeluarkan dengan *sanad* yang sahih oleh [1] Ahmad, [2] ‘Abd al-Razzaq, [3] al-Bazzar, [4] al-Darimi, [5] al-Baihaqi, [6] al-Thabarani, [7] Ibn al-Jauzi, [8] Ibn Abi Syaibah dan lain-lain.

**Jawapan:**

Saya berkata, jika lafaz **“Adakah anda bersaksi bahawa Tiada Tuhan melainkan Allah.....”** dikuatkan semata-mata atas dasar ianya lebih masyhur, maka yang sebenarnya lebih masyhur adalah lafaz **“Di manakah Allah ?”** kerana ianya dikemukakan oleh lebih ramai para ahli hadis, antaranya:

1. Malik bin Anas (179H) dalam *al-Muwattha’* (*tahqiq: Fuad ‘Abd al-Baqi; Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, Beirut tp.thn) no: 1468.*
2. Abu Daud al-Tayalisi (204H) dalam *al-Musnad* (Dar al-Ma’refah, Beirut tp.thn.) no: 1105.
3. Muhammad bin Idris al-Shafi’i (204H) dalam *Kitab al-Umm* (Dar al-

- 
- Ma'arif, Beirut 1393H), *jld. 5, ms. 280* dan *al-Risalah, ms. 75, riwayat no: 242*.
4. 'Abd al-Razzaq (211H) dalam *al-Musannaf (tahqiq: Habib al-Rahman al-'Azami; Maktabah al-Islami, Beirut 1983) no: 16851*.
  5. Ibn Abi Syaibah (235H) dalam *al-Musannaf (tahqiq: M. 'Abd al-Salim Shahin; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1995) no: 30333*.
  6. Ahmad bin Hanbal (241H) dalam *al-Musnad – no: 7906, 23762, 23765 & 23767*.
  7. Muslim bin Hajjaj (261H) dalam *Sahih Muslim – no: 537*.
  8. Abu Daud al-Sajastani (275H) dalam *Sunan Abu Daud (tahqiq: M. Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid; Dar al-Fikir, Beirut tp.thn.) no: 930 & 3282*.
  9. Ibn Qutaibah (276H) dalam *Takwil Mukhtalaf al-Hadith (tahqiq: Muhammad Zuhri; Dar al-Jail, Beirut 1972), ms. 272*.
  10. 'Uthman bin Sa'id al-Darimi (280H) dalam *al-Rad 'ala al-Jahmiyyah (tahqiq: Badr 'Abd Allah al-Badr; Dar Ibn Athir, Kuwait 1406H) no: 62*.
  11. al-Harith bin Abi Usamah (282H) dalam *al-Musnad (bersama Zawa'id al-Haithami, tahqiq: Husain Ahmad Saleh; Markaz al-Sunnah wa al-Sirah al-Nubuwwah, Madinah 1992) no: 015*.
  12. 'Amr bin Abi 'Ashim al-Shaibani (287H) dalam *al-Sunnah li Ibn Abi 'Ashim (tahqiq: al-Albani; Maktabah al-Islami, Beirut 1993) no: 489*.
  13. al-Nasai (303H) dalam *Sunan al-Nasai (bersama syarah al-Suyuti dan hasyiyah al-Sindi; Dar al-Ma'refah, Beirut 1999) no: 1218* dan *al-Sunan al-Kubra (tahqiq: Hasan 'Abd al-Mun'aim; Muassasah al-Risalah, Beirut 2001) no: 1142, 7708, 8535 & 11401*.
  14. Ibn Jarud ('Abd Allah bin 'Ali al-Naisaburi) (307H) dalam *al-Muntaqa (tahqiq: 'Abd Allah bin 'Umar al-Barudi; Muassasah al-Kitab al-Thaqafiyyah, Beirut 1988) – no: 212*.
  15. Ibn Khuzaimah (311H) dalam *Kitab al-Tauhid wa Ithbat Sifat al-Rabb 'Azza wa Jalla, no: 178, 179, 180, 181 & 182*.
  16. Abi 'Uwanah (Yakob bin Ishaq) (316H) dalam *al-Musnad (tahqiq: Aiman bin 'Araf al-Damsyiqi; Dar al-Marefah, Beirut 1998) no: 1727 & 1728*.
  17. Abu al-Husain 'Abd al-Baqi (351H) dalam *al-Mu'jam al-Sahabah (tahqiq: Saleh bin Salim; Maktabah al-Ghuraba', Madinah 1418H) no: 735*.
  18. Ibn Hibban (354H) dalam *Sahih Ibn Hibban – no: 165 & 2247*.
  19. al-Thabarani (360H) dalam *al-Mu'jam al-Kabir (tahqiq: Hamdi 'Abd*

---

al-Majid; Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, Beirut tp.thn.), *jld. 19, ms. 398, no: 937, 938.*

20. Muhammad bin Ishaq bin Manduh (395H) dalam *al-Iman (tahqiq: ‘Ali bin Muhammad bin Nasr; Muassasah al-Risalah, Beirut 1406H) no: 091.*
21. al-Lalaka’i (418H) dalam *Syarah Usul I’tiqad Ahl al-Sunnah, jld. 3, ms. 392, no: 652.*
22. Abu Nu‘aim al-Asbahani (430H) dalam *al-Musnad al-Mustakharaj ‘ala Sahih Imam Muslim (tahqiq: Muhammad Hasan bin Ismail; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1996) no: 1183.*
23. Ibn Hazm (456H) dalam *al-Muhalla, masalah no: 1664.*
24. al-Baihaqi (458H) dalam *al-Sunan al-Kubra (tahqiq: Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Atha; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1999) – no: 15266, 15268, 19984 & 19985.*
25. ‘Abd Allah bin Muhammad bin ‘Ali al-Harawi (481H) dalam *al-Arba’in fi Dalail al-Tauhid (tahqiq: ‘Ali bin Muhammad bin Nasr; Madinah 1404H) no: 011.*

Demikianlah yang benar, bahawa yang lebih masyhur adalah dengan lafaz **“Di manakah Allah ?”** Maka apa yang didakwa oleh al-Saqqaf adalah tertolak.

### **Kedua:**

Hasan al-Saqqaf mendakwa bahawa salah seorang perawi hadis ini: Hilal bin Abi Maimunah adalah *dha’if*.

### **Jawapan:**

Hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dan lain-lain di atas memiliki jalan: ‘an Yahya bin Abi Katsir, ‘an Hilal bin Abi Maimunah, ‘an ‘Atha’ bin Yasir, ‘an Muawiyah bin al-Hakam al-Salami ..... seperti di atas.

Hilal bin Abi Maimunah, beliau ialah Hilal bin ‘Ali bin Usamah al-Madani, darjatnya adalah *thiqah* sebagaimana nilai al-Nasai, Ibn Hibban, al-Daruquthni, Maslamah bin Qasim dan lain-lain. Merupakan perawi para kitab hadis yang masyhur termasuk al-Bukhari dan Muslim.

Berkata ‘Abd al-Rahman bin Abi Hatim al-Razi, aku bertanya ayahku tentangnya, lalu dia berkata: *Ditulis hadisnya dan dia adalah Shaikh.*

Lihat [1] ‘Abd al-Rahman bin Abi Hatim al-Razi – *al-Jarh wa al-Ta’dil* (Dar al-Fikir, Beirut tp.thn.) *jld. 9, ms. 76, perawi no: 300*, [2] al-Dzahabi – *Siyar A’lam al-Nubala, jld 5, ms. 265-266, perawi no: 125* dan [3] al-Mizzi – *Tahzib al-Kamal (tahqiq: Basyir Ma’arof, Muassasah al-Risalah, Beirut 1996) , jld. 30, ms. 343-344, perawi no: 6626.*

Ini di sisi Abu Hatim al-Razi, komentar *“Ditulis hadisnya”* bererti

---

“Tidak boleh dijadikan hujah” sebagaimana sebut al-Dzahabi dalam *Siyar A’lam al-Nubala*, jld. 6, ms. 360 ketika membahas biografi Hasyim bin Hassan.

Komentar “*Shaikh*” bererti *Ditulis hadisnya dan dikaji terhadapnya*. Ini sebagaimana terang ‘Abd al-Rahman bin Abi Hatim sepertimana nukil al-Hafiz al-Munziri dalam *Jawabu al-Hafiz al-Munziri ‘an As’ilatin fi al-Jarh wa al-Ta’dil* (tahqiq: Abu Fatah Abu Ghadah; Mathba‘ah al-Islamiyyah 1411H), ms. 52. al-Dzahabi mengulas bahawa komentar *Shaikh* bukanlah penunjuk kepada sesuatu kecacatan mahupun keterpercayaan tetapi memiliki erti *Tidak boleh dijadikan hujah*. Lihat *al-Mizan al-Iktidal*, jld. 4, ms. 53, ketika membahas biogarfi al-‘Abbas bin al-Fadhli al-‘Adani.

Komentar “*Tidak boleh dijadikan hujah*” bukanlah bererti seseorang perawi itu dan hadis yang diriwayatkannya tertolak secara mutlak tetapi ia bererti hadis tersebut tidak boleh dijadikan hujah jika ia berdiri dengan sendirinya. Namun jika hadis yang dibawahnya memiliki penyokong dan penguat sama ada dari sudut *sanad* atau *matan* maka hadis tersebut tetap diterima. [Lebih lanjut lihat penerangan Ibn Taimiyyah dalam *al-Sorim al-Masul ‘ala Shatim al-Rasul* (tahqiq: Muhammad bin ‘Abd Allah dan rakan-rakan; Dar Ibn Hazm, Beirut 1997), jld 3, ms 1080-1081; juga penjelasan para *pentahqiq* di bahagian notakaki no: 1 di mukasurat yang sama]

Di sini penguat yang jelas adalah dari sudut *matan* kerana hadis “***Di manakah Allah ?..... Allah di Langit.....***” adalah selari dengan ayat-ayat al-Qur’an yang telah dikemukakan di ruangan utama di atas beberapa mukasurat sebelum ini. Bahkan al-Nasai sendiri telah meletakkan hadis ini dalam kitabnya *Sunan al-Kubra*, jld. 10, ms. 245 dalam bab *Kitab al-Tafsir, Tafsir surah al-Fussilat, firman Allah Ta’ala: Kemudian Dia istiwa’ ke arah langit dan langit itu masih merupakan asap*. [Maksud ayat 11 surah al-Fussilat (41)].

al-Saqqaf menghukum *Dha’if* ke atas Hilal bin Abi Maimunah dengan merujuk kepada kata-kata Abu Hatim al-Razi dalam *al-Jarh wa al-Ta’dil*, jld. 6, ms. 109 di mana berkata Ibn Abi Hatim: *Aku bertanya ayah aku tentang ‘Umar bin Radih maka dia menjawab: “Shaikh”. Aku berkata kepada dia bahawa Yahya bin Main berkata (tentang ‘Umar bin Radih): “Dia saleh al-hadis”. Maka berkata (ayahku): Yang benar dia dha’if al-Hadis*. Daripada komentar ini al-Saqqaf membuat rumusan bahawa komentar “*Shaikh*” di sisi Abu Hatim al-Razi bererti *Dha’if*.

Saya berkata, hal ini adalah tidak benar kerana hukum *Dha’if* memiliki pelbagai jenis dan kategori di bawahnya. Maka apa yang diperlukan di sini ialah perincian dan perincian yang sebenar di sisi Abu Hatim al-Razi adalah ia bermaksud “*Tidak boleh dijadikan hujah*”.

---

Tindakan al-Saqqaf memutlakkan kata-kata Abu Hatim al-Razi untuk mendha'ifkan seseorang perawi secara *total* adalah satu tindakan yang terburu-buru.

Mungkin ada para pembaca yang bertanya, bagaimana dihukumkan kedudukan Hilal bin Abi Maimunah berdasarkan kaedah ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*: *Apabila bertembung antara Pujian (al-Ta'dil) dan Celaan (al-Jarh) maka Celaan diunggulkan daripada Pujian ?* Saya berkata, kaedah ini adalah benar secara umumnya tetapi tidak secara khususnya kerana:

[1] Sesuatu celaan perlu disertai dengan penjelasan tentang apa yang menyebabkan seseorang perawi itu dianggap tercela, sehingga kaedah di atas diikuti dengan kaedah: *Sesuatu celaan tidaklah merosakkan pujian ke atas seseorang melainkan disertai sebab celaan tersebut*. Dalam kes ini Abu Hatim al-Razi tidak menerangkannya sebab sebenar celaan beliau ke atas Hilal bin Abi Maimunah.

[2] Telah juga diterangkan sebelum ini bahawa komentar Abu Hatim al-Razi ke atas Hilal bin Abi Maimunah sebagai: *Ditulis hadisnya dan dia adalah Shaikh*, bukanlah merupakan satu celaan yang pasti tetapi adalah satu peringatan agar diperhatikan dengan lebih lanjut hadis-hadis yang diriwayatkannya sama ada dari sudut *sanad* atau *matan*.

[3] Kemungkinan timbul kesilapan atau perbezaan penilaian dan penggunaan istilah di sisi Abu Hatim al-Razi berbanding jumhur ahli hadis sehingga adakalanya penilaian beliau ke atas seseorang perawi ditinggalkan apabila ia berbeza dengan penilaian jumhur ahli hadis. Yang terakhir ini telah dibahas secara tuntas oleh Abu Fatah Abu Ghadah dalam risalah beliau yang khas dalam bab ini: *Tatimmatun fi Bayani Qauli al-Imam Abi Hatim al-Razi fi al-Rawi: Yuktabu Hadithuhu wa la Yuhtajju bihi* (Mathba'ah al-Islamiyyah 1411H). Di sini jelas bahawa Hilal bin Abi Maimunah adalah seorang perawi yang dinilai *thiqah* oleh jumhur ahli hadis termasuk al-Bukhari dan Muslim.

### **Ketiga:**

Zahid al-Kauthari mendakwa bahawa salah seorang perawi hadis ini, iaitu Yahya bin Abi Kathir adalah seorang yang dituduh *Tadlis*. [Lihat *notakaki no: 2, ms. 421* dalam komentar al-Kauthari terhadap kitab *al-Asma' wa al-Sifat li al-Baihaqi*]

### **Jawapan:**

Yahya bin Abi Katsir, beliau ialah Abu Nasr Saleh bin al-Mutawakil al-Yamami, diiktiraf oleh Syu'aib bin al-Hajjaj, Ahmad bin Hanbal, Abu Hatim al-Razi, Ibn Hibban dan lain-lain. Juga merupakan perawi para kitab hadis yang masyhur termasuk al-Bukhari dan Muslim.

Berkata al-'Uqaili dalam *al-Dhu'afa' al-Kabir (tahqiq: Abdul al-Mu'atiy Amin Qal'aji, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1998), jld. 4, ms. 423,*

---

perawi no: 2051: “(Dia) disebut dengan sifat *tadlis*.”

Saya berkata, hal ini tidaklah mencatitkan Yahya bin Abi Katsir mahupun *mendha ‘ifkan* hadis yang diriwayatkannya kerana dua sebab:

[1] Beliau dikenali sebagai seorang perawi yang *thiqah* yang tidak mengambil hadis melainkan daripada perawi yang *thiqah* juga. Berkata Abu Hatim al-Razi: “*Yahya bin Abi Katsir seorang imam, tidak dia mengambil hadis melainkan daripada orang yang thiqah.*” Lihat *al-Jarh wa al-Ta’dil*, jld. 9, ms. 141-142, perawi no: 599; *Siyar A’lam al-Nubala*, jld. 6, ms 27-31, perawi no: 09 dan lain-lain. Justeru sifat *tadlis* yang disandarkan kepada beliau – seandainya ia adalah benar – tidaklah mencatitkan hadis yang diriwayatkannya.

[2] Seandainya tetap diragui sanad ini dari jalan Yahya bin Abi Katsir, ‘an Hilal bin Abi Maimunah, ‘an ‘Atha’ bin Yasir; ketahuilah bahawa Malik bin Anas juga telah meriwayatkan hadis ini daripada Hilal bin Abi Maimunah dengan sanad yang sama di atas. Lihat *al-Muwattha’* – no: 1468 dan *al-Sunan al-Kubra li al-Baihaqi* – no: 15266.

Oleh itu hadis “**Di manakah Allah ?**” yang diriwayatkan oleh Yahya bin Abi Katsir adalah tetap sahih.

Demikian ulasan dan jawapan ke atas 3 hujah terpenting yang dikemukakan oleh Zahid al-Kauthari dan Hasan al-Saqqaf untuk menolak hadis yang dikeluarkan oleh Muslim bin al-Hajjaj dalam kitab *Sahih*-nya. Perlu diingatkan bahawa apabila seseorang ahli hadis *mensahihkan* sesuatu hadis, mereka bukan sahaja mengkaji *sanad* tetapi juga *matan* hadis tersebut. Dalam hal ini seandainya sesuatu hadis itu dalam *sanadnya* memiliki perbincangan tetapi *matannya* adalah benar, hadis tersebut tetap menduduki darjat *sahih*. Apabila Muslim bin al-Hajjaj menyusun kitab *Sahih*-nya, beliau mengkaji dan menilai kedua-dua *sanad* dan *matan*. Apabila Muslim bin al-Hajjaj mensahihkan hadis ini, beliau sedia mengetahui segala perbincangan yang terdapat dalam *sanadnya* tetapi berdasarkan ilmu beliau yang luas dalam hal ini, beliau tidaklah *mendha ‘ifkan* hadis ini sepertimana yang dilakukan oleh Zahid al-Kauthari dan Hasan al-Saqqaf.

Dalam rangka menolak hadis “**Di manakah Allah ?**” , Zahid al-Kauthari dan Hasan al-Saqqaf telah mengemukakan hadis “**Adakah anda bersaksi bahawa Tiada Tuhan melainkan Allah.....**” Menurut mereka inilah lafaz hadis yang sebenar. Marilah kita mengkaji hadis ini.

Hadis ini sebagaimana lafaz Ahmad adalah:

عن عبد الله بن عبد الله عن رجل من الأنصار أنه جاء بأمة سوداء وقال: -يا رسول الله إن علي رقبة مؤمنة أعتقتها. فقال لها رسول الله صلى الله عليه

---

وسلم: أتشهدين أن لا إله إلا الله ؟ قالت: نعم. قال أتشهدين أني رسول الله ؟ قالت: نعم. قال أتؤمنين بالبعث بعد الموت ؟ قالت: نعم. قال: أعتقها.

*Daripada ‘Ubaidullah bin ‘Utbah: Bahawasanya seseorang lelaki daripada (golongan) al-Ansar telah datang kepada Rasulullah dengan seorang budak (hamba) perempuan berkulit hitam lalu berkata: “Wahai Rasulullah, aku mempunyai kewajipan untuk memerdekakan seorang budak mukminah.”*

*Maka Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bertanya kepada dia: “Adakah anda bersaksi bahwa Tiada Tuhan melainkan Allah ?” Wanita tersebut menjawab: “Ya.”*

*“Adakah anda bersaksi bahawa aku adalah Rasul Allah ?” Wanita tersebut menjawab: “Ya.”*

*“Adakah anda menyakini dengan kebangkitan sesudah mati ?” Wanita tersebut menjawab: “Ya.”*

*Maka bersabda Rasulullah: “Bebaskanlah dia.”*

Hadis in dikeluarkan oleh:

1. Malik bin Anas (179H) dalam *al-Muwattha’* – no: 1469.
2. ‘Abd al-Razzaq (211H) dalam *al-Musannaf* – no: 16814.
3. Ibn Abi Syaibah (235H) dalam *al-Musannaf* – no: 30334.
4. Ahmad (241H) dalam *al-Musnad* – no: 15743.
5. Ibn Jarud (307H) dalam *al-Muntaqa* – no: 931
6. Ibn Khuzaimah (311H) dalam *Kitab al-Tauhid* – no: 185.
7. al-Thabarani (360H) dalam *al-Mu’jam al-Kabir* – no: 12369 dan dalam *al-Mu’jam al-Ausath* (*tahqiq*: Mahmud Hasan Ismail; Dar al-Fikir, Jordan 1999) no: 7070.
8. al-Baihaqi (458H) dalam *al-Sunan al-Kubra* – no: 12751 & 19986.

Sanad yang dikeluarkan oleh ‘Abd al-Razzaq, Ahmad, Ibn Jarud adalah sahih sebagaimana nilai *Syua’ib al-Arna’uth* dalam semakan beliau terhadap kitab *Musnad Ahmad*, jld. 25, ms. 19-20. Namun ketiga-tiganya, malah kesemuanya di atas mengeluarkan hadis ini daripada “*Seseorang lelaki*” atau “*Seseorang lelaki daripada (golongan) al-Ansar.*” Tidak disebut nama sahabat yang datang menghadap Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dengan hamba wanitanya.

Di sini jelas terdapat petunjuk bahawa hadis ini dan hadis “**Di manakah Allah ?**” bukanlah saling bercanggah dan berlawanan antara satu sama lain tetapi ia sebenarnya merujuk kepada dua “hamba wanita” yang berbeza yang dibawa menghadap Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam

Terhadap hadis ini berkata Ibn ‘Abd al-Barr (463H):<sup>192</sup>

وأما قوله في هذا الحديث للجارية: أين الله ؟، فعلى ذلك  
جماعة أهل السنة وهم أهل الحديث، ورواته المتفقون فيه،

---

oleh Tuan yang berbeza lalu disoal oleh Rasulullah dengan soalan yang berbeza.

Hal ini seumpama sebuah kes lain yang dikemukakan oleh al-Darimi dengan *sanad* yang *hasan* daripada al-Syarid radiallahu ‘anhu di mana Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam telah bertanya kepada hamba wanita yang dibawanya hanya dengan satu soalan: **“Adakah anda bersaksi bahawa Tiada Tuhan melainkan Allah ?”** Wanita tersebut menjawab: **“Ya.”** Maka Rasulullah bersabda: **“Bebaskanlah dia kerana dia seorang Mukminah.”** [Lihat Musnad al-Darimi (tahqiq: H. Salim Asad; Dar Ibn Hazm, Beirut 2000) – no: 2393]

Justeru yang benar tidak ada percanggahan antara hadis **“Di mana Allah ?”** dan hadis **“Adakah anda bersaksi bahawa Tiada Tuhan melainkan Allah ?”** kerana kedua-duanya merujuk kepada kes yang berbeza. Perkara ini adalah sesuatu yang amat lazim dalam sunnah Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sebagaimana hadis-hadis **“Amal apakah yang paling utama ?”** di mana bagi kes yang berbeza Rasulullah akan memberikan jawapan yang berbeza.

Perhatikan juga bahawa kedua-dua hadis **“Di mana Allah ?”** dan **“Adakah anda bersaksi bahawa Tiada Tuhan melainkan Allah ?”** telah dikeluarkan secara bersamaan oleh Malik, ‘Abd al-Razzaq, Ibn Abi Syaibah, Ibn Jarud, Ibn Khuzaimah, al-Thabarani dan al-Baihaqi. Tidak seorangpun daripada mereka menganggap kedua-dua hadis ini adalah saling bercanggah antara satu sama lain sehingga perlu ditolak atau dihukum *syadz* salah satu daripadanya.

Kesimpulannya hadis **“Di manakah Allah ?”** adalah sahih dan dapat dikemukakan sebagai hujah, baik dari sudut *‘aqidah* mahupun hukum fiqh. Tidak ada percanggahan atau keanehan antara hadis ini dan hadis **“Adakah anda bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah ?”** sehingga perlu ditolak atau dihukum *syadz* salah satu daripadanya kerana kedua-duanya merujuk kepada kes yang berbeza.

<sup>192</sup> Al-Istizkar: al-Jamii’ li Mazhab Fuqaha’ al-Amsor wa ‘Ulama’ al-Aqtar (tahqiq: ‘Abd al-Razaq al-Mahdi; Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, Beirut 2001), jld. 6, ms. 344 (Kitab Pembebasan budak hamba, Bab Pemerdekaan yang dibolehkan terhadap budak hamba yang wajib).

وسائر نقلته, كلهم يقول ما قال الله تعالى في كتابه:  
((الرحمن على العرش استوى)) وأن الله عز وجل في السماء  
وعلمه في كل مكان.

Dan terhadap hadis budak hamba: **“Di manakah Allah ?”**, Maka (menjadi pegangan) atasnya oleh *jama‘ah Ahl al-Sunnah* dan mereka adalah juga *Ahl al-Hadis*, dan seluruh *perawi* yang memahaminya, mereka semua berkata sebagaimana firman Allah dalam kitab-Nya: **al-Rahman Beristiwa’ Di Atas al-‘Arasy** [Ta-ha 20:05] bahawa sesungguhnya Allah ‘*Azza wa Jalla* Di langit dan Ilmu-Nya pada setiap tempat.

Pendapat dan pegangan Abu Hanifah dan al-Shafi‘i akan dikemukakan sejurus selepas ini dalam rangka menilai semula dakwaan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* bahawa riwayat yang disandarkan kepada mereka dalam masalah ini adalah *dha‘if sanadnya*.

Sebelum itu ingin penulis kemukakan pula pendapat dan pegangan ‘Abd al-Qadir al-Jilani (561H)<sup>193</sup> dalam masalah *Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat*, khususnya pegangan beliau terhadap persoalan “Di manakah Allah ?” Ini adalah penting kerana sangat berkait rapat kekeliruan sebahagian ahli Tasawwuf masa kini.

Berkata ‘Abd al-Qadir al-Jilani tentang sifat-sifat Allah dalam kitabnya: *al-Ghunya li Thalibi Tariq al-Haqq* (*tahqiq*: M. Khalid ‘Umar, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, Beirut 1996), *ms.*

---

<sup>193</sup> Beliau ialah Muhyi al-Din Abu Muhammad, ‘Abd al-Qadir al-Jilani, seorang tokoh besar dunia Islam khas di sisi ahli Sufi, terkenal juga dengan gelaran *al-Ghawth al-A‘am* dan *Sultan al-Awliya’*. Beliau dilahirkan di Iran pada tahun 470H tetapi telah berhijrah ke “Kota ilmu-ilmu Islam” iaitu Baghdad pada tahun 488H. Banyak karya beliau yang telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa. Meninggal dunia pada tahun 561H.

وكونه عز وجل على العرش مذكور في كل كتاب أنزل على كل نبي أرسل بلا كيف. ولأن الله تعالى فيما لم يزل موصوف بالعلو والقدرة, والاستيلاء والغلبة على جميع خلقه من العرش وغيره فلا يحمل الاستواء على ذلك.

فالاستواء من صفات الذات بعد ما أخبرنا به ونص عليه وأكدته في سبع آيات من كتابه والسنة الماثورة به وهو صفة لازمة, له ولائقة به, كاليد والوجه والعين والسمع والبصر والحياة والقدرة, وكونه خالقاً ورازقاً ومحياً ومميتاً موصوف بها.

ولا نخرج من الكتاب والسنة نقراً الآية والخبر ونؤمن بما فيهما, ونكل الكيفية في الصفات إلى علم الله عز وجل. كما قال سفيان بن عيينة رحمه الله كما وصف الله تعالى نفسه في كتابه, فتفسير قراءته لا تفسير له غيرها, ولم نتكلف غير ذلك, فإنه غيب لا مجال للعقل في إدراكه.

ونسأل الله تعال العفو والعافية, ونعوذ به من أن نقول فيه

194

Kitab ini telah juga diterjemahkan atas judul:

[1] *Fiqh Tasawuf* (terj: M. Abdul Ghaffar; Pustaka Hidayah, Bandung 2001) dalam bentuk 1 jilid. Bagi perbincangan di atas lihat ms. 17-24.

[2] *Sufficient Provision for Seekers of The Path of Truth* (terj: Muhtar Holland; al-Baz Publishing, Florida 1995) dalam bentuk 5 jilid yang disertai dengan penjelasan tambahan di bahagian notakaki. Bagi perbincangan di atas lihat jld. 1, ms. 171-183.

وفي صفاته ما لم يخبرنا به هو أو رسوله عليه الصلاة والسلام.

Sesungguhnya Allah Di Atas *al-'Arasy* telah disebutkan dalam setiap kitab yang diturunkan kepada setiap Nabi yang diutus untuk menyampaikan risalah masing-masing tanpa disertai penjelasan mengenai bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya.

Oleh kerana Allah *Ta'ala* sejak azali telah disifatkan sebagai yang Maha Tinggi (*al-'Uluw*), Maha Kuasa (*al-Qudrat*), Maha Menguasai (*al-Istila'*) dan Maha Mendominasi (*al-Ghalaba*) atas semua makhluk-Nya dari *al-'Arasy-Nya* dan lain-lain maka perkataan *Istiwa'* tidak boleh ditafsirkan dengan sifat-sifat tersebut.

*Istiwa'* adalah salah satu sifat Dzat Allah sebagaimana yang telah Dia terangkan kepada kita tentangnya secara jelas dan terperinci melalui 7 ayat al-Qur'an (7:54, 10:3, 13:2, 20:5, 25:59, 32:4 & 57:4) dan hadis-hadis Rasulullah (*sallallahu 'alaihi wasallam*) yang *ma'thur*. Ia adalah satu sifat yang lazim bagi-Nya dan bersesuaian kepada-Nya sepertimana Tangan, Wajah, Mata, Pendengaran, Penglihatan, Kehidupan, dan Kekuasaan. Demikian juga Dia menyandang sifat Pencipta, Pemberi Rezeki, Yang Menghidupkan dan Yang Mematikan, semuanya merupakan sifat-sifat-Nya.

Kami tidak menyimpang dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Kami membaca ayat-ayat (al-Qur'an) dan khabar (hadis Rasulullah). Kami beriman kepada apa yang terkandung dalam dua sumber ini dan kami serahkan *kaifiatnya* (bentuk, ciri-ciri, tatacara) kepada Ilmu Allah. Sebagaimana kata Sufyan bin 'Uyaynah: "Ia hanyalah sepertimana yang telah Allah terangkan dalam kitab-Nya. Maknanya adalah sebagaimana yang difahami

melalui bacaan tanpa ditafsir.”<sup>195</sup> Inilah sahaja yang dituntut ke atas kita, selainnya tidak diketahui (*ghaib*) kerana ia melibatkan sesuatu yang tidak dapat dijangkau oleh akal manusia.

Kami memohon kepada Allah kemaafan dan keselamatan dan perlindungan seandainya kami telah berkata sesuatu tentang-Nya atau sifat-sifat-Nya yang sebelum ini tidak dikhabarkan kepada kami oleh-Nya dan oleh Rasul-Nya, ke atas baginda selawat dan salam.

Berkata ‘Abd al-Qadir al-Jilani tentang sifat Turun *al-Nuzul* (hadis *al-Nuzul*):

وأنه تعالى ينزل في كل ليلة إلى سماء الدنيا كيف شاء وكما شاء، فيغفر لمن أذنب وأخطأ وأجرم وعصى لمن يختار من عباده ويشاء. تبارك وتعالى العلي الأعلى، لا إله إلا هو له الأسماء الحسنى.

لا بمعنى نزول الرحمة وثوابه على ما ادعته المعتزلة والأشعرية.

Sesungguhnya Dia (Allah) *Ta’ala* Turun pada setiap malam ke langit dunia dengan cara yang tersendiri dan layak bagi-Nya dan Dia mengampunkan mereka yang berdosa, berbuat kesalahan dan maksiat, yakni mereka yang terdiri daripada para hamba yang terpilih. (Allah yang) Maha memberi Barakah dan Maha Tinggi dan yang Tertinggi, tidak ada Tuhan melainkan Dia, Dia mempunyai *al-Asma’ al Husna* (nama-nama yang baik).

(Sifat Turun tersebut) tidaklah boleh difahami sebagai turunnya rahmat Allah atau turunnya ganjaran Allah

---

<sup>195</sup> Sepertimana yang dikeluarkan oleh al-Baihaqi dalam *al-Asma’ wa al-Sifat* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut tp.thn.), ms. 516 (*Bab Tentang firman Allah: al-Rahman Beristiwa’ atas ‘‘Arasy*).

sebagaimana yang dikatakan oleh *al-Mu'tazilah* dan *al-Asya'irah*.

Berkata 'Abd al-Qadir al-Jilani tentang persoalan "Di manakah Allah ?":

وهو منزّه عن مشابّهة خلقه, ولا يخلو من علمه مكان, ولا يجوز وصفه بأنّه في كلّ مكان, بل يقال: إنّهُ في السّماء على العرش كما قال جلّ ثناؤه: ((الرحمن على العرش استوى)) وقوله: ((ثمّ استوى على العرش الرحمن)) وقال تعالى: ((إليه يصعد الكلم الطيب والعمل الصالح يرفعه)) ..... وينبغي إطلاق صفة الاستواء من غير تأويل, وأنّه استواء الذات على العرش لا على معنى القعود والمماسّة كما قالت المجسّمة والكرامية ولا على معنى العلو والرفعة كما قالت الأشعرية ولا على معنى الاستيلاء والغلبة كما قالت المعتزلة.

لأنّ الشرع لم يرد بذلك ولا نقل عن أحد من الصحابة والتابعين من السلف الصلح من أصحاب الحديث ذلك, بل المنقول عنهم حمّله على الإطلاق.

Maha Suci dan Maha Agung Allah daripada menyerupai mana-mana makhluk-Nya. Tidak ada tempat yang tertinggal daripada Ilmu-Nya. Akan tetapi tidak boleh untuk menganggap bahawa Allah berada di setiap tempat. Sepatutnya dikatakan bahawa Allah Di langit Di Atas *al-'Arasy*-Nya sebagaimana firman-Nya

yang Maha Agung lagi Terpuji:

***Al-Rahman Beristiwa' Di Atas al-'Arasy.*** [Ta-ha 20:5]

***Yang menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara keduanya dalam enam masa, kemudian Dia Beristiwa' Di Atas 'Arasy.*** [Furqan 25:59]

***Barangsiapa yang menghendaki kemuliaan, maka bagi Allah-lah kemuliaan itu semuanya. Kepada-Nyalah naik perkataan-perkataan yang baik dan amal yang salih dinaikkan-Nya.*** [Fatir 35:10]

Seterusnya berkata al-Jilani:

Sebetulnya perkataan *Istiwa'* digunakan secara terus tanpa *al-Takwil*, iaitu *Istiwa'* al-Dzat Di Atas *al-'Arasy*. Ia bukanlah bererti duduk dan bersentuhan (dengan objek yang diduduki) sebagaimana dakwa orang-orang *al-Mujassimah* dan *al-Karamiyyah*. Tidak juga bererti tinggi dan kemuliaan sebagaimana dakwa orang-orang *al-Asya'irah* dan tidak juga bererti kekuasaan atau dominasi sebagaimana dakwa orang-orang *al-Mu'tazilah*.

Ini adalah kerana *al-Syari'* (Allah) tidak mengkehendaki (*takwilan*) yang sedemikian. Dan (*takwilan*) sedemikian tidak kami nukil daripada seorang jua daripada kalangan para sahabat, *tabi'in* daripada kalangan orang-orang terdahulu yang salih (*al-Salaf al-Salih*) daripada kalangan *Ahl al-Hadis*. Sebaliknya yang diterima daripada mereka menunjukkan bahawa ia (*Istiwa'*) di fahami secara terus.

Sekian 'Abd al-Qadir al-Jilani.

Seterusnya marilah kita menilai semula buku *Salafiyah Wahabiyah* mulai dari mukasurat 79.

## PENILAIAN SEMULA NO: 63

### ***Membahas “Di manakah Allah ?” di sisi Abu Hanifah.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dalam ms. 79-80 telah menukil sebuah kata-kata yang disandarkan kepada Abu Hanifah (150H):

“Sesiapa yang berkata “Aku tidak mengetahui di mana Allah, di langit atau di bumi?”. Maka sesungguhnya dia telah menjadi kafir kerana perkataan itu mendatangkan kekeliruan bahawa Allah itu mempunyai tempat. Sesiapa yang mendatangkan kekeliruan bahawa tuhan itu mempunyai tempat maka dia adalah seorang *Musyabbihah* (menyerupakan tuhan dengan makhluk).”

Seterusnya penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mengulas:

Berdasarkan kepada pandangan beliau ini, jelas kepada kita bahawa Imam Abu Hanifah tidak menentukan *makaniyah* (tempat) bagi Allah S.W.T. Beliau menyerahkan makna ayat yang berkaitan dengan sifat itu kepada Allah S.W.T. tanpa memberi *waham* (kesamaran) dan berpegang bahawa Maha suci Allah daripada menyerupai makhluk. Penyerahan makna ayat

tanpa menentukan maknanya itu diistilahkan sebagai *al- Tafwid*.

Riwayat ini dinyatakan oleh Imam Ibn ‘Abd al-Salam di dalam kitabnya “*Hil al-Rumz*”. Imam Ali al-Qari juga tidak ketinggalan menaqlkan riwayat ini di dalam kitabnya “*Syarh Fiqh al-Aqbar*” (ms. 198). Nuqilan itu kemudiannya diulaskan oleh beliau katanya; “Tidak syak lagi, Ibn ‘Abd al-Salam adalah salah seorang ulama’ yang besar dan boleh dipercayai. Maka menjadi kewajipan berpegang dengan apa yang di naqalkan oleh beliau, bukannya bergantung pada apa yang di nuqil oleh pengulas kitab al-Tahawiyah (Ibn Abi al-Izz) yang bersumberkan kepada riwayat Abi Muti’. Beliau (Abi Muti) merupakan seorang pereka daripada kalangan ahli hadith.”

### ***Penilaian semula:***

Tidak ada apa-apa kebenaran mahupun manfaat ilmiah dalam kenyataan di atas. Berikut perinciannya:

#### **Pertama:**

Kata-kata Abu Hanifah tersebut dikemukakan oleh ‘Ali al-Qari dalam – *Syarah Kitab al-Fiqh al-Akhbar li Abu Hanifah*, ms. 198 dengan menukil kata-kata Ibn ‘Abd al-Salam dari kitabnya *Hal al-Rumuz*. Akan tetapi Ibn ‘Abd al-Salam tidak mengemukakan apa-apa *sanad* kepada Abu Hanifah. Oleh itu riwayat tersebut tidak memiliki apa-apa nilai ilmiah.

Di sini persoalannya bukanlah pada kedudukan Ibn ‘Abd al-Salam tetapi pada sudut *sanadnya*: dimanakah *sanad* yang menjadi bukti bahawa beliau menerima kata-kata tersebut dari Abu Hanifah.

#### **Kedua:**

Abu Muti' al-Balkhiyyu memang seorang *perawi* yang *dha'if* akan tetapi setakat ini tidak penulis ketahui ada yang mengkritik beliau sebagai pereka atau pencipta hadis. Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* menyebut beliau sebagai: “Beliau (Abi Muti) merupakan seorang pereka daripada kalangan ahli *hadith*.” Tidak diketahui di manakah penyusun *Salafiyah Wahabiyah* menemui status Abu Muti' seperti di atas. Malah jika dirujuk kepada penerangan Hasan al-Saqqaf dalam *al-'Uluw lil 'Aliy al-Ghaffar*, ms. 391, nk 691, al-Saqqaf telah menukil kata-kata Ibn Hajar al-'Asqalani yang menukil daripada Ibn Abi Hatim al-Razi bahawa: “Adalah (Abu Muti') seorang golongan Murji'ah yang pendusta.”<sup>196</sup> Sifat dusta ini disebut secara umum dan ia tidak dikaitkan dengan status Abu Muti' sebagai seorang periwayat hadis dan *athar*. Nampaknya penyusun *Salafiyah Wahabiyah* telah menokok tambah daripada sumber rujukan gurunya sendiri.

### **Ketiga:**

Apakah pandangan Abu Hanifah tentang persoalan “Di manakah Allah?”

Setakat ini penulis tidak menemui pendapat beliau dalam bab ini yang memiliki *sanad* yang *sahih*. Namun sedia diketahui bahawa Abu Hanifah telah menerima hadis berikut daripada Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* di mana baginda telah bertanya kepada seorang hamba wanita: **Di manakah Allah?** Hamba itu menjawab: **Di langit.** Baginda bertanya lagi: **Siapakah saya?** Hamba itu menjawab: **Anda Rasulullah.** Maka bersabda baginda: **Bebaskanlah dia kerana sesungguhnya dia adalah seorang yang beriman.**

Hadis di atas *sahih* berasal daripada Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* dan Abu Hanifah sendiri telah

---

<sup>196</sup> Lihat *Lisan al-Mizan*, jld. 2, ms. 380-381, *perawi* no: 2916. Walaubagaimanapun kata-kata yang benar di sisi Ibn Abi Hatim ialah: *Adalah (Abu Muti') seorang golongan Murji'ah yang dha'if hadisnya.* Ini sebagaimana terang Ibn Abi Hatim sendiri dalam *al-Jarh wa al-Ta'dil* (Dar al-Fikr, Beirut 1952), jld. 2, ms. 121-122, *perawi* no: 560.

meriwayatkannya dalam kitabnya *al-Musnad*.<sup>197</sup> Justeru dapat dikatakan pendapat Abu Hanifah dalam persoalan “Di manakah Allah ?” adalah selari dengan hadis di atas. Mustahil dianggap Abu Hanifah memiliki pendapat yang berlainan dengan sunnah Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* dalam bab ‘*aqidah*.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 64**

### ***Menterjemah Istiwa’ sebagai “Duduk”.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ms. 83-87 membahas secara panjang lebar tentang maksud *Istiwa’* di sisi Malik bin Anas. Tidak ada apa-apa yang hendak dinilai semula kecuali penulis berpendapat hal di atas boleh diterangkan dalam satu perenggan sahaja.<sup>198</sup> Dari kata-kata Malik juga dapat ketahu

---

<sup>197</sup> Lihat *Jamii’ al-Masanid li Abi Hanifah* – (dihimpun dan disusun oleh Muhammad bin Mahmud al-Khawarazami al-Hanafi; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut tp thn), jld. 2, ms. 163-163; CF Shams al-Salafi al-Afghani dalam *Adau al-Maturudiyyah li al-’Aqidah al-Salafiyyah*, jld. 2, ms. 552.

<sup>198</sup> Di waktu yang sama diketahui bahawa penyusun *Salafiyah*

pegangan (*i'tiqad*) beliau dalam hal ini, yakni Allah berada Di Atas '*Arasy-Nya* Di Atas langit, beliau beriman dengannya tanpa membahas tatacara atau ciri-cirinya (*kaifiyat*).

Di samping itu penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dalam ms. 85 telah mendakwa:

Perkataan Imam Malik ini juga turut dijadikan hujah oleh al-Salafiah sekarang dengan memaksudkan makna *Istiwa'* disini dengan lafaz ( قعد ) dan ( جلس ) yang bermaksud duduk. Mereka berdalilkan kepada ungkapan bahasa Arab itu sendiri.

### ***Penilaian semula:***

Terjemahan di atas jelas adalah salah. Diminta penyusun *Salafiyah Wahabiyah* kemukakan bukti siapakah al-Salafiah masa kini yang menterjemahnya sedemikian supaya dapat diperbetulkan dengan segera. Tanpa bukti maka tuduhan hanya akan kembali kepada penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sendiri sebagai seorang pemfitnah dan pendusta.

Kemungkinan besar yang dirujuk oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* adalah nukilan Hasan al-Saqqaf dalam bukunya *Sahih al-'Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 312, notakaki 163 daripada Abu Hayyan (754H)<sup>199</sup> seperti berikut:

Telah menyebut al-Hafiz Abu Hayyan *rahimahullah Ta'ala* dalam tafsirnya *al-Nahr al-Mad*, jld, 1, ms 254

---

*Wahabiyah* cuba mengisyaratkan bahawa Malik bin Anas telah *mentafwidkan* makna dan *kaifiat Istiwa'*. Akan tetapi hal ini tidak benar kerana jika dikaji benar-benar kata-kata Malik bin Anas secara mendalam dari sudut bahasa, akan didapati beliau mengetahui maknanya, hanya *kaifiat* yang *ditaftwidkan*.

<sup>199</sup> Beliau ialah al-Hafiz Abu Hayyan al-Andalusi, seorang ahli bahasa dan ahli tafsir yang terkenal dengan karyanya *al-Bahr al-Muhith*. Kitab *al-Nahr al-Mad* merupakan ringkasan beliau ke atas *al-Bahr al-Muhith*. Abu Hayyan lahir pada tahun 654H dan meninggal dunia pada tahun 754H.

yang dicetak dalam bentuk 3 jilid, khas pada tafsir firman Allah Ta‘ala: **“Dan Kursi Allah seluas langit dan bumi”**<sup>200</sup> sesungguhnya Ibn Taimiyyah dalam sebuah risalah kepunyaannya yang telah dibaca oleh al-Hafiz Abu Hayyan, dan ia adalah dengan tulisan tangan Ibn Taimiyyah yang sezaman dengannya (bahawa Ibn Taimiyyah menulis):

إن الله تعالى يجلس على العرش وقد أخلى منه مكانا يقعد فيه  
معه رسول .p

(Bermaksud) “Sesungguhnya Allah Ta‘ala Dia duduk di atas *al-‘Arasy* dan sungguh Dia mengosongkan daripadanya satu tempat untuk diduduki padanya bersama-Nya Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam.”

Penulis telah merujuk kepada kitab *al-Nahr al-Mad (tahqiq: Buran al-Dhannawi dan Hidyah al-Dhannawi; 3 jld, Muassasah al-Kitab al-Thaqafiyyah, Beirut 1987), jld, 1, ms 254*; edisi dan mukasurat yang sama sepertimana yang dirujuk oleh al-Saqqaf dan didapati kata-kata sebenar Abu Hayyan adalah seperti berikut:<sup>201</sup>

---

<sup>200</sup> Ayat 255 daripada surah al-Baqarah (Ayat al-Kursi).

<sup>201</sup> Kata-kata ini tidak terdapat dalam edisi *al-Nahr al-Mad* yang dicetak di sisi *al-Bahr al-Muhith* sekalipun di dalam edisi asal cetakan ‘Uthmaniyyah yang belum *ditahqiq*. Rujukan penulis adalah edisi 8 jilid cetakan Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, Beirut 1990. Di sini wujud dua kemungkinan: [1] Edisi ‘Uthmaniyyah ini telah diubah suai sehingga kata-kata Abu Hayyan di atas telah dibuang, atau [2] Edisi ‘Uthmaniyyah ini adalah yang asli manakala kata-kata di atas hanyalah merupakan tambahan dalam manuskrip lain. Tambahan ini bukan berasal daripada Abu Hayyan tetapi adalah rekaan seseorang lalu disandarkan kepada Abu Hayyan untuk memfitnah Ibn Taimiyyah. Allah sahaja yang lebih mengetahui.

وقرأت في كتاب لأحمد بن تيمية هذا الذي عاصرنا وهو بخطه سماه كتاب العرش: إن الله تعالى يجلس على الكرسي وقد أخلى منه مكانا يقعد فيه معه رسول ﷺ تحيل عليه التاج محمد بن علي بن عبد الحق البارنباري وكان أظهر أنه داعية له حتى أخذه منه وقرأنا ذلك فيه.

(Berkata Abu Hayyan): Saya telah membaca dalam sebuah kitab oleh Ahmad bin Taimiyyah yang sezaman dengan kami, dan ia adalah dengan tulisan tangannya dan namanya "*Kitab al-'Arasy*" (bahawa Ibn Taimiyyah menulis):

"Sesungguhnya Allah *Ta'ala* Dia duduk di atas *al-Kursi* dan sungguh Dia mengosongkan daripadanya satu tempat untuk diduduki padanya bersama-Nya Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam."

Berhelah ke atasnya (ke atas Ibn Taimiyyah) (oleh) al-Taj Muhammad bin 'Ali bin 'Abd al-Haq al-Barnabari, dengan cara menampakkan bahawa dia (al-Barnabari) adalah penyokong baginya (Ibn Taimiyyah) sehingga (dapat) mengambil kitab (al-'Arasy) daripadanya (Ibn Taimiyyah) dan kami (Abu Hayyan) membaca yang sedemikian di dalamnya.

Perbandingan antara kata-kata sebenar Abu Hayyan dan nukilan al-Saqqaf membongkarkan beberapa penyelewengan dan penyembunyian fakta oleh al-Saqqaf:

#### **Pertama:**

al-Saqqaf tidak menyebut nama kitab yang disebut oleh Abu Hayyan. Ini adalah kerana "*Kitab al-Arasy*" tidak dikenali

sebagai salah sebuah kitab karangan Ibn Taimiyyah. Yang terdekat adalah “*al-Risalah al-‘Arasyiyah*”<sup>202</sup> dan di dalamnya tidak terkandung apa-apa seumpama salinan di atas.

### **Kedua:**

al-Saqqaf mendakwa bahawa Ibn Taimiyyah menulis “Sesungguhnya Allah Ta‘ala Dia duduk Di Atas *al-Arasy*.....” padahal kata-kata sebenar yang dikemukakan oleh Abu Hayyan adalah: “Sesungguhnya Allah Ta‘ala Dia duduk di atas *al-Kursi*.....”

*al-‘Arasy* dan *al-Kursi* adalah dua perkara yang berbeza. *al-Kursi* adalah sebuah bangku meletak kaki (*stool*) yang terletak di sisi *al-‘Arasy*. Perbandingan saiz *al-Kursi* dan *al-‘Arasy* adalah umpama sebetuk cincin di dalam keluasan langit dan bumi seluruhnya. Inilah pendapat generasi *al-Salaf* dan *Ahl al-Sunnah* sepertimana nukil Ibn Taimiyyah berdasarkan hadis-hadis dan *athar-athar*.<sup>203</sup> Allah ‘Azza wa Jalla tidak duduk di atas *al-Kursi* mahupun memerlukan, bersentuhan, bergantung, terikat, terpengaruh atau terbatas kepada *al-Kursi* tetapi sebaliknya Allah Maha Tinggi (*al-‘Uluw*) Di Atas *al-Kursi*.<sup>204</sup>

Pendek cerita *al-Kursi* bukanlah sebuah kerusi untuk diduduki. Hal ini sedia diketahui oleh al-Saqqaf lalu beliau mengubah *al-Kursi* kepada *al-‘Arasy*.

### **Ketiga:**

al-Saqqaf tidak mendedahkan bagaimana Abu Hayyan memperoleh “*Kitab al-‘Arasy*”. Abu Hayyan dengan sendirinya telah menerangkan bahawa beliau memperolehnya

---

<sup>202</sup> Rujukan penulis adalah edisi cdrom: *Majmu’ al-Fatawa Ibn Taimiyyah v1.0*; Harf Information Technologies, Kaherah. (www.harf.com)

<sup>203</sup> Ibn Taimiyyah ada membahas subjek *al-Kursi* secara khusus dalam bukunya *al-Fatawa al-Hamawiyah al-Kubra*, ms. 32 dan seterusnya (*Bab Beriman kepada al-Kursi*).

<sup>204</sup> Sifat *al-‘Uluw* Di Atas *al-Kursi* disebut oleh Ahmad bin Hanbal dan dinukil oleh Ibn Taimiyyah dalam *Majmu’ al-Fatawa*, jld. 4, ms. 181-182.

daripada seseorang “al-Taj Muhammad bin ‘Ali bin ‘Abd al-Haq al-Barnabari” yang telah melakukan tipudaya ke atas Ibn Taimiyyah, seolah-olah beliau adalah penyokong Ibn Taimiyyah.

Jika telah jelas sikap al-Barnabari sebagai seseorang yang melakukan tipudaya, maka apakah pula yang menghalang kita untuk menanggap al-Barnabari juga sebenarnya telah melakukan satu tipudaya ke atas asal usul sebenar “*Kitab al-‘Arasy*” ? Bahkan kemungkinan kedua ini adalah yang lebih mendekati kebenaran di mana al-Barnabari telah mengambil “*Kitab al-‘Arasy*” dari sumber yang ingin memfitnahkan Ibn Taimiyyah, disalin dalam bentuk tulisan tangan yang mirip kepada tulisan Ibn Taimiyyah, lalu akhirnya berkata “Ini aku ambil dari Ibn Taimiyyah”. Kerana itu kita dapati kata-kata “Ibn Taimiyyah” tersebut sangat-sangat menjauhi kebenaran dalil-dalil *naqal* dan akal yang selalunya merupakan ciri-ciri khas Ibn Taimiyyah ketika membicarakan sesuatu permasalahan agama.

Hal ini disedari oleh al-Saqqaf lalu beliau bertindak mendiampkannya sahaja.

Selain itu sebagai seseorang yang hidup sezaman dengan Ibn Taimiyyah, Abu Hayyan dapat memperolehi apa sahaja tulisan Ibn Taimiyyah dengan mudah. Beliau tidak perlu bergantung kepada sebuah hasil tulisan yang “diculik” daripada Ibn Taimiyyah. Di sini jelas bahawa dalam semua tulisan tangan Ibn Taimiyyah yang terbukti sahih, kata-kata di atas tidak wujud di dalamnya.

Sekian analisa penulis. Terbukti bahawa “*Kitab al-‘Arasy*” dan kandungannya hanyalah merupakan salah sebuah fitnah yang dicipta oleh musuh-musuh Ibn Taimiyyah. al-Saqqaf sendiri tidak meyakini kesahihan kitab ini sehingga beliau perlu menyusun beberapa strategi khas sebelum mengemukakannya. Semoga hal ini dapat dijadikan ukuran oleh para pembaca yang budiman sekalian tentang tahap kejujuran penulisan Hasan bin ‘Ali al-Saqqaf

## PENILAIAN SEMULA NO: 65

### *Menterjemah Istiwa' sebagai "Bersemayam".*

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah ms. 87*:

Ramai dikalangan para penterjemah kita menterjemahkan perkataan *Istiwa'* ini dengan makna **bersemayam** dan seumpamanya. Ini adalah satu kesalahan yang besar dari sudut terjemahan dalam mempraktikkan konsep *al-Tafwid*.

Hal ini dianggap sebagai satu kesalahan kerana perkataan bersemayam di dalam bahasa melayu bermaksud duduk di atas singgahsana. Perihal duduk di atas singgahsana tidak harus di kaitkan dengan hak Allah S.W.T. kerana ia membawa kepada penyerupaan dan *tajsim* yang jelas terhadap zat Allah SWT.

### *Penilaian semula:*

Penulis bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di atas. Tidak boleh diterjemahkan *Istiwa'* dengan "bersemayam" melainkan disertakan penjelasan lanjut bahawa sifat bersemayam tersebut bukanlah seperti bersemayamnya makhluk yang difahami dalam bahasa Melayu dan Indonesia. Sebaik-baiknya dinukil kata-kata Malik bin

Anas dalam hal ini sepertimana yang telah dikemukakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 83.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 66**

##### ***Membahas “Di mana Allah ?” di sisi al-Shafi‘i.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dari ms. 88-90 telah menerangkan kelemahan para *perawi* yang terdapat dalam *sanad* yang menyebut kata-kata al-Shafi‘i: “.....Allah S.W.T. itu berada Di Atas ‘Arasy Di Atas langit-Nya.....” Sekalipun benar penilaian penyusun *Salafiyah Wahabiyah* ia tidak membawa apa-apa erti kerana diketahui prinsip dasar al-Shafi‘i terhadap *nas-nas al-Sifat* adalah sepertimana yang beliau tegaskan dalam kitabnya *al-Risalah*.<sup>205</sup>

والحمد لله ..... الذي هو كما وصف نفسه، وفوق ما  
يصفه به خلقه.

Segala puji bagi Allah .....Dia adalah seperti yang disifatkan terhadap diri-Nya dan Dia mengatasi dengan sifat-Nya atas makhluk-Nya.

Selain itu sebagaimana Abu Hanifah, al-Shafi‘i juga telah

---

<sup>205</sup>

*al-Risalah*, ms. 7-8 (*bhg muqaddimah*).

menerima hadis pertanyaan Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* kepada seorang hamba wanita: **Di manakah Allah?** Hamba itu menjawab: **Di langit.** Baginda bertanya lagi: **Siapakah saya ?** Hamba itu menjawab: **Anda Rasulullah.** Maka bersabda baginda: **Bebaskanlah dia.**<sup>206</sup> Kerana itu al-Baihaqi telah berkata:<sup>207</sup>

والآثار عن السلف في مثل هذا كثيرة. وعلى هذه الطريق يدل مذهب الشلفعي رضي الله عنه.

Dan terdapat banyak *athar* yang seumpama (tentang keberadaan Allah Di Atas ‘Arasy Di atas langit) daripada generasi *al-Salaf*. Dan atas jalan inilah dijadikan dalil oleh Mazhab *al-Shafi’i radiallahu ‘anhu*.

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 90:

Riwayat yang disandarkan kepada Imam al-Shafi’ie ini juga telah dimuatkan oleh al-Albaani di dalam kitabnya “*Mukhtasar al-U’lu*” (m.s. 176). Mereka menonjolkan perawi dengan gelaran yang hebat. Tetapi mereka tidak mendedahkan latar belakang perawi tersebut. Bagi saya, pendekatan al-Baani juga tidak boleh diterima kerana tidak didasarkan dengan keilmuan. Maka berhati-hatilah dengan sandaran yang tidak berasas ini. Semoga Allah memberi kita hidayah-Nya.

### **Penilaian semula:**

Dalam kenyataan di atas terhimpun beberapa pendustaan:

<sup>206</sup> Lihat *Kitab al-Umm*, jld. 5, ms. 280 dan *al-Risalah*, ms. 75, riwayat no: 242.

<sup>207</sup> *Al-Asma’ wa al-Sifat*, ms. 517 (Bab Tentang firman Allah: *al-Rahman Beristiwa’ di atas ‘Arasy*).

### **Pertama:**

Muhammad Nasr al-Din al-Albani bukanlah pengarang asal kitab *al-'Uluw li al-'Aliy al-Ghaffar*, ia adalah karangan Shams al-Din al-Dzahabi (748H). al-Albani hanyalah meringkaskannya, kerana itu judul kitab tersebut di sisi al-Albani adalah *Mukhtasar al-'Uluw li al-'Aliy al-Ghaffar*. Oleh itu yang “memuatkan” riwayat kata-kata al-Shafi‘i adalah al-Dzahabi dan bukannya al-Albani.

### **Kedua:**

Al-Albani tidak memberi sebarang komentar ke atas kata-kata al-Shafi‘i yang dimaksudkan apatah lagi untuk mengemukakan apa-apa gelaran yang hebat kepada kedua-dua *perawi* tersebut. Sebenarnya jika dikaji kitab *Mukhtasar al-'Uluw li al-'Aliy al-Ghaffar* (Maktabah al-Islami, Beirut 1991), ms. 176, riwayat no: 196, akan didapati bahawa gelaran tersebut asalnya diberikan oleh al-Dzahabi. Berikut disalin apa yang dimaksudkan sebagai “gelaran yang hebat”:

روى شيخ الإسلام أبو الحسن الهكاري, والحافظ أبو محمد  
المقدسي بإسنادهم إلى أبي ثور وأبي شعيب .....  
.....

Telah diriwayatkan oleh Shaikh al-Islam Abu al-Hassan al-Hakkari dan al-Hafiz Abu Muhammad al-Maqdisi dengan *sanad* mereka yang kepada Abi Thur dan Abi Shu‘aib...

Gelaran hebat yang dimaksudkan adalah “*Shaikh al-Islam*” bagi Abu Hassan al-Hakkari dan “*al-Hafiz*” bagi Abu Muhammad al-Maqdisi. Kedua-dua gelaran ini asalnya dikemukakan oleh al-Dzahabi dan ia memang merupakan gelaran yang lazim disandarkan kepada dua tokoh di atas.

Contohnya al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani (852H) ketika mengemukakan riwayat Abu al-Hassan al-Hakkari telah menyebut beliau sebagai:

‘Ali bin Ahmad, Shaikh al-Islam, Abu al-Hassan al-

Hakkari.

Ini disebut oleh Ibn Hajar dalam kitabnya *Lisan al-Mizan*, jld. 4, ms. 195, *perawi* no: 519. Rujukan jilid dan mukasurat adalah sepertimana yang dirujuk sendiri oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 89 ketika *mendha'ifkan* Abu al-Hassan. Justeru bagaimana mungkin beliau tidak sedar gelaran “*Shaikh al-Islam*” telah sedia diberi oleh Ibn Hajar sendiri ?

Kedua: Abu Muhammad al-Maqdisi, nama sebenarnya ialah ‘Abd al-Ghani bin ‘Abd al-Wahid bin ‘Ali, Taqi al-Din al-Hafiz Abu Muhammad al-Maqdisi. Biografi beliau disebut oleh al-Dzahabi dalam *Tazkirah al-Huffaz* (*tahqiq*: Zakaria ‘Amirath; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1998), jld. 4, ms. 111, no: 1112. Nama beliau yang sebenar bukanlah Abu Muhammad al-Maqdisi sebagaimana yang *didha'ifkan* oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 89-90.

Aneh sungguh tindakan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* menuduh al-Albani sebagai telah “menonjolkan *perawi* dengan gelaran yang hebat” apabila beliau sendiri telah menyebut gelaran “*Shaikh al-Islam*” bagi Abu Hassan al-Hakkari dan “*al-Hafiz*” bagi Abu Muhammad al-Maqdisi. Dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 89 beliau menulis:

Di dalam riwayat ini terdapat dua orang *perawi*, iaitu Syeikh Islam Abu Hassan al-Hakkari dan al-Hafiz Abu Muhammad al-Maqdisi.

### **Ketiga:**

Terhadap kritikan bahawa al-Albani “tidak mendedahkan latar belakang *perawi*”, maka wujud dua kemungkinan sebagai jawapan:

1. al-Albani tidak menemui sumber rujukan yang tepat atau *sanad* yang lengkap bagi menilai hukum *athar* tersebut. Hal ini sebagaimana yang telah beliau terangkan di bahagian *muqaddimah* (ms. 20, no: 08)

tentang manhaj yang digunakan dalam *mentahqiq* dan meringkaskan kitab *al-'Uluw li al-'Aliy al-Ghaffar*, di mana semampu mungkin beliau akan berusaha menghubungkan sesuatu *athar* kepada rujukan yang asal dan menyemak status *sanadnya*.

2. al-Albani sedia mengetahui kelemahan atau perbincangan yang wujud dalam *sanad athar* tersebut. Akan tetapi sebahagian daripada manhaj beliau ialah bersikap toleran terhadap status *sanad athar-athar* yang dikemukakan oleh al-Dzahabi kerana ia pada asalnya bukanlah hujah melainkan merupakan pelengkap dan penjelas kepada apa yang pada asalnya didirikan oleh dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Manhaj ini beliau sebut di bahagian *muqaddimah*, ms. 20, no: 05.

Kemungkinan yang kedua adalah yang benar kerana apa yang diriwayatkan daripada al-Shafi'i jelas memiliki dasar dan bukti daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Kata-kata al-Shafi'i sebagaimana salin penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 88-89 adalah:

“Perkataan pada al-Sunnah yang menjadi pegangan aku, dan aku telah telah melihat para sahabatku yang terdiri daripada kalangan ulama’ hadith juga berpegang dengannya. Aku sempat bersama Sufyan, Malik dan selain daripada mereka berdua yang mengakui bahawa Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah. Allah S.W.T. itu berada di atas arasy di atas langit-Nya. Dia mendekati makhluk-Nya sebagaimana yang Dia kehendaki. Dia turun ke langit dunia sebagaimana yang Dia kehendaki...”


Tiga sifat Allah yang disebut oleh al-Shafi'i dapat dirujuk kepada dalil al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih:

[1] Allah berada Di Atas ‘Arasy Di Atas langit.

Ini sebagaimana firman Allah ‘Azza wa Jalla di dalam al-Qur’an surah Taha 20:05, al-Sajdah 32:04, al-Isra’ 17:42, Fatir 35:10, al-Fusilat 41:11, al-Mulk 67:16 dan al-Ma’arij 70:3-4 yang telah dikemukakan beberapa mukasurat sebelum ini.

[2] Allah Mendekati makhluk-Nya sebagaimana yang Dia kehendaki.

Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:



***Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya.***  
[Qaaf 50:16]

[3] Allah Turun ke langit dunia sebagaimana yang Dia kehendaki.

Ini sebagaimana hadis sahih Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* riwayat al-Bukhari, Muslim dan lain-lain seperti yang telah dikemukakan sebelum ini dalam PENILAIAN SEMULA NO 18, bermaksud:

***“Tuhan kami (Allah) Tabaraka wa Ta’ala pada setiap malam turun ke langit dunia, yakni pada baki terakhir satu pertiga malam.....”***

Jelas bahawa apa yang disebut al-Shafi’i adalah benar dan berdasarkan dalil-dalil al-Qur’an dan al-Sunnah yang sahih. Justeru sekalipun *sanad athar* ini memiliki perbincangan di dalamnya, namun *matannya* tetap benar sehingga tergolonglah *athar* ini secara keseluruhannya dalam kategori *sahih*.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 67**

### ***Kesahihan kitab “al-Rad ‘ala al-Jahmiyyah.”***

Dinyatakan dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 90-91:

Pihak al-Mujassimah seringkali mengemukakan hujah berdasarkan kitab yang disandarkan kepada Imam Ahmad yang berjudul “*al-Rad ‘ala al-Jahmiyyah*”. Hujah yang disandarkan kepada pendapat Imam Ahmad ini dibentangkan oleh mereka semata-mata untuk menegak dasar aqidah yang batil. Malang sekali, mereka sebenarnya lupa bahawa kitab yang disandarkan kepada Imam Ahmad ini tidak benar sekali. Hal ini dinyatakan oleh Imam al-Zahabi di dalam kitab “*Sayr A'lam al-Nubala*” (m.s. 286, jld. 11). Ketika menterjemahkan biodata Imam Ahmad, beliau mengatakan:

“...tidak seperti kitab “*al-Rad ‘ala al-Jahmiyyah*”, ia adalah kitab yang direka (*maudhu*) ke atas Abu Abdullah.

### ***Penilaian semula:***

Keterangan di atas adalah benar, sememangnya diperselisihkan siapakah pengarang asal kitab *al-Rad ‘ala al-Jahmiyyah*. Al-Dzahabi telah menyebut hal ini seperti yang dinukil oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di atas. Ia juga dipersetujui oleh Syu’aib al-Arna’uth dalam ulasan beliau ke atas kitab *Siyar A'lam al-Nubala*, lihat jld. 11, ms. 289, notakaki 01.

Masalahnya terletak pada salah perawi yang meriwayatkan kitab tersebut, bernama al-Khadir bin al-Muthani, di mana beliau adalah seorang yang *majhul* (tidak dikenali).

Akan tetapi hal ini tidaklah menjejaskan atau mengakibatkan keraguan terhadap *'aqidah* dan pegangan Ahmad bin Hanbal. Terdapat banyak kitab-kitab lain dalam bab ini yang benar-benar berasal daripada Ahmad bin Hanbal, sebahagian daripadanya telah penulis kemukakan dalam buku ini.

### **Penjelasan Tambahan.**

Al-Saqqaf dalam *Daf'u Syubhat Tasybih*, ms. 75-76 telah menyenaraikan hampir semua kitab-kitab yang membicarakan subjek *'aqidah* oleh para tokoh generasi *al-Salaf* dan beliau mendakwa bahawa semua kitab-kitab tersebut diragui kesahihannya.

Namun dakwaan al-Saqqaf tidak memiliki apa-apa nilai kebenaran. Sebagai contoh, marilah kita mengkaji kitab yang pertama disenaraikan oleh al-Saqqaf, iaitu *Kitab al-Sunnah* oleh 'Abd Allah bin Ahmad bin Hanbal. Berkata al-Saqqaf terhadap asal usul kitab ini:

Kitab "al-Sunnah" yang disandarkan kepada Ibn Ahmad yang di dalam *sanadnya* terdapat al-Khadir bin al-Muthani: Dia seorang yang *majhul*.

Rujukan semula kepada *Kitab al-Sunnah* oleh 'Abd Allah bin Ahmad bin Hanbal (290H)<sup>208</sup> mendapati dalam *sanadnya* tidak terdapat al-Khadir bin al-Muthani.<sup>209</sup> Al-Khadir bin Muthani

---

<sup>208</sup> Beliau ialah anak kepada Ahmad bin Hanbal (241H). Memainkan peranan utama dalam menghimpun dan menyusun hadis-hadis yang dicari oleh ayahnya sebagaimana yang terdapat sekarang ini dalam *al-Musnad*. Selain itu beliau juga banyak berjasa dalam menghimpun kata-kata dan pendapat ayahnya. Meninggal dunia pada tahun 290H.

<sup>209</sup> Edisi rujukan penulis adalah yang *ditahqiq* oleh Muhammad Sa'id Salim al-Qathani, terbitan Dar Ibn al-Qayyim, al-Damam 1406H. Sanad kitab tersebut boleh dilihat di mukasurat 101-102 sejeurus selepas

sebenarnya adalah salah seorang perawi yang meriwayatkan kitab *al-Rad ‘ala al-Jahmiyyah* sebagaimana yang telah diterangkan di atas.

Memadai sekadar satu contoh. Dapat diperhatikan permainan kotor al-Saqqaf yang mendustakan para tokoh dan mengelirukan para pembacanya.

#### **PENILAIAN SEMULA NO: 68**

***Kesimpulan Bab E: al-Tafwidh dan beberapa perkara yang berkaitan.***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 92:

|                                           |
|-------------------------------------------|
| Oleh itu, berdasarkan kepada kupasan kami |
|-------------------------------------------|

---

*muqaddimah* oleh M. Sa'id.

tentang kaedah al-Tafwid, maka tidak dapat diragu lagi, sememangnya ia merupakan satu metod atau kaedah yang jelas daripada al-Salaf al-Soleh. Kitab-kitab tafsir pula menjadi saksi dengan mencatat tafsiran di kalangan Sahabat tentang pendirian mereka berhubung dengan masalah al-Sifat.

### **Penilaian semula:**

Tiada siapa yang meragui atau menolak kaedah *al-Tafwidh* di sisi generasi *al-Salaf* jika ianya difahami mengikut definisi *Ahl al-Sunnah*, iaitu beriman kepada sesuatu sifat Allah sebagaimana yang dikhabarkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih dengan difahami maknanya manakala ilmu tentang bentuk, ciri-ciri dan tatacara sifat tersebut (*kaifiat*) diserahkan kepada Allah sambil menyucikan-Nya dari *tasybih* dan *tajsim*.

Hasan al-Saqqaf dalam buku-bukunya cuba membuktikan bahawa kaedah *Ahl al-Sunnah* terdiri daripada dua kaedah: *al-Takwil* dan *al-Tafwidh*. Hal ini adalah tidak benar. Perhatikan dan jililah semula kata-kata al-Tirmizi.<sup>210</sup>

والمذهب في هذا عند أهل العلم من الأئمة مثل سفیان  
الثوري ومالك بن أنس وابن المبارك و ابن عيينة ووكيع  
وغيرهم أنهم رووا هذا الأشياء، ثم قالوا: تروى هذه  
الأحاديث ونؤمن بها ولا يقال كيف، وهذا الذي اختاره  
أهل الحديث أن ترووا هذه الأشياء كما جاءت ويؤمن بها

---

<sup>210</sup> Muhammad bin 'Isa al-Tirmizi – *Sunan al-Tirmizi*, jld. 5, ms. 404 (*Kitab Sifat al-Jannah, Bab tentang kekalnya ahli syurga dan ahli neraka*). Bagi edisi terjemahan lihat *Sunan at-Tirmidzi*, jld. 4, ms188.

ولا تفسر ولا تتوهم ولا يقال كيف، وهذا أمر أهل العلم  
الذي اختاروه وذهبوا اليه.

Kata-kata al-Tirmizi ini telah diterjemahkan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 91:

“...dan mazhab di sisi ahli ilmu {di kalangan para tokohnya} iaitu seperti Sufyan al-Thauri, Malik Ibn Anas, Ibn Mubarak, Ibn ‘Uyainah, Waqi’ dan lain-lain bahawa mereka itu meriwayatkan perkara-perkara ini, kemudian mereka berkata; “kami meriwayatkan hadith-hadith ini dan kami beriman dengannya dan tidak dikatakan padanya *kaifiyat*. Inilah pendapat yang dipilih oleh ulama’ hadith bahawa hadith-hadith diriwayatkan ini sebagaimana yang dibawa datang dan diimani dengannya, tanpa tafsir, tanpa *waham* (kesamaran) dan tidak dikatakan *kaifiyatnya* (cara)”. Inilah jalan yang dipilih dan di rintis oleh ahli ilmu atau ulama”

Perhatikan bahawa al-Tirmizi tidak menyebut bahawa kaedah *al-Takwil* sebagai salah satu kaedah yang dipegang oleh para tokoh generasi *al-Salaf*.

Perhatikan juga bahawa apabila Ibn Hajar al-‘Asqalani membicarakan antara kaedah *al-Tafwidh* dan *al-Takwil* (*Salafiyah Wahabiyah* ms. 92), beliau tidak menyandarkan kaedah *al-Takwil* kepada generasi *al-Salaf*. Manakala kata-kata Ibn Daqiq al-‘Id (702H)<sup>211</sup> yang dinukil oleh penyusun

---

<sup>211</sup> Beliau ialah Muhammad bin ‘Ali bin Wahb, terkenal dengan gelaran Ibn Daqiq al-‘Id. Beliau pada asalnya adalah tokoh besar Mazhab Maliki akan tetapi kemudiannya beralih ke Mazhab Shafi‘i dan menjadi tokoh besar mazhab ini di Mesir. Lahir pada tahun 625H dan meninggal

*Salafiyah Wahabiyah* di ms. 93:

“Pendirian kami terhadap (nas) sifat-sifat yang bermasalah ialah kami mengakui dan membenarkan maknanya mengikut apa yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Jika sesiapa yang *mentakwilkannya*, kita melihat, sekiranya *al-Takwil* itu dekat (dalam memahami ayat) mengikut kehendak bahasa Arab, kami tidak mengingkarinya. Sebaliknya, jika *al-Takwil* itu jauh, maka kami tidak sependapat dengannya. Bahkan kami kembali kepada membenarkan nas tersebut beserta mensucikan-Nya.”

Di atas adalah nukilan yang benar daripada Ibn Daqiq al-‘Id. Beliau berkata sedemikian dalam rangka mencari jalan pertengahan antara kaedah *Ahl al-Sunnah* dan *Ahl al-Takwil*. Hal ini telah disebut juga oleh al-Suyuti dan al-Zarqani.<sup>212</sup> Namun perlu diingatkan bahawa Ibn Daqiq al-‘Id bukanlah seorang tokoh dari generasi *al-Salaf*, oleh itu kata-kata beliau tidak boleh dijadikan hujah untuk mendakwa generasi *al-Salaf* ada berpegang kepada kaedah *al-Takwil*.

Oleh itu yang benar kaedah-kaedah berikut bukan merupakan pegangan generasi *al-Salaf*:

1. *al-Takwil* dengan maksud *takwil* pengalihan lafaz ke atas nas-nas al-Sifat,
2. *al-Tafwidh* dengan maksud menyerahkan kepada Allah segala-galanya tentang *nas al-Sifat*,
3. *al-Tafwidh* dengan maksud menerima istilah tetapi menyerahkan kepada Allah makna dan *kaifiyat nas al-Sifat*.

---

dunia pada tahun 702H di Mesir.

<sup>212</sup> Lihat: *al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an*, jld. 2, ms. 10-11 dan *Manahil al-‘Urfan*, jld. 2, ms. 207-208.

**BAB F: PERSELISIHAN *AL-SALAF* MEMBUKTIKAN  
MEREKA BUKANNYA  
BERSEPAKAT ATAS SATU MAZHAB.**

### ***Pengenalan.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* seterusnya dari mukasurat 94 telah mengemukakan beberapa contoh perselisihan di kalangan generasi *al-Salaf* untuk dijadikan hujah bahawa tidak wujudnya satu Mazhab yang dinamakan Mazhab *al-Salaf*. Ini beliau lakukan selari dengan langkah gurunya Hasan al-Saqqa dalam buku beliau *Syarah al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 216 dan seterusnya.

Akan tetapi jika dikaji secara mendalam contoh-contoh perselisihan yang dikemukakan, didapati ianya tidak sah untuk dijadikan hujah bahawa wujudnya perselisihan. Ini adalah kerana contoh-contoh yang dikemukakan itu sama ada (1) bukan melibatkan urusan *‘aqidah*, atau (2) tidak memiliki *sanad* yang *sahih* kepada individu-individu yang didakwa berselisih.

Tanpa berlengah lagi marilah kita menilai semula contoh-contoh perselisihan yang dikemukakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.

### **PENILAIAN SEMULA NO: 69**

#### ***Perselisihan Pertama: Adakah al-Qur’an itu makhluk ?***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 94-95:

|                                                                                         |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|
| Imam al-Hafiz Ibn ‘Abd al-Barr di dalam kitabnya “ <i>al-Intiqa</i> ” (m.s. 106), telah |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|

menceritakan kepada kita tentang perbezaan pendapat dalam masalah ini. Perbezaan ini berlaku antara dua Imam al-Salafi yang asal, iaitu Imam Ahmad dan Imam al-Hafiz al-Karabisi. Kedua-dua Imam ini saling mengemukakan pendapat berdasarkan hujah masing-masing.

Imam Ahmad; berkata:

“Sesiapa yang mengatakan al-Qur’an itu makhluk, maka dia adalah al-Jahmi, dan sesiapa yang mengatakan, al-Qur’an itu kalam Allah dan dia tidak mengatakan makhluk, maka dia sependapat denganku. Sesiapa yang mengatakan bahawa lafaz pada al-Qur’an itu makhluk, maka dia adalah seorang yang *mubtadi*’ (pembuat bid’ah).”

Manakala Imam al-Karabisi, Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Ibn Kullab, Abu Sur, Daud Ibn Ali, al-Haris Ibn Asad al-Mahasibi, Muhammad Ibn Nasr al-Maruzi dan lain-lain mempunyai pendapat yang tersendiri dalam masalah ini.

Secara umumnya, mereka mengatakan bahawa al-Qur’an itu adalah satu sifat daripada sifat-sifat Allah. Tidak harus untuk dikatannya sebagai makhluk. Tetapi, pembacaan dan berlafaz dengan al-Qur’an itu adalah makhluk....<sup>213</sup>

### ***Penilaian semula:***

Telah dirujuk kitab *al-Intiqā* karya Ibn ‘Abd al-Barr dan

---

<sup>213</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 216-217.

didapati:<sup>214</sup>

### **Pertama:**

Nukilan Ibn ‘Abd al-Barr adalah tanpa *sanad* maka tidak diketahui sejauh mana kebenaran dakwaan di atas. Sekaligus dakwaan perselisihan di atas adalah tertolak sehinggalah dapat dibuktikan dengan *sanad* yang *sahih* tentang kewujudannya.

### **Kedua:**

Ibn ‘Abd al-Barr telah menyenaraikan nama-nama sepertimana yang disebut oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* kecuali nama dua orang tokoh hadis yang terkenal: Imam Bukhari dan Imam Muslim.

Nukilan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* terhadap dua tokoh ini merupakan satu fitnah ke atas mereka dan ke atas Ibn ‘Abd al-Barr sendiri. Tambahan nama al-Bukhari dan Muslim sebenarnya dilakukan sendiri oleh al-Saqqaf namun diselewengi oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sebagai kata-kata Ibn ‘Abd al-Barr.

Marilah kita semak pula sejauh mana kebenaran dakwaan al-Saqqaf dengan merujuk kitab yang sama, iaitu *Siyar A’lam al-Nubala* karangan al-Dzahabi.<sup>215</sup>

---

<sup>214</sup> Ibn ‘Abd al-Barr – *al-Intiqā fī Fada’il al-A’immah al-Thalāthah al-Fuqahā: Malik bin Anas wa Muhammad bin Idrīs al-Shāfi’i wa Abū Hanīfah al-Nu’man bin Thābit* (tahqiq: Abū Fatah Abū Ghadah; Maktabah al-Matbu’ah al-Islāmiyyah, Beirut 1997), ms. 165.

<sup>215</sup> Untuk kefahaman para pembaca, perbahasan ini berputar pada persoalan sama ada al-Qur’an, lafaznya dan tindakan melafazkannya, adakah ia makhluk atau tidak. Makhluk bererti sesuatu yang baru dicipta oleh Allah manakala bukan makhluk bererti ia adalah sesuatu yang sedia kala di sisi Allah, berupa salah satu sifatnya.

Al-Qur’an dan lafaz-lafaznya adalah merupakan *Kalam Allah* dan ia adalah salah satu sifat Allah yang sedia kala. Ia bukanlah sesuatu yang baru tercipta, bererti ia bukanlah makhluk. Jika dikatakan makhluk bererti Allah pada satu masa dahulu tidak memiliki sifat *Kalam* dan hal ini pasti satu kekurangan bagi Allah. Maha Suci Allah daripada segala kekurangan. Adapun tindakan melafazkan ayat-ayat al-Qur’an oleh seseorang yang

Pendapat al-Bukhari:<sup>216</sup>

Memang terdapat beberapa riwayat terhadap pendapat al-Bukhari dalam bab ini di mana sebahagian orang memahami bahawa al-Bukhari berpendapat lafaz pembacaan al-Qur'an adalah makhluk. Namun hal ini telah ditolak oleh al-Bukhari. Diriwayatkan oleh al-Dzahabi bahawa Abu 'Umar al-Khaffafa telah bertanya hal ini secara terus kepada al-Bukhari, lalu jawab beliau:

(Sesiapa yang berkata) lafazku terhadap al-Qur'an adalah makhluk maka dia adalah pendusta. Sesungguhnya yang sedemikian (lafaz al-Qur'an adalah makhluk) bukanlah pendapat aku. Melainkan aku berkata, perbuatan seseorang hamba (itulah yang dikatakan) makhluk.<sup>217</sup>

Jelas di sini bahawa al-Bukhari menolak pendapat mereka yang berkata lafaz pembacaan al-Qur'an adalah makhluk. Sebutan ayat-ayat al-Qur'an bukanlah makhluk tetapi tindakan seseorang menyebutnya adalah makhluk.

Pendapat Muslim bin al-Hajjaj:<sup>218</sup>

---

membacanya, maka lafaz tersebut tetap bukan makhluk manakala tindakan membaca adalah makhluk. Ini adalah kerana lafaz tersebut tetap merupakan sesuatu yang berasal daripada al-Qur'an yang merupakan *Kalam Allah* manakala tindakan membacanya adalah ikhtiar manusia sendiri dan ia bukanlah salah satu sifat Allah.

<sup>216</sup> Beliau ialah pengarang kitab hadis yang masyhur – *Sahih al-Bukhari*. Kitab ini telahpun diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa. Antara kitab lain yang telah diterjemahkan ialah *Adabul Mufrad* (terj: Khalid Abri; Mutiara Ilmu, Surabaya 1997. Nama beliau yang sebenar ialah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim al-Bukhari. Beliau lahir di Bukhara (Uzbekistan) pada tahun 194H dan kemudiannya mengembara ke hampir seluruh dunia Islam untuk menuntut ilmu dan mencari hadis. Meninggal dunia pada tahun 256H.

<sup>217</sup> *Siyar A'lam al-Nubala*, jld. 12, ms. 457-458.

<sup>218</sup> Beliau ialah Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, terkenal dengan kitab hadisnya *Sahih Muslim* yang juga telah diterjemahkan kepada beberapa bahasa. Dilahirkan di Naisabur pada tahun 204H dan juga telah

Sepertimana al-Bukhari, terdapat juga beberapa pendapat terhadap Muslim bin al-Hajjaj. Namun yang muktamad adalah sepertimana yang akhirnya dinukil oleh al-Dzahabi, bahawa diriwayatkan Abu Hamid bin al-Syarqi berkata:

Aku hadir dalam majlis (ilmu) Muhammad bin Yahya. Beliau berkata: Ketahuilah, sesiapa yang berkata lafazku terhadap al-Qur'an adalah makhluk maka janganlah dia hadir di majlis kami. Maka bangunlah Muslim (beredar keluar) daripada majlis tersebut.<sup>219</sup>

Tindakan Muslim bin al-Hajjaj bererti beliau juga menolak pendapat lafaz pembacaan al-Qur'an adalah makhluk.

Demikianlah pendapat sebenar al-Bukhari dan Muslim sebagaimana yang tercatat dalam *Siyar A'lam al-Nubala*. Perhatikan bentuk penyelewengan fakta yang dilakukan oleh al-Saqqaf.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 70**

### ***Perselisihan Kedua: Adakah Rasulullah s.a.w. melihat Allah pada malam Isra' dan Mikraj ?***

Disebut dalam *Salafiyah Wahabiyah* ms. 97:

|                                                                                                                                                                                            |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Para al-Salaf al-Soleh juga berselisih pendapat dalam peristiwa' Isra' dan Mikraj. Perselisihan itu berbunyi, Adakah Rasulullah s.a.w. melihat Allah S.W.T. pada malam yang bersejarah itu |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

---

banyak melakukan pengembaraan untuk menuntut ilmu dan mencari hadis. Meninggal dunia pada tahun 261H.

<sup>219</sup>

*Siyar A'lam al-Nubala*, jld. 12, ms. 572.


dengan mata Baginda atau tidak ?”

Al-Qadhi I’yad di dalam kitabnya “*al-Syifa*” mengatakan bahawa para sahabat berselisih pendapat tentang masalah ini. Perselisihan ini berlaku antara dua tokoh ulama’ al-Salafi yang masyhur iaitu antara Sayidatina ‘Aisyah dengan Sayidina Ibn Abbas.<sup>220</sup>

### Penilaian semula:

Perselisihan berlaku kerana Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* pada asalnya tidak memberitahu sama ada baginda telah melihat Allah atau tidak pada malam bersejarah itu. Oleh kerana tidak adanya khabar yang *sahih* maka para sahabat berijtihad berdasarkan beberapa petunjuk nas yang ada.

Pendapat pertama berkata Rasulullah tidak melihat Allah berdasarkan firman Allah:



***Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala penglihatan itu dan Dialah Yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui.*** [al-An‘aam 6:103]

Pendapat kedua berkata Rasulullah telah melihat Allah berdasarkan firman Allah:



***Maka apakah kamu (musyrikin Mekah) hendak***

<sup>220</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyyah*, ms. 218.

***membantahnya tentang apa yang telah dilihatnya ?*** [al-Najm 53:12]<sup>221</sup>

Di sini memang wujud dua pendapat tetapi ia bukanlah sesuatu yang melibatkan urusan ‘*aqidah*’ umat Islam.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 71**

### ***Perselisihan Ketiga: Siapakah sebaik-baik manusia selepas Rasulullah ?***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* dalam ms. 99 seterusnya telah membuka perbincangan tentang siapakah yang lebih utama sesudah wafatnya Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam*. Beliau merumuskan daripada nukilan beberapa riwayat dalam kitab *al-Isti‘ab*.<sup>222</sup>

Imam Abd al-Barr di dalam kitabnya *al-Istia‘b* (m.s. 32, jld. 3), menjelaskan kepada kita bahawa telah berlaku perselisihan di kalangan al-Salaf (para sahabat) berselisih pendapat tentang siapakah sebaik-baik manusia secara keseluruhannya selepas Rasulullah s.a.w.

Sebahagian sahabat berpendapat bahawa Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. adalah orang yang lebih baik daripada kalangan manusia. Ini adalah pendapat yang masyhur di kalangan al-

---

<sup>221</sup> Lebih lanjut lihat buku al-Qadhi al-I’yadh: *al-Syifa’* (terj: Aisha Bewley; Madina Press, Granada & Islamic Book Trust, K. Lumpur 1998), ms. 101-105.

<sup>222</sup> Ibn ‘Abd al-Barr - *Al-Isti‘ab fi Ma’rifati al-Ashab* (tahqiq: ‘Adil Ahmad & ‘Ali Muhammad; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1995), jld. 3, ms. 197 dan seterusnya (‘*Ali bin Abi Talib al-Hasyimi*). Dakwaan perselisihan ini asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-‘Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 222.

Salaf.

Ada riwayat yang menjelaskan bahawa Sulaiman, Abu Dzar, al-Miqdad, Khabbab, Jabir, Abu Sai'd al-Khudri dan lain-lain mengatakan bahawa Sayidina Ali Ibn Abi Talib adalah orang yang mula-mula memeluk Islam dan inilah kelebihan berbanding yang lain.

### ***Penilaian semula:***

Asalkan seseorang itu memuliakan semua sahabat, kecenderungan tentang siapakah yang paling utama tidak akan menggugat *'aqidah*nya. Akan tetapi yang menggugat *'aqidah* adalah apabila seseorang itu menghina sebahagian atau kesemua para sahabat tersebut. Hal ini sepertimana yang dilakukan oleh aliran *Syi'ah Rafidhah* di mana mereka telah mengkultuskan Ali, Fatimah, Hasan dan Husain *radiallahu 'anhum* manakala lain-lain sahabat dipandang hina oleh mereka.

Dalam penerangan seterusnya oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* terdapat sesuatu yang sangat-sangat memerlukan perhatian. Beliau menulis (ms. 99):

Imam Ahmad dan Imam al-Nasa'ie juga turut menyokong pendapat ini dengan mengesahkan bahawa tidak ada riwayat yang sahih yang menjelaskan kelebihan para sahabat kecuali tentang Sayidina Ali.

Di bahagian notakaki dicatitkan rujukan berikut:

*Al-Istia'b*, (ms. 14, jld. 3) dan *al-Mustadrak al-Hakim*, (m.s. 107, jld. 3) dan Ali al-Imam al-'Arifin, Imam al-Muhaddith Ahmad Ibn Siddiq al-Ghumari (m.s. 55-94)

Di atas adalah nukilan yang dusta terhadap Ahmad bin Hanbal

dan al-Nasa'i.<sup>223</sup> Berikut perinciannya:

**Pertama:**

Kitab *Al-Isti'ab fi Ma'rifati al-Ashab* oleh Ibn 'Abd al-Barr (463H).

Sila rujuk jld. 3, ms. 213 (*tahqiq*: Aidil Ahmad & 'Ali Muhammad; Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 1995) di mana berkata Ibn 'Abd al-Barr:

وقال أحمد بن حنبل و إسماعيل بن إسحاق القاضي: لم يرو  
في فضائل أحد من الصحابة بالأسانيد الحسان ما روي في  
فضائل علي بن أبي طالب. وكذلك قال أحمد بن شعيب بن  
علي النسائي رحمه الله.

Dan telah berkata Ahmad bin Hanbal dan Ismail bin Ishaq al-Qadhi: “Tidaklah diriwayatkan tentang keutamaan seorangpun daripada para sahabat dengan *sanad-sanad* yang baik seperti apa yang telah diriwayatkan tentang keutamaan 'Ali bin Abi Talib. Dan demikianlah juga pendapat Ahmad bin Syu'aib bin 'Ali al-Nasa'i, semoga Allah merahmati dia.

Seandainya riwayat di atas adalah *sahih* (kerana ia tidak memiliki *sanad*), maka fungsi perkataan ( لم ) dan ( ما ) bukanlah bagi menunjukkan penafian secara total tetapi adalah sebagai petunjuk akan perbezaan kualiti atau kuantiti, atau kepentingan kenyataan yang sedang dibuat (*to stress a point*).

Justeru maksud kata-kata di atas adalah bagi menerangkan bahawa status *sanad* yang dimiliki oleh riwayat-riwayat tentang keutamaan 'Ali bin Abi Talib adalah lebih baik

---

<sup>223</sup> Beliau ialah Ahmad bin 'Ali bin Syu'aib bin 'Ali, Abu 'Abd al-Rahman al-Nasa'i. Seorang tokoh hadis kelahiran Parsi yang terkenal dengan kitabnya *Sunan al-Nasa'i* yang telah diterjemahkan ke bahasa Indonesia dan Inggeris. Meninggal dunia pada tahun 303H di Damsyik.

berbanding riwayat-riwayat tentang keutamaan lain-lain sahabat. Ia tidak bermaksud bahawa tidak wujud riwayat yang memiliki *sanad* yang *sahih* tentang keutamaan para sahabat yang lain sebagaimana yang diisyaratkan oleh terjemahan penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Perhatikan bahawa dalam teks Arab yang asal tidak ada perkataan “kecuali” ( لا ) sebagaimana yang diterjemahkan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Perkataan “kecuali” memainkan peranan yang sangat penting dalam rangka memahami kenyataan di atas.

### **Kedua:**

Kitab *Al-Mustadrak ‘ala al-Sahihain* oleh al-Hakim al-Naisaburi (405H).<sup>224</sup>

Sila rujuk jilid 3, ms. 116 (*tahqiq*: Mustafa ‘Abd al-Qadir ‘Atha’; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut tp.thn.) di mana al-Hakim telah meriwayatkan dengan *sanad* yang *sahih* daripada Ahmad bin Hanbal:

ما جاء لأحد من أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم  
من الفضائل ما جاء لعلي بن أبي طالب رضي الله عنه.

Tidaklah datang satupun (riwayat) tentang keutamaan para sahabat Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* sepertimana datangnya (riwayat) tentang (keutamaan) ‘Ali bin Abi Talib *radiallahu ‘anhu*.<sup>225</sup>

---

<sup>224</sup> Beliau ialah Muhammad bin ‘Abd Allah bin Hamdawayh, dilahirkan di Nishapur pada tahun 321H. Terkenal dengan gelaran “al-Hakim” kerana jawatan hakim yang pernah disandangnya di Kota Nishapur. Karya beliau yang terkenal ialah kitab hadis *Mustadrak ‘ala al-Sahihin*. Meninggal dunia pada tahun 405H.

<sup>225</sup> **Sanad sahih:** Dikeluarkan oleh al-Hakim daripada al-Qadhi ‘Ali bin al-Hasan dan Muhammad bin al-Muzoffar al-Hafiz, mereka berdua berkata kami mendengar Muhammad bin Harun al-Hadarami berkata, aku mendengar Muhammad bin Mansur al-Thusi beliau berkata, aku mendengar Ahmad bin Hanbal beliau berkata.....seperti di atas. Saya berkata, para *perawi* di atas adalah *thiqah* kecuali ‘Ali bin al-Hasan namun hal ini tidak

Sekali lagi yang dimaksudkan bukanlah penafian secara total tetapi adalah sebagai petunjuk akan perbezaan kualiti atau kuantiti, atau kepentingan kenyataan yang sedang dibuat (*to stress a point*). Maka maksud kata-kata di atas adalah bagi menerangkan bahawa jumlah riwayat tentang keutamaan ‘Ali bin Abi Talib adalah lebih banyak berbanding riwayat tentang keutamaan para sahabat yang lain. Ia tidak bermaksud bahawa tidak wujud riwayat tentang keutamaan para sahabat yang lain sebagaimana yang diisyaratkan oleh terjemahan penyusun *Salafiyah Wahabiyah*.

Kedua-dua teks Arab di atas yang hanya memerlukan pengetahuan yang asas untuk diterjemah dan difahami. Nukilan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* bahawa ia bermaksud: “Mengesahkan bahawa tidak ada riwayat yang sahih yang menjelaskan kelebihan para sahabat kecuali tentang Sayidina Ali” tidak dapat diterima sebagai satu kesilapan, melainkan ia adalah satu pendustaan ke atas Ahmad bin Hanbal, al-Nasa‘i, al-Hakim dan Ibn ‘Abd al-Barr. Tidak ketinggalan adalah pendustaan kepada seluruh generasi sahabat, *radiallahu ‘anhum*.

## **PENILAIAN SEMULA NO: 72**

### ***Perselisihan Ketiga: Antara al-Takwil dan al-Tafwidh.***

Berkata penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di ms. 100:

Para al-Salaf al-Soleh juga turut berselisih pendapat dalam masalah al-Takwil dan al-Tafwid. Pengambilan kedua-dua kaedah ini berpunca daripada pemahaman mereka terhadap Surah al-Imran ayat 7, sebagaimana yang telah kami nyatakan sebelumnya. Secara ringkasnya, sesetengah mereka mentakwilkan sesetengah

---

mengapa. Muhammad bin Harun al-Hadrami, beliau ialah Muhammad bin Harun bin ‘Abd Allah bin Humaid, Abu Hamid al-Hadrami. Lihat al-Khatib al-Baghdadi – *Tarikh Madinah al-Salam (tahqiq: Bashir Ma‘aruf; Dar al-Gharb al-Islami, Beirut 2001) – perawi no: 1733.*

nas-nas yang *mutasyabih*. Manakala sesetengahnya pula menyerahkan maknanya beserta menyucikan Allah S.W.T. daripada kekurangan. Mereka tidak sesekali mempergunakan nas-nas tersebut secara zahir ayat.<sup>226</sup>

### ***Penilaian semula:***

Perselisihan di atas telahpun dibahas dalam PENILAIAN SEMULA NO: 17. Ringkasnya sekalipun sesetengah para sahabat memilih untuk *mentakwilkan* nas-nas *mutasyabih*, mereka hanya menghadkannya kepada nas-nas yang tidak melibatkan sifat-sifat Allah. Kepada *nas-nas al-Sifat*, adalah menjadi manhaj dan pegangan (*i'tiqad*) seluruh para sahabat dan generasi *al-Salaf* untuk tidak *mentakwilkannya*. Perlu diingatkan semula bahawa nas-nas *mutasyabih* tidaklah terhad kepada *nas-nas al-Sifat* sahaja.

Oleh itu yang benar tidak ada perselisihan pendapat di kalangan *al-Salaf al-Salih* terhadap *nas-nas al-Sifat*.

### **PENILAIAN SEMULA NO: 73**

***Kesimpulan Bab F: Perselisihan al-Salaf membuktikan mereka bukannya bersepakat atas satu mazhab.***

Penyusun *Salafiyah Wahabiyah* seterusnya merumuskan perbahasan beliau tentang perselisihan pendapat di kalangan generasi *al-Salaf* (ms. 100):

Sebenarnya banyak lagi perselisihan yang berlaku di kalangan *al-Salaf al-Soleh*. Perselisihan itu sama ada berkisar dalam masalah aqidah, fiqhiyah, politik dan

---

<sup>226</sup> Asalnya dikemukakan oleh Hasan al-Saqqaf dalam *Sahih al-'Aqidah al-Thahawiyah*, ms. 219.

sebagainya. Kesemuanya membuktikan bahawa mereka tidak bersepakat dalam banyak perkara.

Namun begitu, pendapat yang ramai ini adakalanya dijadikan Ijma' pada waktu itu. Begitu juga di kalangan ulama' muslimin yang datang selepas mereka. Ada pula yang dijadikan pendapat dalam mazhab bagi imam-imam mujtahid yang mampu mengeluarkan hukum daripada pendapat dan nas menurut kaedah mereka sendiri. Ada juga pendapat yang digunapakai di kalangan individu tertentu. Disamping itu ada pula pendapat yang dibiarkan begitu sahaja.

Apa yang penting di sini ialah, perselisihan ini menjelaskan kepada kita bahawa para al-Salaf tidak mencapai kata sepakat dalam masalah aqidah. Mereka juga tidak menghimpunkan pendapat-pendapat ini dan seterusnya membina satu dasar pegangan atau mazhab. Justeru itu, al-Salaf tidak ada mazhab yang khusus di dalam aqidah. Hasilnya, mazhab al-Salaf yang didakwa ialah satu mazhab yang tiada.

### ***Penilaian semula:***

Di atas adalah kesimpulan yang *batil* lagi tertolak. Telah jelas daripada PENILAIAN SEMULA ke atas contoh-contoh yang dikemukakan bahawa “perselisihan” yang didakwa wujud adalah palsu semata-mata.

Bahkan di sini terdapat petunjuk yang jelas kerana dengan segala permainan kotor, pendustaan dan penyelewengan fakta yang dilakukan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*, beliau masih gagal untuk mengemukakan satu bukti yang *sahih* lagi kukuh bahawa wujud perselisihan dalam urusan ‘*aqidah*

sesama generasi *al-Salaf*. Kegagalan ini tidak lain menunjukkan bahawa generasi *al-Salaf* tidak berbeza pendapat dalam urusan '*aqidah*'.

Adapun dalam urusan fiqh dan sebagainya maka memang wujud perselisihan pendapat di kalangan generasi *al-Salaf*. Akan tetapi perselisihan ini sebenarnya adalah “kekayaan pendapat serta ijtihad” dan bukannya “percanggahan yang memecah-belahkan”.<sup>227</sup> Kerana itu dalam urusan fiqh Mazhab *al-Salaf* dikenali sebagai mazhab yang kaya dengan pelbagai khazanah ilmu yang tinggi. Namun perlu diingatkan semula bahawa sifat kekayaan pendapat dalam Mazhab *al-Salaf* tidak melibatkan urusan '*aqidah*'.

Berkata Ibn al-Qayyim dalam hal ini:

Dan sungguh para sahabat telah berbeza pendapat dalam banyak masalah hukum padahal mereka adalah pemimpin orang-orang beriman dan umat yang memiliki sebaik-baik keimanan. Akan tetapi – *alhamdulillah* – tidaklah mereka berbeza pendapat dalam satupun daripada masalah *al-Asma' wa al-Sifat wa al-Af'al* (perbuatan), bahkan mereka semua menetapkan apa yang diputuskan oleh al-Qur'an dan al-

---

<sup>227</sup> Ini dikenali sebagai *Ikhtilaf al-Tanawu'* (اختلاف التنوع) dan bukannya *Ikhtilaf al-Tadhad* (اختلاف التضاد). Ibn Taimiyyah ada mengulas hal ini secara terperinci dalam *Iqtidha al-Sirat al-Mustaqim li-Muqalafat Ashab al-Jahim* (tahqiq: Nasr bin 'Abd al-Karim al-'Aqil; Dar Ishbiyalya, Riyadh 1998), jld 1, ms 148 dan seterusnya. Dari sumber terjemahan, sila lihat:

[1] *Jalan Lurus Menuju Sorga (dan) Menghindar Diri dari Api Neraka* (terj: Halimuddin; Rineka Cipta, Jakarta 1992), jld 1, ms 65 dan seterusnya.

[2] *Ibn Taimiya's Struggle against Popular Religion: An Annotated Translation of His Kitab Iqtidha al-Sirat al-Mustaqim Muqalafat Ashab al-Jahim* oleh Muhammad Umar Memon (Mouton, The Hague), ms 113 dan seterusnya.

Juga telah disebut secara ringkas oleh Ibn Taimiyyah dalam bukunya *al-Muqaddimah al-Tafsir* yang disyarah oleh al-Utsaimin (terj: Lukman Hakim; Pustaka al-Qawam, Solo 2002), ms. 51 dan seterusnya.

Sunnah, baik generasi awal sehinggalah generasi akhir (di kalangan seluruh generasi *al-Salaf*).<sup>228</sup>

Akhir kata tidak wujudnya Mazhab *al-Salaf* hanyalah benar di sisi penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Di sisi ahli ilmu, ahli kebenaran dan ahli *tahqiq* (pengkaji dan peneliti), Mazhab *al-Salaf* adalah sesuatu yang benar-benar wujud.

**KESIMPULAN PENILAIAN SEMULA KE ATAS BUKU  
SALAFIYAH WAHABIYAH SUATU PENILAIAN  
SUSUNAN ZAMIHAN MAT ZIN AL-GHARI.**

*Alhamdulillah* telah dilengkapkan penilaian semula ke atas buku *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian susunan Zamihan Mat Zin al-Ghari* yang ditumpukan terhadap asas-asas yang

---

<sup>228</sup> Ibn Qayyim al-Jauziyyah – *I'lam al-Muqqaww'in 'an Rabb al-Alamin* (*tahqiq*: Ta-ha 'Abd al-Ra'uf; Dar al-Jail, Beirut 1973), jld. 1, ms. 49 (*bhg muqaddimah*). Bagi edisi terjemahan, lihat *Panduan Hukum Islam* (terj: Asep Saefullah & Kamaluddim Sa'diyatulharamain; Pustaka Azzam, Jakarta 2000), ms. 52.

membentuk *'aqidah* dan pegangan generasi *al-Salaf* yang sebenar. Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa:

- [1] Mazhab *al-Salaf* adalah sesuatu yang benar-benar wujud baik secara *zamani* mahupun *manhaji*.
- [2] Mazhab *al-Salaf* beriman kepada sesuatu sifat Allah sebagaimana yang dikhabarkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih dengan difahami maknanya manakala ilmu tentang bentuk, ciri-ciri dan tatacara sifat tersebut (*kaifiat*) diserahkan kepada Allah sambil menyucikan-Nya dari *tasybih* dan *tajsim*.
- [3] Mazhab *al-Salaf* tidak *mentakwilkan nas-nas al-Sifat*, yakni mereka tidak mengalihkannya kepada erti yang lain.
- [4] *Mentakwilkan nas-nas al-Sifat* tidak membebaskannya daripada kemungkinan terjadinya *tasybih* dan *tajsim*, malah ia adalah pencetus kepada pelbagai lagi kerosakan dan kemudaratan.
- [5] Kesemua contoh *takwilan* yang dikemukakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* hanyalah merupakan sesuatu yang (A) tidak melibatkan sifat-sifat Allah, atau (B) melibatkan penafsiran ke atas sesuatu istilah yang memiliki beberapa erti.
- [6] Kitab *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* adalah merupakan kitab tulin karangan Abu al-Hasan al-Asya'ari dan ia mewakili pegangan beliau yang muktamad.
- [7] Manhaj Ibn Taimiyyah di dalam memahami *nas-nas al-Sifat* adalah manhaj yang berada di atasnya Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*, para sahabat, para *tabi'in* sehinggalah ke para imam mazhab yang empat. Manhaj beliau adalah bebas daripada *tasybih* dan *tajsim*.
- [8] Yang dimaksudkan dengan kaedah *al-Tafwidh* adalah menyerahkan *kaifiat* sesuatu *nas al-Sifat* kepada Allah *Ta'ala*. Ia bukan bermaksud menyerahkan segala-

galanya atau menyerahkan makna dan *kaifiat* sesuatu *nas al-Sifat* kepada Allah.

- [9] Allah *Beristiwa*’ Di Atas *’Arasy-Nya* Di langit. Akan tetapi sifat *Beristiwa*’ dan Di Atas tersebut hanyalah layak dengan sifat-sifat keagungan-Nya, tidaklah ia seumpama dengan sifat tempat bagi makhluk mahupun ia terpengaruh dengan tempat sebagaimana makhluk.
- [10] Tidak wujud perselisihan di kalangan generasi *al-Salaf* dalam urusan *’aqidah*. Yang wujud hanyalah perbezaan pendapat dalam lain-lain urusan yang merupakan kekayaan ilmu, pendapat dan ijtihad mereka.

Selain itu kita tidak boleh melupakan mahupun memandang ringan pelbagai pendustaan dan penyelewengan fakta yang dilakukan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Terus terang dikatakan bahawa tidak pernah penulis menemui sebuah buku yang berdiri-cirikan ilmiah dalam sejarah Malaysia yang di dalamnya terhimpun penyelewengan dan pendustaan fakta yang tersangat banyak.

Pendustaan dan penyelewengan fakta ini berpunca daripada dua faktor:

- [1] Sikap Hasan ‘Ali al-Saqqaf yang sememangnya dikenali sebagai seseorang yang tidak jujur dalam tulisan-tulisannya. Manakala saudara Zamihan Mat Zin pula hanya menyalin terus daripada buku-buku beliau tanpa mahu mengkaji dan menyelidikinya terlebih dahulu dengan perasaan takut kepada Allah *’Azza wa Jalla* serta ikhlas mencari kebenaran.
- [2] Sikap saudara Zamihan sendiri yang telah menokok tambah atas apa yang asalnya ditulis oleh al-Saqqaf. Maka kerana tindakan ini pendustaan dan penyelewengan fakta menjadi berganda.

Bahkan dalam beberapa kes saudara Zamihan dengan sendirinya telah melakukan dusta dan penyelewengan fakta tanpa ada hubung-kait dengan al-Saqqaf. Sebagai contoh dalam

*Salafiyah Wahabiyah ms. 133-134* beliau menulis:

Sesetengah orang yang menggelarkan diri mereka dengan al-Salafiyah menegaskan bahawa Syeikh Muhammad ‘Abd Wahab mempunyai jasa yang besar terhadap Islam. Beliau dianggap sebagai pejuang *fi sabilillah* bersama Muhammad Ibn Sa‘ud membebaskan Hijaz (Saudi) daripada penjajahan Turki. (Notakaki no 28: Lihat Syeikh Muhammad ‘Abd Wahab, *Tokoh-tokoh Mujaddid Islam*, ms. 79.)

Masya Allah ! ! ! Lihatlah wahai pembaca sekalian, lihatlah bagaimana fakta sejarah yang sengaja diputar-belitkan oleh golongan yang ta‘asub kepada al-Salafiyah al-Wahabiyah ini. Mengapakah Muhammad ‘Abd Wahab itu dikatakan berjihad *fi sabilillah* sedangkan pada masa tersebut Turki ‘Uthmaniyah adalah sebuah kerajaan Islam yang berdaulat. Hal ini diakui oleh seluruh umat Islam dan ulama’ muslimin.

Rujukan semula kepada buku: *Tokoh-tokoh Mujadid Islam* (Prosiding Seminar; Badan Perkhidmatan Penerangan Islam (BPPI) Selangor dan Wilayah Persekutuan; Kajang 1994), ms. 79 mendapati kata-kata sebenar oleh ‘Abd al-Qadir al-Mandili ke atas biografi Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab adalah seperti berikut:

“Kemudian beliau (Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab – p) telah bersetuju dengan Muhammad bin Sa‘ud Amir Ad Dar’iah untuk berjuang berjihad di jalan Allah bagi melaksanakan tuntutan “*amar ma’ruf dan nahi mungkar*” serta menegakkan syariat agama Islam.”

Perhatikan bahawa perkataan berjihad *fi sabilillah* sebenarnya ditujukan kepada usaha *amar ma’ruf nahi mungkar* dan bukannya untuk menjatuhkan kerajaan Islam ‘Uthmaniyyah di Turki.

Nukilan dan penjelasan penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di atas adalah bukti terbaik ke atas penyelewengan dan pendustaan yang beliau lakukan. Sebelum ini telah banyak dibongkar penyelewengan dan pendustaan akan tetapi semuanya adalah daripada sumber rujukan kitab Arab klasik yang mungkin sukar untuk para pembaca mengkaji sendiri. Sekarang wujud sebuah bukti daripada sumber bahasa Melayu yang dapat diperoleh dan dikaji sendiri oleh para pembaca. Perhatikan bagaimana penyelewengan fakta dan “putar-belit” yang beliau lakukan. Demikian juga pendustaan beliau dalam menjelas dan membesar-besarkannya sehingga begitu bersemangat menggunakan perkataan “*Masya-Allah*” untuk menarik keyakinan para pembacanya.

Jika penyusun *Salafiyah Wahabiyah* berani berdusta sambil menyebut nama Allah ke atas satu sumber yang mudah didapati di Malaysia maka bayangkanlah pula tahap keberanian beliau untuk berdusta ke atas sumber-sumber lain berbahasa Arab yang sukar didapati.<sup>229</sup>

### **Nasihat dan teguran kepada Zamihan Mat Zin.**

Kepada saudara Zamihan Mat Zin sendiri, anda mempunyai dua pilihan:

#### **Pertama:**

Bertaubat kepada Allah dengan Sebenar-benar taubat.

Berpegang teguh kepada kata-kata anda sendiri di bahagian penutup *Kata Pengantar (Salafiyah Wahabiyah ms. xii)*: “Yang mengharapkan keampunan

---

<sup>229</sup> Untuk kajian lanjut dari sumber terjemahan tentang faktor-faktor sebenarnya jatuhnya Kerajaan Islam ‘*Uthmaniyyah*, sila lihat: *Bangkit dan Runtuhnya Khilafah Utsmaniyah* oleh Ali Muhammad ash-Shalabi (terj: Samson Rahman; Pustaka al-Kautsar, Jakarta 2003).

*Allah.*” Semoga anda benar-benar bertaubat *nasuha* dengan memohon keampunan dan kemaafan daripada Allah *Ta’ala* atas segala jenayah dan fitnah yang telah anda lakukan ke atas agama-Nya, Rasul-Nya, para generasi *al-Salaf*, para tokoh dan ulama’ sepanjang sejarah dunia Islam.

Taubat anda hendaklah diikuti dengan:

[1] Memperbetulkan semula hujah-hujah yang asalnya anda kemukakan dalam buku *Salafiyah Wahabiyah* dan

[2] Menjelaskan semula pegangan sebenar dan menarik kembali hukum pengkafiran yang anda jatuhkan ke atas Ibn Taimiyyah sebagaimana dalam *Salafiyah Wahabiyah*, ms. 101-126. Anda tidak perlu *bertaqiyyah* (berpura-pura) kononnya anda hanya menganalisa pegangan Ibn Taimiyyah dan bukan mengkafirkannya. Para pembaca buku anda sebahagiannya memang jahil, khasnya mereka yang kini menobatkan anda sebagai seorang wira. Akan tetapi majoriti yang lain menyedari sikap *taqiyyah* yang anda gunakan. Pegangan sebenar Ibn Taimiyyah boleh dirujuk kepada kitab yang sama yang disenaraikan di bahagian notakaki buku anda ketika memfitnah Ibn Taimiyyah. Bezanya kali ini anda sendiri perlu mengkaji keseluruhan kitab-kitab tersebut dan tidak bertaklid buta kepada mana-mana ahli fitnah.

### **Kedua:**

Berusaha menjawab semula buku ini.

Jika ini adalah pilihan anda maka ketahuilah bahawa apa-apa jawapan balas yang hendak anda kemukakan, insya-Allah kami akan siap sediakan jawapan semulanya. Ini adalah kerana semua buku-buku Hasan ‘Ali al-Saqqaf telah berada dalam tangan kami. Selain itu kami juga memiliki semua sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh al-Saqqaf manakala kami pasti

anda tidak memilikinya, apatah lagi untuk mengkaji dan memahaminya. Tanpa memiliki rujukan yang digunakan oleh al-Saqqaf anda sendiri tidak dapat pastikan sama ada hujah al-Saqqaf tersebut adalah benar atau tidak. Di samping itu sebagai tambahan kami juga memiliki sumber-sumber rujukan oleh tokoh-tokoh *Ahl al-Sunnah* masa kini yang telah menjawab dan membongkar semua kepalsuan hujah-hujah al-Saqqaf termasuklah gurunya al-Kauthari. Maka berfikirilah 3 kali wahai saudara Zamihan sebelum anda mengangkat pena atau menyentuh *keyboard*. Yang dimaksudkan sebagai “kami” ialah semua umat Islam yang mencintai dan menegakkan kebenaran demi kemuliaan agama Allah dan Rasul-Nya.

### **Nasihat dan Panduan kepada para pembaca.**

Kepada para pembaca yang dimuliakan, ketahuilah seandainya saudara Zamihan memilih untuk menjawab kembali buku ini, beliau tidak akan terlepas daripada 4 langkah berikut:

[1] Beliau tetap akan berkeras bahawa generasi al-Salaf telah melakukan *takwil* dan mendakwa penjelasan penulis dalam bab ini hanyalah merupakan “putar-belit” atas istilah dan penggunaan kaedah *al-Takwil*. Ketahuilah bahawa dakwaan ini adalah tidak benar kerana *al-Takwil* itu sendiri adalah satu kaedah yang luas dan seseorang itu perlu menguasainya secara mendalam lagi terperinci ketika menggunakannya terhadap sesuatu perbahasan.


[2] Beliau akan mengemukakan beberapa lagi hujah-hujah al-Saqqaf sebagai “ganti rugi” ke atas semua hujah-hujah sebelum ini yang telah penulis jawab. Hal ini tidak apa-apa kerana semua hujah al-Saqqaf akan dapat ditolak oleh seseorang itu semudah: (A) menguasai sepenuhnya subjek yang dibahas oleh al-Saqqaf dan (B) merujuk sendiri sumber rujukan yang digunakan oleh al-Saqqaf.


[3] Beliau akan mengkritik keras ke atas peribadi penulis (*character assassination*). Ini adalah umpama tindakan beliau ke atas Ibn Taimiyyah, Muhammad ‘Abd al-Wahhab, Nasr al-Din al-Albani dan lain-lain tokoh *al-Salafiyyah*. Kritikan ke atas peribadi wujud dalam bentuk “*Siapakah Hafiz Firdaus ?*”, mencari-cari kesalahan penulisan sekalipun tidak berkaitan dengan dasar perbahasan (*fault finding*), melaga-lagakan antara perbahasan dan lain-lain lagi. Jika ini dilakukan maka ketahuilah ia adalah isyarat bahawa beliau tidak memiliki apa-apa hujah bagi menjawab penilaian semula penulis. Orang yang berdiri di atas kebenaran akan memberi tumpuan kepada mengkritik hujah manakala orang yang berdiri di atas *kebatilan* akan memberi tumpuan kepada mengkritik latar belakang individu.

[4] Menyusun kata-kata yang indah lagi mempersonakan demi menarik keyakinan para pembacanya. Hal ini sebagaimana yang banyak terdapat dalam bukunya sendiri *Salafiyah Wahabiyah*. Oleh itu berhati-hatilah kerana kata-kata tersebut hanyalah solekan untuk menyelubungi *kebatilan* di sebaliknya.

Semoga para pembaca sekalian mengambil sikap berhati-hati ke atas saudara Zamihan Mat Zin dan apa-apa hasil tulisan yang bakal beliau hasilkan. Namun diwaktu yang sama kita juga menerima seandainya beliau akan bertaubat dan tidak lagi akan mengemukakan apa-apa hujah melainkan ianya adalah sesuatu yang telah pasti benar mengikut kemampuannya.

Di akhiri buku ini dengan permohonan maaf ke atas apa-apa kekasaran bahasa dan kritikan yang menjauhi sifat keadilan. Firman Allah:





***Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) karena Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.*** [al-Maidah 5:08]

Semoga buku ini dapat membawa banyak manfaat kepada para pembaca yang dihormati sekalian, termasuk saudara Zamihan Mat Zin. Apa-apa kekurangan atau kesilapan silalah hubungi penulis secara terus di hafizfirdaus@yahoo.com atau menerusi surat menyurat yang dialamatkan kepada penerbit.

## LAMPIRAN

### Imej 1

Salinan muka hadapan kitab *Iljam al-Awam 'an Ilm al-Kalam* oleh al-Ghazali.

## **Imej 2**

Salinan ms. 42 kitab *Iljam al-Awam*. Perhatikan bahawa al-Ghazali tidak menyenaraikan kaedah *al-Takwil* sebagai salah satu kaedah terhadap *nas-nas al-Sifat* sebagaimana dakwa penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Sila rujuk PENILAIAN SEMULA NO: 5

## **Imej 3**

Salinan muka hadapan kitab *al-'Uluw li al-'Aliy al-Ghaffar* karangan al-Dzahabi yang disunting oleh al-Saqqaf.

## **Imej 4**

Perhatikan notakaki no: 1116 di mana al-Saqqaf sendiri telah menerangkan tajuk lengkap kitab *al-Ibanah* yang dikarang oleh al-Qadhi al-Baqilani. Akan tetapi penyusun *Salafiyah Wahabiyah* mendiadakan sahaja hal ini. Sila rujuk PENILAIAN SEMULA NO: 35.

## **Imej 5**

Salinan muka hadapan kitab *Sahih Syarah al-'Aqidah al-Thahawiyyah* karangan Hasan al-Saqqaf.

## **Imej 6**

Perhatikan bahagian bertanda asterik (\*) di mana al-Saqqaf telah mengemukakan kata-kata Imam al-Haramain, yang pertama adalah sebagaimana yang dikemukakan al-Dzahabi manakala yang kedua dengan beberapa pembetulan ke atas teks yang tertinggal. Bandingkan teks Arab ini dengan terjemahan yang dikemukakan oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* di PENILAIAN SEMULA NO: 47

## **Imej 7**

Sambungan salinan kitab *Sahih Syarah al-'Aqidah al-Thahawiyyah* sebagaimana Imej 5 & 6.

### **Imej 8**

Salinan muka hadapan kitab *Tabyin Kazbu al-Muftari fi Ma Nusiba ila Imam Abu al-Hasan al-Asya'ari* karangan Ibn 'Asakir.

### **Imej 9**

Salinan mukasurat 28 kitab *Tabyin Kazbu al-Muftari fi Ma Nusiba ila Imam Abu al-Hasan al-Asya'ari*. Perhatikan kata-kata yang disandarkan kepada Ibn 'Asakir oleh penyusun *Salafiyah Wahabiyah* sebenarnya terletak di bahagian notakaki dan ia adalah kata-kata *pentahqiq*: Zahid al-Kauthari. Sila rujuk PENILAIAN SEMULA NO: 57.

### **Imej 10**

Salinan muka hadapan kitab *al-Nahr al-Mad* karangan Abu Hayyan al-Andalusi.

### **Imej 11**

Salinan kata-kata sebenar Abu Hayyan tentang apa yang didakwa berasal daripada Ibn Taimiyyah. Perhatikan bahagian bertanda asterik di mana Abu Hayyan menyebut *al-Kursi* dan bukannya *al-'Arasy*.

### **Imej 12**

Salinan mukasurat 312 kitab *Sahih Syarah al-'Aqidah al-Thahawiyyah* oleh al-Saqqaf. Perhatikan bahagian bertanda asterik di mana al-Saqqaf telah menukar perkataan *al-Kursi* kepada *al-'Arasy*. Sila rujuk PENILAIAN SEMULA NO: 64.

### **Imej 13**

Salinan muka hadapan kitab *al-Intiqa fi Fada'il al-A'immah al-Thalathah al-Fuqaha: Malik bin Anas wa Muhammad bin Idris al-Shafi'i wa Abu Hanifah al-Nu'man bin Thabit* karangan Ibn 'Abd al-Barr.

### **Imej 14**

Salinan Mukasurat 165 kitab *al-Intiqa*. Perhatikan di bahagian bertanda asterik di mana Ibn 'Abd al-Barr tidak menyenaraikan

nama al-Bukhari dan Muslim sepertimana dakwa penyusun *Salafiyah Wahabiyah*. Sila rujuk PENILAIAN SEMULA NO: 69.